



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

AKTIVITI DAN KAJIAN KHAS KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI KERAJAAN NEGERI SARAWAK TAHUN 2006



JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA

KANDUNGAN

KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
KANDUNGAN	i
KATA PENDAHULUAN	iii
INTI SARI LAPORAN	vi
BAHAGIAN I : AKTIVITI DAN KAJIAN KHAS KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI	
Pendahuluan	1
Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Sarawak	
Pengurusan Skim Bantuan Kewangan Dan Kebajikan Warga Tua	1
Jabatan Kerja Raya	
Projek Penggantian Jambatan Di Jalan Negeri	57
Jabatan Pertanian Negeri Sarawak	
Program Pembangunan Ekonomi Wanita	86
Jabatan Pengairan Dan Saliran Sarawak	
Projek Saliran Di Sebangon Bajong	117
Lembaga Sungai-Sungai Sarawak	
Pengurusan Waf/Jeti Dan Terminal Penumpang	159
Majlis Sukan Negeri Sarawak	
Pengurusan Pembangunan Sukan Negeri Sarawak	207
Majlis Bandaraya Kuching Selatan	
Penswastaaan Pengurusan Sampah	260
Majlis Daerah Dalat Dan Mukah	
Pengurusan Cukai Taksiran	300

BAHAGIAN II : PERKARA AM

Pendahuluan	337
Kedudukan Masa Kini Perkara Yang Dibangkitkan Dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2005	337
Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Dan Kajian Khas Kementerian/Jabatan/Agensi	346
Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri	346
PENUTUP	348

KATA PENDAHULUAN

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Akaun Awam serta aktiviti Kerajaan Negeri dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan supaya Laporan itu dibentangkan di Parlimen manakala Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak mengarahkan untuk dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Sarawak. Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara telah menjalankan Pengauditan Prestasi untuk menentukan sama ada sesuatu aktiviti Kerajaan dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan mencapai objektif yang telah ditetapkan.

2. Laporan saya mengenai aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri Sarawak Tahun 2006 adalah hasil daripada pengauditan yang dijalankan terhadap aktiviti tertentu yang dilaksanakan di 8 buah Jabatan/Agensi Negeri iaitu:

- a) Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Sarawak.
- b) Jabatan Kerja Raya.
- c) Jabatan Pertanian Negeri Sarawak.
- d) Jabatan Pengairan dan Saliran.
- e) Lembaga Sungai-Sungai Sarawak.
- f) Majlis Sukan Negeri Sarawak.
- g) Majlis Bandaraya Kuching Selatan.
- h) Majlis Daerah Dalat dan Mukah.

Program/aktiviti yang diaudit adalah berkaitan dengan Pengurusan Skim Bantuan Kewangan Dan Kebajikan Warga Tua, Projek Penggantian Jambatan Di Jalan Negeri, Program Pembangunan Ekonomi Wanita, Projek Saliran Di Sebangon Bajong, Pengurusan Waf/Jeti Dan Terminal Penumpang, Pengurusan Pembangunan Sukan Negeri Sarawak, Penswastan Pengurusan Sampah dan Pengurusan Cukai Taksiran. Pengauditan terhadap aktiviti Kerajaan Negeri adalah untuk memastikan semua polisi, program dan projek yang telah dirancang dilaksanakan dengan jayanya mengikut tempoh yang ditetapkan, spesifikasi kontrak/syarat perjanjian dipatuhi, tiada pembaziran dan mencapai matlamatnya. Pada umumnya, Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri telah merancang aktiviti dengan baik seperti menyediakan garis panduan, menetapkan matlamat

pelaksanaan aktiviti, mengenal pasti keperluan kewangan dan modal insan serta menetapkan norma kerja. Bagaimanapun, secara keseluruhannya aktiviti yang dilaksanakan oleh Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri Sarawak pada tahun 2006 tidak menunjukkan kemajuan yang ketara. Kelemahan yang saya laporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Terhadap Aktiviti Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri Sarawak Tahun 2005 khususnya kelemahan dalam pelaksanaan dan pemantauan masih berlaku. Di peringkat pelaksanaan kelemahan yang ditemui seperti perjanjian kontrak tidak mengambil kira kepentingan Kerajaan menyebabkan *cost over run* dan Jabatan Kerajaan terpaksa menanggung beban kewangan, pembinaan projek tidak berkualiti disebabkan kontraktor tidak mengikut spesifikasi, peralatan tidak digunakan secara optimum, proses kerja dan tatacara perolehan tidak dipatuhi. Perkara ini telah menyebabkan berlakunya pembaziran wang awam, menjejaskan imej Kerajaan Negeri dan perkhidmatan awam dan sekiranya tidak ditangani matlamat Pelan Integriti Nasional sukar dicapai.

3. Semua Pegawai Pengawal yang berkenaan telah dimaklumkan tentang perkara yang akan dilaporkan untuk pengesahan mereka. Laporan ini juga mengandungi kedudukan masa kini perkara yang dibangkitkan dalam Laporan saya bagi tahun 2005 untuk memberi gambaran sejauh mana tindakan susulan dan pembetulan telah diambil oleh pihak Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri berkenaan terhadap isu yang telah dibangkitkan.

4. Di samping memenuhi kehendak perundangan, saya berharap Laporan ini dapat dijadikan asas untuk memperbaiki segala kelemahan, usaha penambahbaikan dan meningkatkan akauntabiliti dan integriti. Usaha ini penting bagi menjamin setiap Ringgit Malaysia yang dipungut dan dibelanjakan akan dapat menyumbang ke arah pertumbuhan ekonomi negeri yang mampu membantu pembangunan dan kesejahteraan hidup rakyat. Secara tidak langsung ianya akan menyumbang ke arah mewujudkan sebuah Negara Malaysia yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

5. Pada pandangan saya, prestasi pelaksanaan aktiviti Kerajaan Negeri dan agensinya boleh dipertingkatkan lagi sekiranya semua pihak yang terlibat menghayati dan mengamalkan 5 perkara utama yang diringkaskan sebagai **DAMAI** iaitu:

- a) **DUE DILIGENCE** – Kakitangan Awam perlu menjalankan tugas dengan penuh ketelitian yang profesional (*due diligence*) untuk mewujudkan sistem penyampaian yang cemerlang.
- b) **ACHIEVEMENT** – Memastikan semua polisi dan program yang telah dirancang dilaksanakan dengan jayanya mengikut tempoh yang ditetapkan, tidak berlaku

peningkatan kos, spesifikasi kontrak/syarat-syarat perjanjian dipatuhi dan mencapai matlamatnya.

- c) **MONITORING** – Pemantauan yang rapi hendaklah dibuat bagi memastikan semua program atau aktiviti yang dirancang berjaya dilaksanakan, diurus secara akauntabiliti dan berintegriti. Segala kelemahan yang ditemui hendaklah diambil tindakan. Projek yang telah siap dibina hendaklah digunakan untuk mengelakkan berlakunya pembaziran dan memberi impak positif kepada golongan sasaran.
- d) **ATTITUDE** - Setiap pegawai/kakitangan perlu mempunyai pandangan holistik dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing dengan penuh komitmen yang tinggi. Nilai-nilai positif hendaklah diamalkan dan tidak ada sikap sambil lewa dalam melaksanakan tugas.
- e) **INTEREST** - Setiap pegawai/kakitangan perlu melaksanakan tugas yang diamanahkan dengan minat dan dedikasi supaya projek yang dilaksanakan ada usaha penambahbaikan dan berinovasi.

6. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Kementerian/Jabatan/Agensi Negeri Sarawak yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.


(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)
Ketua Audit Negara
Malaysia.

Putrajaya

9 Ogos 2007

INTI SARI LAPORAN

INTI SARI LAPORAN

BAHAGIAN I – AKTIVITI DAN KAJIAN KHAS KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI

1. **Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Sarawak - Pengurusan Skim Bantuan Kewangan Dan Kebajikan Warga Tua**

Bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006, bantuan kewangan sejumlah RM15.81 juta telah diperuntukkan bagi Skim Bantuan Kewangan Dan Kebajikan Warga Tua. Bagi tempoh yang sama, Rumah Seri Kenangan telah diperuntukkan sejumlah RM2.48 juta bagi perbelanjaan mengurus dan sejumlah RM1.19 juta untuk perbelanjaan pembangunan bagi menambah kemudahan asas di Rumah Seri Kenangan Kuching dan Sibu. Jabatan telah merancang pengurusan pemberian bantuan kewangan warga tua dan pengurusan kebajikan di Rumah Seri Kenangan dengan baik selaras dengan komitmen dan keprihatinan Kerajaan untuk menjamin kebajikan dan kesejahteraan warga tua. Bagaimanapun, pelaksanaan dari aspek proses permohonan dan penyelenggaraan rekod kurang memuaskan kerana Jabatan tidak meletakkan sasaran jumlah penerima bantuan orang tua di Sarawak tetapi hanya berdasarkan kepada jumlah penerima bantuan orang tua tahun sebelumnya. Kedudukan ini tidak menggambarkan saiz dan peratus warga tua yang perlu diberi bantuan. Selain itu, sebanyak 1,986 atau 29.1% permohonan yang diterima pada tahun 2004 hingga 2006 masih dalam proses penyiasatan atau menunggu kelulusan. Kelewatan memproses permohonan boleh menyebabkan kes tertunggak dan pemohon tidak sempat menerima bantuan. Di samping itu dokumen sokongan bagi baucar bayaran di Pejabat Bahagian Kuching dan Sibu lewat dikembalikan kepada Perbendaharaan Negeri antara tempoh 2 hingga 148 hari. Jabatan juga lambat menghentikan pembayaran menyebabkan sejumlah RM32,840 masih dimasukkan ke akaun bank penerima bantuan antara tempoh satu bulan hingga 12 tahun sungguhpun penerima bantuan berkenaan telah meninggal dunia. Manakala syarat pengambilan masuk ke Rumah Seri Kenangan tidak dipatuhi sepenuhnya, fail peribadi penghuni tidak lengkap dan tidak disertakan dengan dokumen sokongan. Akibatnya, berlaku pengambilan masuk penghuni ke Rumah Seri Kenangan yang tidak layak dan boleh mengganggu ketenteraman serta keselamatan penghuni lain. Begitu juga dari aspek pemantauan kurang memuaskan menyebabkan berlakunya kes di mana penerima bantuan masih

dibayar walaupun telah meninggal dunia kerana siasatan susulan status penerima tidak dibuat mengikut tempoh masa yang ditetapkan.

2. Jabatan Kerja Raya - Projek Penggantian Jambatan Di Jalan Negeri

Jabatan Kerja Raya Sarawak telah melaksanakan projek penggantian jambatan sementara di Jalan Negeri secara komprehensif yang melibatkan penggantian sebanyak 384 daripada 570 jambatan yang dikenal pasti di seluruh Sarawak. Projek ini dirancang untuk dibina dalam tempoh 7 tahun iaitu mulai pada bulan Oktober 2000 hingga September 2007 dan dilaksanakan secara projek *turnkey* - reka dan bina dengan harga kontraknya bernilai RM551.02 juta. Bagi tempoh tahun 2000 hingga 2006 sebanyak 259 jambatan telah berjaya disiapkan dengan melibatkan tuntutan bayaran berjumlah RM741.24 juta iaitu melebihi 72% daripada nilai kontrak asal. Antara isu utama yang dikenal pasti ialah kajian awal tidak dijalankan secara terperinci dan menyeluruh terutama aspek ujian tanah, mengenal pasti paras banjir dan keperluan sebenar penggantian jambatan. Justeru itu, reka bentuk yang sesuai dan pelan lukisan yang terperinci bagi setiap komponen jambatan tidak dapat dibuat. Akibatnya semua jambatan yang dibina berlaku perubahan kerja yang melibatkan tambahan kos yang banyak iaitu berjumlah RM190.22 juta dan sekali gus melibatkan *cost overrun*. Kerajaan Negeri terpaksa mencari sumber peruntukan atau alternatif lain bagi membiayai tambahan kos projek dengan *payment in kind* seperti tanah. Selain itu, kelemahan dalam syarat kontrak yang melibatkan *deferred payment* + 2% kadar pinjaman asas dan pembinaan jambatan tidak secara ekonomik juga telah dikenal pasti. Bagaimanapun, pada keseluruhannya prestasi fizikal pembinaan adalah baik di mana projek dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan dan kualiti pembinaan juga adalah baik.

3. Jabatan Pertanian Negeri Sarawak - Program Pembangunan Ekonomi Wanita

Program Pembangunan Ekonomi Wanita mula diperkenalkan pada Rancangan Malaysia ke Lapan (RMKe-8) bertujuan untuk membangunkan wanita luar dan pinggir bandar dari keluarga berpendapatan rendah menjadi usahawan yang berjaya. Bagi menjayakan program ini, seramai 28 peserta telah dipilih untuk mengikuti Program Industri Kecil, 236 bagi Program Bimbingan Usahawan, 11,623 peserta terlibat dalam Program Pembangunan Keluarga dan sebanyak 92 resipi dihasilkan bagi Program Pembangunan Makanan. Pemilihan peserta bagi program ini telah dibuat dengan sewajarnya. Bantuan dalam bentuk peralatan serta perkakasan dan bangunan juga telah diberikan kepada peserta dengan sempurna. Bagi memastikan produk yang dihasilkan oleh peserta program adalah berkualiti Jabatan telah menyediakan kemudahan pembangunan produk dan

kawalan mutu serta khidmat nasihat kepada peserta dengan memuaskan. Jabatan juga telah membantu mempromosi dan memasarkan produk keluaran peserta dengan memuaskan. Pengukuran prestasi program adalah berdasarkan rekod bagi tempoh tahun 2003 hingga 2005 bagi jumlah jualan keseluruhan peserta yang berjumlah RM24.83 juta dengan keuntungan berjumlah RM15.25 juta atau 61.4% yang berjaya dicapai. Pada keseluruhannya, matlamat program untuk melahirkan usahawan wanita telah dicapai dengan jayanya. Program ini juga telah membuka peluang pekerjaan kepada penduduk sekitar kawasan perusahaan, memberi dorongan kepada wanita untuk terlibat dalam bidang keusahawanan dan mempelbagaikan produk yang bernilai komersial.

4. Jabatan Pengairan Dan Saliran Sarawak - Projek Saliran Di Sebangan Bajong

Projek saliran ini bertujuan untuk mewujudkan sistem saliran dan infrastruktur yang sempurna untuk pembangunan sektor pertanian di kawasan Sebangan Bajong. Perancangan projek adalah kurang memuaskan kerana dibuat secara umum dan maklumat seperti lokasi, bilangan struktur saliran dan liputan kerja tidak disediakan dengan terperinci. Bagaimanapun, pembinaan struktur saliran dan ban telah dilaksanakan dengan baik dan berdasarkan keperluan semasa bagi membantu pembangunan kawasan pertanian dan mengurangkan masalah banjir di kawasan projek. Rangkaian jalan yang dibina bagi menghubungkan sebahagian besar kawasan projek dengan pusat bandar atau pekan berdekatan pula tidak mengikut piawaian sasaran dari segi jenis dan jarak jalan yang patut dibina serta tidak mencapai tahap yang memuaskan. Selain itu, kerja kawalan dan tebatan pesisiran pantai yang telah dilaksanakan adalah kurang memuaskan kerana tidak dibuat dengan sempurna sehingga menyebabkan hakisan dan mendapan serta limpahan air laut ke kawasan projek masih kerap berlaku. Jabatan juga tidak melaksanakan kerja penyenggaraan terhadap infrastruktur saliran dengan memuaskan kerana peruntukan tidak mencukupi. Bagi tempoh tahun 1995 hingga 2006, sejumlah RM119.70 juta atau 99.8% telah dibelanjakan daripada peruntukan berjumlah RM120 juta. Secara keseluruhannya, pencapaian projek secara fizikal adalah baik.

5. Lembaga Sungai-Sungai Sarawak - Pengurusan Waf/Jeti Dan Terminal Penumpang

Pada keseluruhannya, pengurusan waf/jeti dan terminal penumpang telah dilaksanakan dengan memuaskan khasnya dari segi jumlah peruntukan kewangan dan modal insan yang sedia ada. Kerja penyenggaraan waf juga dibuat dengan sempurna dan mematuhi dokumen kualiti MS ISO 9001:2000 yang ditetapkan. Bagaimanapun, pengurusan waf boleh dipertingkatkan lagi sekiranya Lembaga yang mempunyai peruntukan kewangan dan

Jabatan Kerja Raya (JKR) yang menyelenggarakan waf memainkan peranan dengan lebih berkesan. Pangkalan data waf yang terperinci belum dibangunkan sejak penubuhan Lembaga pada tahun 1993, penyesuaian penyenggaraan waf antara JKR dan Lembaga tidak dapat disediakan dengan kemas kini kerana kegagalan JKR mengemukakan laporan terperinci penyenggaraan berjadual dan program pemeriksaan rutin belum dilaksanakan oleh Lembaga. Selain itu, kutipan sewa waf dilaksanakan oleh seorang sahaja di waf dan mandat Lembaga terhadap kawalan waf persendirian masih kurang jelas.

6. Majlis Sukan Negeri Sarawak - Pengurusan Pembangunan Sukan Negeri Sarawak

Majlis Sukan Negeri Sarawak (Majlis) telah ditubuhkan pada awal bulan Oktober 1985. Objektif penubuhan Majlis adalah untuk membangun dan meningkatkan taraf serta mutu sukan, khasnya sukan berprestasi tinggi. Kerajaan Negeri telah meluluskan anggaran peruntukan sejumlah RM30.35 juta untuk melaksanakan program pembangunan sukan bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006. Bagaimanapun, kedudukan dan status sebenar penubuhan Majlis adalah kurang jelas walaupun telah beroperasi selama 21 tahun. Majlis tidak mempunyai suatu undang-undang penubuhan yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Sarawak bagi membolehkan Majlis Sukan Negeri beroperasi sebagai Badan Berkanun Negeri. Selain itu, tindakan susulan untuk menyediakan Pelan 10 Tahun selepas SUKMA tidak diteruskan dan mengakibatkan Majlis melaksanakan program pembangunan sukan tanpa mempunyai perancangan yang sempurna. Walaupun Majlis ada menetapkan sasaran bilangan atlet yang akan dihasilkan dari pusat latihan tetapi Majlis tidak mensasarkan jumlah atlet yang akan dihasilkan ke peringkat kebangsaan dan dunia untuk setiap sukan. Tumpuan hanya diberi kepada penyediaan atlet untuk kejohanan SUKMA. Manakala pengambilan jurulatih tempatan sepenuh masa dan jurulatih tempatan sambilan kurang memuaskan kerana kriteria pengambilan jurulatih tidak ditetapkan dan pelantikan dibuat tidak mengambil kira kepentingan Kerajaan. Akibatnya berlaku pengambilan jurulatih di bawah umur 18 tahun, pembayaran tidak mengikut peraturan kewangan dan tidak dapat memantau perkembangan sukan dan prestasi atlet serta jurulatih. Kawalan pengurusan aset Majlis adalah lemah di mana pembelian peralatan sukan berjumlah RM2.67 juta bagi tempoh 3 tahun tidak direkod dan dikawal dengan sempurna bagi mengelak pembaziran dan salah guna. Begitu juga kawalan pengurusan kewangan kurang memuaskan kerana Majlis tidak mematuhi sepenuhnya Arahan Perbendaharaan dan peraturan kewangan Kerajaan Negeri yang telah ditetapkan untuk pengurusan perolehannya.

7. Majlis Bandaraya Kuching Selatan - Penswastaan Pengurusan Sampah

Penswastaan pengurusan sampah Majlis Bandaraya Kuching Selatan adalah bertujuan untuk meningkatkan kecekapan pengurusan sampah dan pada jangka masa panjang mengurangkan beban kewangan Majlis. Prestasi kerja pengurusan sampah yang diswastakan oleh Majlis Bandaraya Kuching Selatan adalah memuaskan. Kawasan persekitaran penduduk adalah bersih dan terjaga. Manakala sistem pelupusan dan rawatan kumbahan yang digunakan adalah menggunakan kaedah teknologi terkini yang juga digunakan oleh negara maju. Bagaimanapun, skop kerja dan tanggungjawab pungutan sampah adalah tidak menyeluruh dan hanya meliputi kerja-kerja pungutan bagi sampah yang diletakkan ke dalam tong sampah yang disediakan sahaja dan tidak termasuk sampah yang diletakkan di luar tong sampah. Perbelanjaan untuk mengurus sampah ini adalah tinggi dan semakin meningkat. Penilaian impak kewangan jangka panjang yang telah dibuat oleh Majlis telah diketepikan semasa keputusan untuk menswastakan pengurusan sampah dilakukan. Kos pengurusan sampah yang diswastakan adalah 25.6% lebih tinggi berbanding semasa ianya dijalankan sendiri oleh Majlis. Bagi memastikan kesempurnaan projek penswastaan pengurusan sampah, Majlis perlu mengambil kira skop kerja pungutan sampah, keperluan kewangan dan meningkatkan pemantauan supaya tujuan penswastaan pengurusan sampah dapat dicapai.

8. Majlis Daerah Dalat Dan Mukah - Pengurusan Cukai Taksiran

Majlis Daerah Dalat dan Mukah (Majlis) berperanan memberi perkhidmatan perbandaran di Daerah Mukah, Daerah Dalat, Daerah Kecil Oya dan Daerah Kecil Balingian yang berkeluasan 3,441 kilometer persegi dan mempunyai penduduk yang dianggarkan seramai 73,541 orang pada tahun 2006. Perkhidmatan perbandaran ini adalah meliputi penyediaan dan penyenggaraan infrastruktur, penyediaan kemudahan awam, pengeluaran lesen perniagaan dan meluluskan pembinaan serta pengubahsuaian bangunan. Bagi melaksanakan tugas tersebut, Majlis mengenakan bayaran tertentu berdasarkan kadar yang diwartakan melalui Undang-Undang Kecil. Pengurusan cukai taksiran Majlis masih kurang memuaskan kerana terdapat kelemahan dalam pengurusan rekod berkenaan dengan harta pegangan dan penguatkuasaan undang-undang terhadap pemilik pegangan yang gagal menjelaskan tunggakan cukai serta tempoh proses kerja pengukuran dan penetapan cukai taksiran tidak dibuat. Akibatnya Majlis gagal mengutip cukai taksiran menyebabkan jumlah tunggakan cukai taksiran tinggi iaitu sejumlah RM1.13 juta pada akhir tahun 2006. Kegagalan mengutip cukai taksiran tersebut menyebabkan Majlis bergantung kepada pemberian geran Kerajaan Negeri untuk menjalankan fungsinya.

BAHAGIAN I

AKTIVITI DAN KAJIAN KHAS KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI

BAHAGIAN I

AKTIVITI DAN KAJIAN KHAS KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI

1. PENDAHULUAN

Selain daripada menjalankan pengauditan kewangan, Jabatan Audit Negara juga dikehendaki di bawah Seksyen 6 (d) Akta Audit 1957 menjalankan pengauditan terhadap program atau aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri untuk menentukan sama ada ianya telah dilaksanakan dengan cekap, berhemat, berkesan serta mencapai objektifnya. Bagi memenuhi kehendak Akta tersebut, pada tahun 2006 sebanyak 8 kajian telah dijalankan terhadap program dan aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri. Kajian tersebut meliputi Pengurusan Skim Bantuan Kewangan Dan Kebajikan Warga Tua, Projek Penggantian Jambatan Di Jalan Negeri, Program Pembangunan Ekonomi Wanita, Projek Saliran Di Sebatang Bajong, Pengurusan Waf/Jeti Dan Terminal Penumpang, Pengurusan Pembangunan Sukan Negeri Sarawak, Penswastan Pengurusan Sampah dan Pengurusan Cukai Taksiran. Pemerhatian Audit hasil daripada pengauditan tersebut telah dikemukakan kepada Kementerian/Jabatan/Agensi berkenaan dan hanya isu yang penting di laporkan di **Bahagian** ini.

JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT NEGERI SARAWAK

PENGURUSAN SKIM BANTUAN KEWANGAN DAN KEBAJIKAN WARGA TUA

2. LATAR BELAKANG

2.1 Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Sarawak (Jabatan) adalah sebuah Jabatan di bawah Kementerian Pembangunan Sosial dan Urbanisasi Sarawak. Fungsi utama Jabatan adalah untuk mengenal pasti golongan yang berkeperluan dan bermasalah, memberi bantuan dan perkhidmatan yang bersesuaian, melindungi dan memulihkan golongan sasaran serta menyediakan infrastruktur/kemudahan fizikal.

2.2 Perkhidmatan yang diberikan oleh Jabatan kepada warga tua terdiri daripada perkhidmatan luar dan perkhidmatan dalam institusi. Perkhidmatan luar merupakan pemberian bantuan kewangan kepada warga tua bertujuan membantu warga tua yang daif dan miskin khususnya yang tinggal sebatang kara untuk menikmati kehidupan yang biasa dilaluinya dan membolehkan mereka hidup dengan lebih sempurna bersama masyarakat sekelilingnya. Manakala perkhidmatan dalam institusi merujuk kepada tempat perlindungan dan penjagaan warga tua di Rumah Seri Kenangan. Kerajaan Negeri telah menyediakan 2 buah institusi iaitu Rumah Seri Kenangan yang terletak di Kuching dan Sibu bagi menempatkan orang tua yang daif, berumur 55 tahun ke atas dan tidak mempunyai tempat tinggal yang tetap.

2.3 Bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006, bantuan kewangan sejumlah RM15.81 juta telah diperuntukkan bagi Bantuan Orang Tua. Bagi tempoh yang sama, Rumah Seri Kenangan telah diperuntukkan sejumlah RM2.48 juta bagi perbelanjaan mengurus dan sejumlah RM1.19 juta bagi perbelanjaan pembangunan untuk menambah kemudahan asas di Rumah Seri Kenangan Kuching dan Sibu. Perbelanjaan kewangan bagi warga tua pada tahun 2004 bernilai RM5.25 juta bagi membiayai 4,111 penerima bantuan di seluruh Negeri Sarawak. Manakala pada tahun 2005, sejumlah RM3.64 juta telah dibelanjakan untuk membiayai 2,945 penerima bantuan dan sejumlah RM3.18 juta telah dibelanjakan untuk membiayai 2,726 penerima bantuan bagi tahun 2006.

3. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada pengurusan Skim Bantuan Kewangan dan kebajikan warga tua telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan bagi mencapai matlamat yang ditetapkan.

4. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

4.1 Kajian ini dipilih kerana warga tua adalah kelompok masyarakat yang wajar dihormati dan disayangi. Ini adalah selaras dengan komitmen dan keprihatinan Kerajaan untuk menjamin kebajikan dan kesejahteraan warga tua. Skop pengauditan meliputi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan pengurusan Skim Bantuan Kewangan iaitu bantuan kewangan kepada warga tua dan pengurusan serta kebajikan warga tua di Rumah Seri Kenangan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006. Pengauditan juga dijalankan di Ibu Pejabat Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri, Jabatan Kebajikan Masyarakat peringkat Bahagian iaitu di Kuching,

Sibu dan Bintulu termasuk Rumah Seri Kenangan, Kuching dan Rumah Seri Kenangan, Sibu.

4.2 Kaedah pengauditan adalah dengan menyemak, memeriksa, mengkaji dan menganalisis data dan maklumat yang berasaskan rekod kewangan, laporan dan dokumen berkaitan. Temu bual dengan pegawai dan warga tua yang terlibat dibuat bagi mendapat keterangan dan maklumat yang lebih jelas. Lawatan Audit juga dibuat ke Rumah Seri Kenangan di Kuching dan Sibu bagi meninjau keadaan dan situasi sebenar di kedua-dua rumah berkenaan.

5. PENEMUAN AUDIT

5.1 PERANCANGAN

Perancangan yang teliti dan tersusun di dalam pengurusan Skim Bantuan Kewangan dan Kebajikan Warga Tua adalah penting bagi memastikan program ini dilaksanakan dengan lancar. Aspek perancangan yang dinilai meliputi perkara seperti berikut:

5.1.1 Dasar Kerajaan Negeri

Kerajaan Negeri telah menerima pakai Dasar Warga Tua Negara sebagai dasar utama untuk menjadi asas bagi membantu warga tua di Sarawak. Dasar Warga Tua Negara diperkenalkan pada tahun 1998. Dasar ini bertujuan mewujudkan masyarakat warga tua yang sejahtera, bermaruah, mempunyai martabat diri dengan mengoptimumkan potensi diri mereka dan menentukan mereka menikmati semua peluang di samping mendapat penjagaan dan perlindungan sebagai ahli keluarga dan masyarakat. Lima strategi telah dirangka bagi mencapai dasar tersebut iaitu kehormatan dan martabat diri, keupayaan berdikari, penyertaan, penjagaan dan perlindungan serta penyelidikan dan pembangunan. **Strategi pertama** bagi membolehkan warga tua hidup dengan penuh kehormatan dan martabat diri serta selamat daripada penindasan dan penganiayaan. **Strategi kedua** iaitu keupayaan berdikari untuk memastikan warga tua berupaya mengurus diri sendiri. **Strategi ketiga** iaitu penyertaan bagi membolehkan warga tua menyumbang kepada masyarakat secara sukarela sesuai dengan keupayaan dan minat mereka. **Strategi keempat** adalah untuk mewujudkan kemudahan jagaan dan perlindungan dan **strategi kelima** ialah penyelidikan dan pembangunan bagi menggalak pelaksanaan kajian mengenai warga tua untuk kegunaan perancangan pembangunan warga tua.

5.1.2 Garis Panduan Dan Peraturan

Bagi memastikan pelaksanaan skim bantuan kewangan dan kebajikan warga tua mencapai matlamat yang ditetapkan, Jabatan telah mengeluarkan garis panduan seperti berikut:

a) Garis Panduan Skim Bantuan Kewangan

Garis panduan skim bantuan kewangan mengandungi objektif, jenis bantuan, syarat pemohon, tempoh permohonan diproses dan kadar bantuan. Tujuan Skim Bantuan Kewangan ialah bagi membolehkan warga tua hidup dalam masyarakat di persekitarannya dan menikmati kehidupan yang biasa dilaluinya dengan dijaga dan diambil berat oleh keluarga atau masyarakat setempat. Syarat yang ditetapkan dalam garis panduan ini ialah penerima bantuan hendaklah berumur 60 tahun ke atas dan tidak mempunyai keluarga atau mempunyai keluarga tetapi kurang berkemampuan. Jabatan juga telah mengeluarkan prosedur kerja seperti prosedur semakan dan pendaftaran, prosedur siasatan dan penyediaan laporan, prosedur pertimbangan dan kelulusan, prosedur pembayaran dan prosedur ulang kaji kes bagi Bantuan Orang Tua.

b) Peraturan Pengurusan Rumah Seri Kenangan

Peraturan yang diguna pakai ialah *Old Persons' Homes (Management) Rules, 1981*. Peraturan ini merangkumi pelantikan Lembaga Pelawat, tanggung jawab Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat, tugas Pengetua Rumah Seri Kenangan, proses kemasukan dan penjagaan penghuni, kakitangan dan disiplin.

c) Perolehan Kerja Dan Bekalan/Perkhidmatan

Jabatan mengguna pakai garis panduan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri mengenai perolehan kerja dan bekalan/perkhidmatan. Antara lain prosedur tersebut menyatakan bagi perolehan kerja atau bekalan/perkhidmatan yang tidak melebihi had kewangan RM10,000 boleh dibuat secara pembelian terus. Manakala bagi perolehan kerja atau bekalan/perkhidmatan yang melebihi RM10,000 tetapi tidak melebihi RM50,000 setahun hendaklah diurus secara sebut harga oleh Jawatankuasa Sebut Harga Kementerian yang dipengerusikan oleh Setiausaha Tetap atau wakilnya. Bagi perolehan kerja atau bekalan/perkhidmatan yang melebihi RM50,000 setahun hendaklah dibuat melalui pelawaan tender.

5.1.3 Sasaran Penerima Bantuan Orang Tua Dan Rumah Seri Kenangan

Mengikut perangkaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan, jumlah warga tua di Sarawak pada tahun 2005 adalah seramai 162,600 orang atau 7% daripada 2.31 juta

penduduk Negeri Sarawak. Jabatan bergantung kepada jumlah permohonan bantuan yang diterima bagi menentukan sasaran penerima bantuan. Sementara itu, bagi pemilihan penghuni rumah Sri Kenangan, Jabatan mensasarkan jumlah penghuni berdasarkan bilangan katil yang ada di kedua-dua rumah kenangan tersebut.

5.1.4 Kadar Bantuan Kewangan

Skim Bantuan Kewangan yang disediakan oleh Jabatan ialah Bantuan Orang Tua, Bantuan Am Keluarga, Bantuan Kanak-Kanak, Bantuan Anak Pelihara, Bantuan Sekolah, Elaun Pekerja Orang Kurang Upaya, Bantuan Kepada Belia Dan Beliawanis Dalam Latihan, Bantuan Geran Pelancaran dan Bantuan Bencana. Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada 30 November 2000 telah meluluskan kadar Skim Bantuan Kewangan seperti di **Jadual 1**.

Jadual 1
Kadar Bantuan Kewangan Mengikut Jenis Bantuan

Jenis Bantuan	Kadar Bantuan
Bantuan Orang Tua	RM100 sebulan seorang
Bantuan Am Keluarga	RM60 sebulan seorang dan tidak melebihi RM250 sebulan bagi 1 keluarga
Bantuan Kanak-kanak	RM60 sebulan bagi seorang kanak-kanak atau RM250 sebulan bagi 1 keluarga
Bantuan Anak Pelihara	RM250 sebulan seorang
Bantuan Sekolah	Mengikut bayaran sebenar seperti yuran pendidikan, yuran peperiksaan, buku dan tambang pengangkutan. Bantuan pakaian seragam RM90 seorang bagi pelajar sekolah rendah dan RM110 seorang bagi pelajar sekolah menengah.
Elaun Pekerja Orang Kurang Upaya	RM100 sebulan
Bantuan Belia Dan Beliawanis	RM200 sebulan
Bantuan Geran Pelancaran	Kos sebenar atau maksimum RM5,000 seorang
Bantuan Bencana	Maksimum RM5,000 sekeluarga

Sumber : Rekod Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri

Sebelum ini kadar Bantuan Orang Tua yang diberi oleh Jabatan kepada setiap penerima bantuan adalah RM70 sebulan dan mulai bulan Januari 2001, kadarnya telah dinaikkan menjadi RM100 sebulan.

5.1.5 Kaedah Pelaksanaan Skim Bantuan Kewangan


Jabatan merancang memberi bantuan kewangan kepada warga tua yang masih tinggal di tempat sendiri dan penjagaan serta perlindungan di Rumah Seri Kenangan.

a) Permohonan Dan Pemilihan Skim Bantuan Kewangan

Permohonan Bantuan Orang Tua boleh dibuat secara bertulis atau warga tua datang sendiri ke Pejabat Bahagian. Selain itu, permohonan juga diterima melalui cadangan daripada wakil rakyat, penghulu, Jawatankuasa Kampung atau Agensi

Kerajaan. Permohonan yang diterima akan direkodkan ke Daftar Utama Permohonan Bantuan. Jabatan juga ada menyediakan proses kerja berdasarkan MS : ISO 9002:1994 dalam menguruskan permohonan Bantuan Orang Tua seperti di **Carta 1**.

Carta 1
Proses Permohonan Bantuan Orang Tua



Sumber: Rekod Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri

b) Pembayaran Wang Bantuan Orang Tua

Bantuan kewangan kepada warga tua akan dibayar sama ada melalui akaun bank atau secara tunai. Bagi penerima bantuan yang mempunyai akaun bank, wang bantuan akan dibayar dua bulan sekali. Manakala bagi penerima bantuan yang tidak mempunyai akaun bank disebabkan tidak mempunyai kad pengenalan atau tiada perkhidmatan bank di kawasan berkenaan, Jabatan akan membayar sebulan sekali secara tunai atau cek di kaunter Pejabat Bahagian. Mereka dikehendaki mengemukakan kad pengenalan, kad bantuan dan menurunkan cap ibu jari dalam Daftar Senarai Penerima Bantuan sebagai akuan penerimaan. Penerima bantuan

secara tunai/cek boleh menurun kuasa secara bertulis kepada wakil dengan mengemukakan kad pengenalan dan kad bantuan penerima. Jika wang tunai/cek tidak dituntut dalam tempoh 21 hari, wang tunai/cek berkenaan akan dikembalikan kepada Perbendaharaan Negeri.

5.1.6 Penyelenggaraan Daftar Bantuan Orang Tua

Daftar yang akan diselenggarakan oleh Pejabat Bahagian ialah Daftar Utama Permohonan Bantuan, Daftar Bantuan Dilulus, Docket Kes dan Daftar Ulang Kaji. Daftar Utama Permohonan adalah untuk merekodkan semua permohonan bantuan kewangan dan permohonan yang telah diluluskan akan direkodkan ke Daftar Bantuan Dilulus. Manakala dokumen seperti surat menyurat, borang taksiran, borang pemindahan kes, borang penyiasatan dan laporan ulang kaji kes bagi setiap penerima bantuan akan disimpan dalam docket kes masing-masing. Daftar Ulang Kaji mengandungi rekod bagi kes bantuan sama ada perlu diteruskan, dipindah ke bantuan kewangan lain atau ditamatkan. Ulang kaji ini akan dibuat sekali setahun.


5.1.7 Kaedah Permohonan Kemasukan Ke Rumah Seri Kenangan

Proses permohonan kemasukan ke Rumah Seri Kenangan adalah mengikut peraturan yang ditetapkan dalam *Old Persons' Homes (Management) Rules, 1981*. Syarat kemasukan ke Rumah Seri Kenangan ialah warga tua yang miskin dan daif, berumur 55 tahun ke atas, sihat dari segi mental dan berupaya menjaga diri sendiri, tidak menghidap penyakit berjangkit, hidup sebatang kara dan tidak mempunyai tempat tinggal yang tetap. Permohonan ke Rumah Seri Kenangan boleh dibuat melalui semua Pejabat Bahagian. Permohonan yang diterima sama ada melalui individu atau dirujuk oleh pihak berkenaan akan didaftarkan. Kemudian temu duga akan dibuat bagi memastikan kelayakan pemohon menghuni Rumah Seri Kenangan. Pemohon juga akan dirujuk ke klinik atau hospital Kerajaan bagi mendapat laporan kesihatan terkini. Siasatan akan dibuat sekiranya perlu dan satu laporan akan disediakan. Laporan itu kemudiannya akan dikemukakan kepada Penolong Pengarah Kebajikan Masyarakat Bahagian untuk komen dan syor. Penolong Pengarah Kebajikan Masyarakat Bahagian kemudiannya akan menyediakan laporan lengkap untuk kelulusan Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri. Mengikut Piagam Pelanggan, pemohon akan dimaklumkan dalam tempoh 2 bulan dari tarikh permohonan diterima dan Pengetua Rumah Seri Kenangan akan dimaklumkan mengenai permohonan yang diluluskan.

Pengetua akan menghubungi Pejabat Bahagian yang merujuk kes berkenaan untuk mengetahui tarikh penghuni akan melaporkan diri. Butiran mengenai penghuni akan direkodkan ke Daftar Masuk Penghuni dan satu fail peribadi akan dibuka. Penghuni

akan menandatangani surat persetujuan untuk mematuhi syarat dan peraturan seperti tidak meminta sedekah daripada orang ramai, tidak menghisap candu dan tidak melakukan aktiviti perjudian. Selain itu, penghuni perlu mengisi Borang Senarai Harta mengenai barangan yang dibawa bersama ke Rumah Seri Kenangan dan Borang Wasiat mengenai harta berserta nilainya atau wang ringgit kepada waris terdekat atau Tabung Amanah Lembaga Pelawat. Penghuni akan dibekalkan dengan barang keperluan asas seperti pakaian, kain cadar, sarung bantal, cawan dan bekas air panas. Proses pengurusan permohonan masuk ke Rumah Seri Kenangan adalah seperti di **Carta 2**.

Carta 2
Proses Pengurusan Permohonan Masuk Ke Rumah Seri Kenangan



Sumber : Rekod Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri

5.1.8 Kemudahan Dan Perkhidmatan Di Rumah Seri Kenangan

Rumah Seri Kenangan adalah tempat perlindungan dan penjagaan warga tua yang miskin dan daif. Jabatan telah menyediakan 2 buah Rumah Seri Kenangan iaitu di Kuching dan Sibu.

a) Kemudahan Fizikal

Rumah Seri Kenangan Kuching ditubuhkan pada tahun 1932 dan terletak di Km 20, Jalan Kuching/Serian dengan kawasan seluas 35.57 ekar. Sementara itu, Rumah Seri Kenangan Sibu ditubuhkan pada tahun 1981, terletak di Km 22, Jalan Oya dan mempunyai kawasan seluas 24.3 ekar. Kedua-dua Rumah Seri Kenangan tersebut dilengkapi dengan asrama, blok pentadbiran, dewan makan, rumah mayat, blok aktiviti, surau, gereja kecil serta blok kediaman kakitangan dan Pengetua. Rumah Seri Kenangan Kuching boleh menempatkan seramai 100 penghuni, manakala Rumah Seri Kenangan Sibu boleh menempatkan seramai 80 penghuni.

b) Perkhidmatan Di Rumah Seri Kenangan

Rumah Seri Kenangan menawarkan perkhidmatan penjagaan dan perlindungan, kaunseling dan bimbingan, terapi cara kerja, kemudahan beribadat, riadah dan rawatan perubatan. Bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006, sebanyak 37 aktiviti dirancang oleh Rumah Seri Kenangan Kuching dan 69 aktiviti dirancang oleh Rumah Seri Kenangan Sibu di bawah perkhidmatan yang disediakan.

i) Penjagaan Dan Perlindungan

Perkhidmatan penjagaan dan perlindungan merangkumi penyediaan tempat tinggal, makan dan minum, pakaian dan keperluan asas harian. Selain itu, setiap penghuni juga diberi wang saku RM10 sebulan. Kakitangan di Rumah Seri Kenangan bertanggungjawab memastikan penghuni dalam keadaan bersih dan membantu memandikan, menyuap makanan dan mencuci pakaian bagi penghuni yang uzur. Selain itu, penyenggaraan kawasan juga dilakukan seperti memotong rumput, membersihkan kawasan asrama dan memelihara bunga bagi memastikan persekitaran sentiasa bersih dan cantik.

ii) Kaunseling Dan Bimbingan

Perkhidmatan kaunseling dan bimbingan dalam bentuk dialog berkumpulan atau perbincangan individu akan dikelolakan oleh pengetua sama ada secara berjadual atau mengikut keperluan.

iii) Terapi Cara Kerja

Perkhidmatan terapi cara kerja dilaksanakan untuk mengekalkan kesihatan dan perkembangan positif, keyakinan dan potensi penghuni ke tahap maksimum supaya mereka dapat hidup berdikari yang meliputi kerja kraf tangan, jahitan, tanaman sayuran dan menternak ayam, itik dan ikan.

iv) Kemudahan Beribadat

Kemudahan beribadat meliputi aspek penyediaan surau dan gereja kecil termasuk program sembahyang berjemaah, kelas fardu ain bagi orang Islam serta sesi ceramah agama juga dirancang.

v) Aktiviti Riadah

Aktiviti riadah meliputi senaman, sesi karaoke, menonton televisyen, lawatan muhibah, majlis sambutan hari jadi penghuni dan merayakan hari perayaan mengikut kaum.

vi) Rawatan Perubatan

Rumah Seri Kenangan juga menyediakan perkhidmatan rawatan perubatan. Kemudahan perubatan dan kesihatan yang sesuai dan khusus untuk warga tua disediakan bagi menentukan mereka hidup dengan penjagaan kesihatan yang sempurna. Jadual diatur bagi penyeliaan pengambilan ubatan, rawatan penyakit atau luka ringan serta temu janji ke klinik luar atau hospital. Selain itu, ceramah kesihatan yang menitik berat kebersihan diri juga diadakan termasuk aktiviti fisioterapi.

c) Sajian Pemakanan Di Rumah Seri Kenangan

Rumah Seri Kenangan akan menyediakan makanan yang seimbang selaras dengan sukatan pemakanan yang ditetapkan oleh Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri seperti dinyatakan dalam perkara 43 *Old Persons' Homes (Management) Rules, 1981*.

5.1.9 Keperluan Kewangan

Bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006, Jabatan memohon peruntukan kewangan untuk Bantuan Orang Tua bernilai RM15.81 juta. Manakala sejumlah RM2.48 juta dimohon bagi perbelanjaan mengurus Rumah Seri Kenangan Kuching dan Sibu. Anggaran kos bagi menambah kemudahan asas ialah RM1.40 juta bagi membina seunit kuarters Pengetua, sebuah Dewan Serba guna di Rumah Seri Kenangan Kuching dan seunit kuarters Pengetua dan 4 unit kuarters kakitangan sokongan di Rumah Seri Kenangan Sibu.


5.1.10 Keperluan Guna Tenaga Dan Latihan

Jabatan telah merancang keperluan guna tenaga berdasarkan struktur pengurusan dan program latihan kakitangan seperti berikut:

a) Struktur Organisasi

Jabatan diketuai oleh Pengarah dan dibahagi kepada 8 seksyen iaitu Seksyen Keluarga Dan Warga Tua, Seksyen Kanak-kanak, Seksyen Perkhidmatan Orang Kurang Upaya Dan Pengemis, Seksyen Pentadbiran Dan Kewangan, Seksyen Perundingan Dan Khidmat Masyarakat, Seksyen Pembangunan Sosio Ekonomi Dan Bantuan, Seksyen Pembangunan Dan Sistem Maklumat dan Seksyen Hal Ehwal Persekutuan. Struktur pentadbiran Jabatan adalah seperti di **Carta 3**.

Carta 3
Struktur Pengurusan Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri



Sumber : Rekod Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Sarawak

Jabatan juga mempunyai 11 Pejabat Bahagian iaitu di Kuching, Sri Aman, Sibu, Miri, Limbang, Sarikei, Kapit, Samarahan, Bintulu, Mukah dan Betong. Selain itu, Jabatan juga mengendalikan 2 buah Rumah Seri Kenangan, Rumah Kanak-kanak Datuk Ajibah Abol Sri Aman dan Pusat Pemulihan Samarahan.

b) Latihan

Seksyen Pentadbiran Dan Kewangan akan meminta pencalonan daripada setiap seksyen, Pejabat Bahagian dan Rumah Seri Kenangan untuk mengikuti kursus dan latihan. Seksyen Pentadbiran Dan Kewangan akan menimbang dan meluluskan permohonan untuk menghadiri kursus yang dianjurkan sendiri oleh jabatan atau pihak luar. Jabatan merancang pelbagai latihan, taklimat dan seminar yang berkaitan sepanjang tempoh tahun 2004 hingga 2006. Antara kursus yang dicadangkan ialah Pengurusan dan Pentadbiran, Kepimpinan Berkesan Dan Kemahiran Interpersonal Untuk Penyelia, Pengurusan Aset Awam, Kursus Perakaunan Dan Kewangan, Kursus Asas Pembantu Kebajikan, *Knowledge Management* Dalam Organisasi Sosial, Komunikasi Berkesan Dalam Agensi Pembangunan Sosial dan Pengurusan Warga Tua Di Rumah Seri Kenangan dan Kursus Lanjutan Kerja Sosial.

5.1.11 Publisiti

Publisiti memainkan peranan penting untuk memastikan maklumat mengenai perkhidmatan yang diberi oleh Jabatan dapat sampai kepada kumpulan sasar yang ditetapkan. Jabatan merancang menyebarkan publisiti perkhidmatan yang disediakan melalui iklan dan artikel di surat khabar, liputan berita menerusi siaran radio dan televisyen dan kain rentang atau banting, kerjasama dengan Pertubuhan Bukan Kerajaan dan program anak angkat Rumah Seri Kenangan oleh Jabatan dan Agensi Kerajaan serta pihak swasta.

5.1.12 Kaedah Pemantauan

Pemantauan terhadap Bantuan Orang Tua akan dibuat oleh pihak Ibu Pejabat menerusi Laporan Perangkaan setiap suku tahun mengenai bilangan penerima bantuan yang dikemukakan oleh semua Pejabat Bahagian. Laporan ini akan diserahkan kepada Menteri Muda Kebajikan Dan Hal Ehwal Wanita Negeri Sarawak. Selain itu, pemantauan akan dibuat melalui Mesyuarat Jabatan yang akan diadakan 3 bulan sekali dan dipengerusikan oleh Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri dengan dihadiri oleh semua Penolong Pengarah Kebajikan Masyarakat Bahagian dan Pengetua Rumah Seri Kenangan. Pemantauan aktiviti di Rumah Seri Kenangan juga akan dibuat melalui laporan yang disediakan oleh Pengetua Rumah Seri Kenangan secara berkala dan lawatan mengejut oleh pasukan naziran.

Pada pandangan Audit, Jabatan telah merancang pengurusan bantuan kewangan warga tua dan pengurusan kebajikan di Rumah Seri Kenangan dengan baik selaras

dengan komitmen dan keprihatinan Kerajaan untuk menjamin kebajikan dan kesejahteraan warga tua.

5.2 PELAKSANAAN

Jabatan berusaha untuk menambah baik perkhidmatan yang diberi terutamanya bantuan kewangan dan khidmat jagaan serta perlindungan bagi membolehkan warga tua menikmati kehidupan yang lebih sempurna dan bermakna. Bagi mencapai matlamat program tersebut jabatan telah melaksanakan perancangan seperti berikut:

5.2.1 Dasar Kerajaan Negeri

Sebanyak 11 Pelan Tindakan telah digariskan dalam Dasar Warga Tua Negara yang perlu dilaksanakan sama ada oleh Agensi Kerajaan, Agensi Bukan Kerajaan atau pihak swasta iaitu menyediakan kemudahan pendidikan, riadah, pengangkutan, perumahan, kesihatan, pekerjaan, skim keselamatan sosial, penglibatan dalam masyarakat, penyediaan kemudahan sistem sokongan bagi keluarga, peranan media dan kajian penyelidikan. Semakan Audit terhadap pelaksanaan dasar Kerajaan oleh Jabatan dari segi menyempurnakan matlamat yang ditetapkan adalah selari dengan Dasar Warga Tua Negara. Jabatan telah menetapkan objektifnya dengan jelas untuk memberi perlindungan dan pemulihan kepada golongan sasar Jabatan, membangun masyarakat melalui perubahan sikap dan peningkatan keupayaan untuk berdikari, mewujudkan masyarakat yang berbudaya penyayang dan meningkatkan kesejahteraan masyarakat melalui perkhidmatan kebajikan dan pembangunan sosial.

Pada pendapat Audit, matlamat yang ditetapkan oleh Jabatan adalah baik dan selaras dengan Dasar Kerajaan Negeri. Kesannya Jabatan dapat merangka strategi dan memberi perkhidmatan kepada golongan sasar dengan sempurna.

5.2.2 Garis Panduan Dan Peraturan

Garis Panduan Skim Bantuan Kewangan telah dikeluarkan oleh Jabatan dari semasa ke semasa. Peraturan berkaitan dengan pengurusan Rumah Seri Kenangan juga telah dikeluarkan pada tahun 1981 iaitu *Old Persons' Homes (Management) Rules*. Semakan Audit di peringkat Ibu Pejabat mendapati garis panduan dan peraturan telah diedarkan kepada semua Ketua Seksyen, Penolong Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Bahagian dan pengetua Rumah Seri Kenangan. Lawatan dan pemeriksaan Audit di Pejabat Bahagian Kuching, Sibu dan Bintulu mendapati ketiga-tiga pejabat Bahagian ada menyimpan garis panduan untuk rujukan kakitangan. Peraturan juga ada disimpan di Rumah Seri Kenangan Kuching dan Sibu. Semakan Audit seterusnya mendapati proses kerja seperti yang terkandung di dalam MS : ISO 9002:1994 hanya

dilaksanakan di peringkat Pejabat Bahagian Kuching. Manakala pejabat Bahagian Sibu dan Bintulu belum melaksanakan proses kerja tersebut. Ini menyebabkan semua daftar yang diselenggarakan di 2 Pejabat Bahagian berkenaan berbeza dengan apa yang diamalkan di Pejabat Bahagian Kuching.

Pada pendapat Audit, garis panduan dan peraturan yang disediakan adalah mencukupi. Ianya telah diedarkan kepada semua Pejabat Bahagian untuk rujukan tetapi proses kerja berdasarkan MS : ISO 9002:1994 hanya digunakan di Pejabat Bahagian Kuching. Akibatnya, maklumat yang dikemukakan ke Ibu Pejabat tidak seragam, tidak mencukupi serta menjejaskan sistem penyampaian jabatan dari segi proses kelulusan bantuan.

5.2.3 Sasaran Penerima Bantuan Orang Tua Dan Rumah Seri Kenangan

Jabatan tidak mempunyai perancangan terhadap sasaran jumlah penerima bantuan orang tua di Sarawak. Sasaran yang ditetapkan Jabatan hanya berdasarkan kepada jumlah penerima bantuan orang tua tahun sebelumnya. Semakan Audit terhadap rekod Jabatan mendapati bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006, jumlah penerima bantuan telah berkurangan seperti di **Jadual 2**.

Jadual 2
Jumlah Penerima Bantuan Orang Tua Dan Penghuni
Rumah Seri Kenangan Bagi Tempoh Tahun 2004 hingga 2006

Tahun	Jumlah Penerima Bantuan	Jumlah Penghuni RSK Kuching	Jumlah Penghuni RSK Sibu
2004	4,111	85	64
2005	2,945	90	52
2006	2,726	84	63

Sumber: Laporan Perangkaan, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri

Nota : RSK – Rumah Seri Kenangan

Bagi tujuan perbandingan, pihak Audit menggunakan statistik Jabatan Perangkaan mengenai jumlah warga tua kerana Jabatan tidak mempunyai data mengenai jumlah dan status warga tua yang perlu diberi bantuan. Analisis Audit mendapati jumlah yang menerima bantuan kewangan pada tahun 2004 adalah seramai 4,111 orang iaitu 2.5% daripada 162,600 warga tua Negeri Sarawak. Peratusan ini berkurangan kepada 1.8% iaitu seramai 2,945 orang pada tahun 2005 dan 1.7% atau 2,726 orang pada tahun 2006. Kemerosotan bilangan penerima bantuan berlaku disebabkan bantuan telah ditamatkan kerana penerima bantuan meninggal dunia atau penerima bantuan dipindahkan ke skim bantuan kewangan lain. Kedudukan ini tidak menggambarkan saiz dan peratus warga tua yang perlu diberi bantuan kerana Jabatan hanya bergantung kepada jumlah permohonan tahunan. Selain itu, ianya memberi gambaran mengenai kelemahan Jabatan dalam menganggarkan jumlah sebenar penerima

bantuan yang layak. Adalah dicadangkan supaya Jabatan bekerjasama dengan pihak Agensi lain seperti Jabatan Perangkaan, Jabatan Pendaftaran Negara, Pejabat Daerah, Majlis Agama Islam atau Pertubuhan Bukan Kerajaan yang berkaitan bagi mendapatkan maklumat/data warga tua yang layak untuk mendapat bantuan kewangan. Contohnya, Jabatan Perangkaan boleh memasukkan data tertentu yang diperlukan oleh Jabatan seperti syarat mendapat bantuan kewangan semasa bancian penduduk dijalankan.

Pada pendapat Audit, pemilihan sasaran untuk diberi bantuan kewangan kurang memuaskan. Akibatnya, jumlah sebenar penerima bantuan tidak menggambarkan populasi sebenar warga tua yang sepatutnya menerima skim bantuan kewangan. Jabatan akan terus mengalami masalah menentukan sasaran penerima bantuan selagi data berkenaan tidak diperolehi.

5.2.4 Kadar Bantuan Kewangan

Kerajaan Negeri telah memperkenalkan bantuan kewangan kepada setiap warga tua mulai tahun 1996 dengan kadar bulanan sejumlah RM70. Kadar bantuan kewangan telah disemak semula pada tahun 2001 dan dinaikkan menjadi RM100 sebulan. Semakan Audit terhadap doket kes dan baucar bayaran di Pejabat Bahagian Kuching, Sibu dan Bintulu mendapati pemberian Bantuan Orang Tua adalah mengikut kadar yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri iaitu RM100 seorang sebulan.

Pada pendapat Audit, Jabatan telah berusaha untuk membantu warga tua dengan bantuan yang setimpal dan membayar mengikut kadar yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri.

5.2.5 Kaedah Pelaksanaan Skim Bantuan Kewangan

Semakan Audit terhadap rekod yang diselenggarakan mendapati penemuan seperti berikut:

a) Permohonan Dan Pemilihan Penerima Skim Bantuan Kewangan

Pejabat Bahagian bertanggungjawab memproses permohonan bantuan kewangan bermula dari permohonan diterima, didaftar, disiasat dan membuat keputusan. Mengikut panduan Skim Bantuan Kewangan dan piagam pelanggan Jabatan, keputusan permohonan akan dimaklumkan dalam tempoh 2 bulan dari tarikh permohonan diterima. Butiran lanjut mengenai kedudukan proses permohonan bagi seluruh Sarawak adalah seperti di **Jadual 3**.

Jadual 3
Kedudukan Proses Permohonan Bantuan Bagi Tempoh Tahun 2004 Hingga 2006

Jabatan Kebajikan Masyarakat Bahagian	Tahun	Permohonan Diterima	Permohonan Dilulus	Permohonan Ditolak	Permohonan Ditutup	Dalam Proses/ Tertunggak
Kuching	2004	1,158	403	426	164	165
	2005	891	360	344	99	88
	2006	1,124	161	306	70	587
	Jumlah	3,173	924	1,076	333	840
Sri Aman	2004	195	87	62	-	46
	2005	214	70	95	-	49
	2006	335	74	123	4	134
	Jumlah	744	231	280	4	229
Sibu	2004	902	184	703	-	15
	2005	882	252	409	-	221
	2006	998	244	379	-	375
	Jumlah	2,782	680	1,491	-	611
Miri	2004	129	95	34	-	-
	2005	541	117	424	-	-
	2006	237	26	188	-	23
	Jumlah	907	238	646	-	23
Limbang	2004	71	29	42	-	-
	2005	58	19	35	-	4
	2006	32	8	18	-	6
	Jumlah	161	56	95	-	10
Sarikei	2004	768	298	352	51	67
	2005	587	273	250	22	42
	2006	858	338	375	87	58
	Jumlah	2,213	909	977	160	167
Kapit	2004	322	81	118	5	118
	2005	323	63	77	10	173
	2006	132	47	42	-	43
	Jumlah	777	191	237	15	334
Samarahan	2004	42	16	26	-	-
	2005	31	19	12	-	-
	2006	34	21	-	-	13
	Jumlah	107	56	38	-	13
Bintulu	2004	359	84	34	-	241
	2005	268	76	36	-	156
	2006	237	56	43	-	138
	Jumlah	864	216	113	-	535
Mukah	2004	93	6	87	-	-
	2005	39	7	32	-	-
	2006	49	20	29	-	-
	Jumlah	181	33	148	-	-
Betong	2004	820	143	578	41	58
	2005	491	92	202	14	183
	2006	788	104	221	15	448
	Jumlah	2,099	339	1,001	70	689
Jumlah Besar		14,008	3,873	6,102	582	3,451

Sumber: Rekod Daftar Utama Permohonan Bantuan Kebajikan, Jabatan Kebajikan Masyarakat Bahagian

Semakan Audit di Pejabat Bahagian Kuching, Sibu dan Bintulu mendapati permohonan bantuan kewangan daripada orang awam tidak mengira jenis bantuan telah didaftarkan dalam Daftar Utama Permohonan Bantuan. Bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006, semakan Audit seterusnya terhadap daftar yang diselenggarakan di 3 Pejabat Bahagian tersebut mendapati sebanyak 6,819 permohonan telah diterima. Adalah didapati sebanyak 1,820 atau 26.7% permohonan telah diluluskan manakala 2,680 atau 39.3% permohonan telah

ditolak. Permohonan ditolak adalah disebabkan beberapa faktor antaranya ialah kerana pemohon tidak memenuhi kriteria yang ditetapkan seperti keluarga berkemampuan untuk menyara hidup pemohon, masih berupaya berdikari dan keadaan sosio ekonomi pemohon memuaskan. Sebanyak 333 atau 4.9% permohonan ditutup kerana pemohon telah meninggal dunia, pemohon merupakan penerima bantuan yang masih aktif dan pemohon tidak dapat dikesan. Bagaimanapun, adalah didapati sebanyak 1,986 atau 29.1% permohonan yang diterima pada tahun 2004 dan 2006 masih dalam proses penyiasatan atau menunggu kelulusan. Kelewatan memproses permohonan boleh menyebabkan kes tertunggak dan pemohon tidak sempat menerima bantuan. Bagaimanapun, permohonan yang diterima pada tahun 2004 dan 2005 telah disiasat, diberi keputusan dan telah dibayar bagi permohonan yang layak selepas dibangkitkan oleh pihak Audit.

Semakan Audit seterusnya terhadap 156 permohonan Bantuan Orang Tua yang telah diluluskan di Pejabat Bahagian Kuching, Sibul dan Bintulu mendapati sebanyak 55 atau 35% permohonan lewat diproses antara 2 hingga 58 bulan. Bagi 1 kes di Pejabat Bahagian Kuching, tempoh kelewatan adalah 18 bulan. Lima kes di Pejabat Bahagian Sibul adalah terdiri daripada 3 kes melebihi 12 bulan, satu kes melebihi 24 bulan dan 1 kes lewat diproses sehingga 58 bulan. Bagi kes di Pejabat Bahagian Bintulu terdiri daripada 1 kes melebihi 12 bulan dan 1 kes lagi lewat diproses sehingga 33 bulan. Kedudukan permohonan yang lewat diproses adalah seperti di **Jadual 4**.

Jadual 4
Kedudukan Permohonan Lewat Diproses

Pejabat Bahagian	Bil. Sampel Dipilih	Bil. Kes Lewat	Tempoh Proses Permohonan		
			> 2 – 6 Bulan	> 6 – 12 Bulan	> 12 Bulan
Kuching	85	34	22	11	1
Sibu	36	12	5	2	5
Bintulu	35	9	2	5	2
Jumlah	156	55	29	18	8

Sumber: Docket Kes Jabatan Kebajikan Masyarakat Bahagian

Temu bual dengan pegawai yang bertanggungjawab menjelaskan bahawa kelewatan berlaku kerana kekurangan kakitangan dan beban kerja yang banyak. Pegawai Jabatan perlu mengendalikan siasatan permohonan baru bukan sahaja terhadap permohonan Bantuan Orang Tua tetapi permohonan bantuan lain seperti bantuan kepada kanak-kanak bagi keluarga miskin, masyarakat yang ditimpa bencana alam dan bantuan sekolah. Pegawai yang sama juga perlu menjalankan ulang kaji kes untuk menilai semula sama ada bantuan yang sedia ada hendak

diteruskan, ditamatkan atau dipindahkan ke skim bantuan kewangan lain yang lebih sesuai. Di samping itu, kelewatan memproses permohonan berlaku kerana pegawai perlu membuat siasatan dan lawatan ke tempat tinggal pemohon terutamanya di kawasan pedalaman yang memakan masa.

Pada pendapat Audit, tempoh yang diambil untuk memproses kelulusan permohonan bantuan kewangan kurang memuaskan. Akibatnya, imej Jabatan akan terjejas serta tidak dapat membantu warga tua dengan sewajarnya selaras dengan objektif yang ditetapkan.

b) Pembayaran Wang Bantuan Orang Tua

Pejabat Bahagian bertanggungjawab mengagih bantuan kepada penerima sama ada secara tunai/cek atau dikreditkan ke akaun bank penerima. Kaedah pembayaran sama ada dibayar secara bulanan atau 2 bulan sekali bergantung kepada keputusan Pejabat Bahagian berkenaan.

i) Bayaran Secara Tunai/Cek

Bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006, sejumlah RM65,000 bayaran secara tunai telah dibuat oleh Pejabat Bahagian Kuching. Bagi tempoh yang sama, sejumlah RM4,800 telah dibayar secara tunai oleh Pejabat Bahagian Sibu. Manakala sejumlah RM1,200 secara tunai dan RM311,400 secara cek telah dibuat oleh Pejabat Bahagian Bintulu.

Semakan Audit terhadap kesemua 61 baucar bayaran bernilai RM65,000 di Pejabat Bahagian Kuching mendapati sejumlah RM1,400 tidak dapat diagih kepada penerima bantuan. Manakala semakan Audit terhadap kesemua 18 baucar bayaran bernilai RM4,800 di Pejabat Bahagian Sibu mendapati hanya sejumlah RM500 wang tunai tidak dapat diagih kepada penerima bantuan. Kesemua wang tunai tersebut telah dikembalikan kepada Perbendaharaan Negeri. Bagaimanapun, semakan Audit seterusnya mendapati dokumen sokongan bagi 33 baucar bayaran bernilai RM35,200 di Pejabat Bahagian Kuching lewat dikembalikan kepada Perbendaharaan Negeri antara tempoh 2 hingga 148 hari setelah mengambil kira 21 hari yang dibenarkan. Manakala 3 daripada 18 baucar bayaran bernilai RM700 telah lewat dikembalikan kepada Perbendaharaan Bahagian Sibu antara tempoh 2 hingga 8 hari. Semakan terhadap rekod di Perbendaharaan Bahagian Bintulu mendapati sebanyak 39 cek bernilai RM7,800 telah dibatalkan dari tahun 2004 hingga bulan September 2006. Pihak Audit dimaklumkan sebab berlakunya cek batal/cek belum tunai ialah penerima yang dibayar secara cek tidak menunaikan cek

atau tidak mengutip cek kerana kos perbelanjaan pengangkutan yang tinggi untuk datang ke Pejabat Kebajikan atau Perbendaharaan Bahagian.

Pihak Audit mencadangkan supaya Jabatan mengkaji semula pendekatan pembayaran dan pengagihan wang tunai seperti berikut:

- Menetapkan tarikh tertentu mengenai tarikh pembayaran dibuat contohnya 10 hari bulan.
- Mengkaji pembayaran bantuan kewangan dibuat melalui pejabat Perbendaharaan Kecil atau Pejabat Pos di mana tiada kemudahan bank di kawasan berkenaan.
- Bagi bantuan yang tidak dituntut selama 3 bulan berturut-turut, Jabatan disyorkan supaya menggantung pembayarannya dan menghentikannya jika masih berlarutan.

ii) Bayaran Melalui Bank

Bayaran ke akaun bank penerima bantuan dibuat setiap 2 bulan sekali pada minggu terakhir. Jabatan telah menetapkan supaya penerima hadir ke Pejabat Bahagian setiap 3 bulan sekali sebagai bukti bahawa penerima masih hidup. Tarikh penerima melaporkan diri akan dicap pada kad penerima bantuan. Sekiranya penerima tidak dapat hadir, penerima boleh menghantar wakil dengan syarat kad penerima bantuan dan kad pengenalan penerima dibawa bersama. Jabatan juga menyelenggarakan daftar untuk mencatat penerima yang melaporkan diri. Bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006, semakan Audit terhadap Buku Vot di Pejabat Bahagian Kuching, Sibul dan Bintulu mendapati pejabat berkenaan telah membayar sejumlah RM3.81 juta, RM738,500 dan RM486,500 masing-masing kepada penerima melalui bank. Semakan Audit seterusnya mendapati kelemahan seperti berikut:

- Daftar Penerima Melaporkan Diri yang diselenggarakan di Pejabat Bahagian Kuching dan Bintulu bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006 mendapati seramai 372 penerima bantuan tidak hadir melaporkan diri selama 1 hingga 2 tahun. Daftar tersebut tidak disemak oleh pegawai penyelia. Sementara itu, Pejabat Bahagian Sibul tidak menyelenggarakan daftar ini.
- Sejumlah 30 kes penerima Bantuan Orang Tua telah diberhentikan kerana penerima bantuan telah meninggal dunia. Bagaimanapun, Jabatan lambat menghentikan pembayaran menyebabkan sejumlah RM32,840 masih dimasukkan ke akaun bank penerima bantuan antara tempoh 1 bulan

hingga 144 bulan. Perkara ini berlaku kerana Jabatan hanya bergantung pada laporan yang dibuat oleh keluarga penerima bantuan.

- Di Pejabat Bahagian Sibu dan Bintulu, seramai 3 penerima bantuan berumur kurang daripada 60 tahun telah menerima bantuan melalui bank seperti di **Jadual 5**.

Jadual 5
Penerima Bantuan Berumur Kurang Daripada 60 Tahun

Nama Penerima	No. Kad Pengenalan	No. Rujukan
Pejabat Bahagian Sibu		
Ding Ak. Ingg	491001-13-5409	BOT/001/02
Pejabat Bahagian Bintulu		
Dayang Ak. Birai	491106-13-5608	BOT/773/56/79
Mudai Ak. Bukok	471120-13-5614	BOT/991/6/00

Sumber : Rekod Jabatan Kebajikan Masyarakat Bahagian Sibu Dan Bintulu

Bagi kes Encik Ding Ak. Ingg dan Puan Mudai Ak. Bukok, adalah didapati umur kedua-duanya pada kad pengenalan adalah lebih muda daripada yang disahkan oleh Tuan Rumah. Bagi kes Puan Dayang Ak. Birai adalah kes yang dipindah dari Pejabat Bahagian Kapit.

- Pihak Audit telah memilih baucar bayaran bulan Mac 2006 di Pejabat Bahagian Kuching, Sibu dan Bintulu bagi menentukan sama ada penerima bantuan yang dibayar melalui bank masih hidup atau telah meninggal dunia. Pihak Audit telah merujuk kepada Jabatan Pendaftaran Negara mengenai status penerima bantuan terkini dan mendapati di Pejabat Bahagian Kuching seramai 4 penerima masih menerima bantuan walaupun mereka telah meninggal dunia. Manakala di Pejabat Bahagian Sibu, seorang penerima masih dibayar walaupun telah meninggal dunia pada bulan Mei 2001. Maklumat penerima berkenaan yang telah meninggal dunia tetapi masih dibayar bantuan adalah seperti di **Jadual 6**.

Jadual 6
Penerima Bantuan Yang Meninggal Dunia Tetapi Masih Dibayar

Nama Penerima	No. Kad Pengenalan	Tarikh Kematian	Amaun (RM)
Pejabat Bahagian Kuching			
Chiew Siok Khim	K257839	08.11.1997	8,960
Subia Bt. Amin	350902-13-5124	19.02.2004	2,500
Cham Jap Chong	K223620	20.12.2004	1,500
Nafisah Bt. Mahani	280615-13-5024	01.11.2005	500
Pejabat Bahagian Sibu			
Abdul Salam B. Abdullah	180722-13-5013	23.05.2001	5,800
Jumlah			19,260

Sumber : Rekod Jabatan Pendaftaran Negara, Negeri Sarawak

Jabatan perlu menjalankan siasatan terhadap penerima bantuan dibayar melalui akaun bank yang gagal melaporkan diri bagi mengetahui masalah

mereka. Jabatan juga disyorkan untuk menyemak dengan pihak bank bagi tempoh tertentu seperti 3 bulan sekali untuk mengesan jumlah bantuan yang tidak diambil oleh penerima atau merujuk kepada pihak ketiga bagi mendapatkan status penerima terkini. Jabatan juga dicadangkan untuk mengemukakan senarai penerima bantuan dari semasa ke semasa ke Jabatan Pendaftaran Negara bagi mendapatkan status mereka sama ada masih hidup atau telah meninggal dunia. Jabatan telah mengambil tindakan untuk memberi peringatan kepada semua Pejabat Bahagian mengenai perkara ini, membuat ulangkaji berterusan dan menghantar senarai nama penerima ke Jabatan Pendaftaran Negara untuk pengesahan status penerima sama ada masih hidup atau telah meninggal dunia.

Pada pendapat Audit, pemantauan Jabatan terhadap kaedah pembayaran secara tunai dan bank adalah kurang memuaskan. Ini menyebabkan peluang bantuan disalurkan kepada mereka yang lebih berhak tidak boleh dibuat dengan segera, memberi kerja tambahan kepada Jabatan untuk mengutip balik dan memberi ruang kepada berlakunya penyelewengan.

iii) Jadual Pembayaran Bantuan Orang Tua

Jadual pembayaran adalah penting untuk memaklumkan kepada penerima mengenai tarikh bayaran bantuan dibuat. Ini dapat mengurangkan kekerapan pertanyaan oleh penerima sama ada melalui telefon atau datang ke Pejabat mengenai tarikh pembayaran bantuan. Semakan Audit di Pejabat Bahagian Kuching dan Sibu mendapati jadual pembayaran bantuan tidak disediakan dan dipamerkan di papan kenyataan atau kaunter untuk makluman kepada penerima bantuan. Manakala di Pejabat Bahagian Bintulu ada menyediakan jadual pembayaran bantuan melalui wang tunai/cek tetapi tiada jadual pembayaran melalui bank disediakan. Jabatan perlu menyediakan dan mempamerkan notis pemberitahuan jadual pembayaran bagi memudahkan urusan pihak yang terlibat dengan Jabatan. Selain itu, notis pemberitahuan mengenai tarikh pembayaran juga boleh diedarkan kepada Pejabat Daerah dan dihebahkan melalui siaran radio tempatan.

Pada pendapat Audit, cara Jabatan menyalurkan maklumat pembayaran kurang memuaskan. Ketiadaan jadual pembayaran bantuan telah menyulitkan penerima dan juga Jabatan yang terpaksa melayan karenah penerima.

5.2.6 Penyelenggaraan Daftar Bantuan Orang Tua

Penyelenggaraan daftar yang sempurna adalah penting kerana ia merupakan pangkalan data bagi memudahkan pihak pengurusan Jabatan memantau bilangan permohonan, tindakan yang perlu diambil dan status permohonan. Antara daftar yang di selenggara ialah Daftar Utama Permohonan Bantuan, Daftar Bantuan Dilulus dan Docket Kes. Semakan Audit terhadap daftar tersebut mendapati:

a) Daftar Utama Permohonan Bantuan

Pejabat Bahagian Kuching ada menyediakan Daftar Utama Permohonan Bantuan bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006. Butiran seperti nama, nombor kad pengenalan, alamat, jantina, bangsa, nombor rujukan, tarikh diterima, didaftar dan disiasat, nama pegawai yang bertanggungjawab, keputusan, catatan, punca rujukan dan kategori pemohon telah dicatat dalam daftar berkenaan. Pejabat Bahagian Sibu dan Bintulu juga ada menyelenggarakan daftar ini bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006. Daftar Utama Permohonan Bantuan yang diselenggarakan oleh Pejabat Bahagian Sibu pada tahun 2004 didapati lengkap tetapi daftar bagi tahun 2005 dan 2006 adalah tidak lengkap kerana butiran seperti jantina, tarikh diterima, tarikh didaftar dan disiasat, kategori pemohon dan keputusan tidak direkodkan. Manakala daftar yang di selenggara oleh Pejabat Bahagian Bintulu pada tahun 2004 hingga 2006 juga tidak lengkap kerana maklumat seperti tarikh didaftar dan disiasat, nama pegawai bertanggungjawab, punca rujukan dan kategori pemohon tidak dicatatkan pada daftar tersebut. Adalah didapati juga format daftar yang diselenggarakan oleh ketiga-tiga Pejabat Bahagian berkenaan tidak seragam.

b) Daftar Bantuan Dilulus

Pejabat Bahagian Kuching ada menyediakan Daftar Bantuan Dilulus bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006. Bagaimanapun, adalah didapati butiran nombor akaun bank tidak dicatatkan dalam daftar yang di selenggara seperti yang dinyatakan dalam prosedur Jabatan. Semakan Audit seterusnya mendapati Pejabat Bahagian Sibu dan Bintulu ada menyelenggarakan Daftar Bantuan Dilulus bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006. Daftar tersebut mencatatkan butiran seperti nama penerima, nombor kad pengenalan, alamat kediaman, rujukan, jantina, kadar bayaran dan tarikh bayaran. Bagaimanapun, semakan Audit seterusnya mendapati Daftar Bantuan Dilulus yang di selenggara oleh Pejabat Bahagian Sibu direkodkan bersama dengan bantuan lain dan ini menyulitkan tugas mengesan jumlah pemohon Bantuan Orang Tua yang diluluskan dari semasa ke semasa.

c) Penyelenggaraan Dan Penyimpanan Docket Kes

Docket kes merupakan dokumen penting yang mengandungi maklumat penerima bantuan seperti borang permohonan bantuan, borang penyiasatan, surat pemberitahuan keputusan permohonan, tarikh bantuan mula dibayar dan borang ulang kaji kes pada setiap tahun. Oleh itu, ianya perlu diselenggarakan dengan sempurna, disimpan dan dikunci dalam kabinet. Semakan Audit di Pejabat Bahagian Kuching, Sibu dan Bintulu mendapati di Pejabat Bahagian Kuching, docket kes disimpan di dalam kabinet di bilik Pembantu Pembangunan Masyarakat. Manakala di Pejabat Bahagian Sibu dan Bintulu, tiada bilik khas disediakan bagi menyimpan docket kes. Selain itu, adalah didapati tiada pegawai khusus yang bertanggungjawab untuk mengurus docket kes dan mendaftar pergerakan fail. Ini menyebabkan penempatan fail docket kes sukar dikesan bila diperlukan. Pemeriksaan Audit mendapati Pejabat Bahagian Sibu dan Bintulu terpaksa meminta bantuan Pemandu Motor Sangkut untuk membantu mencari, menyimpan dan menyusun docket kes apabila diperlukan.

Semakan Audit terhadap 156 docket kes yang dipilih di Pejabat Bahagian Kuching, Sibu dan Bintulu mendapati sebanyak 47 atau 30.1% docket kes tidak ada borang permohonan. Bagi docket kes yang mempunyai borang permohonan, adalah didapati sebanyak 89 borang permohonan ada dicap tarikh terima oleh Jabatan dan 20 tidak dicap tarikh terima. Pihak Audit dimaklumkan borang permohonan tidak disediakan kerana penggunaan borang permohonan hanya dimulakan pada tahun 1998 dan bantuan tersebut merupakan kes lama yang diluluskan untuk Bantuan Am pada 1970an hingga 1980an dan kemudiannya dipindah ke Bantuan Orang Tua selepas ulang kaji kes. Bilangan docket kes yang tidak disertakan dengan borang permohonan seperti di **Jadual 7**.

Jadual 7
Docket Kes Tidak Disertakan Dengan Borang Permohonan

Pejabat Bahagian	Bil. Sampel Dipilih	Bil. Kes Ada Borang Permohonan		Bil. Kes Tidak Ada Borang Permohonan
		Dicap Tarikh Terimaan	Tidak Dicap Tarikh Terimaan	
Kuching	85	58	6	21
Sibu	36	16	9	11
Bintulu	35	15	5	15
Jumlah	156	89	20	47

Sumber: Docket Kes Jabatan Kebajikan Masyarakat Bahagian

Selain itu di Pejabat Bahagian Sibu dan Bintulu, pemeriksaan Audit mendapati sebanyak 53 docket kes tidak mempunyai dokumen salinan kad pengenalan dan 48 tidak mempunyai salinan kad penerima bantuan. Jabatan perlu memastikan supaya setiap docket kes mempunyai salinan kad pengenalan, kad penerima bantuan, akaun bank dan rekod penjaga/wakil yang mengutip wang bagi pihak penerima.

d) Sistem Maklumat Pelanggan Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri

Satu program komputer iaitu *Welfare Client Information System* (WELCIS) telah dibangunkan sejak pertengahan tahun 2002 bertujuan untuk mewujudkan satu pangkalan data yang kemas kini dan teratur untuk pengurusan Skim Bantuan Kewangan. Objektif pelaksanaan sistem ini adalah untuk meningkatkan keberkesanan pengurusan bantuan, kawalan dan mengesan maklumat penerima bantuan kewangan Jabatan. Melalui sistem ini, semua data penerima bantuan seperti butiran peribadi dan jenis bantuan kewangan dimasukkan ke pangkalan data. Antara butiran adalah seperti nama penerima, nombor kad pengenalan, alamat rumah, jantina, tarikh lahir, umur, bangsa, agama, nombor fail rujukan, tarikh permohonan dan pendaftaran, kadar bantuan sebulan dan status kes seperti tarikh ulang kaji dibuat.

Semakan Audit terhadap pengurusan sistem komputer belum lagi dilaksanakan sepenuhnya di Pejabat Bahagian Kuching, Sibu dan Bintulu. Menurut Laporan Pelaksanaan WELCIS yang diselenggarakan oleh Jabatan, kakitangan Jabatan menghadapi masalah seperti masa yang lama untuk memproses kemasukan data penerima, tidak mempunyai operator mesin pemprosesan data dan beban kerja yang banyak. Jabatan juga mengalami masalah sistem komputer *hang* dan rangkaian sering terganggu. Sekiranya sistem komputer digunakan secara meluas, Jabatan bukan sahaja mudah untuk mengesan kes yang perlu diulang kaji mengikut tempoh yang ditetapkan tetapi mengelakkan kemungkinan wujudnya penerima bantuan yang menerima bantuan berganda. Maklumat lengkap di dalam sistem komputer seperti nombor kad pengenalan, sijil lahir dan cabutan daripada daftar kematian boleh mengesan duplikasi pemohon yang memohon di beberapa daerah/bahagian atau menggunakan nama isteri/suami. Jabatan sedang mengambil tindakan mengkaji dan menyemak penggunaan WELCIS. Surat telah dihantar ke Pejabat Bahagian untuk mengenal pasti masalah penggunaan WELCIS.

Pada pendapat Audit, penyelenggaraan daftar Bantuan Orang Tua kurang memuaskan. Ini mengakibatkan Jabatan sukar menentukan kedudukan sebenar permohonan sama ada diluluskan atau ditolak, status terkini penerima bantuan dan kemungkinan besar boleh berlaku permohonan bertindih.

5.2.7 Kaedah Permohonan Kemasukan Ke Rumah Seri Kenangan

Bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006, sebanyak 26 atau 70.3% permohonan diluluskan daripada 37 permohonan yang diterima untuk kemasukan ke Rumah Seri Kenangan Kuching. Manakala 2 permohonan masih dalam proses siasatan dan 9 permohonan ditolak sama ada disebabkan pemohon telah meninggal dunia atau pemohon tidak dapat dikesan kerana alamat tidak lengkap. Bagi permohonan ke Rumah Seri Kenangan Sibul, sebanyak 7 permohonan diluluskan, lima permohonan ditolak dan 9 permohonan masih dalam proses semakan oleh Jabatan. Semakan Audit terhadap rekod mendapati permohonan masuk ke Rumah Seri Kenangan adalah atas kehendak pemohon sendiri, Pertubuhan Bukan Kerajaan dan Ketua Kaum. Proses permohonan didapati telah mengikut piagam pelanggan yang ditetapkan iaitu 2 bulan dari tempoh permohonan diterima.

Antara syarat pengambilan masuk ke Rumah Seri Kenangan adalah seperti pemohon berumur 55 tahun ke atas, miskin dan daif, tidak mempunyai keluarga, tidak mengidap penyakit berjangkit dan berupaya untuk menjaga diri sendiri. Semakan Audit terhadap 30 atau 35.7% daripada 84 fail peribadi penghuni di Rumah Seri Kenangan Kuching mendapati syarat tersebut tidak dipatuhi sepenuhnya seperti berikut:

- Penghuni Heng Ek Bee berumur 65 tahun menetap di Rumah Seri Kenangan sejak 7 Oktober 1998, telah berpisah dengan keluarga dan tidak mempunyai tempat tinggal tetap. Beliau mempunyai seorang anak lelaki bertugas sebagai doktor yang telah berhijrah ke Australia dan seorang anak perempuan sebagai ahli perniagaan. Keluarga beliau bersetuju untuk menyumbang sebanyak RM200 sebulan kepada Tabung Amanah Lembaga Pelawat sebagai penghargaan untuk menjaga bapa beliau.
- Penghuni Hamdan Bin Yusuf berumur 64 tahun menetap di Rumah Seri Kenangan sejak 15 Jun 2001 merupakan pesakit mental dirujuk oleh pakar sakit jiwa dari Hospital Sentosa, Kuching. Kedua-dua belah kakinya cacat dan tidak mampu bergerak kecuali menggunakan kerusi roda. Beliau seorang yang agresif dan selalu bertindak ganas dengan memecah pasu bunga dan televisyen dan membakar tilam. Beliau ditempatkan di sebuah bilik yang berasingan dan berjeriji untuk keselamatan penghuni yang lain. Rawatan sakit mental dirujuk kepada doktor pakar dan ubat penenang diberi untuk mengelakkan beliau terus bersikap agresif.
- Penghuni Olga Joan Pawle berumur 82 tahun menetap di Rumah Seri Kenangan sejak 13 Disember 2001, seorang yang terencat akal adalah warga negara British. Penghuni Olga masih mempunyai abang kandung tetapi beliau tidak dapat menjaga penghuni Olga disebabkan berpindah ke Semenanjung Malaysia.

Penghuni ini menerima pencen terbitan bulanan sebanyak RM382 sebulan dan dikreditkan ke Tabung Amanah Lembaga Pelawat.

- Penghuni Mail Ak Andal yang kematian isteri, menetap di Rumah Seri Kenangan sejak 19 Disember 2001, dimasukkan ke Rumah Seri Kenangan atas permintaan 5 orang anak beliau kerana tidak berupaya untuk menjaga ayah mereka yang mengalami masalah mental dan sukar dikawal tingkah lakunya.
- Berdasarkan Laporan Perubatan, penghuni William Johny Ak Kerib berumur 71 tahun menetap di Rumah Seri Kenangan sejak 22 Januari 2002 menghidap penyakit berjangkit dan perlu mendapat rawatan lanjut daripada klinik yang berdekatan. Laporan Perubatan terkini mendapati beliau telah sembuh sepenuhnya.
- Penghuni Halimah Yong Ah Moi berumur 82 tahun menetap di Rumah Seri Kenangan sejak 10 September 2004, seorang balu yang menerima pencen bulanan sebanyak RM1,323. Sebelum ini beliau tinggal di rumah yang usang dan disebabkan faktor umur dan kesihatan, beliau tidak berupaya untuk menjaga anak angkat yang lumpuh dan mengidap penyakit ahmar. Beliau bersetuju untuk menderma kepada Tabung Amanah Lembaga Pelawat sebanyak RM500 sebulan.
- Penghuni Liew Jun Foo berumur 53 tahun telah menetap di Rumah Seri Kenangan sejak 3 Januari 2006 dan mengidap penyakit buah pinggang yang serius dan darah tinggi. Kes ini dirujuk oleh Hospital Bau dan Persatuan *Cheshire Boys Home*. Sungguhpun beliau mempunyai keluarga angkat tetapi keluarga tidak mahu menerima beliau.

Semakan Audit juga mendapati 30 fail peribadi penghuni di Rumah Seri Kenangan Kuching tidak lengkap dan tidak disertakan dengan dokumen sokongan. Antara dokumen yang tidak lengkap adalah Borang Kelulusan Kemasukan tidak ditandatangani, empat penghuni belum menandatangani borang wasiat dan 3 daripada penghuni belum menandatangani Borang Persetujuan untuk mengikuti peraturan *Old Persons' Homes (Management) Rules, 1981*. Manakala dokumen yang tidak disertakan adalah seperti Borang Permohonan Kemasukan, Laporan Soal Selidik, Laporan Perubatan dan rekod keperluan asas harian. Rumah Seri Kenangan Kuching telah telah mengambil tindakan untuk mengemaskini borang wasiat dan borang persetujuan untuk mengikuti peraturan. Di samping itu, usaha juga diambil untuk mengemukakan Borang Kelulusan Kemasukan Ke Ibu Pejabat untuk tandatangan Pengarah setiap kali ada kemasukan Rumah Seri Kenangan.

Semakan Audit terhadap 20 atau 31.7% daripada 63 fail peribadi penghuni Rumah Seri Kenangan Sibul pula mendapati dokumen sokongan tidak lengkap dan tidak disimpan

di dalam fail peribadi penghuni. Antara dokumen yang tidak lengkap adalah Borang Kelulusan Kemasukan dan borang wasiat belum ditandatangani. Manakala dokumen sokongan yang tidak disertakan adalah Laporan Soal Selidik, Borang Permohonan dan Laporan Perubatan.

Ulang kaji kes seseorang penghuni penting untuk mengetahui tahap kesihatan penghuni, pergaulan dengan penghuni lain, lawatan dari keluarga atau sahabat handai, keaktifan penghuni untuk mengikuti aktiviti institusi atau persendirian dan perubahan wasiat dalam perjanjian. Semakan Audit mendapati sebanyak 12 penghuni Rumah Seri Kenangan Kuching dan 4 penghuni Rumah Seri Kenangan Sibu belum dibuat ulang kaji kes sejak tahun 1995 hingga 2006. Pihak Audit dimaklumkan bahawa kekerapan kes diulang kaji sepatutnya dibuat sekali setahun tetapi pihak pengurusan Rumah Seri Kenangan menghadapi masalah beban tugas kerana kekurangan kakitangan. Jabatan perlu mengkaji semula peraturan *Old Persons' Homes (Management) Rules, 1981* kerana selama hampir 25 tahun ianya belum dipinda lagi. Pindaan perlu mengambil kira keperluan semasa seperti peraturan yang mungkin tidak bersesuaian dan penggunaan borang lama.

Pada pendapat Audit, tapisan permohonan masuk ke Rumah Seri Kenangan tidak dipatuhi sepenuhnya dan rekod tidak diselenggarakan dengan memuaskan. Akibatnya penghuni yang tidak layak untuk menghuni Rumah Seri Kenangan seperti pesakit mental dan penghuni yang menghidap penyakit berjangkit akan mengganggu ketenteraman dan keselamatan penghuni lain. Manakala penghuni yang berkemampuan tetapi dipilih akan menyekat peluang kepada warga tua yang benar-benar layak.

5.2.8 Kemudahan Dan Perkhidmatan Di Rumah Seri Kenangan

Jabatan perlu mengambil kira aspek keselesaan dan keselamatan terhadap kemudahan yang disediakan di Rumah Seri Kenangan. Aspek keselesaan dan keselamatan seperti ketinggian katil yang sesuai, pengudaraan yang baik, lantai tidak licin, tandas duduk, keperluan asas harian seperti sabun, berus gigi, ubat gigi, tuala mudah dicapai, perabot tersusun dan tidak menghalang laluan, halaman bersih dan selamat dan mempunyai pemegang yang kukuh dan sesuai. Ini adalah kerana risiko kecederaan yang dialami oleh warga tua lebih serius berbanding golongan muda. Lawatan Audit ke Rumah Seri Kenangan Kuching dan Sibu mendapati perkara berikut:

a) Kemudahan Fizikal

i) Rumah Seri Kenangan Kuching

Rumah Seri Kenangan Kuching mempunyai kemudahan seperti asrama, blok pentadbiran, dewan makan, rumah mayat, blok aktiviti, surau, gereja kecil, blok kediaman kakitangan dan kuarters Pengetua. Asrama di Rumah Seri Kenangan Kuching menempatkan seramai 84 warga tua yang terdiri daripada 47 lelaki dan 37 wanita. Mereka ditempatkan di 7 buah asrama iaitu Asrama Dahlia, Cempaka, Medang, Meranti, Merbau, Melor dan Mawar. Jumlah penghuni di Rumah Seri Kenangan Kuching seperti di **Jadual 8**.

Jadual 8
Jumlah Penghuni Di Rumah Seri Kenangan Kuching

Kaum	Lelaki	Wanita	Jumlah	Islam	Kristian	Buddha	Lain-lain
Melayu	10	4	14	14	-	-	-
Cina	27	24	51	4	14	13	20
Iban	5	2	7	2	1	-	4
Bidayuh	4	5	9	2	2	-	5
Jawa	-	1	1	1	-	-	-
Serani	-	1	1	-	1	-	-
Lain-lain	1	-	1	-	-	-	1
Jumlah	47	37	84	23	18	13	30

Sumber: Rekod Rumah Seri Kenangan Kuching

Selain itu, dua blok perubatan disediakan dengan 2 buah bilik besar setiap satu bagi menempatkan penghuni lelaki dan perempuan yang sakit untuk mendapatkan rawatan dan pengawasan yang rapi.

- Asrama Penghuni Di Rumah Seri Kenangan Kuching**

Lawatan Audit ke Asrama Cempaka, Medang, Meranti dan Merbau mendapati ianya digunakan untuk menempatkan penghuni lelaki. Setiap blok asrama mempunyai 5 bilik yang boleh menampung seramai 2 orang penghuni setiap bilik kecuali Asrama Cempaka yang mempunyai 3 bilik dan Asrama Dahlia menempatkan penghuni yang telah berkahwin dan 2 bilik lagi dijadikan bilik rekreasi penghuni. Setiap bilik penghuni dilengkapi dengan kipas angin siling, katil, kerusi, almari dan kabinet. Setiap blok asrama mempunyai 3 tandas dan 2 bilik mandi serta pemanas air. Adalah diperhatikan 22 daripada 23 katil penghuni masih dalam keadaan baik. Bagaimanapun, kebanyakan kelengkapan bilik seperti almari dan kabinet telah usang serta tidak berkunci. Adalah diperhatikan almari dan kabinet yang dibekalkan tidak mencukupi untuk memuat barang kepunyaan

penghuni menyebabkan barang kepunyaan penghuni berselerak di atas katil dan lantai seperti di **Foto 1** dan **Foto 2**.

Foto 1
Bilik Penghuni Di RSK Sibul
- Kemas



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak
Tarikh : 25.05.2006
Lokasi : Asrama Intan, Rumah Seri Kenangan Sibul

Foto 2
Bilik Penghuni RSK Kuching
- Tidak Kemas



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak
Tarikh : 22.06.2006
Lokasi : Asrama Medang, Rumah Seri Kenangan Kuching

Perkara ini telah dirujuk kepada pihak Jabatan Kerja Raya Bahagian Kuching untuk kerja pembaikan.

Tandas yang disediakan adalah jenis duduk dengan pemegang di dinding tandas bagi memudahkan penghuni warga tua menggunakannya. Pemanas air yang dipasang pada tahun 2002 di bilik mandi Asrama Dahlia, Meranti dan Cempaka telah rosak. Kebanyakan tandas dan bilik mandi di blok asrama lelaki telah dikunci kerana penghuni digalakkan menggunakan 2 blok bilik mandi yang baru dibina pada tahun 2001 yang menelan belanja RM47,000.

Pemeriksaan Audit juga mendapati 14 pemadam api yang disediakan di blok asrama penghuni telah lama di mana tarikh tamat tempoh tidak dapat disahkan lagi. Pemeriksaan terhadap alat pemadam api perlu dibuat dengan segera demi keselamatan penghuni. Pejalan kaki yang berbumbung disediakan di antara blok asrama penghuni, blok dewan makan dan blok perubatan. Bagaimanapun, pejalan kaki yang disediakan tidak mempunyai pemegang untuk tujuan memudahkan penghuni warga tua yang susah bergerak semasa berjalan ke blok lain.

- **Kuarters Kakitangan Dan Blok Bangunan Lain**

Rumah Seri Kenangan Kuching mempunyai 3 blok kuarters kakitangan. Sebuah kuarters Pengetua telah siap dibina pada akhir tahun 2005 dengan perbelanjaan RM336,584. Lawatan Audit ke kuarters kakitangan mendapati kebanyakan kuarters kakitangan adalah lama dan kurang memuaskan di mana diperhatikan cat di dinding luar menggelupas, lantai papan telah reput dan diserang anai-anai. Blok Pentadbiran yang dibina pada tahun 1932 dibuat daripada papan kayu digunakan untuk kakitangan menjalankan tugas harian. Adalah diperhatikan lantai, dinding dan siling telah usang dan berlubang kesan hujan dan reput kesan daripada air hujan yang masuk melalui bumbung bangunan dan membasahi lantai bangunan. Lawatan Audit di sekitar kawasan mendapati kawasan dipagarkan dengan *chainlink fencing*. Bagaimanapun, sebahagian pagar telah rosak, berlubang dan dipenuhi semak samun terutamanya pagar di bahagian belakang blok asrama perempuan seperti di **Foto 3**. Ini boleh menyebabkan haiwan liar atau penceroboh masuk ke kawasan Rumah Seri Kenangan dan mengancam keselamatan penghuni.

Foto 3
Pagar Yang Rosak Dan Dipenuhi Semak Samun



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak

Tarikh : 22.06.2006

Lokasi : Belakang Asrama Mawar Dan Melor, Rumah Seri Kenangan Kuching

Semakan Audit mendapati permohonan untuk membaiki pagar telah dibuat oleh Pengetua Rumah Seri Kenangan Kuching kepada Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri pada tahun 2002 dan pembaikan

telah dibuat oleh kontraktor yang dilantik oleh Jabatan Kerja Raya Kuching pada akhir tahun 2005. Namun kerja pembaikan hanya dibuat pada sebahagian kecil kawasan pagar sahaja. Pihak Rumah Seri Kenangan Kuching mengambil tindakan membuat kerja gotong-royong untuk mengatur pagar dan memotong rumput serta merujuk kepada Jabatan Kerja Raya Bahagian Kuching.

- **Pengurusan Stor Di Rumah Seri Kenangan Kuching**

Semakan Audit terhadap buku vot dan baucar bayaran mendapati bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006, Rumah Seri Kenangan Kuching telah membelanjakan sejumlah RM17,403 untuk membeli 65 unit pelbagai peralatan dan kelengkapan seperti kipas angin, kerusi plastik, periuk nasi, pemain cakera padat, pemanas air dan troli aluminium. Selain itu, sebanyak 10 unit peralatan dan kelengkapan bernilai RM8,880 juga diperolehi daripada pihak MAMPU seperti mesin penyedut sampah, peti sejuk, televisyen dan 30 unit kabinet daripada Jabatan Kerja Raya. Rumah Seri Kenangan juga menerima 22 unit peralatan dan kelengkapan dari derma orang awam seperti komputer, mesin basuh, televisyen dan sebuah van. Pemeriksaan fizikal Audit terhadap 17 peralatan dan kelengkapan yang dipilih mendapati peralatan dan kelengkapan ini telah ditempatkan di pelbagai lokasi seperti di Blok Pentadbiran, bilik bacaan di Blok Cempaka, Blok Pesakit, Dewan Makan dan Stor sebagaimana yang dicatat dalam Daftar Inventori Induk. Semakan Audit seterusnya mendapati peralatan dan kelengkapan yang diperolehi bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006 telah direkodkan ke Daftar Inventori Induk dengan kemas kini. Bagaimanapun, pihak Rumah Seri Kenangan Kuching belum menggunakan Daftar Harta Modal (Kew. 312) dan Daftar Inventori (Kew.313) untuk merekodkan aset yang diterima.

Pemeriksaan Audit ke stor blok aktiviti/bengkel mendapati stor tersebut dipenuhi dengan perabot seperti katil, kabinet kayu atau besi, almari dan tilam yang tidak dapat digunakan/rosak. Bagaimanapun, nilai perabot tidak diperolehi kerana rekod yang diselenggarakan tidak mencatat amaun. Jabatan perlu mengambil tindakan segera melupuskan perabot yang rosak supaya bilik tersebut boleh digunakan untuk menyimpan stok bekalan makanan atau tujuan lain yang berkaitan. Perabot yang tidak digunakan/rosak di stor blok aktiviti/bengkel seperti di **Foto 4**.

Foto 4
Perabot Yang Rosak Di Blok Aktiviti/Bengkel –
Tindakan Pelupusan Belum Diambil



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak
Tarikh : 22.06.2006
Lokasi : Stor Blok Aktiviti, Rumah Seri Kenangan Kuching

Tindakan untuk pelupusan telah diambil untuk barang dan peralatan yang telah usang. Senarai barangan dan peralatan yang hendak dilupus telah diserahkan kepada Ibu Pejabat.

Blok Pentadbiran mempunyai sebuah stor yang menempatkan pinggan mangkuk, keperluan asas harian dan makanan kering seperti beras, pelbagai jenis biskut, milo, minyak masak dan mi kering yang didermakan oleh orang awam. Pemeriksaan Audit mendapati pihak Rumah Seri Kenangan Kuching ada menyelenggarakan rekod iaitu Buku Derma untuk mencatat semua sumbangan yang didermakan. Manakala pengeluaran bekalan makanan pula direkodkan di buku rekod yang berasingan tetapi baki stok tidak dinyatakan. Ini menyebabkan baki stok sesuatu jenis barang tidak tepat. Pemeriksaan Audit ke stor tersebut mendapati antara barangan yang disimpan ialah 11 kotak mi segera pelbagai jenis, 121 kotak dan 117 tin biskut pelbagai jenis seperti biskut *marie*, *tiger assorted biscuit*, kraker cap ping pong dan kraker *borneo biskut*. Pihak Audit dimaklumkan bahawa biskut tersebut tidak dihidangkan kerana penghuni tidak menggemari makanan tersebut. Pemeriksaan Audit mendapati 123 bungkus biskut pelbagai jenis dan 18 bungkus mi segera yang diterima

pada tahun 2001 hingga 2005 telah luput tarikh pada 4 Disember 2004 hingga 30 Jun 2006 dan masih disimpan di stor pentadbiran.

Pentadbiran Rumah Seri Kenangan Kuching telah membina satu stor di bawah kuarters bagi menyimpan paket beras yang didermakan oleh orang awam. Pemeriksaan Audit mendapati sebanyak 6,465 kilogram stok beras pelbagai jenis dan jenama yang diterima pada tahun 2003 sehingga bulan Jun 2006. Adalah didapati 200 kilogram beras telah rosak kerana disimpan terlalu lama iaitu sejak tahun 2003. Analisis Audit menunjukkan stok yang ada dapat menampung keperluan untuk jangka masa 7 hingga 8 bulan kerana pihak Rumah Seri Kenangan hanya memerlukan 25 kilogram beras sehari. Bagaimanapun setelah teguran Audit, pihak Rumah Seri Kenangan Kuching telah menyelenggarakan Daftar Bekalan Pejabat Kew.314 bagi merekodkan semua terimaan dan keluaran barangan yang di derma oleh orang awam. Jabatan perlu mengambil tindakan terhadap stok makanan yang berlebihan dengan menyalurkan makanan tersebut kepada institusi lain yang memerlukan. Ini bertujuan mengelakkan makanan tersebut daripada buruk dan mengurangkan kesesakan stor.

Bahagian Dapur pula mempunyai sebuah stor makanan kering. Stor ini menempatkan bekalan makanan dan bahan pencuci seperti sabun, *sponge* dan berus termasuk barang derma yang dikeluarkan dari stor di Blok Pentadbiran. Adalah didapati rekod bekalan makanan kering dan barang-barang lain yang belum digunakan dicatat dalam Daftar Bekalan Pejabat Kew 314. Pemeriksaan Audit ke atas stok dan daftar tersebut mendapati semua barangan telah direkodkan sempurna dan dengan kemas kini mengikut jenis. Pemesanan, terimaan, keluaran dan baki stok telah direkodkan dengan betul dan daftar tersebut diperiksa oleh Pengetua dari semasa ke semasa. Ketiga-tiga stor iaitu stor di Blok Pentadbiran, stor yang terletak di bawah kuarters dan stor di bahagian dapur digunakan untuk menerima dan menyimpan barangan yang didermakan dan ada menyelenggarakan rekod berasingan. Adalah dicadangkan supaya sebuah stor khas disediakan bagi menempatkan bekalan makanan dan bukan makanan yang di derma atau dibeli. Ini bertujuan untuk memudahkan pengiraan stok dan tujuan kawalan.

ii) Rumah Seri Kenangan Sibul

Rumah Seri Kenangan Sibul mempunyai kemudahan seperti asrama, blok pentadbiran, dewan makan, rumah mayat, blok aktiviti, surau dan blok kediaman kakitangan dan kuarters Pengetua. Jumlah penghuni warga tua di Rumah Seri Kenangan Sibul ialah seramai 63 orang terdiri daripada 31 lelaki dan 32 wanita. Mereka ditempatkan di 4 buah asrama iaitu Asrama Delima, Intan, Belian dan Kristal. Manakala, satu blok perubatan dengan 2 buah bilik besar disediakan bagi menempatkan penghuni lelaki dan perempuan yang sakit untuk mendapatkan rawatan dan pengawasan yang rapi. Jumlah penghuni di Rumah Seri Kenangan Sibul adalah seperti di **Jadual 9**.

Jadual 9
Jumlah Penghuni Di Rumah Seri Kenangan Sibul

Kaum	Lelaki	Wanita	Jumlah	Islam	Kristian	Buddha	Lain-lain
Melayu	2	3	5	5	-	-	-
Cina	17	19	36	-	12	16	8
Iban	8	8	16	-	3	-	13
Bidayuh	-	-	-	-	-	-	-
Jawa	-	-	-	-	-	-	-
Serani	-	-	-	-	-	-	-
Lain-lain	4	2	6	6	-	-	-
Jumlah	31	32	63	11	15	16	21

Sumber: Rekod Rumah Seri Kenangan Sibul

- **Asrama Penghuni Di Rumah Seri Kenangan Sibul**

Lawatan Audit ke Asrama Belian dan Kristal mendapati ianya digunakan untuk menempatkan penghuni lelaki. Sementara itu, Asrama Delima dan Intan menempatkan penghuni perempuan. Setiap blok asrama mempunyai 2 bilik besar dikongsi bersama 3 hingga 6 orang penghuni setiap bilik besar. Setiap blok asrama mempunyai ruang tetamu yang dilengkapi dengan satu set sofa, seunit televisyen dan seunit kabinet televisyen. Asrama penghuni juga dilengkapi dengan mesin basuh, *water dispenser* dan juga alat pemadam api. Setiap asrama mempunyai 3 bilik tandas dan 2 bilik mandi serta pemanas air disediakan. Setiap penghuni dibekalkan dengan seunit almari dan katil. Bagaimanapun, adalah didapati siling di bilik tidur, ruang tetamu dan bilik mandi/tandas di Asrama Delima, Belian dan Kristal telah berlubang kesan daripada bumbung yang bocor. Keadaan siling yang rosak kesan air hujan daripada bumbung yang bocor adalah seperti di **Foto 5**.

Foto 5
Siling Yang Rosak Disebabkan Bumbung Bocor Di Bilik Tandas



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak
Tarikh : 25.05.2006
Lokasi : Asrama Belian, Rumah Seri Kenangan Sib

Bahagian siling bilik tidur dan ruang tamu di asrama penghuni telah diganti oleh pihak Rumah Seri Kenangan. Manakala siling di bilik mandi Asrama Belian belum dibaiki kerana kerosakan besar dan memerlukan pembaikan menyeluruh dan dirujuk kepada pihak Jabatan Kerja Raya Bahagian Sib.

Kebanyakan perabot di bilik penghuni seperti almari, katil dan tilam masih dalam keadaan baik kecuali almari tidak dilengkapi dengan kunci dan penghuni tidak disediakan dengan kabinet. Bilik tandas yang disediakan adalah jenis tandas duduk tetapi dinding tandas tidak dilengkapi dengan pemegang untuk memudahkan warga tua berdiri. Selain itu, pemeriksaan Audit mendapati 5 peralatan pemanas air di bilik mandi Asrama Intan, Berlian dan Kristal serta Blok Perubatan telah rosak. Begitu juga empat unit *hot and cooler water dispenser* di Asrama Delima, Berlian, Kristal dan Blok Perubatan telah rosak. Pejalan kaki yang berbumbung ada disediakan di antara Blok Asrama penghuni, Blok Dewan Makan, Blok Aktiviti dan Blok Perubatan. Laluan pejalan kaki juga mempunyai pemegang untuk tujuan menyokong penghuni asrama semasa berjalan. Pemeriksaan Audit juga mendapati pemadam api yang disimpan di setiap blok asrama penghuni telah tamat tempoh pada bulan Disember 2003 dan Ogos 2004. Pemeriksaan terhadap alat pemadam api perlu dibuat dengan segera untuk memastikan ia masih berfungsi.

Semakan Audit terhadap fail yang diselenggarakan mendapati pihak Rumah Seri Kenangan Sibul telah mencadangkan kepada Jabatan Kerja Raya Sibul untuk mengganti pagar, atap di asrama penghuni dan blok pentadbiran, siling di asrama penghuni dan longkang di belakang Blok Perubatan pada bulan Mac 2004. Satu perbincangan kerja pembaikan telah diadakan pada 15 Jun 2004 yang dihadiri oleh Pengarah, kakitangan Jabatan, Pengetua Rumah Seri Kenangan Sibul dan kakitangan Jabatan Kerja Raya Sibul. Peruntukan *one off* sejumlah RM252,609 yang telah diluluskan untuk kerja pembaikan bilik tamu, siling, *partition* dan almari dewan, menaik taraf bilik asrama menjadi bilik pesakit melarat. Semakan Audit mendapati mesyuarat telah memutuskan peruntukan membaiki *partition* dan almari dewan yang telah diluluskan ditukar kepada kerja pembaikan mengganti atap. Memandangkan kos mengganti pagar sekeliling kawasan agak tinggi, mesyuarat memutuskan pagar yang sedia ada dibaiki. Kerja pembaikan atap sejumlah RM157,000 dan pengubahsuaian tandas asrama penghuni telah siap dibina dengan kos RM43,615 pada bulan Disember 2004.

- **Kuarters Kakitangan Dan Bangunan Lain**

Lawatan Audit di sekeliling kawasan rumah Seri Kenangan Sibul mendapati telah dipagar dengan *chainlink fencing*. Bagaimanapun, pemeriksaan Audit mendapati pagar di belakang bahagian Blok Dewan Makan dan Asrama Belian dan Kristal telah rosak, roboh dan dipenuhi dengan semak samun seperti di **Foto 6**.

Foto 6
Pagar Yang Rosak Dan Dipenuhi Semak Samun



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak

Tarikh : 22.06.2006

Lokasi : Belakang Dewan Makan Dan Asrama Belian/Kristal, Rumah Seri Kenangan Sibu

Adalah diperhatikan bersebelahan pagar yang rosak terdapat sebuah kolam persendirian. Jabatan perlu mengambil tindakan segera untuk menyenggara pagar yang telah rosak kerana dikhuatiri warga tua terjatuh ke dalam kolam tersebut selain daripada mengelak haiwan liar atau penceroboh memasuki kawasan Rumah Seri Kenangan ini. Jabatan perlu meningkatkan aspek keselamatan terhadap kemudahan yang disediakan bagi mengelak perkara yang tidak diingini berlaku.

- **Pengurusan Stor Di Rumah Seri Kenangan Sibu**

Semakan Audit terhadap buku vot dan baucar bayaran mendapati bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006, Rumah Seri Kenangan Sibu telah membelanjakan sejumlah RM18,726 untuk membeli 37 unit peralatan dan kelengkapan seperti meja makan pesakit, kerusi roda, mesin penyedut sampah dan periuk elektrik. Selain itu, empat unit peralatan dan kelengkapan juga diperolehi daripada pihak MAMPU seperti *comb binding machine*, mesin fotostat dan mesin pencetak termasuk 12 unit peralatan seperti kipas angin dan televisyen hasil derma dari orang awam. Pemeriksaan Audit mendapati pihak Rumah Seri Kenangan Sibu ada menyelenggarakan Daftar Inventori (Kew.313) untuk merekodkan semua harta modal dan inventori yang diterima. Bagaimanapun, adalah didapati Daftar Inventori belum dikemas kini kerana peralatan dan kelengkapan yang diperolehi bernilai RM15,615 belum direkodkan ke Daftar berkenaan.

Senarai peralatan dan kelengkapan yang belum direkodkan ke Daftar Inventori seperti di **Jadual 10**.

Jadual 10
Peralatan Dan Kelengkapan Yang Tidak
Direkod Dalam Daftar Inventori

No. Baucar Bayaran/ Tarikh	Butiran Peralatan Dan Kelengkapan	Amaun (RM)
00236 /14.01.2005	-1 unit hospital overbed table, 1 unit wheel chair, 1 unit trolly 2 drawer	2,680
00244/14.01.2005	-2 units ion cleanse, 2 unit rolling massage, 2 units massage hammer	5,972
00213/05.01.2005	-1 unit water urn 50l, 1 unit rice cooker	1,230
00215/05.01.2005	-1 unit ice machine & coconut machine	1,230
00221/10.01.2005	1 unit Alto Pro High pressure, 1 unit wet & dry vaccum cleaner, 1 reel hose	3,705
00244/14.01.2005	-2 units vaccum filter water system	798
Jumlah		15,615

Sumber : Rekod Rumah Seri Kenangan Sibul

Pihak Audit juga telah melawat ke stor di Blok Perubatan dan mendapati stor tersebut digunakan untuk menyimpan 26 unit keranda, tiga unit mesin basuh dan 3 unit *water pressure* termasuk 10 unit kabinet besi yang rosak. Aset yang rosak disimpan bersama keranda yang masih boleh digunakan seperti di **Foto 7**.

Foto 7
Keranda Yang Masih Boleh Digunakan
Disimpan Bersama Kabinet Besi Yang Rosak



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak
Tarikh : 25.05.2006
Lokasi : Stor Blok Perubatan, Rumah Seri Kenangan Sibul

Bahagian Dapur mempunyai 2 bilik yang dijadikan stor iaitu menyimpan bekalan makanan kering dan menempatkan bahan pencuci, peralatan memasak seperti periuk, dapur gas, pinggan mangkuk, penyapu dan

berus. Manakala bekalan makanan basah seperti daging lembu, ayam dan ikan disimpan di dalam peti sejuk. Keadaan stor adalah teratur dan ruangan stor adalah mencukupi untuk memuatkan barang-barang keperluan berkenaan. Adalah didapati bekalan makanan seperti beras, pelbagai jenis biskut, milo, minyak masak dan mi kering dimasukkan terus ke stor dan kuantitinya direkodkan ke buku stok oleh Penyelia Asrama.

Pada pendapat Audit, aspek pengurusan aset dan susun atur barangan di stor Rumah Seri Kenangan Kuching dan Sibu kurang memuaskan. Keadaan ini menyebabkan ruangan stor menjadi sempit dan tidak dapat digunakan secara optimum. Manakala keadaan keselamatan Rumah Seri Kenangan adalah kurang memuaskan kerana pagar telah rosak dan ianya membahayakan keselamatan penghuni.

b) Perkhidmatan Di Rumah Seri Kenangan

Pendekatan amalan cara hidup sihat yang merangkumi pemakanan yang seimbang, bersenam secara tetap mengikut keperluan, mendapatkan pemeriksaan kesihatan, meluangkan masa untuk beribadat, melakukan aktiviti riadah secara berkumpulan dan tidur yang cukup boleh meningkatkan kualiti hidup warga tua. Semakan Audit mendapati Jabatan telah memberi perkhidmatan seperti penjagaan dan perlindungan, kaunseling dan bimbingan, terapi cara kerja, kemudahan beribadat, riadah dan rawatan perubatan selaras dengan tujuan penubuhan Rumah Seri Kenangan. Selain itu, Jabatan juga telah melaksanakan aktiviti tertentu mengikut perkhidmatan yang diberikan bagi menggalak penyertaan warga tua terlibat secara aktif. Tujuan aktiviti diadakan untuk memenuhi masa lapang penghuni, menggalak interaksi sesama penghuni, memupuk semangat tanggungjawab, kerjasama dan membentuk keyakinan diri. Bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006, sebanyak 36 aktiviti telah berjaya dilaksanakan berbanding 37 yang dirancang di Rumah Seri Kenangan Kuching. Manakala bagi Rumah Seri Kenangan Sibu, sebanyak 52 aktiviti telah dilaksanakan berbanding 69 aktiviti yang dirancang. Aktiviti tersebut termasuk Hari Terbuka Rumah Seri Kenangan, sambutan Hari Warga Tua, ceramah kesihatan, ceramah agama, Majlis Tilawah Al-Quran dan nasyid serta sembahyang berjemaah sempena menyambut Hari Kebangsaan. Program lain yang dilaksanakan ialah majlis ramah mesra dan jamuan sempena perayaan semua kaum, majlis sambutan hari jadi penghuni, sukaneka, lawatan ke luar kawasan, perkelahan dan pertandingan nyanyian.

i) Penjagaan Dan Perlindungan

Jabatan telah menyediakan tempat tinggal, makan dan minum, pakaian dan barangan keperluan asas harian kepada penghuni Rumah Seri Kenangan Kuching dan Sibu. Lawatan Audit ke Rumah Seri Kenangan berkenaan mendapati kawasan persekitaran dan asramanya bersih dan cantik. Adalah diperhatikan juga kakitangan membantu memandikan, menyuap makanan dan mencuci pakaian kepada penghuni yang uzur. Rumah Seri Kenangan juga telah mengagih wang saku sebanyak RM10 seorang sebulan kepada penghuni. Semakan Audit terhadap rekod yang diselenggarakan mendapati bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006, Rumah Seri Kenangan Kuching telah membayar sejumlah RM33,000 wang saku kepada penghuninya. Manakala Rumah Seri Kenangan Sibu telah membayar sejumlah RM25,510.

Selain itu, Jabatan juga terlibat dalam urusan pengebumian jenazah penghuni di Rumah Seri Kenangan. Pegawai di Rumah Seri Kenangan merujuk fail peribadi serta kandungan wasiat apabila menerima laporan kematian penghuni. Laporan kematian dimaklumkan ke Jabatan Pendaftaran Negara. Bagi urusan pengebumian jenazah orang Islam di Rumah Seri Kenangan Kuching, bantuan diperolehi sama ada daripada keluarga atau waris terdekat dan Lembaga Amanah Kebajikan Masjid Negeri Sarawak. Pihak Lembaga Amanah Kebajikan Masjid Negeri Sarawak mengenakan kadar bayaran minimum pengurusan jenazah sejumlah RM350 hingga RM450. Bagi jenazah di kalangan kaum lain, kebiasaannya bantuan diperolehi daripada persatuan atau badan keagamaan berkenaan. Manakala urusan pengebumian jenazah penghuni beragama Islam dari Rumah Seri Kenangan Sibu diurus melalui Lembaga Amanah Kebajikan Islam Sibu dan bukan beragama Islam diserahkan kepada pihak kontraktor yang mengendalikan upacara pengebumian dengan bayaran perkhidmatan sejumlah RM600.

Bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006, semakan Audit mendapati hanya 6 penghuni yang diserahkan balik kepada ahli keluarga mereka. Temu bual pihak Audit dengan pegawai di Rumah Seri Kenangan memaklumkan dalam kebanyakan kes, penghuni akan tinggal di Rumah Seri Kenangan hingga ke akhir hayat tanpa menerima kunjungan keluarga.

ii) Kaunseling Dan Bimbingan

Sokongan sosial yang positif menjadi sumber kekuatan emosi warga tua terutamanya mereka yang mengalami kemurungan akibat putusny hubungan

peribadi dengan orang lain, kesunyian dan masalah interaksi. Perkhidmatan kaunseling dan bimbingan diberikan sama ada secara individu atau berkelompok serta mengadakan sesi dialog atau perbincangan. Semakan Audit mendapati Pengetua di Rumah Seri Kenangan Kuching dan Sibui mengambil pendekatan berjumpa penghuni untuk mengetahui perkembangan dan mengendalikan sesi runding cara bagi menyelesaikan masalah penghuni. Laporan disediakan dan dimasukkan ke fail peribadi penghuni. Bagaimanapun, perkhidmatan kaunseling dan bimbingan tidak diberi secara berjadual. Pihak Audit dimaklumkan perkara ini berlaku kerana tiada jawatan kaunselor diwujudkan dan pegawai tidak dapat memberi tumpuan disebabkan mereka dikehendaki menjalankan pelbagai tugas lain. Jabatan perlu memberi perhatian sewajarnya terhadap sesi kaunseling dengan mengadakan jadual tertentu kerana pengabaian boleh memberi kesan terhadap kebajikan warga tua dari segi emosi, penjagaan fizikal, mental dan rohani. Dialog perlu diadakan bagi memberi peluang warga tua meluahkan pendapat dan berkongsi idea. Informasi yang diperolehi boleh mempertingkatkan kesejahteraan dan kualiti hidup warga tua.

iii) Terapi Cara Kerja

Perkhidmatan terapi cara kerja dilaksanakan untuk mengekalkan kesihatan dan perkembangan positif, keyakinan dan potensi penghuni ke tahap maksimum supaya mereka dapat hidup berdikari. Lawatan Audit ke Rumah Seri Kenangan mendapati Jabatan telah menyediakan terapi cara kerja meliputi kerja kraf tangan, jahitan, aktiviti berkebun/tanaman sayuran dan menternak binatang seperti ayam, itik dan ikan. Selain itu, penghuni juga digalakkan membantu menanam bunga dan membantu di dapur. Bengkel terapi kerja dibuka setiap hari bermula pukul 8.00 pagi hingga 10.00 pagi kecuali pada hari kelepasan am. Di Rumah Seri Kenangan Kuching, seramai 7 orang penghuni terlibat dengan aktiviti terapi kerja seperti membuat kiub blok, patung, sarung kusyen, kotak gambar dan lapik kaki seperti di **Foto 8**.

Foto 8
Warga Tua Sedang Menjalankan
Aktiviti Terapi Kerja Membuat Kiub Blok



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak
Tarikh : 13.04.2006
Lokasi : Rumah Seri Kenangan Kuching

Bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006 sejumlah RM2,040 telah dipungut hasil jualan kepada orang ramai sempena Hari Terbuka Rumah Seri Kenangan Kuching dan hasil jualan tersebut di masuk ke akaun Tabung Amanah Lembaga Pelawat. Bagi terapi kerja ternakan ayam, itik dan ikan dijalankan secara kecil-kecilan oleh penghuni. Seramai 4 orang penghuni yang terlibat dalam projek tersebut. Bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006, sejumlah RM9,178 telah dikutip hasil jualan kepada orang ramai sempena Hari Terbuka Rumah Seri Kenangan. Pihak Rumah Seri Kenangan Kuching mendapat bantuan kewangan daripada pihak Lembaga Pelawat dan bantuan nasihat daripada pihak Jabatan Pertanian. Seramai 3 orang penghuni terlibat dalam aktiviti penanaman sayuran seperti sawi manis, cangkuk manis, serai, lengkuas dan jagung di sekitar kawasan tanah yang masih kosong. Manakala di Rumah Seri Kenangan Sibu, seramai 2 penghuni terlibat dalam terapi kerja membuat kraf tangan seperti jahitan tampung seribu dan alas kaki. Seramai 4 penghuni terlibat dalam penanaman sayuran seperti kekacang, sawi, pucuk manis dan serai.

iv) Kemudahan Beribadat

Jiwa warga tua perlu dibantu untuk melakukan ibadat keagamaan bagi memberi ketenangan. Penghuni diberi bimbingan agama dan kemudahan menunaikan ibadat mengikut kepercayaan masing-masing. Lawatan Audit ke Rumah Seri Kenangan mendapati aktiviti yang dijalankan di bawah

perkhidmatan kemudahan beribadat adalah seperti sembahyang berjemaah, kelas fardu ain bagi orang Islam dan kelas bersembahyang setiap hujung minggu untuk penghuni yang bukan beragama Islam. Kemudahan beribadah seperti surau disediakan oleh Rumah Seri Kenangan Kuching dengan mengadakan solat berjemaah dan kelas fardu ain yang dikelolakan oleh penduduk kampung yang berdekatan. Ceramah sempena sambutan Maal Hijrah, majlis berbuka puasa dan solat tarawih. Majlis Tilawah Al-Quran dan Pertandingan Nasyid Peringkat Kebangsaan juga disertai oleh penghuni. Sebuah gereja kecil yang dibina oleh sukarelawan Kristian bersebelahan dengan blok penghuni bagi mengadakan sembahyang pada hari minggu dan perjumpaan keagamaan. Penghuni beragama Buddha pula mengadakan upacara sembahyang bersama dengan sukarelawan yang membawa mereka ke tokong Buddha di bandar yang berdekatan.

v) Aktiviti Riadah

Aktiviti riadah meliputi program senaman, lawatan ke luar kawasan Rumah Seri Kenangan, nyanyian karaoke, menonton televisyen, majlis sambutan hari jadi penghuni atau hari perayaan mengikut kaum. Program senaman diadakan untuk menggalak penghuni mengamalkan cara hidup sihat di samping beriadah bersama kakitangan atau pihak luar. Semakan Audit terhadap rekod di Rumah Seri Kenangan mendapati senaman ringan tidak mendapat sambutan daripada penghuni disebabkan keletihan dan kurang berminat. Adalah dicadangkan supaya amalan gaya hidup sihat seperti bersenam perlu diaktifkan semula melalui penglibatan yang tetap dan aktiviti fizikal yang sederhana. Ini boleh mengurangkan kecederaan dan melambatkan risiko kematian. Dari segi ekonomi, warga tua yang aktif secara fizikal mengurangkan kos perubatan.

Bagaimanapun, sambutan hari perayaan pelbagai kaum diadakan setiap tahun seperti sambutan Hari Raya Aidilfitri dan Aidiladha, Tahun Baru Cina, Hari Gawai, Hari Krismas dan Hari Warga Tua. Perayaan tersebut juga diraikan bersama dengan majlis hari jadi penghuni. Sambutan hari jadi penghuni diadakan 4 kali setahun. Sambutan hari perayaan diadakan di dewan makan bersekali dengan program seperti majlis makan malam, cabutan bertuah dan nyanyian karaoke. Selain daripada kakitangan Rumah Seri Kenangan, pegawai dari Ibu Pejabat dan pihak Lembaga Pelawat juga dijemput bersama untuk memeriahkan sambutan hari perayaan dan hari jadi. Semakan Audit terhadap rekod yang diselenggarakan di Rumah Seri

Kenangan mendapati penglibatan Pertubuhan Bukan Kerajaan amat menggalakkan. Kerjasama diberikan terutamanya menjelang hari perayaan di mana sumbangan yang diberikan bukan sahaja setakat menganjur aktiviti bersama warga tua tetapi memberi sumbangan dalam bentuk wang tunai, makanan kering, beras, peralatan elektrik dan kain baju. Selain itu, kerja kemasyarakatan seperti menghidang makanan penghuni, karaoke bersama penghuni, lawatan amal, gotong royong seperti mengecat bangunan dan menggunting rambut penghuni juga dilakukan.

vi) Rawatan Perubatan

Jagaan kesihatan perlu dititikberatkan untuk membantu warga tua mengekal atau memulihkan tahap kesihatan fizikal, mental dan emosi serta mencegah daripada jangkitan penyakit. Pemeriksaan kesihatan perlu dilakukan dari semasa ke semasa terutama mereka yang menghidap penyakit kronik seperti *diabetes*, jantung dan buah pinggang. Ubatan yang diberi hendaklah direkodkan dan disediakan mengikut dos dan jenis ubat yang betul. Pada masa yang sama, kakitangan perlu merawat dan melayan setiap warga tua dengan baik serta menghormati harga diri dan maruah penghuni. Semakan Audit terhadap rekod kesihatan penghuni mendapati lawatan harian ke asrama untuk memeriksa kesihatan penghuni ada dijalankan. Pemeriksaan kesihatan berkala dibuat untuk memastikan tahap kesihatan warga tua dapat dipantau bersesuaian dengan peringkat umur mereka. Setakat bulan Mei 2006, semakan Audit terhadap rekod kesihatan mendapati seramai 118 daripada 147 penghuni di Rumah Seri Kenangan Kuching dan Sibu menghidap pelbagai penyakit seperti kencing manis, barah, darah tinggi, asma, jantung, kulit, katarak, lumpuh dan mental. Rekod kesihatan penghuni menunjukkan pesakit yang perlu mendapat rawatan lanjut ke klinik dan hospital dilakukan setiap bulan atau bergantung kepada temu janji rawatan. Pihak Audit juga mendapati seorang penyelia asrama, tiga orang tukang masak dan 4 orang penghuni yang membantu di bahagian dapur sebagai tukang cuci pinggan mangkuk dan mengendalikan makanan yang bertugas di bahagian dapur belum mendapatkan pemeriksaan kesihatan tahunan. Pemeriksaan kesihatan berkala tahunan ini penting untuk menjamin tubuh badan pengendali makanan sihat dan tidak mengidap penyakit seperti batuk kering, darah tinggi, sakit jantung dan sebagainya.

Pada pendapat Audit, secara amnya perkhidmatan yang diberikan dan aktiviti yang dilaksanakan di Rumah Seri Kenangan Kuching dan Sibu adalah

mencukupi. Aktiviti yang dianjurkan telah berjaya merapatkan hubungan silaturahim antara penghuni, Pertubuhan Bukan Kerajaan dan orang awam.

c) Sajian Pemakanan Di Rumah Seri Kenangan

Pemakanan yang sihat merangkumi pelbagai jenis makanan berasaskan piramid makanan, makan mengikut keperluan umur dan badan, mengurangkan pengambilan makanan berlemak, tinggi kandungan gula dan garam serta minum air secukupnya. Semakan Audit terhadap rekod penyediaan makanan di Rumah Seri Kenangan Kuching mendapati makanan dan minuman untuk penghuni disediakan sebanyak 5 kali sehari iaitu sarapan pagi, minum pagi, makan tengah hari, minum petang dan makan malam. Rumah Seri Kenangan Kuching menyediakan 2 jenis menu yang berlainan mengikut minggu tertentu dalam sebulan. Bagaimanapun, menu yang disediakan adalah untuk sarapan pagi, makan tengah hari dan makan petang, tidak termasuk minum pagi dan petang. Menu tersebut disediakan pada tahun 2004 dan belum dikaji semula.

Bagi penghuni di Rumah Seri Kenangan Sibu pula, penghuni juga disediakan makan dan minum sebanyak 5 kali sehari iaitu sarapan pagi, minum pagi, makan tengah hari, minum petang dan makan malam. Rumah Seri Kenangan Sibu menyediakan 2 jenis menu yang berlainan iaitu 1 menu untuk penyediaan makanan bagi minggu pertama dan ketiga, manakala 1 menu lagi adalah untuk penyediaan makanan minggu kedua dan keempat. Menu ini dikaji dan ditukar 6 bulan sekali.

Bagi kedua-dua Rumah Seri Kenangan tersebut, makanan yang dihidangkan berasas kepada menu yang disediakan oleh Penyelia Asrama dan dipersetujui oleh Pengetua. Makanan yang disediakan adalah sama untuk semua penghuni walaupun ada di antara penghuni mengidap berbagai jenis penyakit seperti *diabetes*, darah tinggi dan penyakit kulit. Adalah difahamkan bahawa menu tersebut tidak pernah dirujuk kepada Jabatan Kesihatan Negeri untuk memberi pandangan berhubung tahap nutrisi pemakanan warga tua terutama mereka yang mengidap penyakit kronik. Menurut Buku Panduan Untuk Penjaga Warga Tua yang dikeluarkan oleh Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga, Kementerian Kesihatan Malaysia anggaran yang boleh digunakan ketika menyediakan makanan warga tua adalah seperti di **Jadual 11**.

Jadual 11
Menu Makanan Untuk Warga Tua

Waktu Makan	Jenis Makanan Dan Sukatan	Contoh Sajian Harian
Sarapan Pagi	1 cawan nasi atau mi <i>atau</i> 2 cawan bubur nasi <i>atau</i> 2 keping roti <i>dan</i> 1 cawan minuman bersusu	1 mangkuk kecil mi sup + bebola daging + sawi + daun sup 1 cawan minuman bersusu
Minum Pagi	1 keping kuih <i>atau</i> 3 keping biskut <i>dan</i> 1 cawan minuman bersusu	1 keping apam dengan sedikit kelapa 1 cawan minuman bersusu
Makan Tengah hari	1 cawan nasi atau mi <i>atau</i> 2 cawan bubur nasi, ½ cawan sayur, 1 ekor ikan atau 1 ketul ayam, 1 potong buah <i>dan</i> 1 gelas air kosong	1 cawan nasi yang dimasak lembut 1 piring kacang panjang goreng 1 ketul ikan masak asam pedas + terung 1 biji pisang 1 gelas air kosong
Minum Petang	1 keping kuih <i>atau</i> 3 keping biskut <i>dan</i> 1 cawan minuman bersusu	1 keping lepat pisang 1 cawan minuman bersusu
Makan Malam	1 cawan nasi atau mi <i>atau</i> 2 cawan bubur nasi, ½ cawan sayur, 1 ekor ikan atau 1 ketul ayam, 1 potong buah <i>dan</i> 1 gelas air kosong	1 cawan nasi yang dimasak lembut 1 biji telur masak kicap 1 cawan sup labu air + ikan bilis 1 potong betik 1 gelas air kosong
Minum Malam	1 keping kuih <i>atau</i> 3 keping biskut <i>dan</i> 1 cawan minuman bersusu	3 keping biskut krim kraker 1 cawan minuman bersusu

Sumber : Buku Panduan Untuk Penjaga Warga Tua, Kementerian Kesihatan

Nota: Anggaran ini perlu diubahsuai jika warga tua berpenyakit

Sehubungan itu, Jabatan disyorkan untuk mendapat nasihat daripada pihak Jabatan Kesihatan Negeri mengenai anggaran penyediaan makanan yang sesuai bagi warga tua terutamanya bagi warga tua yang mengidap penyakit jantung, *diabetes*, berlebihan berat badan atau lain-lain penyakit. Rumah Seri Kenangan Kuching telah menghantar menu kepada Jabatan Kesihatan Bahagian dan Jabatan Kesihatan Bahagian mengesahkan pada menu yang disediakan tanpa ada komen selanjutnya. Sementara itu, Rumah Seri Kenangan Sibu telah memaklumkan kepada pihak Jabatan Kesihatan untuk mendapat pandangan tentang penyediaan makanan yang sesuai untuk warga tua.

Pada pendapat Audit, sajian pemakanan yang disediakan adalah memadai. Bagaimanapun, ia tidak mengambil kira tahap kesihatan penghuni yang mengidap pelbagai penyakit termasuk penyakit kronik yang boleh menjejaskan kesihatan penghuni berkenaan.

- **Pemesanan Dan Penerimaan Catuan Makanan**

Bagi Rumah Seri Kenangan Kuching dan Sibu, pesanan bekalan makanan dibuat dengan mengguna borang pesanan yang dikeluarkan oleh Penyelia

Asrama 1 minggu sebelum bahan makanan tersebut diperlukan. Penghantaran pula dibuat 3 kali seminggu iaitu pada hari Isnin, Rabu dan Jumaat. Semasa penerimaan bahan makanan, pengesahan terhadap kuantiti, kualiti dan jenama diperiksa oleh Penyelia Asrama dan Tukang Masak yang bertugas ataupun seorang wakil daripada Bahagian Pentadbiran sekiranya Penyelia Asrama tidak ada. Bagaimanapun, Jawatankuasa Pemakanan tidak diwujudkan bagi mengawasi kuantiti dan kualiti makanan yang diterima dan di sedia.

Pemeriksaan Audit di kedua-dua Rumah Seri Kenangan tersebut mendapati rekod bekalan makanan yang diterima tidak diselenggarakan. Bagi Rumah Seri Kenangan Kuching penyelia asrama hanya menyelenggarakan sebuah buku rekod bagi mencatat tarikh dan masa pembekal menghantar makanan, bekalan makanan yang belum dibekalkan dan juga bahan makanan yang diganti. Buku rekod ini telah disemak oleh Pengetua dari masa ke semasa. Menurut buku rekod berkenaan bagi pembekalan tahun 2004 dan tahun 2005 diperhatikan beberapa kes makanan diganti dan lewat dibekalkan. Penggantian ini telah dipinda di dalam borang pesanan. Bagi Rumah Seri Kenangan Sibu pula, buku rekod sedemikian tidak diselenggarakan sebaliknya penggantian hanya dipinda di dalam borang pesanan. Selain itu, rekod/daftar yang berasingan untuk merekodkan bahan makanan yang ditolak atau diganti tidak diselenggarakan. Rekod ini perlu bagi membantu memantau prestasi pembekal dan mengambil tindakan yang sewajarnya sekiranya ada bahan yang tidak mencukupi dan tidak mematuhi spesifikasi kontrak. Pihak Rumah Seri Kenangan perlu memastikan bahan makanan yang dipesan tidak sewenangnyanya diganti atau ditukar oleh pembekal tanpa kelulusan terlebih dahulu. Bagaimanapun, rekod pesanan dan penerimaan bekalan makanan telah diselenggarakan selepas dinasihatkan oleh pihak Audit.

Pada pendapat Audit, penyelenggaraan rekod terhadap pemesanan dan penerimaan bekalan makanan adalah kurang memuaskan. Akibatnya, Jabatan tidak dapat mengesahkan sama ada kuantiti makanan yang diterima adalah seperti yang dipesan dan spesifikasi yang ditetapkan. Selain itu, keadaan ini menyukarkan penilaian terhadap perkhidmatan yang diberi oleh pembekal kepada Rumah Seri Kenangan dan juga proses pembayaran yang hendak dibuat.

5.2.9 Prestasi Kewangan

a) Pengurusan Peruntukan Yang Diterima

Bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006, sejumlah RM12.07 juta atau 76.3% telah dibelanjakan berbanding dengan sejumlah RM15.81 juta peruntukan yang diterima bagi membiayai Bantuan Orang Tua. Bagi tempoh yang sama, sejumlah RM2.12 juta atau 85% telah dibelanjakan daripada RM2.48 juta peruntukan yang diterima untuk perbelanjaan mengurus bagi Rumah Seri Kenangan Kuching dan Sibu. Daripada perbelanjaan tersebut, Rumah Seri Kenangan Kuching telah membelanjakan sejumlah RM52,266 dan sejumlah RM64,189 di Rumah Seri Kenangan Sibu untuk kerja penyenggaraan dan pembaikan. Manakala di bawah peruntukan pembangunan, sejumlah RM336,584 dan RM390,304 telah dibelanjakan untuk tambahan kemudahan asas di Rumah Seri Kenangan Kuching dan Sibu.

Pada pendapat Audit, peruntukan yang diterima telah diuruskan dengan baik di mana perbelanjaan tidak melebihi peruntukan.

b) Pengurusan Perolehan Bekalan Dan Kerja/Perkhidmatan

Kementerian Pembangunan Sosial Dan Urbanisasi telah mengeluarkan memorandum rasmi pada awal bulan Mac 2003 berkaitan prosedur pengendalian perolehan bekalan dan kerja/perkhidmatan kepada semua Jabatan/Agensi di bawah kawalannya termasuk Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri. Semakan Audit di Ibu Pejabat Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006 mendapati perkara berikut :

i) Pembelian Terus

Semakan Audit mendapati pembelian terus untuk pakaian bernilai RM24,652 pada tahun 2004 dan RM27,238 pada tahun 2005 telah dibuat tanpa mempelawa sebut harga walaupun perolehan/pembelian barangan tersebut melebihi RM10,000. Pembelian tersebut adalah bagi membekal pakaian lelaki dan wanita untuk kegunaan harian dan juga sempena hari keraian atau perayaan seperti sambutan Hari Warga Tua, Hari Raya Aidil Fitri, Hari Tahun Baru Cina dan Hari Gawai. Menurut peraturan Kerajaan, pembelian/perolehan mana-mana barangan yang sama/berkaitan pada tahun yang sama dan jumlahnya melebihi RM10,000 hendaklah dibuat secara sebut harga.

ii) Tender

Nilai harga kontrak bagi pembekalan makanan ke Rumah Seri Kenangan Kuching ialah RM180,000 setahun dan bagi pembekalan makanan ke Rumah Seri Kenangan Sibu ialah RM140,000 setahun. Semakan Audit mendapati sebanyak 7 penender telah menyertai tender untuk pembekalan makanan ke Rumah Seri Kenangan Kuching bagi tempoh 1 Mac 2003 hingga 28 Februari 2005. Lembaga Tender Negeri telah menawarkan kontrak kepada Seal Services Kuching. Manakala bagi tempoh 1 April 2005 hingga 31 Mac 2007, sebanyak 11 penender telah menyertai tender dan Lembaga Tender Negeri telah menawarkan kontrak kepada Syarikat Perniagaan Dasra. Bagi tender pembekalan makanan ke Rumah Seri Kenangan Sibu, sebanyak 6 penender telah menyertainya. Lembaga Tender Negeri, Bahagian Sibu telah menawarkan tender kepada Unilinks Enterprise bagi tempoh 1 Disember 2004 hingga 30 November 2006.

Semakan Audit mendapati Rumah Seri Kenangan Kuching telah membayar sejumlah RM192,150 bagi tempoh 1 Mac 2003 hingga 28 Februari 2005 kepada Seal Services Kuching. Bagi tempoh 1 April 2005 hingga bulan Jun 2006 sejumlah RM165,471 telah dibayar kepada Syarikat Perniagaan Dasra. Manakala bagi kontrak pembekalan makanan ke Rumah Seri Kenangan Sibu, sejumlah RM197,079 telah dibayar kepada Unilinks Enterprise. Semakan Audit terhadap rekod Jabatan mendapati proses tender telah dipatuhi di mana potongan harga yang diberikan sebanyak 15 hingga 28 peratus mengikut kategori barang adalah praktikal dan tidak menjejaskan kemampuan pembekal membekal dan menghantar bekalan dengan sempurna dari segi kuantiti dan kualiti. Perjanjian kontrak telah ditandatangani antara Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri dengan syarikat pembekal. Semakan Audit seterusnya terhadap dokumen perjanjian kontrak mendapati Jabatan telah menetapkan syarat kontrak, spesifikasi barang dan jadual harga bahan makanan yang dibekalkan. Pihak syarikat juga telah membayar cagaran bon pelaksanaan dalam bentuk jaminan bank bernilai RM4,500 (2.5%) daripada harga kontrak RM180,000 bagi Rumah Seri Kenangan Kuching dan RM3,660 bagi Rumah Seri Kenangan Sibu.

Pada pendapat Audit, kaedah perolehan bekalan dan perkhidmatan telah dilaksanakan dengan baik dan teratur.

5.2.10 Guna Tenaga Dan Latihan

Bagi memastikan pengurusan Bantuan Orang Tua dan Rumah Seri Kenangan berjalan dengan lancar, Jabatan telah merangka keperluan guna tenaga berdasarkan struktur pengurusan dan program latihan kakitangan seperti di bawah :

a) Struktur Organisasi

Jabatan telah diluluskan seramai 82 jawatan perkhidmatan sosial iaitu 66 jawatan tetap, 13 jawatan sementara dan 3 jawatan tambahsentara terdiri daripada Pengarah Kebajikan Masyarakat Gred S54 hingga Pembantu Pembangunan Masyarakat Gred S17 di Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri. Semakan Audit mendapati kesemua jawatan telah diisi kecuali 1 jawatan Pegawai Pembangunan Masyarakat Gred S44, dua jawatan Pegawai Pembangunan Masyarakat Gred S41 (Khas Untuk Penyandang), empat jawatan Penolong Pegawai Pembangunan Masyarakat Gred S27, satu jawatan Pembantu Pegawai Pembangunan Masyarakat Gred S26 dan 2 jawatan Pembantu Pembangunan Masyarakat Gred S17.

Tiada kekosongan jawatan di Seksyen Keluarga Dan Warga Tua dan Seksyen Pembangunan Sosio Ekonomi Dan Bantuan. Tiga jawatan masih belum diisi secara hakiki di Rumah Seri Kenangan Kuching iaitu Jururawat Gred U29, Jururawat Desa Gred U17 dan Tukang Masak Gred N1. Bagaimanapun, jawatan Jururawat Gred U29 telah diisi secara kontrak. Manakala Rumah Seri Kenangan Sibul, sebanyak 20 jawatan telah diisi secara hakiki kecuali jawatan Penyelia Asrama Gred N17 telah diisi secara sementara.

Pada akhir tahun 2006, Jabatan telah mengemukakan kertas cadangan iaitu Kertas Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri kepada Unit Perancangan Sumber Manusia, Jabatan Ketua Menteri mengenai cadangan menambah jawatan baru. Sebanyak 33 jawatan baru bertaraf tetap dan tidak berpencen seperti 11 jawatan Pegawai Pembangunan Masyarakat Gred S41, sembilan belas jawatan Penolong Pegawai Pembangunan Masyarakat Gred S27 dan 3 jawatan Pembantu Pembangunan Masyarakat Gred S17 telah dimohon oleh Jabatan. Antara sebab kertas cadangan dikemukakan adalah untuk memastikan penyampaian perkhidmatan yang berkualiti diberi kepada masyarakat kesan daripada rungutan penduduk terhadap keberkesanan perkhidmatan, beban kerja mengurus peruntukan bantuan kewangan dan bilangan permohonan bantuan kewangan yang semakin meningkat.

Pada pendapat Audit, struktur pengurusan terutamanya melibatkan pengisian jawatan adalah memuaskan. Beban kerja yang bertambah telah

mengakibatkan ketidakpuasan hati masyarakat terhadap perkhidmatan yang diberi oleh Jabatan dan ketidakpatuhan terhadap proses kerja yang ditetapkan. Bagaimanapun, usaha Jabatan untuk menambah kakitangan akan meningkatkan keberkesanan perkhidmatan kepada masyarakat.

b) Latihan

Latihan secara berterusan kepada kakitangan terutamanya kursus berkaitan psikologi adalah penting bagi memahirkan kakitangan cara berkomunikasi, mendengar dan memahami masalah serta perasaan secara jelas dan berkesan dengan klien. Kursus dan latihan yang bersesuaian dapat membantu meningkatkan kefahaman dan kemahiran kakitangan berurusan dengan warga tua. Semakan Audit mendapati latihan untuk kakitangan adalah diselaraskan oleh Seksyen Pentadbiran Dan Kewangan di Ibu Pejabat. Pejabat Bahagian dan Rumah Seri Kenangan ada mengemukakan calon dan kelulusan diputuskan oleh Ibu Pejabat Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri. Semakan Audit seterusnya mendapati seramai 74 pegawai telah menghadiri pelbagai kursus/seminar yang berkaitan bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006 seperti yang dirancang oleh Jabatan. Antara kursus/seminar tersebut adalah Kursus Pengurusan Dan Pentadbiran, Kursus Lanjutan Kerja Sosial, Bengkel *Ageing In Sarawak: Current Issue And Future Directions*, *The 31st International Conference On Social Welfare*, Kursus Perakaunan Dan Kewangan, Kursus Asas Pembantu Kebajikan, *Knowledge Management* Dalam Organisasi Sosial, Kursus Komunikasi Berkesan Dalam Agensi Pembangunan, Kursus Asas Pegawai Dan Penolong Pegawai Kebajikan Masyarakat Sosial, Kursus Pengurusan Warga Tua Di Rumah Seri Kenangan dan Seminar Memupuk Kehidupan Keluarga Dan Perkongsian Berkesan serta Seminar Kaunseling Kebangsaan.

Pada pendapat Audit, usaha Jabatan untuk menghantar kakitangan menghadiri kursus/latihan yang dianjurkan oleh Agensi lain adalah memuaskan.

5.2.11 Publisiti

Publisiti adalah penting untuk memastikan maklumat mengenai perkhidmatan yang diberi oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat dapat disampaikan kepada kumpulan sasaran yang ditetapkan. Jabatan telah menggunakan pelbagai kaedah publisiti iaitu iklan dan artikel di surat khabar, liputan berita menerusi siaran radio dan televisyen dan kain rentang atau banting. Semakan Audit terhadap fail, keratan surat khabar dan juga baucar bayaran mendapati bagi tempoh tahun 2003 hingga 2006 sejumlah RM6,016

telah dibelanjakan oleh Jabatan bagi mengadakan publisiti seperti iaitu 55 kali menerusi iklan atau artikel surat khabar, dua kali liputan berita menerusi siaran radio atau televisyen dan 2 kali melalui bahan cetakan iaitu kain rentang/banting. Publisiti mengenai tanggungjawab bersepadu daripada semua anggota masyarakat, pertubuhan sukarela dan badan korporat dituntut supaya bersama melaksanakan kewajipan sosial bagi merealisasikan Dasar Warga Tua Negara. Jabatan telah mempertingkatkan kerjasama dengan Jawatankuasa Kecil Kebajikan Kampung, penghulu, jiran dan masyarakat setempat supaya mereka memberi maklumat mengenai warga tua yang perlu diberi bantuan kerana para pegawai Jabatan sahaja tidak akan mampu mengesan mereka. Publisiti yang disiarkan dalam surat khabar dengan memaparkan kisah sedih dan keluhan warga tua telah menyedarkan masyarakat. Ini boleh diperhatikan melalui kunjungan yang semakin meningkat ke Rumah Seri Kenangan. Sesungguhnya kesedaran perlu ditanam dalam jiwa masyarakat bahawa keluarga yang ada harus menjaga warga tua dan bukannya menghantar ke Rumah Seri Kenangan bagi menghabiskan sisa hidup yang ada.

Pada pendapat Audit, publisiti yang dibuat adalah mencukupi dalam menyedarkan masyarakat mengenai kepentingan menjaga warga tua.

Secara keseluruhannya, pada pendapat Audit pelaksanaan pengurusan skim bantuan kewangan dan kebajikan warga tua di Rumah Seri Kenangan kurang memuaskan dari aspek proses permohonan, penyelenggaraan rekod, pengurusan aset dan pengurusan stor. Akibatnya, warga tua yang memerlukan bantuan kewangan tidak mendapat bantuan sewajarnya, wang yang terlebih dibayar serta kedudukan sebenar permohonan dan penerima bantuan sukar diketahui. Selain itu, pengambilan masuk penghuni ke Rumah Seri Kenangan yang tidak layak boleh mengganggu ketenteraman dan keselamatan penghuni lain.

5.3 PEMANTAUAN

Pemantauan yang rapi terhadap pengurusan bantuan adalah penting untuk memastikan pelaksanaan adalah mengikut garis panduan yang sedia ada demi mencapai objektif Jabatan. Semakan Audit terhadap pemantauan pengurusan bantuan di Ibu Pejabat Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri dan Pejabat Bahagian mendapati perkara berikut:

5.3.1 Peringkat Kementerian

Ibu Pejabat Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri telah mengeluarkan arahan pada tahun 2005 supaya semua Pejabat Bahagian mengemukakan laporan suku tahunan kepada Menteri Muda Kebajikan Dan Hal Ehwal Wanita Negeri Sarawak dan

salinannya kepada Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan status laporan kerana fail berkenaan tidak dikemukakan kepada pihak Audit.

5.3.2 Peringkat Ibu Pejabat Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri

a) Laporan Perangkaan

Pejabat Bahagian dikehendaki menyedia dan mengemukakan Laporan Perangkaan mengenai jumlah penerima bantuan kewangan setiap 3 bulan sekali kepada Ibu Pejabat Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri. Tujuan laporan tersebut untuk memudahkan Jabatan memantau jumlah penerima bantuan, menganalisis perbelanjaan dan menyediakan anggaran peruntukan tahunan. Semakan Audit terhadap fail yang diselenggarakan di Ibu Pejabat mendapati laporan ada disediakan oleh Pejabat Bahagian dan dikemukakan kepada Ibu Pejabat pada setiap suku tahun. Seorang pegawai telah dilantik untuk memantau terhadap laporan tersebut dengan mengumpul dan memastikan setiap Pejabat Bahagian mengemukakan laporan yang diperlukan. Bagaimanapun, semakan Audit seterusnya mendapati 7 laporan yang dikemukakan oleh Pejabat Kebajikan Masyarakat Bahagian ke Ibu Pejabat lewat antara 4 hingga 20 hari berbanding dengan tarikh yang ditetapkan oleh Ibu Pejabat.

b) Mesyuarat Jabatan

Semakan Audit terhadap fail yang diselenggarakan mendapati Jabatan telah mengadakan 3 kali Mesyuarat Jabatan pada tahun 2005 dan sekali pada Jun 2006 yang dipengerusikan oleh Pengarah dan dihadiri oleh semua Penolong Pengarah Pejabat Bahagian serta Ketua Seksyen di Ibu Pejabat Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri termasuk Pengetua Rumah Seri Kenangan. Bagaimanapun, minit Mesyuarat Jabatan bagi tahun 2004 tidak dapat dikemukakan di mana fail berkenaan tidak dapat dikesan kerana Jabatan berpindah pejabat pada tahun 2006. Perkara yang dibentangkan dan dibincangkan dalam mesyuarat seperti ucapan Menteri Muda Kebajikan Dan Hal Ehwal Wanita Negeri Sarawak, ucapan Pengerusi mengenai hal pengurusan dan pengendalian kerja harian, perkara berbangkit seperti pertambahan jawatan, pelupusan aset, pengendalian kes kanak-kanak, kemudahan institusi, statistik dan laporan Ketua Seksyen serta Pejabat Bahagian.

c) Lawatan Naziran

Semakan Audit terhadap fail lawatan naziran yang diselenggarakan mendapati lawatan naziran oleh kakitangan dari Ibu Pejabat ke Pejabat Bahagian juga telah

diadakan sebanyak 4 kali bagi tempoh tahun 2004 hingga bulan Jun 2006. Perkara yang disemak adalah Rekod Pendaftaran Bantuan Permohonan, Rekod Bantuan Dilulus, Rekod Kes Ulang Kaji, Rekod Penerima Melaporkan Diri, Sistem WELCIS dan peruntukan bantuan.

5.3.3 Peringkat Jabatan Kebajikan Masyarakat Bahagian

Pemantauan terhadap Bantuan Orang Tua di peringkat Pejabat Bahagian dilakukan melalui ulang kaji kes. Ibu Pejabat Jabatan Kebajikan Masyarakat telah menetapkan bahawa ulang kaji kes Bantuan Orang Tua hendaklah dibuat sekali setahun untuk memastikan sama ada bantuan perlu ditamatkan, dipindah ke bantuan kewangan lain atau diteruskan berdasar kepada sosio ekonomi semasa penerima bantuan. Semakan Audit terhadap Daftar Ulang Kaji Kes di Pejabat Bahagian Kuching, Sibu dan Bintulu mendapati sebanyak 828 ulang kaji kes telah dibuat pada tahun 2004, sebanyak 295 kes ulang kaji kes pada tahun 2005 dan 45 ulang kaji kes telah dibuat sehingga bulan Mac 2006. Daripada 1,168 ulang kaji kes pada tempoh tahun 2004 hingga 2006, sebanyak 383 atau 32.8% kes diputuskan oleh Jabatan layak untuk terus menerima bantuan kewangan. Sementara itu, sebanyak 445 atau 38.1% kes telah dihentikan bantuan kerana penerima telah meninggal dunia, keluarga telah mampu menyara hidup penerima dan sebanyak 335 atau 28.7% kes telah dipindah ke bantuan kewangan lain. Ulang kaji kes bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006 adalah seperti di **Jadual 12**.

Jadual 12
Ulang Kaji Kes Bantuan Orang Tua Bagi Tahun 2004 Hingga 2006

Pejabat Bahagian	Tahun	Bil. Kes Ulang Kaji Bagi BOT	Bil. Kes Diteruskan	Bil. Kes Dihentikan	Bil. Kes Dipindah Ke Bantuan Lain	Bil. Kes Tidak Dapat Kenal Pasti
Kuching	2004	765	240	288	237	-
	2005	221	51	89	81	-
	2006	11	11	-	-	-
	Jumlah	997	302	377	318	-
Sibu	2004	26	10	13	1	2
	2005	13	8	5	-	-
	2006	19	4	15	-	-
	Jumlah	58	22	33	1	2
Bintulu	2004	37	19	11	7	-
	2005	61	30	20	8	3
	2006	15	10	4	1	-
	Jumlah	113	59	35	16	3
Jumlah Besar		1,168	383	445	335	5

Sumber: Daftar Ulang Kaji Jabatan Kebajikan Masyarakat Bahagian

Nota : BOT - Bantuan Orang Tua

Analisis Audit terhadap 156 doket kes Bantuan Orang Tua yang dipilih mendapati 107 atau 73.3 % daripada 146 ulang kaji kes dibuat melebihi tempoh setahun. Sementara itu, sebanyak 30 doket kes belum diulang kaji kes walaupun telah melebihi tempoh 1

tahun. Bilangan kes ulang kaji yang lewat diproses adalah seperti di **Jadual 13**.

Jadual 13
Kelewatan Ulang Kaji Kes Bagi Tahun 2004 Hingga 2006

Pejabat Bahagian	Bil. Docket Kes Dipilih	Bil. Ulang Kaji Kes Dijalankan	Bil. Ulang Kaji Kes Melebihi 1 Tahun	Bil. Ulang Kaji Kes Dijalankan Dalam Tempoh 1 Tahun	Bil. Kes Ulang Kaji Tidak dijalankan & Melebihi 1 Tahun
Kuching	85	74	48	26	15
Sibu	36	24	16	8	9
Bintulu	35	48	43	5	6
Jumlah	156	146	107	39	30

Sumber: Rekod Jabatan Kebajikan Masyarakat Bahagian

Pihak Audit dimaklumkan bahawa kekerapan ulang kaji kes tidak dilaksanakan mengikut arahan yang ditetapkan kerana kekurangan kakitangan dan beban kerja yang banyak. Di Pejabat Bahagian Kuching hanya mempunyai 4 pegawai bertanggungjawab yang terdiri daripada 2 Penolong Pegawai Pembangunan Masyarakat Gred S27 dan 2 Pembantu Pembangunan Masyarakat Gred S17. Di Pejabat Bahagian Sibu hanya ada 3 pegawai bertanggungjawab yang terdiri daripada seorang Penolong Pegawai Pembangunan Masyarakat Gred S27 dan seorang Pembantu Pembangunan Masyarakat Gred S22 dan seorang Pembantu Pembangunan Masyarakat Gred S17. Di Pejabat Bahagian Bintulu, ada 2 pegawai bertanggungjawab iaitu seorang Penolong Pegawai Pembangunan Masyarakat Gred S27 dan seorang Pembantu Pembangunan Masyarakat Gred S 17.

Selain mengendali Bantuan Orang Tua, pegawai bertanggungjawab berkenaan juga bertanggungjawab untuk mengendalikan pelbagai Skim Bantuan Kewangan lain. Pada amalan sekarang, ulang kaji kes dilaksanakan mengikut budi bicara Penolong Pengarah Kebajikan Masyarakat atau berdasar kepada arahan yang diberi oleh Ibu Pejabat dari masa ke semasa. Pejabat Bahagian tidak menyediakan satu rancangan atau jadual ulang kaji kes kepada pegawai bertanggungjawab. Akibatnya kebanyakan kes tidak dikaji semula mengikut tarikh yang sepatutnya. Bagi kes ulang kaji kes yang telah dibuat, diperhatikan kebanyakan ulang kaji kes dibuat di Pejabat Bahagian dan bukan lawatan siasatan ke rumah penerima bantuan. Jabatan disyorkan merangka jadual perancangan dengan memberi keutamaan ulang kaji kes kepada kes yang belum diulang kaji selama 5 tahun atau kes penerima bantuan yang menerima bantuan melebihi 10 tahun.

Pada pendapat Audit, pemantauan terhadap Skim Bantuan Kewangan dan kebajikan warga tua di Rumah Seri Kenangan Kuching dan Sibu kurang memuaskan. Keadaan ini telah menyebabkan berlakunya kes di mana penerima bantuan masih dibayar

walaupun telah meninggal dunia kerana ulang kaji tidak dibuat mengikut tempoh masa yang ditetapkan.

6. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada umumnya, Jabatan mempunyai perancangan yang baik bagi memberi perlindungan dan penjagaan terhadap warga tua. Bagaimanapun, pelaksanaan perlu dilakukan seiring dengan pembangunan sosio ekonomi bagi mewujudkan masyarakat penyayang dan budaya menyayangi. Sesungguhnya untuk mencapai salah satu Cabaran Wawasan 2020 iaitu mewujudkan sistem sosial yang mengutamakan masyarakat dari diri sendiri dan kebajikan insan perlu kepada sistem kekeluargaan yang kukuh. Usaha ke arah mencapai matlamat Jabatan boleh dipertingkatkan lagi. Sehubungan itu, Jabatan adalah disyorkan:

- i)** Bekerjasama dengan Agensi lain seperti Jabatan Perangkaan dan Jabatan Pendaftaran Negara bagi mendapatkan maklumat/statistik yang lebih tepat mengenai saiz dan peratusan warga tua di Sarawak serta jangka hayat bagi lelaki dan wanita sebagai langkah awal dalam penyediaan perancangan memberi bantuan kepada warga tua.
- ii)** Menggunakan aplikasi program komputer secara bersepadu untuk mewujudkan pangkalan data terhadap bantuan kewangan dan kebajikan warga tua.
- iii)** Penstrukturan semula perjawatan Jabatan diluluskan oleh Kerajaan supaya pengurusan bantuan kewangan kepada warga tua dan kebajikan di Rumah Seri Kenangan dapat dilaksanakan dengan sempurna.
- iv)** Proses kerja dalam pengurusan bantuan kewangan seperti yang ditetapkan MS : ISO 9002:1994 perlu dilaksanakan di semua Pejabat Bahagian.
- v)** Meningkatkan kawalan pengurusan perbelanjaan dan pengurusan aset.
- vi)** Mempertingkatkan usaha publisiti agar aktiviti yang diadakan sampai kepada kumpulan sasaran.

JABATAN KERJA RAYA


PROJEK PENGANTIAN JAMBATAN DI JALAN NEGERI

7. LATAR BELAKANG

7.1 Jabatan Kerja Raya Negeri Sarawak (Jabatan) berfungsi melaksanakan pelbagai projek pembangunan serta menyediakan kemudahan prasarana kepada rakyat seperti membina dan menyenggara bangunan, jalan raya, jambatan dan jeti. Pelaksanaan fungsi untuk menyediakan kemudahan perhubungan yang baik mampu menjana pertumbuhan ekonomi dan sosial penduduk di persekitaran. Bagi melaksanakan fungsi itu, pada tahun 1990 Jabatan telah mula melaksanakan projek penggantian jambatan di Jalan Negeri (Projek) secara berperingkat mengikut keutamaan. Pelaksanaan Projek dibuat berdasarkan peruntukan tahunan yang diluluskan. Bagaimanapun, mulai tahun 2000 Kerajaan telah memutuskan untuk melaksanakan projek ini secara komprehensif. Projek ini melibatkan sebanyak 570 jambatan sementara yang terdiri daripada jambatan *bailey* dan kayu di seluruh Sarawak. Jabatan dikehendaki menjalankan kajian awal meliputi penyiasatan tapak, ujian tanah, kerja ukur, menyediakan pelan reka bentuk, spesifikasi kontrak, menyediakan dokumen tender dan seterusnya mengawasi pembinaan projek.

7.2 Pada awal tahun 1999, Syarikat Titanium Management Sdn. Bhd. (Syarikat) telah diberi hak eksklusif oleh Kerajaan Negeri untuk menjalankan kajian keperluan penggantian jambatan sementara di seluruh Sarawak. Syarikat telah melaksanakan kajian berkenaan dan mengemukakan 1 kertas cadangan *turnkey* - reka dan bina kepada Kerajaan Negeri untuk melaksanakan projek penggantian jambatan sementara. Pada tahun 2000, Kerajaan Negeri telah bersetuju dengan kertas cadangan tersebut dan melantik Syarikat yang sama untuk melaksanakan projek ini dengan kos bernilai RM551.02 juta. Kontrak ini melibatkan penggantian 384 daripada 570 jambatan yang dikenal pasti perlu diganti di seluruh Sarawak dan dijalankan dalam 3 peringkat selama 7 tahun. Projek ini dilaksanakan secara *turnkey* – reka dan bina dan lokasi jambatan yang perlu diganti adalah seperti di **Peta 1**.

Peta 1
Lokasi Dan Bilangan Jambatan Yang Terlibat Dengan
Projek Penggantian Jambatan Di Sarawak



Sumber: Kertas Cadangan Projek

8. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada projek penggantian jambatan di Jalan Negeri telah dilaksanakan dengan cekap dan ekonomik serta mencapai matlamatnya.

9. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

9.1 Skop kajian ini meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan projek penggantian jambatan bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006 dan di mana perlu skop akan diperluaskan ke tahun sebelumnya. Pengauditan dijalankan di Kementerian Pembangunan Infrastruktur Dan Perhubungan, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya, Jabatan Kerja Raya Bahagian Kuching, Samarahan dan Limbang. Pemilihan Bahagian dibuat berdasarkan kepada bilangan jambatan yang dibina dan kos pembinaan yang tinggi.

9.2 Kaedah pengauditan adalah dengan menyemak, mengkaji dan menganalisis data dan maklumat berasaskan rekod, fail, dokumen perjanjian kontrak dan minit mesyuarat yang berkaitan di Kementerian/Jabatan berkenaan. Selain itu, lawatan Audit ke tapak projek di Kuching, Samarahan dan Limbang telah dibuat. Temu bual dengan pegawai yang terlibat juga diadakan untuk mendapat maklumat dan penjelasan lanjut.

10. PENEMUAN AUDIT

10.1 PERANCANGAN

Perancangan yang teliti dan tersusun adalah penting bagi memastikan projek yang dilaksanakan berjalan lancar. Aspek perancangan yang dinilai meliputi perkara seperti berikut:

10.1.1 Dasar Kerajaan Negeri

Dasar Kerajaan Negeri adalah untuk menyediakan kemudahan prasarana yang selesa dan memuaskan kepada semua rakyat untuk meningkatkan aktiviti perniagaan dan sosio ekonomi. Pembinaan projek ini adalah bertujuan untuk mengimbangi projek pembangunan antara Bahagian selaras dengan Dasar Pembangunan Nasional. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri telah merancang mengganti sebanyak 570 jambatan dengan hasrat untuk memperbaiki sistem rangkaian jalan penghubung serta memberikan kemudahan infrastruktur yang lebih baik kepada rakyat.

10.1.2 Garis Panduan Dan Peraturan

Garis panduan yang diguna pakai untuk menyediakan reka bentuk jambatan, membina dan mengawasi projek adalah antaranya *JKR Sarawak Standard Terms of Reference for Roads and Bridges Design Version BS 5400* dan Spesifikasi Piawaian Untuk Kerja Jalan (*Standard Specification For Road Works – Including Bridge Structures*). Bagi pengurusan kontrak pula, ianya adalah tertakluk kepada klausa dalam perjanjian kontrak. Selain itu, Jabatan perlu mematuhi Surat Pekeliling Pengarah Kerja Raya Malaysia yang dikeluarkan dari semasa ke semasa.

a) *JKR Sarawak Standard Terms of Reference for Road and Bridges Design Version BS 5400*

Garis panduan ini mengandungi spesifikasi dan reka bentuk jambatan konkrit termasuk jenis cerucuk dan spesifikasi bahan binaan yang akan digunakan dalam pembinaan jambatan.

b) Spesifikasi Piawaian Untuk Kerja Jalan (Termasuk Struktur Jambatan) JKR/SPJ/1988

Spesifikasi Piawaian Untuk Kerja Jalan (termasuk struktur jambatan) adalah spesifikasi piawaian bagi kerja pembinaan jalan dan jambatan yang antaranya mengandungi standard spesifikasi untuk kerja cerucuk, konkrit, struktur besi, kerja tanah, saliran, lapisan jalan dan *prestressing for structures*.

c) Perjanjian Kontrak

Perjanjian kontrak yang lengkap dan menyeluruh perlu disediakan bagi memastikan projek yang dilaksanakan berjalan dengan teratur dan segala kepentingan Kerajaan dipelihara. Perkara utama yang terkandung dalam perjanjian kontrak adalah Artikel Perjanjian, Surat Setuju Terima, syarat am kontrak, harga kontrak, skop kerja, bon pelaksanaan, insurans dan jadual kadar harga.

10.1.3 Kajian Awal

Pada awal tahun 1999, Syarikat telah diberi hak eksklusif oleh Kerajaan Negeri untuk menjalankan kajian terhadap jambatan sementara di seluruh Sarawak. Syarikat dikehendaki menyediakan kertas cadangan untuk melaksanakan projek penggantian jambatan. Kertas cadangan perlu mengandungi bilangan jambatan yang perlu diganti, melaksanakan penyiasatan tapak, ujian tanah, menyediakan cadangan reka bentuk yang sesuai, menyediakan program pelaksanaan, tempoh yang diperlukan, kaedah pelaksanaan projek, anggaran kos dan cadangan kaedah pembiayaan projek.


10.1.4 Kaedah Pelaksanaan

Pada bulan April 2000, Kerajaan Negeri Sarawak telah bersetuju untuk melaksanakan projek penggantian jambatan secara *turnkey* seperti yang dicadangkan oleh Syarikat. Kerajaan Negeri juga bersetuju melantik Syarikat sebagai kontraktor untuk menjalankan projek penggantian jambatan secara *turnkey*- reka dan bina . Projek ini akan dilaksanakan secara berperingkat dalam 93 pakej yang melibatkan penggantian 384 jambatan dan akan dilaksanakan dalam tempoh 7 tahun. Pembayaran kepada kontraktor akan dibuat secara bulanan berdasarkan kepada kemajuan kerja yang dicapai. Bagi melaksanakan projek ini, Kerajaan telah menetapkan sejumlah RM500 juta sebagai nilai skim di mana peruntukan tahunan adalah sejumlah RM50 juta. Kerajaan bersetuju untuk menerima kaedah pembayaran tertunda jika sekiranya jumlah peruntukan tersebut tidak mencukupi bagi membiayai kos pembinaan.

10.1.5 Skop Dan Komponen Projek

Skop kerja yang terlibat dengan projek penggantian jambatan ialah menjalankan ujian ketahanan tanah, mereka bentuk kejuruteraan jambatan termasuk menyediakan pelan lukisan dan spesifikasi, membina dan menyiapkan projek, menjalankan ujian kawalan kualiti serta mengawasi projek pembinaan jambatan. Sementara komponen utama projek jambatan pula adalah terdiri daripada penampan jambatan (*abutment*), tiang sambut jambatan (*pier*), rasuk (*beam/girder*), papak geladak (*deck slab*), pagar penghadang dan tambak susur masuk jambatan (*bridge approach enakmen*) seperti di **Rajah 1**.

Rajah 1
Komponen Utama Jambatan Konkrit Yang Akan Dibina



Sumber : Kertas Cadangan Projek

10.1.6 Sasaran Projek

Jabatan merancang untuk menggantikan sebanyak 384 daripada 570 jambatan di seluruh Sarawak bagi tempoh bulan Oktober 2000 hingga September 2007. Penggantian 384 jambatan ini dibuat mengikut kepentingan dan keutamaan. Daripada 11 Bahagian, tiga Bahagian telah dipilih bagi tujuan pengauditan yang melibatkan sebanyak 178 jambatan iaitu 67 jambatan terletak di Bahagian Kuching, 69 di Bahagian Samarahan dan 42 di Bahagian Limbang. Bilangan jambatan yang akan dibina adalah seperti di **Jadual 14**.

Jadual 14
Bilangan Jambatan Sementara Di Jalan Negeri Seluruh Sarawak Dan Jambatan Yang Perlu Diganti Bagi Tempoh Bulan Oktober 2000 Hingga September 2007

Bahagian	Bilangan Jambatan Sementara			Jambatan Yang Perlu Diganti Dengan Jambatan Konkrit		
	Bailey	Kayu	Jumlah	Kelas A	Kelas B	Jumlah
Kuching	59	60	119	4	63	67
Samarahan	26	57	83	49	20	69
Sri Aman	18	7	25	7	9	16
Betong	25	20	45	25	20	45
Sarikei	25	13	38	9	7	16
Sibu	8	52	60	13	4	17
Mukah	6	63	69	46	13	59
Kapit	8	2	10	6	4	10
Bintulu	6	10	16	7	1	8
Miri	54	1	55	14	21	35
Limbang	8	42	50	20	22	42
Jumlah	243	327	570	200	184	384

Sumber : Rekod Jabatan Kerja Raya Sarawak

10.1.7 Keperluan Kewangan

Adalah dianggarkan sejumlah RM500 juta diperlukan bagi membiayai kos pembinaan 384 buah jambatan di Jalan Negeri. Jumlah bayaran tersebut adalah termasuk bayaran kepada kontraktor dan kos pengurusan termasuk bayaran kepada perunding. Sumber kewangan adalah diperolehi daripada peruntukan tahunan Kerajaan Negeri. Bagi Bahagian Kuching, Samarahan dan Limbang, adalah dianggarkan sejumlah RM187.85 juta diperlukan bagi menggantikan sebanyak 178 jambatan seperti di **Jadual 15**.

Jadual 15
Anggaran Kos Pembinaan Yang Terlibat Di Bahagian Kuching, Samarahan Dan Limbang Bagi Tempoh Oktober 2000 Hingga September 2007

Bahagian	Bilangan Jambatan	Anggaran Kos (RM Juta)
Kuching	67	63.09
Samarahan	69	58.78
Limbang	42	65.98
Jumlah	178	187.85

Sumber : Dokumen Kontrak Perjanjian

10.1.8 Keperluan Guna Tenaga Dan Latihan

Guna tenaga dan latihan adalah merupakan aspek penting bagi memastikan kecekapan pelaksanaan projek di sesebuah Jabatan. Struktur Organisasi Jabatan Kerja Raya Negeri Sarawak mengandungi 16 Cawangan, antaranya Pentadbiran Dan Pengurusan Sumber Manusia, Mekanikal, Ukur Bahan, Elektrikal, Kewangan Dan Akaun, Stor, Woksyop Mekanik Pusat, Pengurusan Teknikal, Projek Pertahanan Dan Hal Ehwal Dalam Negeri, Bekalan Air Dan Pembetulan, Bangunan Dan Kerja, Geoteknikal Dan Kejuruteraan Struktur dan Jalan Raya Dan Lapangan Terbang serta 11 pejabat Bahagian. Ia diketuai oleh seorang Pengarah Kerja Raya Negeri Gred JUSA B. Cawangan yang terlibat secara langsung dengan projek penggantian jambatan adalah Cawangan Geoteknikal Dan Kejuruteraan Struktur. Manakala di peringkat Jabatan Kerja Raya Bahagian pula adalah Seksyen Penyelidikan dan Rekabentuk.

Bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006, Jabatan telah merancang untuk melatih pegawai dan kakitangannya dengan menyediakan 16 kursus/seminar yang berkaitan dengan reka bentuk dan kejuruteraan. Antara kursus yang dirancang adalah seperti *GEOINFOS Training, Structural Engineering Workshop, Effective Management And Control of Building Projects, Welding Process and Basic Welding Metallurgy Related to Structural Steel, Design & Construction of Precast Concrete Structures, Geotechnical Engineering, Seminar on Bored Piles dan Cut in Stability And Slope Organisation*.

10.1.9 Kaedah Pemantauan

Pengawasan yang rapi adalah penting bagi memastikan projek dilaksanakan dengan cekap dan teratur. Justeru, pemantauan yang rapi di peringkat Jabatan dan juga Kementerian adalah perlu dilakukan dengan baik. Walaupun Jabatan telah melantik kontraktor bagi mengawasi atau memantau projek yang dilaksanakan, sebagai majikan Jabatan masih bertanggungjawab ke atas keseluruhan projek yang dilaksanakan. Bagi tujuan ini, Pengarah Kerja Raya Negeri Sarawak sebagai majikan dan jurutera Bahagian sebagai wakil majikan adalah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap projek yang dilaksanakan dengan mengatur jadual pemeriksaan dan menyediakan laporan yang berkaitan di samping mengadakan mesyuarat secara tetap. Selain itu, Jabatan juga bertanggungjawab menyelesaikan masalah dengan agensi yang terlibat sekiranya berlaku di tapak bina seperti masalah pengambilan balik tanah dan perkhidmatan yang terlibat dengan pembinaan jambatan seperti bekalan air, elektrik dan telefon. Ini adalah untuk memastikan projek penggantian jambatan berjalan lancar.

Pada pandangan Audit, perancangan projek penggantian jambatan sementara pada keseluruhannya adalah baik. Kajian awal dijalankan sebelum pelaksanaan projek dengan mengenal pasti jambatan sementara yang perlu diganti, menentukan skop dan komponen projek, menetapkan sasaran projek dan menyediakan anggaran kos projek.

10.2 PELAKSANAAN

Bagi memastikan projek yang dilaksanakan mencapai objektif yang ditetapkan, ianya perlu dilaksanakan dengan cekap dan teratur sebagaimana yang dirancang. Hasil pemeriksaan Audit terhadap pelaksanaan projek ini adalah seperti berikut:

10.2.1 Dasar Kerajaan Negeri

Jabatan Kerja Raya Sarawak telah bersetuju supaya projek penggantian jambatan di Jalan Negeri dilaksanakan secara *turnkey*- reka dan bina di seluruh Sarawak seperti yang telah dipersetujui oleh Kerajaan Negeri. Projek penggantian jambatan bertujuan bagi meningkatkan tahap keselesaan kepada pengguna jalan raya di samping memberi kemudahan pengangkutan hasil penduduk seterusnya menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan sosial penduduk di kawasan sekitar. Jabatan telah mula melaksanakan projek ini pada tahun 1990 dengan melaksanakan projek mengikut peruntukan tahunan yang diluluskan. Bagaimanapun, bilangan projek yang dilaksanakan adalah terhad kerana peruntukan yang diluluskan adalah kecil. Justeru, pada tahun 2000, Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk melaksanakan projek penggantian jambatan sementara di Jalan Negeri secara komprehensif yang melibatkan penggantian 384

jambatan seluruh Sarawak dalam tempoh 7 tahun. Bagi melaksanakan matlamat ini, Kerajaan Negeri telah melantik Syarikat Titanium Management Sdn. Bhd. untuk melaksanakan projek ini secara komprehensif dengan kaedah projek *turnkey*.

Pada pendapat Audit, Jabatan telah berjaya mematuhi matlamat dan Dasar Kerajaan Negeri dengan melaksanakan projek penggantian jambatan secara berperingkat di seluruh Sarawak secara *turnkey*.

10.2.2 Garis Panduan Dan Peraturan

Projek dibina mengikut kaedah atau keperluan teknikal, spesifikasi kerja, syarat kontrak *turnkey* dan peraturan lain yang ditetapkan. Keperluan teknikal tersebut termasuk berkaitan dengan reka bentuk, pelan kejuruteraan dan keperluan teknikal serta peraturan lain yang berkaitan. Untuk tujuan ini, Jabatan perlu mematuhi standard spesifikasi pembinaan jambatan yang ditentukan mengikut Arahan Teknik dan Piawaian Cawangan Jalan, Jabatan Kerja Raya dan lain-lain keperluan teknikal yang diamalkan. Bagi pengurusan kontrak pula, ia perlu mematuhi perjanjian kontrak yang telah dipersetujui dan Surat Pekeliling Pengarah Kerja Raya Malaysia yang dikeluarkan dari semasa ke semasa. Semakan Audit terhadap laporan dan fail pelaksanaan projek mendapati reka bentuk, bahan yang digunakan dan kaedah pembinaan jambatan konkrit telah mengikut standard dan spesifikasi yang telah diluluskan oleh Jabatan. Bagi melaksanakan projek jambatan di Jalan Negeri pula, Jabatan telah mematuhi perjanjian kontrak yang mengandungi beberapa peraturan tertentu seperti syarat am kontrak, spesifikasi dan pelan lukisan telah ditandatangani antara Kerajaan Negeri dengan kontraktor.

Pada pendapat Audit, Jabatan telah mematuhi dengan baik garis panduan dan peraturan yang berkuat kuasa.

10.2.3 Kajian Awal

Kajian awal bagi Projek Penggantian Jambatan Di Jalan Negeri telah siap dilaksanakan oleh Syarikat Titanium Management Sdn. Bhd. pada bulan September 1999 iaitu 9 bulan dari tarikh persetujuan pelantikan. Kajian awal dan cadangan kaedah pelaksanaan projek secara *turnkey* – reka dan bina ini merangkumi kerja penyiasatan tapak, skop kerja pembinaan, reka bentuk jambatan, program pelaksanaan, pengurusan projek serta pembinaan dan cadangan pengurusan kewangan termasuk bayaran tertunda (*deferred payment*). Hasil kajian tersebut adalah seperti berikut:

a) Kertas Cadangan Pelaksanaan Projek

Kertas cadangan pelaksanaan projek secara *turnkey* telah disediakan oleh Syarikat. Kertas cadangan ini dibuat setelah mendapat kelulusan dari Kerajaan Negeri pada pertengahan bulan Januari 1999 dengan perbelanjaan sendiri oleh pihak Syarikat. Kertas cadangan ini meliputi kerja awal seperti penyiasatan tapak, cadangan pemilihan jambatan, skop kerja pembinaan, reka bentuk jambatan, program pelaksanaan, pengurusan projek dan pembinaan serta cadangan pengurusan kewangan termasuk bayaran tertunda. Pihak Audit mendapati kertas cadangan projek dan hasil laporan kajian awal telah dikemukakan kepada Kementerian Pembangunan Infrastruktur Dan Perhubungan pada bulan September 1999. Laporan tersebut kemudiannya dihantar kepada Jabatan Kerja Raya Sarawak untuk mendapatkan pandangan dan ulasan oleh Jawatankuasa Projek *Turnkey* sebelum dikemukakan kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri untuk mendapatkan kelulusan. Kelulusan daripada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri diperolehi pada bulan April 2000.

Adalah didapati kajian awal tersebut tidak dibuat secara terperinci dan menyeluruh. Ini adalah disebabkan kajian tersebut tidak mengambil kira aspek lain seperti perancangan pembangunan Kerajaan Negeri di masa hadapan, cadangan pembinaan jalan baru, pelan ukur kejuruteraan yang terperinci serta analisis terhadap hidrologi dan hidraulik bagi setiap jambatan yang akan dibina.

b) Ujian Tanah

Ujian tanah adalah perlu dilaksanakan dengan terperinci bagi menentukan keadaan dan jenis tanah di kawasan projek pembinaan. Maklumat ujian tanah tersebut digunakan untuk mereka bentuk setiap komponen jambatan seperti penampang jambatan (*abutment*), tiang sambut jambatan (*pier*), susur masuk jambatan (*bridge approach embankment*), perlindungan cerun (*slope protection*) dan jalan masuk termasuk menentukan jenis dan keperluan cerucuk. Adalah didapati ujian bagi mengenal pasti jenis dan ketahanan tanah yang sepatutnya dijalankan sebelum sesuatu kontrak ditandatangani, tidak dijalankan. Semakan Audit terhadap tuntutan bayaran interim yang ke 71 mendapati tanaman cerucuk diperlukan bagi membina susur masuk jambatan di 2 jambatan di Bahagian Kuching, Iapah di Samarahan dan 12 di Limbang yang melibatkan kos bernilai RM12.60 juta. Tanaman cerucuk dan papak konkrit diperlukan bagi membina susur masuk jambatan tersebut kerana ianya dibina di kawasan tanah lembut. Ini membuktikan bahawa pihak kontraktor tidak menjalankan kajian yang terperinci mengenai ujian tanah. Selain itu,

kontraktor juga telah menyediakan anggaran kos bagi setiap projek secara anggaran kasar berdasarkan kepada maklumat jambatan sedia ada sahaja.

Pada pendapat Audit, kajian awal termasuk ujian tanah yang dijalankan oleh Syarikat Titanium Management Sdn. Bhd. adalah tidak memuaskan kerana ianya tidak menyeluruh dan terperinci. Akibatnya ketinggian sebenar setiap jambatan yang dibina tidak dapat dibuat dan hanya berdasarkan kepada ketinggian jambatan sedia ada. Reka bentuk yang sesuai bagi setiap komponen jambatan seperti susur masuk jambatan, penampang jambatan dan tiang sambut jambatan tidak dapat dibuat. Keadaan ini menyukarkan Jabatan menyediakan anggaran peruntukan yang mencukupi bagi melaksanakan projek ini.

10.2.4 Kaedah Pelaksanaan Projek

Kaedah pelaksanaan projek melibatkan perolehan kerja termasuk aspek penyediaan kontrak perjanjian, penetapan harga kontrak dan pelaksanaan kontrak *turnkey*. Semakan Audit terhadap kaedah pelaksanaan projek mendapati perkara berikut:

a) Pelantikan Kontraktor

Mengikut Surat Pekeliling Setiausaha Kewangan Negeri Bilangan 5 Tahun 2003, perolehan kerja yang bernilai RM10,000 tetapi tidak melebihi RM50,000 dan tidak menggunakan Jadual Kadar, hendaklah dibuat dengan mempelawa sebut harga. Manakala perolehan kerja yang melebihi RM50,000 setahun hendaklah dipelawa secara tender. Bagaimanapun pengecualian daripada mematuhi peraturan ini boleh dibuat sekiranya mendapat kelulusan daripada Setiausaha Kewangan Negeri. Semakan Audit mendapati perolehan kerja tidak dibuat secara tender walaupun harga kontraknya bernilai RM551.02 juta. Ini adalah kerana pada bulan April 2000, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri telah meluluskan supaya projek penggantian jambatan di Jalan Negeri dilaksanakan secara *turnkey*- reka dan bina dengan melantik Syarikat Titanium Management Sdn. Bhd. sebagai kontraktor. Pelantikan ini melibatkan kontrak selama 7 tahun dan pembinaan 384 jambatan dengan kontraknya bernilai RM551.02 juta.

Semakan Audit seterusnya mendapati pelantikan kontraktor dipilih di kalangan kontraktor Kelas A dan telah berdaftar dengan Unit Pendaftaran Kontraktor Negeri. Bagaimanapun, adalah didapati Syarikat Titanium Management Sdn. Bhd. tidak mempunyai modal kewangan yang kukuh bagi melaksanakan projek bernilai RM551.02 juta. Mengikut laporan yang diperolehi daripada Suruhanjaya Syarikat

Malaysia mendapati semasa penubuhan syarikat pada tahun 1998, syarikat mempunyai saham biasa yang dibenarkan bernilai 5 juta unit bernilai RM1 setiap 1. Manakala jumlah saham yang diterbitkan hanya bernilai 2.40 juta unit. Ini bermakna Syarikat hanya mempunyai modal berbayar bernilai RM2.40 juta sahaja ketika ianya ditubuhkan. Selain itu, Syarikat ini baru ditubuhkan pada tahun 1998 dan berdasarkan maklumat daripada Jabatan difahamkan bahawa Syarikat ini telah melaksanakan semua projek dengan menyerahkan kerja pembinaan kepada 44 kontraktor lain.

b) Perjanjian Kontrak

Satu perjanjian kontrak yang formal telah ditandatangani antara Kerajaan Negeri dengan Syarikat Titanium Management Sdn. Bhd. bagi menjaga kepentingan kedua belah pihak pada awal bulan Oktober 2000. Semakan Audit terhadap fail kontrak mendapati draf perjanjian telah disemak dan dipersetujui oleh Jabatan Peguam Negeri. Kandungan dan syarat penting yang telah dipersetujui adalah seperti berikut:

- i) Harga kontrak pembinaan adalah bernilai RM551.02 juta. Bagaimanapun, harga kontrak akhir akan ditentukan berdasarkan kos sebenar bagi pembinaan setiap jambatan.
- ii) Kontraktor perlu membina 384 jambatan konkrit iaitu 200 jambatan kelas A dan 184 kelas B di Negeri Sarawak dalam tempoh 7 tahun iaitu mulai bulan Oktober 2000 hingga September 2007.
- iii) Kontraktor berhak membuat tuntutan pampasan sekiranya Kerajaan mengurangkan bilangan jambatan melebihi 20 jambatan daripada jumlah yang ditetapkan dalam kontrak.
- iv) Menyediakan Bon Pelaksanaan sebanyak 5% daripada harga kontrak setiap pakej.
- v) Menyediakan Polisi Insurans Kerja, Polisi Insurans Pampasan Pekerja dan Polisi Insurans Liabiliti Awam yang mencukupi bagi melindungi tuntutan mana-mana pihak.
- vi) Kontraktor dibenarkan mengemukakan cadangan kerja tambahan dan hendaklah diluluskan oleh Jabatan.
- vii) Bayaran kemajuan kerja hendaklah dijelaskan dalam tempoh 26 hari dari tarikh tuntutan dikemukakan. Jika jumlah tersebut tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, jumlah tuntutan akan dibuat secara bayaran tertunda dengan caj faedah sebanyak 2% + kadar faedah pinjaman asas serta caj lain yang berkaitan.

viii) Tempoh tanggungan kecacatan projek ialah 2 tahun selepas tarikh siap setiap jambatan.

Semakan Audit mendapati harga kontrak muktamad hanya dapat ditentukan selepas semua kerja pembinaan siap dan pengukuran semula kuantiti dibuat, menyebabkan Jabatan/Kerajaan sukar menyediakan peruntukan yang mencukupi. Peruntukan atau klausa kadar bayaran tertunda dan caj lewat bayar yang dikenakan adalah merugikan Kerajaan. Kerajaan juga terpaksa membayar kepada kontraktor sekiranya jumlah bilangan projek dikurangkan melebihi 20 jambatan.

Justeru itu, pada awal bulan November 2006, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri telah bersetuju supaya beberapa aspek pengurusan projek seperti bilangan jambatan yang dibina, harga kontrak, sumber pembiayaan projek, kadar faedah pinjaman asas dan pengurangan bilangan jambatan yang dibina dikaji semula dan dipinda. Kabinet Negeri telah bersetuju supaya kontraktor membina 322 jambatan dengan harga kontrak baru yang ditawarkan kepada kontraktor berjumlah RM947.84 juta iaitu peningkatan sejumlah RM396.82 juta atau 72%. Pembayaran ke atas pelaksanaan projek pembinaan jambatan boleh dibuat secara tunai dan *payment in kind* seperti dalam bentuk tanah. Kadar faedah pinjaman asas (BLR) juga perlu dipinda dari 2% menjadi 1.8%. Selain itu, pampasan terhadap pengurangan bilangan jambatan yang dibina jika melebihi 20 buah perlu dikecualikan. Dengan itu, perjanjian tambahan dengan pihak kontraktor perlu dibuat segera bagi membolehkan kelulusan Kabinet Negeri dikuatkuasakan dan seterusnya memastikan pengurusan projek berjalan lancar dan teratur. Bagaimanapun, sehingga bulan Disember 2006, perjanjian tambahan tersebut belum lagi disediakan oleh Jabatan.

Selain itu, adalah didapati pelan lukisan yang disediakan dalam perjanjian kontrak adalah tidak mencukupi bagi membina 384 buah jambatan. Keadaan muka tanah dan sungai di jambatan yang dibina adalah berbeza. Justeru, akibatnya setiap komponen jambatan tersebut mempunyai reka bentuk yang berbeza mengikut kesesuaiannya. Bagaimanapun, adalah didapati hanya ada 20 helai pelan lukisan umum sahaja yang disediakan iaitu antaranya *Class Short Span Bridges General Arrangement*, *Abutments Details*, *Pier Details*, *Deck Slab & Beam* dan *Approach Road Transition*. Tiada pelan terperinci berkaitan dengan cerucuk, *reinforcement*, konkrit, pagar penghadang dan papan tanda bagi setiap komponen jambatan yang disediakan dalam perjanjian kontrak.

Pada pendapat Audit, penyediaan kontrak perjanjian tidak dibuat dengan teliti kerana ada syarat perjanjian lebih memihak kepada kontraktor. Justeru, oleh itu perjanjian tambahan hendaklah disediakan segera bagi menjaga kepentingan Kerajaan.

c) Penetapan Harga Kontrak

Harga kontrak bagi projek ini adalah bernilai RM551.02 juta. Pengiraan bagi menetapkan harga kontrak dibuat berdasarkan kepada faktor keluasan papak geladak jambatan (deck slab), bilangan jambatan yang dibina, kadar harga konkrit bagi setiap meter persegi dan faktor lokaliti. Kadar harga konkrit bagi setiap meter persegi adalah antara RM3,740 hingga RM5,540. Manakala nilai faktor lokalitinya pula adalah antara 1 hingga 2.3 iaitu berbeza mengikut Bahagian. Pengiraan harga kontrak dibuat mengikut pelbagai konfigurasi jambatan dan 3 kumpulan cerucuk yang berlainan panjang seperti di **Jadual 16**.

Jadual 16
Kadar Harga Bagi Setiap Meter Persegi Keluasan Papak Geladak Jambatan Mengikut Jumlah Panjang Jambatan dan Kumpulan Cerucuk

Jumlah Panjang Jambatan (meter)	Kumpulan 1 0 -15 meter (RM)	Kumpulan 2 15 – 30 meter (RM)	Kumpulan 3 > 30 meter (RM)
Kurang daripada 10	4,790	5,210	5,490
10 hingga 20	4,660	5,080	5,360
20 hingga 30	4,080	4,420	4,650
30 hingga 40	4,690	5,060	5,310
40 hingga 50	4,930	5,300	5,540
50 hingga 60	4,330	4,630	4,830
60 hingga 70	4,160	4,430	4,610
70 hingga 90	3,980	4,270	4,470
90 hingga 110	3,740	4,050	4,180

Sumber : Dokumen Perjanjian Kontrak

Kaedah pengiraan harga kontrak adalah seperti yang ditunjukkan pada formula berikut:

Harga Kontrak	=	Jumlah Keluasan Papak Geladak	x	Bilangan Jambatan Dibina	x	Harga Konkrit Bagi Setiap Meter Persegi	x	Faktor Lokaliti
---------------	---	--	---	--------------------------------	---	---	---	--------------------

Adalah didapati harga kontrak yang dinyatakan dalam perjanjian kontrak bernilai RM551.02 juta adalah berdasarkan harga sementara dan masih tertakluk kepada perubahan harga mengikut pengukuran semula kerja. Harga kontrak akhir akan

ditentukan berdasarkan kos sebenar bagi pembinaan setiap jambatan selepas pengukuran semula kerja diambil kira. Akibatnya, Kerajaan Negeri terpaksa meluluskan harga kontrak dari RM551.02 juta menjadi RM947.84 juta iaitu peningkatan kos sejumlah RM396.82 juta atau 72%. Harga kontrak tidak wajar dinaikkan memandangkan projek penggantian jambatan ini dilaksanakan secara *turnkey* - reka dan bina yang mana harga dan skop kerja telah ditentukan lebih awal.

Pada pendapat Audit, penetapan harga kontrak yang dibuat adalah tidak lengkap kerana dibuat secara kasar tanpa disokong dengan kajian yang teliti. Pengiraan harga kontrak sepatutnya dibuat berdasarkan kepada senarai kuantiti dan kadar harga yang diluluskan oleh Jabatan bagi setiap komponen jambatan.

d) Pelaksanaan Kontrak Secara *Turnkey*- Reka Dan Bina

Kontrak *turnkey* adalah merupakan satu sistem kontrak yang komprehensif di mana semua aktiviti bagi sesuatu projek adalah dilaksanakan oleh satu kontraktor utama sahaja. Kontraktor yang dilantik bertanggungjawab sepenuhnya terhadap semua aktiviti pelaksanaan projek seperti membuat kajian asas, mereka bentuk, membina, mengawasi dan menyiapkan projek. Projek dilaksanakan mengikut kaedah dan reka bentuk yang dibuat oleh kontraktor dengan harga kontrak yang tetap dan dipersetujui dalam tempoh yang ditetapkan. Jabatan pengguna hanya bertanggungjawab untuk menyediakan *Needs Statement* atau garis panduan kasar keperluan sahaja.

Semakan Audit terhadap penyata tuntutan interim ke 71 sehingga akhir tahun 2006 mendapati kos pembinaan telah meningkat menjadi RM741.24 juta iaitu 34.5% berbanding dengan nilai asal kontrak iaitu sejumlah RM551.02 juta. Peningkatan kos pembinaan ini adalah disebabkan pengukuran semula, pertambahan jumlah keluasan papak geladak jambatan dan kerja tambahan. Akibatnya Jabatan mengalami kekurangan peruntukan kewangan bagi menjelaskan tuntutan bayaran interim yang dikemukakan.

Analisis Audit seterusnya mendapati kos pembinaan projek ini yang dilaksanakan secara *turnkey* adalah lebih tinggi berbanding dengan projek yang dilaksanakan secara tender terbuka walaupun pada asasnya mempunyai reka bentuk yang lebih kurang sama. Kedua projek ini menggunakan jenis cerucuk yang sama iaitu *micropile*, walaupun saiz cerucuknya sedikit berbeza iaitu 300 milimeter bagi projek

jambatan Sungai Kayan dan 250 milimeter bagi projek Jambatan Sungai Karu. Selain itu, kedua projek ini mempunyai perlindungan cerun terhadap tiang penampan dan tiang sambut iaitu yang terdiri daripada *stone pitching* dan *gabion*. Analisis Audit terhadap kos pembinaan projek jambatan konkrit di Sungai Kayan dengan projek di Sungai Karu, Daerah Serian telah dibuat bagi mendapatkan kos perbandingan. Adalah didapati kos pembinaan projek di Sungai Karu adalah lebih tinggi berbanding dengan projek jambatan konkrit di Sungai Kayan walaupun keluasan papak geladaknya lebih rendah. Projek jambatan konkrit di Sungai Kayan dilaksanakan secara tender terbuka dengan harga bernilai RM2.60 juta dan dilaksanakan dalam tempoh 30 bulan. Projek ini mempunyai keluasan papak geladaknya bernilai 988 meter persegi. Selain itu, projek jambatan ini mempunyai komponen tambahan iaitu *pile embankment* sepanjang 25 meter. Semakan Audit terhadap projek jambatan di Sungai Karu yang dibina di bawah Projek ini pada tahun 2005 dan disiapkan dalam tempoh 20 bulan mendapati kos pembinaannya adalah lebih tinggi. Projek jambatan di Sungai Karu dibina dengan harga RM3.51 juta iaitu 35% lebih tinggi daripada harga Projek Jambatan di Sungai Kayan, walaupun mempunyai keluasan papak geladak jambatan yang lebih rendah iaitu sebanyak 456 meter persegi. Selain itu projek jambatan di Sungai Kayan ini, tidak mempunyai *pile embankment*. Keadaan jambatan di Sungai Kayan dan Sungai Karu adalah seperti di **Foto 9** hingga **Foto 12**.

Foto 9
Jambatan Yang Dilaksanakan
Secara Tender Terbuka



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak
 Tarikh : 06 Februari 2007
 Lokasi : Sungai Kayan

Foto 10
Jambatan Yang Dilaksanakan
Secara Tender Terbuka



Sumber : Foto Jabatan Kerja Raya Sarawak
 Tarikh : 06 Februari 2007
 Lokasi : Sungai Kayan

Foto 11
Jambatan Yang Dilaksanakan
Di Bawah Projek Penggantian Jambatan



Sumber : Foto Jabatan Kerja Raya Sarawak
 Tarikh : 06 Februari 2007
 Lokasi : Sungai Karu

Foto 12
Jambatan Yang Dilaksanakan
Di Bawah Projek Penggantian Jambatan



Sumber : Foto Jabatan Kerja Raya Sarawak
 Tarikh : 06 Februari 2007
 Lokasi : Sungai Karu

Pada pendapat Audit, pelaksanaan projek secara *turnkey* – reka dan bina tidak memuaskan kerana ruang untuk perubahan kerja masih dibenarkan sehingga berlakunya *cost overrun* yang begitu ketara sehingga mencapai peningkatan kos sejumlah RM396.82 juta atau 72% daripada kos asal.

10.2.5 Skop Dan Komponen Projek

a) Pembinaan Jambatan

Mengikut kontrak asal, sebanyak 384 jambatan yang terdiri daripada jambatan *bailey* dan kayu perlu diganti dengan jambatan konkrit. Bagaimanapun setelah kontrak dikaji semula, Kerajaan Negeri telah memutuskan untuk mengurangkan bilangan jambatan menjadi 322 jambatan sahaja yang akan diganti. Keputusan ini dibuat disebabkan kepada peningkatan kos pembinaan jambatan. Bilangan jambatan yang perlu dibina di seluruh Sarawak adalah seperti di **Jadual 17**.

Jadual 17
Bilangan Jambatan Yang Perlu Dibina Setakat Bulan Disember 2006

Bahagian	Kelas A	Kelas B	Jumlah
Kuching	12	58	70
Samarahan	28	28	56
Sri Aman	2	14	16
Betong	19	18	37
Sarikei	8	5	13
Sibu	10	3	13
Mukah	11	29	40
Kapit	6	2	8
Bintulu	4	0	4
Miri	11	17	28
Limbang	20	17	37
Jumlah	131	191	322

Sumber : Rekod Jabatan Kerja Raya Sarawak

Semakan Audit terhadap rekod pembinaan jambatan mendapati daripada 178 jambatan di Bahagian Kuching, Samarahan dan Limbang, sebanyak 163 jambatan telah dipilih untuk diganti iaitu 60 jambatan Kelas A dan 103 Kelas B. Pembinaan jambatan dibuat berdasarkan kepada kepentingan dan keutamaannya. Bagaimanapun lawatan Audit ke 12 projek jambatan antaranya Sungai Tengah 1, Sungai Tengah 2, Sungai Tengah 3, Terusan 1 SMK Asajaya, Sungai Lawas dan Sungai Gelugus pada bulan Julai 2006 dan lawatan susulan pada bulan April 2007 mendapati jambatan konkrit satu/dua rentang (span) sepanjang 16.5 meter dan 19.5 meter dibina di atas semua sungai tersebut walaupun sungainya sempit dan air yang mengalir adalah sedikit. Pembinaan pementung kotak (box culvert) bagi menggantikan jambatan sementara adalah lebih sesuai dan kosnya adalah lebih murah dan sekali gus boleh menjimatkan kos pembinaan. **Foto 13** hingga **Foto 16** menunjukkan jambatan konkrit satu rentang sepanjang 16.5 meter yang dibina di atas sungai yang sempit dan jambatan konkrit dua rentang sepanjang 19.5 meter dibina di atas terusan yang sempit.

Foto 13
Jambatan Konkrit Satu Rentang
Sepanjang 16.5 Meter Yang Dibina
Di atas Sungai Yang Sempit



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak
 Tarikh : 24 April 2007
 Lokasi : Jambatan Sungai Tengah 1

Foto 14
Jambatan Konkrit Satu Rentang
Sepanjang 16.5 Meter Yang Dibina
Di atas Sungai Yang Sempit



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak
 Tarikh : 24 April 2007
 Lokasi : Jambatan Sungai Tengah 2

Foto 15
Jambatan Konkrit Satu Rentang
Sepanjang 16.5 Meter Yang Dibina
Di atas Sungai Yang Sempit



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak
 Tarikh : 24 April 2007
 Lokasi : Jambatan Sungai Tengah 3

Foto 16
Jambatan Konkrit Dua Rentang
Sepanjang 19.5 Meter Yang Dibina
Di atas Terusan Yang Sempit



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak
 Tarikh : 24 April 2007
 Lokasi : Terusan Ke SMK Asajaya

Pada pendapat Audit, pemilihan jambatan yang dibina adalah kurang memuaskan kerana penggantian jambatan dibuat tidak mengikut keperluan sebenar dan tidak dibina secara ekonomik. Pembinaan pembentung kotak lebih sesuai menggantikan jambatan di atas sungai yang sempit.

b) Tambakan Susur Masuk Jambatan

Pembinaan tambakan susur masuk jambatan hendaklah dibuat mengikut pelan dan spesifikasi kontrak yang direka bentuk oleh perunding dan diluluskan oleh Jabatan. Susur masuk jambatan adalah tambakan tanah yang dibina bagi membina penampan jambatan dan seterusnya menghubungkan dengan jalan masuk. Semakan Audit terhadap laporan projek mendapati 22 daripada 63 jambatan di Bahagian Kuching, Samarahan dan Limbang antaranya Jambatan Sungai Keranji dan Sungai Sebandi mendapati tambakan susur masuk jambatan tidak dapat dibina dengan kaedah pembinaan biasa iaitu dengan tambakan tanah tetapi sebaliknya memerlukan kaedah pembinaan dan reka bentuk yang khusus kerana keadaan tanah asal di kawasan pembinaan tersebut adalah lembut. Justeru, perunding telah menggunakan kaedah pembinaan dan reka bentuk jenis *reinforcement concrete pile embankment and surcharge* bagi menstabilkan susur masuk jambatan tersebut seperti di **Foto 17** dan **Foto 18**.

Foto 17
Penanaman Cerucuk Sedang
Dijalankan Di Susur Masuk Jambatan
Kerana Tanah Lembut



Sumber : Foto Jabatan Audit Negera, Cawangan Sarawak
Tarikh : 17 Oktober 2006
Lokasi : Jambatan Sungai Keranji. Kuching

Foto 18
Kerja Membina Papak Konkrit Sedang
Dijalankan Di Susur Masuk Jambatan
Kerana Tanah Lembut



Sumber : Foto Jabatan Kerja Raya Sarawak
Tarikh : Mei 2006
Lokasi : Jambatan Sungai Sebandi. Kuching

Kaedah ini memerlukan kos yang tinggi kerana ianya melibatkan penanaman cerucuk konkrit dan pembinaan papak konkrit. Akibatnya daripada sejumlah RM20.23 juta kos pengukuran semula, sejumlah RM12.60 juta atau 62% adalah untuk pembinaan susur masuk jambatan. Justeru, Jabatan perlu membuat kajian yang lebih teliti terhadap keperluan sebenar *pile embankment* serta mencari alternatif lain yang lebih ekonomi terhadap kaedah pembinaannya seperti

menggunakan cerucuk bakau bagi menggantikan cerucuk konkrit bertulang (*Reinforced Concrete Pile*) yang kosnya adalah tinggi.

Pada pendapat Audit, kerja tambahan terhadap susur masuk jambatan tidak sepatutnya berlaku sekiranya kajian awal terhadap tanah dibuat dengan teliti dan terperinci.

10.2.6 Prestasi Projek

a) Prestasi Pembinaan

Semakan Audit terhadap prestasi pembinaan 119 projek jambatan di Bahagian Kuching, Samarahan dan Limbang mendapati amat memuaskan. Sebanyak 115 atau 96.6% projek disiapkan lebih awal dari jadual. Bagi Bahagian Kuching, sebanyak 38 atau 33% jambatan telah disiapkan lebih awal dari jadual yang ditetapkan dan 4 atau 10.5 % jambatan disiapkan dalam tempoh. Tidak ada kes kelewatan berlaku. Bagi Bahagian Samarahan, kesemua 43 atau 37.4% jambatan yang dibina disiapkan lebih awal daripada jadual. Manakala bagi Bahagian Limbang pula, kesemua 34 jambatan juga disiapkan lebih awal dari jadual. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 18**.

Jadual 18
Prestasi Projek Pembinaan Jambatan Di Bahagian Kuching, Samarahan Dan Limbang Bagi Tempoh Tahun 2000 Hingga 2006

Bahagian	Siap Awal Dari Jadual	Siap Dalam Tempoh	Jumlah
Kuching	38	4	42
Samarahan	43	-	43
Limbang	34	-	34
Jumlah	115	4	119

Sumber : Laporan Kemajuan Bulanan

Pada pendapat Audit, pencapaian projek yang disiapkan adalah memuaskan. Tidak ada projek terbengkalai atau lewat daripada jadual yang ditetapkan.

b) Jaminan Kualiti

Projek penggantian jambatan dilaksanakan mengikut pelan dan spesifikasi kontrak yang ditetapkan dalam kontrak. Ia penting bagi memastikan projek jambatan yang dilaksanakan berkualiti dan memenuhi standard yang ditetapkan. Bagi memenuhi hasrat ini bahan pembinaan yang digunakan seperti batu, simen dan besi perlu berkualiti dan memenuhi standard yang ditetapkan. Justeru, ujian makmal di tapak bina seperti ujian ketahanan konkrit, ujian beban, ujian tanah dan ujian bitumen perlu dijalankan. Bagi bahan binaan lain yang digunakan di tapak seperti simen dan

bridge bearing pad, Sijil Jaminan Kualiti dari pengeluar perlu diperolehi. Semakan Audit terhadap fail pelaksanaan projek dan rekod ujian di Jabatan Kerja Raya Bahagian Kuching, Samarahan dan Limbang yang disediakan oleh Perunding mendapati semua ujian di atas yang diperlukan telah dipatuhi. Selain itu, lawatan Audit ke 58 jambatan yang siap dibina antaranya Jambatan Sungai Paroh, Sungai Pus, Sungai Podam, Sungai Bidak A, Sungai Tengah 1, Sungai Tengah 2, Sungai Tengah 3 (Bahagian Kuching), Sungai Iboi, Sungai Karu, Sungai Kedup, Sungai Nyanuh, Sungai Sengai, Sungai Simunjan, Terusan SMK Asajaya (Bahagian Samarahan) dan Sungai Limbang Damit, Sungai Limpaki, Sungai Sui, Sungai Gaya No.1 dan Sungai Sesak No.2, mendapati keadaan fizikal jambatan tersebut adalah baik. Pemeriksaan fizikal dan pengukuran terhadap saiz komponen jambatan seperti tiang penampan, tiang sambut jambatan, *stone pitching*, keluasan papak geladak jambatan, pagar penghadang dan jalan masuk juga turut dijalankan. Hasil pemeriksaan fizikal tersebut mendapati kontraktor mematuhi dengan baik kehendak pelan lukisan dan spesifikasi kontrak. Lebar jambatan kelas A adalah 11.2 meter dan kelas B pula ialah 7.7 meter. Manakala panjang jambatan pula adalah berbeza mengikut keluasan sungai di kawasan berkenaan iaitu antara 16.5 hingga 108 meter. Contoh jambatan yang telah siap dibina mengikut pelan lukisan dan spesifikasi adalah seperti di **Foto 19** hingga **Foto 22**.

Jambatan Dibina Mengikut Pelan Dan Spesifikasi

Foto 19



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak
Tarikh : 15 Jun 2006
Lokasi : Jambatan Sungai Bidak A, Kuching

Foto 20



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak
Tarikh : 12 Julai 2006
Lokasi : Jambatan Sungai Karu, Samarahan

Foto 21



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak
Tarikh : 05 Julai 2006
Lokasi : Jambatan Sungai Sui, Limbang

Foto 22



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak
Tarikh : 12 Julai 2006
Lokasi : Jambatan Sungai Sengai, Samarahan

Pada pendapat Audit, kualiti jambatan yang dibina adalah mematuhi kehendak kontrak yang ditetapkan.

10.2.7 Prestasi Perbelanjaan

Pada tempoh bulan Oktober 2000 hingga Disember 2006, sejumlah RM633.39 juta peruntukan telah diterima daripada Kerajaan Negeri bagi membiayai projek penggantian jambatan. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM500.95 juta telah dibelanjakan bagi membiayai kos pembinaan. Semakan Audit terhadap rekod pembayaran mendapati perkara berikut:

a) Peruntukan Kewangan

Pada RMKe-8, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM500 juta (nilai skim) bagi melaksanakan projek penggantian jambatan di Jalan Negeri. Namun pada pertengahan RMKe-8, nilai skim Projek ini dikaji semula dan meningkat daripada RM500 juta menjadi RM890 juta. Berdasarkan analisis Audit terhadap jumlah tuntutan yang telah dibuat setakat bulan Disember 2006 didapati sebanyak 259 jambatan telah siap dilaksanakan dan bakinya 63 masih dalam pembinaan dengan tuntutan bayaran interim bernilai RM741.24 juta.

Kerajaan Negeri menganggarkan harga kontrak akan meningkat menjadi RM947.84 juta apabila semua projek tersebut disiapkan sepenuhnya pada bulan September 2007. Justeru, peruntukan sejumlah RM890 juta didapati tidak mencukupi bagi membiayai kos projek ini. Dengan itu, pada awal bulan November 2004, Kerajaan Negeri telah meluluskan nilai skim projek menjadi RM1.02 bilion.

Selain itu, harga kontrak juga telah dinaikkan menjadi RM947.84 juta. Kenaikan harga kontrak ini adalah disebabkan kos pengukuran semula kerja jambatan yang dibenarkan.

Bagi menampung peruntukan yang tidak mencukupi, Jabatan membuat pindah peruntukan dari vot yang sama. Bagi tempoh tahun 2000 hingga Disember 2006, sejumlah RM177.35 juta peruntukan telah dipindah dari projek jalan yang tidak dibina yang melibatkan 98 projek. Selain itu, Kerajaan Negeri juga bersetuju membayar tuntutan yang tidak mempunyai peruntukan dengan *payment in kind* seperti tanah.

b) Bayaran Kepada Kontraktor

Bayaran kepada kontraktor dibuat secara berperingkat berdasarkan kepada kemajuan kerja yang dicapai. Bagaimanapun, peruntukan sejumlah RM50 juta setahun sahaja diluluskan bagi membayar tuntutan kemajuan kerja yang telah dilaksanakan. Mengikut perjanjian, sekiranya peruntukan tidak mencukupi, pembayaran akan dibuat secara bayaran tertunda dan kontraktor berhak menuntut caj faedah sebanyak 2% sebulan + Kadar Faedah Pinjaman Asas. Semakan Audit mendapati setakat bulan Disember 2006, sebanyak 71 tuntutan bayaran kemajuan kerja yang bernilai RM741.24 juta telah diterima daripada kontraktor. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM500.95 juta termasuk sejumlah RM26.97 juta bayaran caj faedah, telah dibayar kepada kontraktor. Sejumlah RM229.77 juta adalah bayaran untuk projek di Bahagian Kuching, Samarahan dan Limbang. Manakala bakinya yang bernilai RM240.29 juta atau 32.4% belum lagi dijelaskan kerana tiada peruntukan dan akan dijelaskan melalui bayaran tertunda dan *payment in kind*. Butiran lanjut mengenai pembayaran tersebut adalah seperti di **Jadual 19**.

Jadual 19
Bayaran Kemajuan Kerja Bagi Tahun 2000 Hingga 2006

Tahun	Bilangan Penyata Tuntutan	Jumlah Tuntutan Terkumpul (RM Juta)	Jumlah Bayaran Kemajuan Yang Sudah Dibayar			Jumlah Bayaran Kemajuan Belum Dibayar (RM Juta)
			Pokok (RM Juta)	Caj Faedah (RM Juta)	Jumlah (RM Juta)	
2000	2	1.62	1.62	-	1.62	-
2001	11	31.41	31.41	-	31.41	-
2002	12	101.34	100.97	0.37	101.34	-
2003	12	160.83	154.94	5.89	160.83	-
2004	12	198.38	180.04	18.34	198.38	-
2005	12	171.64	5.00	2.37	7.37	164.27
2006	10	76.02	-	-	-	76.02
Jumlah	71	741.24	473.98	26.97	500.95	240.29

Sumber : Rekod Jabatan Kerja Raya Sarawak

c) Pengukuran Semula Kerja

Pengukuran semula kerja pembinaan dibuat berdasarkan kuantiti sebenar setiap komponen jambatan yang dibina. Pengukuran semula dibuat bertujuan menyelaraskan semula harga kontrak yang dibuat secara anggaran. Pengukuran semula kuantiti melibatkan pengukuran semula papak geladak jambatan dan pelaksanaan kerja tambahan komponen jambatan yang lain seperti susur masuk jambatan, tiang sambut jambatan, perlindungan cerun dan jalan masuk. Semakan Audit terhadap pengukuran semula kuantiti mendapati perkara berikut:

i) Pengukuran Keluasan Lantai Jambatan

Pengukuran semula jumlah sebenar keluasan papak geladak jambatan dibuat setelah kerja pembinaan papak geladak setiap jambatan disiapkan sepenuhnya. Analisis Audit terhadap penyata tuntutan bagi 106 jambatan di Bahagian Kuching, Samarahan dan Limbang mendapati jumlah keluasan papak geladak jambatan sebenar adalah 27,964 meter persegi berbanding keluasan asalnya adalah 18,825 meter persegi. Pertambahan seluas 9,139 meter persegi ini melibatkan tambahan kos bernilai RM66.64 juta. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 20**.

Jadual 20
Pengukuran Semula Kuantiti Papak Geladak Jambatan
Yang Siap Dibina Di Bahagian Kuching, Samarahan Dan Limbang

Bahagian	Keluasan Papak Geladak Jambatan Mengikut Kontrak / Kos		Keluasan Papak Geladak Jambatan Sebenar / Kos		Perbezaan	
	Luas Papak Geladak Jambatan (m2)	Kos (RM Juta)	Luas Papak Geladak Jambatan (m2)	Kos (RM Juta)	Luas Papak Geladak Jambatan (m2)	Kos (RM Juta)
Kuching	6,570	32.31	8,280	40.78	1,710	8.46
Samarahan	7,275	38.44	11,380	61.30	4,105	22.87
Limbang	4,980	50.46	8,304	85.77	3,324	35.31
Jumlah	18,825	121.21	27,964	187.84	9,139	66.64

Sumber : Jabatan Kerja Raya Sarawak

ii) Pengukuran Semula Kuantiti Komponen Jambatan

Semakan Audit terhadap rekod pengukuran semula kuantiti bagi 63 jambatan di Bahagian Kuching, Samarahan dan Limbang mendapati kos yang terlibat dengan pengukuran semula kuantiti adalah bernilai RM20.25 juta. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM3.42 juta adalah kos bayaran perunding dan kerja permulaan. Antara kerja yang berkaitan dengan pengukuran semula kuantiti adalah seperti kerja tanah, konkrit, cerucuk dan *reinforcement* bagi pembinaan komponen jambatan seperti jalan masuk,

susur masuk jambatan, tiang jambatan, tiang sambut jambatan, perlindungan cerun dan jalan masuk. Pemeriksaan Audit juga mendapati kos yang dikenakan terhadap kerja tambahan dan pengukuran semula kuantiti adalah mengikut kadar harga yang diluluskan dalam perjanjian kontrak. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 21**.

Jadual 21
Butiran Kerja Dan Kos Yang Terlibat Dengan Pengukuran
Semula Kuantiti Bagi Bahagian Kuching, Samarahan Dan Limbang

Bil.	Kelas Kerja	Bahagian			Jumlah (RM)
		Kuching (RM)	Samarahan (RM)	Limbang (RM)	
1.	Kerja awal dan yuran perunding	180,994	898,844	2,337,534	3,417,372
2.	Kerja tanah	192,225	255,825	451,525	899,575
3.	<i>Surcharge</i> dan <i>pile embankment</i>	353,425	3,368,475	8,880,463	12,602,363
4.	Kerja penurapan ke atas dek jambatan dan jalan masuk	102,744	13,900	550,496	667,140
5.	Kerja <i>pier columns in lieu of pile trestle</i>	28,740	166,587	280,969	476,296
6.	Menambah ketinggian <i>pier column</i>	6,383	12,349	27,987	46,719
7.	Menstabil secara mekanikal dinding tanah	52,310	-	224,133	276,443
8.	Penggredan semula jalan / <i>Driveway</i>	83,870	54,758	86,955	225,583
9.	Merobohkan struktur sedia ada	2,025	24,300	18,495	44,820
10.	Mengubah arah aliran sungai dan kerja pemuliharaan	6,990	11,370	280,137	298,497
11.	Benteng penahan	-	220,610	597,880	818,490
12.	Dinding <i>Gabion</i>	16,756	3,141	91,467	111,364
13.	Kerja Pemindahan	-	-	16,875	16,875
14.	Membina semula lorong pejalan kaki konkrit	-	10,800	2,430	13,230
15.	Menukar arah aliran longkang tanah	-	-	1,080	1,080
16.	Menimbus kolam sedia ada	-	-	4,050	4,050
17.	Kerja membina semula	9,169	285,688	-	294,857
18.	Penggantian tanah	36,960	-	-	36,960
Jumlah		1,072,591	5,326,647	13,852,476	20,251,714

Sumber : Jabatan Kerja Raya Sarawak

Pada pendapat Audit, Jabatan gagal merancang bagi menyediakan peruntukan yang mencukupi untuk membiayai projek.

10.2.8 Keperluan Guna Tenaga Dan Latihan

a) Struktur Organisasi

Cawangan yang terlibat secara langsung dengan projek penggantian jambatan di Ibu Pejabat, adalah Cawangan Geoteknikal Dan Kejuruteraan Struktur. Cawangan ini diketuai oleh seorang jurutera gred J52 dan dibantu oleh 40 pegawai teknikal dan sokongan yang lain yang bertanggungjawab mengurus projek penggantian jambatan. Manakala di peringkat Jabatan Kerja Raya bahagian pula, seksyen yang terlibat secara langsung ialah Seksyen Penyelidikan dan Rekabentuk. Bagi Jabatan Kerja Raya Bahagian Kuching, Samarahan dan Limbang, ianya masing-masing diketuai oleh seorang jurutera gred J41 dan dibantu oleh 34 pegawai teknik yang lain. Semakan Audit mendapati pada tahun 2006, perjawatan yang diluluskan bagi

Cawangan ini adalah bernilai 69 jawatan. Manakala bagi perjawatan yang diluluskan untuk Seksyen Penyelidikan Dan Rekabentuk di peringkat Jabatan Kerja Raya Bahagian Kuching, Samarahan dan Limbang adalah sejumlah 37 jawatan.

Guna tenaga yang mencukupi dan pegawai yang terlatih adalah diperlukan bagi memastikan projek yang dilaksanakan berjalan lancar dan teratur. Bagaimanapun, adalah didapati keperluan guna tenaga dalam pengurusan projek penggantian jambatan di Jalan Negeri adalah pada tahap minimum kerana projek ini dilaksanakan secara *turnkey*. Semua aspek pengurusan projek seperti kajian awal, reka bentuk, menyediakan pelan lukisan dan dokumen kontrak, membina dan menyelia projek dan menjalankan ujian kawalan kualiti dilaksanakan oleh perunding yang dilantik oleh kontraktor.

b) Latihan

Bagi aspek latihan pula, pada tahun 2004 hingga 2006 Jabatan telah melatih seramai 29 pegawai dan kakitangannya dengan menghadiri berbagai kursus dan seminar seperti yang dirancang. Ini adalah bagi memastikan pegawai yang mengurus projek ini berpengetahuan dan terlatih. Antara kursus dan seminar yang dihadiri adalah seperti *GEOINFOS Training, Structural Engineering Workshop, Effective Management And Control of Building Projects, Welding Process and Basic Welding Metallurgy Related to Structural Steel, Design & Construction of Precast Concrete Structures, Geotechnical Engineering* dan *Seminar on Bored Piles*.

Pada pendapat Audit, guna tenaga yang dimiliki dan latihan yang diberi oleh Jabatan dalam mengurus projek ini adalah mencukupi.

Secara keseluruhannya, pada pendapat Audit projek penggantian Jambatan di Jalan Negeri adalah memuaskan kerana kesemua projek disiapkan mengikut jadual, kualiti kerja adalah baik dan jambatan yang dibina dapat digunakan. Bagaimanapun kos bagi penggantian jambatan adalah terlalu tinggi sehingga mencapai 72% daripada kos asal projek.

10.3 PEMANTAUAN

Projek penggantian jambatan yang dilaksanakan perlu dipantau dengan baik dan berterusan sama ada di peringkat Kementerian/Negeri atau Jabatan supaya ianya berjalan lancar dan teratur serta mengikut perancangan yang telah dibuat. Adalah menjadi tanggungjawab Cawangan Geoteknikal Dan Kejuruteraan Struktur di Ibu Pejabat Jabatan

Kerja Raya dan Seksyen Penyelidikan Dan Reka Bentuk Jabatan Kerja Raya Bahagian, memantau projek yang dilaksanakan dengan mengadakan mesyuarat, menyediakan laporan yang berkaitan dan mengadakan lawatan ke tapak projek.

a) Pemantauan Di Peringkat Kementerian Dan Negeri

Pemantauan projek penggantian jambatan di peringkat Kementerian/Negeri dibuat melalui mesyuarat dan perbincangan antara Jabatan, Kementerian, Pejabat Kewangan Negeri dan kontraktor. Mesyuarat ini tidak mempunyai jadual yang khusus. Namun perbincangan/mesyuarat diadakan dari semasa ke semasa bila ianya diperlukan. Antara perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat ini adalah masalah peruntukan, bayaran kemajuan dan pengurusan kewangan. Bagi tempoh tahun 2000 hingga bulan Disember 2006, sebanyak 5 mesyuarat telah diadakan. Selain itu, pemantauan projek juga dibuat oleh Kementerian Perhubungan Dan Infrastruktur, Unit Pemantauan Pelaksanaan Projek Negeri melalui laporan projek yang dikemukakan oleh Jabatan setiap bulan.

b) Pemantauan Di peringkat Jabatan

Pemantauan projek oleh Jabatan meliputi aspek pemeriksaan pelan reka bentuk, memeriksa serta menyemak laporan yang disediakan, mengadakan mesyuarat, dan mengadakan lawatan ke tapak dari semasa ke semasa. Semakan Audit terhadap pemantauan di peringkat Jabatan meliputi perkara berikut :

i) Mesyuarat Pengurusan Projek

Mesyuarat pengurusan projek diadakan antara cawangan/seksyen/unit yang terlibat dengan projek penggantian jambatan iaitu Cawangan Geoteknikal Dan Kejuruteraan Struktur, Seksyen Jambatan dan Cawangan Ukur Bahan. Mesyuarat ini tidak mempunyai jadual yang khusus. Ianya diadakan dari semasa ke semasa bila diperlukan. Mesyuarat ini diadakan bertujuan bagi membincang dan menyelaraskan aktiviti pelaksanaan projek. Antara perkara yang dibincangkan dalam Mesyuarat ini adalah pengurusan pengambilan balik tanah, masalah dengan utiliti, masalah teknikal, kewangan projek, pengurusan kontrak dan status kemajuan fizikal dan kewangan. Bagi tempoh tahun 2000 hingga bulan Oktober 2006, sebanyak 8 mesyuarat telah diadakan.

ii) Mesyuarat Tapak

Mengikut perjanjian kontrak, mesyuarat tapak hendaklah diadakan mengikut masa, kekerapan dan tempat yang akan ditentukan oleh Pegawai Penyelia. Semakan Audit terhadap fail pelaksanaan projek mendapati bagi tempoh bulan

Oktober 2000 hingga Disember 2006, sebanyak 22 mesyuarat tapak telah diadakan dan minit mesyuarat juga ada disediakan. Mesyuarat tapak tersebut dihadiri oleh wakil Kementerian, wakil Jabatan, kontraktor dan perunding. Mesyuarat tapak tersebut diadakan bagi membincangkan berbagai masalah berkaitan dengan pelaksanaan projek seperti kemajuan kerja, masalah di tapak pembinaan dan perkara lain yang berkaitan.

iii) Laporan Kemajuan Projek

Laporan kemajuan projek perlu disediakan oleh kontraktor setiap bulan untuk tujuan pemantauan. Laporan ini perlu dikemukakan kepada Jabatan Kerja Raya, Kementerian Perhubungan Dan Infrastruktur dan juga kepada Unit Pemantauan Pelaksanaan Projek Di Jabatan Ketua Menteri. Laporan kemajuan projek ini mengandungi status pembinaan projek, prestasi projek, isu/masalah pelaksanaan projek yang kritikal dan gambar kemajuan projek. Semakan Audit mendapati laporan tersebut disediakan dengan lengkap dan kemas kini. Bagi tempoh tahun hingga bulan Disember 2006 sebanyak 73 laporan telah disediakan.

Pada pendapat Audit, pemantauan terhadap projek penggantian jambatan di Jalan Negeri adalah baik.

11. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada keseluruhannya Jabatan telah berjaya melaksanakan projek penggantian jambatan di Jalan Negeri dan seterusnya memberi kemudahan perhubungan yang lebih baik kepada pengguna jalan raya. Prestasi projek adalah baik di mana projek dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan. Bagaimanapun beberapa aspek pengurusan projek seperti penggunaan peruntukan dan kaedah pemantauan projek perlu diperbaiki. Justeru, bagi mempertingkatkan tahap pengurusan dan pelaksanaan projek pembinaan supaya ianya lebih cekap dan berkesan adalah disyorkan:

- i) Kajian awal yang komprehensif dan terperinci bagi projek yang akan datang hendaklah mengambil kira semua aspek berkaitan dengan proses pra tender yang melibatkan perancangan dan pelaksanaan projek seperti penyiasatan tanah, pelan ukur kejuruteraan dan kajian hidrologi perlu dijalankan sebelum projek dilaksanakan.
- ii) Kerajaan perlu menyediakan perancangan yang teliti terutama dari segi kewangan supaya tidak berlaku *cost overrun* yang membebankan Kerajaan. Peruntukan yang mencukupi adalah perlu sebelum sesuatu projek dilaksanakan.

- iii) Pelaksanaan projek oleh perunding wajar dikaji dengan lebih teliti supaya projek yang benar-benar memerlukan kepakaran atau reka bentuk yang khusus sahaja boleh menggunakan perunding.
- iv) Syarat-syarat perjanjian kontrak perlu dibuat dengan lebih teliti bagi menjamin kepentingan Kerajaan.
- v) Tender dibuat secara terbuka bagi projek yang akan datang supaya Kerajaan Negeri mendapat tawaran harga kontrak yang kompetitif dan membuka peluang kepada ramai kontraktor.

JABATAN PERTANIAN NEGERI SARAWAK

PROGRAM PEMBANGUNAN EKONOMI WANITA

12. LATAR BELAKANG

Jabatan Pertanian Negeri Sarawak (Jabatan) bertanggungjawab terhadap aktiviti pembangunan pertanian Negeri Sarawak. Antara program pembangunan pertanian yang dilaksanakan oleh Jabatan adalah Program Pembangunan Ekonomi Wanita atau lebih dikenali sebagai WEDA. Program ini diperkenalkan pada RMKe-8 bagi menggantikan Program Pembangunan Masyarakat yang mula dilaksanakan pada RMKe-6. Program ini dibahagikan kepada 4 komponen utama iaitu Program Pembangunan Keluarga, Program Bimbingan Usahawan, Program Industri Kecil dan Program Pembangunan Makanan.

Program ini bertujuan untuk membangunkan wanita luar bandar dan pinggir bandar dari keluarga berpendapatan rendah menjadi usahawan yang berjaya. Bagi mencapai objektif ini, strategi Jabatan ialah memberi tumpuan membangunkan industri kecil makanan, industri kotej dan industri asas tani untuk lebih berdaya maju dan menyediakan perkhidmatan sokongan seperti aktiviti kesedaran sosial, penjana pendapatan, latihan, pembangunan produk, bimbingan, penyeliaan berterusan dan pemasaran. Jabatan mengkaji semula program WEDA pada tahun 2006 bagi menambah baik program yang sedia ada supaya lebih menyeluruh dan selaras dengan teras ke 4 RMKe-9 iaitu, meningkatkan tahap dan kemapanan kualiti hidup. Komponen program tersebut adalah Pembangunan Usahawan Wanita, Mempelbagai Pendapatan Keluarga, Khidmat Pembangunan Produk dan Pemindahan Teknologi dan Khidmat Pemasaran dan Latihan Keusahawanan.

Setakat akhir tahun 2005, seramai 28 peserta telah mengikuti Program Industri Kecil, seramai 236 peserta bagi Program Bimbingan Usahawan dan 11,623 peserta terlibat dalam Program Pembangunan Keluarga. Manakala bagi Program Pembangunan Makanan sebanyak 92 resipi telah dihasilkan. Bagi tempoh RMKe-8, peruntukan sejumlah RM5.04 juta telah diluluskan untuk program WEDA.

13. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada Program Pembangunan Ekonomi Wanita telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta mencapai matlamat yang ditetapkan.

14. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

14.1 Skop pengauditan adalah meliputi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan Program Pembangunan Ekonomi Wanita bagi tempoh tahun 2003 hingga 2005 dan di mana perlu semakan juga dibuat bagi tahun sebelumnya. Skop pengauditan tidak meliputi tahun 2006 kerana penyertaan program masih di peringkat awal pelaksanaan RMKe-9 dan belum dapat dianalisis. Semakan Audit telah dijalankan di Ibu Pejabat Jabatan Pertanian Negeri, tiga Pejabat Pertanian Bahagian iaitu Kuching, Miri dan Limbang serta 2 Pejabat Pertanian Daerah iaitu Bau di Kuching dan Lawas di Limbang.

14.2 Kaedah pengauditan yang dijalankan adalah dengan menyemak, mengkaji dan menganalisis data, rekod, dokumen dan fail yang berkaitan. Temu bual dengan kakitangan Seksyen WEDA dan peserta program telah dijalankan untuk mendapatkan maklumat tambahan. Di samping itu borang soal selidik telah diedarkan untuk mendapatkan pandangan peserta. Lawatan Audit ke premis peserta, kampung/rumah panjang yang terlibat termasuk ke lokasi di mana peserta sedang menghadiri kursus di Sri Aman dalam program WEDA juga telah dijalankan.

15. PENEMUAN AUDIT

15.1 PERANCANGAN

Perancangan terperinci dan rapi adalah penting untuk memastikan program ini berjalan dengan lancar. Aspek perancangan yang diteliti antaranya adalah kaedah pelaksanaan, sasaran dan pemantauan program seperti berikut:

15.1.1 Dasar Pertanian Negeri

Dasar Pertanian Negeri Sarawak dirancang selaras dengan Dasar Pertanian Negara yang bertujuan antaranya memaksimumkan pendapatan petani, meningkatkan pengeluaran makanan, menyediakan peluang pekerjaan dan membangunkan industri asas tani. Berdasarkan itu, Jabatan telah merangka Program WEDA yang memberi penekanan kepada pembangunan ekonomi wanita di kawasan luar dan pinggir bandar negeri Sarawak. Penekanan akan diberikan kepada industri hiliran meliputi bidang pemprosesan makanan, pertanian dan kraf tangan/jahitan.

15.1.2 Garis Panduan Dan Peraturan

Bagi memastikan pelaksanaan program ini mencapai objektif yang ditetapkan, Jabatan menyediakan garis panduan seperti berikut:

a) Manual Operasi Program

Manual Operasi Program Pembangunan Ekonomi Wanita akan digunakan sebagai panduan melaksanakan program tersebut. Manual ini menggariskan kriteria pemilihan peserta, syarat program, kaedah pelaksanaan, penggunaan bantuan kewangan, penilaian prestasi program dan peserta.

b) Garis Panduan Perolehan

Garis Panduan Sistem Perolehan Input Pertanian (SPIP) akan digunakan sebagai panduan perolehan kerja, bekalan dan perkhidmatan. Selain itu, Jabatan juga akan mengguna pakai Arahan Perbendaharaan dan peraturan lain yang berkaitan mengikut kepentingan dan kesesuaian semasa.

15.1.3 Komponen Program

Bagi melaksanakan program ini, Jabatan membahagikannya kepada 4 komponen iaitu:

a) Program Pembangunan Keluarga (PPK)

Program ini bertujuan untuk mendidik dan mendorong keluarga, peladang, penternak atau nelayan khususnya golongan wanita dalam 3 aspek utama iaitu kesihatan, pendidikan pengguna dan masyarakat penyayang, di samping menambah pengetahuan dan kemahiran ke arah memperbaiki kehidupan berkeluarga dan bermasyarakat. Melalui program ini, Jabatan akan mengenal pasti sekurang-kurangnya 10 peserta bagi setiap kampung/rumah panjang dan membimbing mereka selama setahun.

b) Program Bimbingan Usahawan (PBU)

Program ini bertujuan untuk membangunkan industri kotej di kalangan peserta luar dan pinggir bandar. Program ini dilaksanakan selama 3 tahun meliputi bimbingan keusahawanan, promosi dan pemasaran produk yang dihasilkan untuk setiap pusingan bagi setiap peserta. Jabatan akan memantau peserta program ini antara 3 hingga 5 tahun.

c) Program Industri Kecil (PIK)

Program ini diperkenalkan bagi membangunkan peserta industri kotej yang sedia ada kepada industri kecil dengan menerapkan nilai budaya niaga supaya lebih berdaya maju. Jabatan juga akan memantau peserta program ini antara 3 hingga 5 tahun. Dalam tempoh ini peserta akan didedahkan dengan teknologi pengeluaran produk, pembungkusan, promosi dan pemasaran. Peserta akan dibimbing dan dilatih menjadi usahawan yang mahir dalam bidang perniagaan. Selepas tempoh

pemantauan, peserta boleh memilih sama ada untuk berdikari atau kekal mengikuti program ini.

d) Program Pembangunan Makanan (PPM)

Program ini bertujuan untuk menggalak dan memajukan pembangunan sumber makanan tempatan sebagai produk berdaya maju. Aktiviti utama program ini ialah menambah nilai resipi sedia ada atau mencipta resipi baru untuk dikomersialkan serta mempelbagaikan sumber makanan dan produk tempatan. Tumpuan akan diberikan kepada cara pemprosesan, pengurangan kos operasi, kualiti dan pembungkusan tanpa menjejaskan ciri keasliannya. Resipi yang dihasilkan akan disalurkan kepada peserta atau individu yang berminat untuk menghasilkan produk dan dikomersialkan.

15.1.4 Sasaran Program

Bagi tempoh RMKe-8, Jabatan mensasarkan penyertaan seramai 9,000 peserta bagi program PPK, seramai 225 peserta bagi program PBU, seramai 38 peserta bagi program PIK dan 60 resipi dihasilkan bagi program PPM. Jabatan juga mensasarkan jumlah jualan bagi setiap peserta program PBU hendaklah melebihi RM10,000 dan program PIK melebihi RM24,000 setahun. Butiran sasaran adalah seperti di **Jadual 22**.

Jadual 22
Sasaran Program WEDA Bagi Tempoh RMKe-8

Program	Sasaran Fizikal (Bilangan Peserta/Resipi)					Jumlah
	2001	2002	2003	2004	2005	
PPK	1,800	1,800	1,800	1,800	1,800	9,000
PBU	45	45	45	45	45	225
PIK	6	8	8	8	8	38
PPM	12	12	12	12	12	60

Sumber: Bajet RMKe-8, Jabatan Pertanian Negeri Sarawak.

15.1.5 Kaedah Pelaksanaan

Jabatan akan melaksanakan program ini berdasarkan kepada Manual Operasi Program dan SPIP serta peraturan lain yang berkaitan.

a) Kaedah Pemilihan Peserta

Bagi PIK dan PBU, setiap Pejabat Pertanian Bahagian dan Daerah akan mengenal pasti peserta yang berpotensi bagi setiap komponen program. Prestasi peserta akan dinilai sebelum borang permohonan dikemukakan ke Ibu Pejabat Pertanian untuk kelulusan. Kriteria pemilihan peserta adalah seperti berikut:

- i) Wanita luar dan pinggir bandar yang sedang menjalankan perusahaan dalam bidang pemprosesan makanan, kraf tangan/jahitan atau pertanian;
- ii) pendapatan tahunan kurang daripada RM10,000 bagi peserta PBU dan RM24,000 bagi peserta PIK; dan
- iii) Berumur 18 tahun ke atas dengan sekurang-kurangnya berpendidikan sekolah rendah.

Bagi program PIK dan PBU, peserta akan menandatangani surat persetujuan bagi memastikan komitmen peserta. Bagi program PPK dan PPM pula, Jabatan juga akan memilih penduduk kampung/rumah panjang untuk menyertai PPK. Manakala bagi PPM pula, resipi yang berpotensi dimajukan akan dipilih untuk diuji dan dikomersialkan.

b) Kaedah Bantuan Dan Perolehan

Bagi melaksanakan kesemua program ini, Jabatan akan menyediakan bantuan berbentuk kelengkapan, khidmat nasihat dan tunjuk ajar kepada peserta program. Bantuan ini digunakan untuk membeli peralatan dan perkakasan seperti mesin dan peralatan pemprosesan serta membina bangunan perusahaan. Jabatan akan menyalurkan peruntukan kewangan kepada Pertubuhan Peladang Kawasan. Pertubuhan Peladang Kawasan hendaklah menggunakan SPIP dan Arahan Perbendaharaan sebagai panduan perolehan kerja, bekalan dan perkhidmatan berkaitan dengan aktiviti WEDA. Selain itu, Jabatan akan membina sebanyak 38 buah pusat perusahaan kepada peserta di bawah program PIK. Manakala tidak ada peruntukan untuk membangunkan pusat perusahaan bagi peserta PBU dan PPK.

c) Kaedah Kawalan Mutu Produk Dan Khidmat Nasihat

Jabatan akan menyediakan kemudahan pembangunan produk dan kawalan mutu bagi memastikan produk dihasilkan adalah berkualiti dan berupaya menembusi pasaran yang lebih luas serta dapat dikongsi dengan peserta sedia ada. Oleh itu, produk yang dikeluarkan oleh peserta mahupun Jabatan akan dibuat penganalisan rasa dan ujian mikro biologi serta fakta kandungan zat pemakanan. Jabatan juga akan memastikan setiap peserta mematuhi kaedah Amalan Pengilangan Yang Baik. Selain itu, Jabatan akan memberi khidmat nasihat seperti mengadakan kursus mengenai cara pemprosesan, pembungkusan dan penetapan harga bagi membantu meningkatkan pengetahuan peserta.

d) Kaedah Promosi Dan Pemasaran

Promosi dan pemasaran yang berkesan merupakan faktor penting bagi memperkenalkan produk yang dihasilkan oleh peserta di pasaran. Dua kaedah yang akan digunakan oleh Jabatan atau peserta adalah seperti berikut:

i) Promosi Melalui Jabatan

Jabatan akan mengadakan ekspso dan pameran bagi membantu peserta memasarkan produk mereka serta mengedarkan poster, risalah dan brosur mengenai program WEDA. Peserta juga digalakkan untuk menyertai ekspso dan seminar yang dianjurkan oleh pihak lain serta mengadakan kerjasama dengan Agensi Kerajaan yang lain.

ii) Pemasaran Terus

Peserta akan memasarkan produk dengan menjual secara terus kepada orang tengah atau pengguna. Jabatan akan membantu peserta dengan memberi latihan mengendalikan kaedah promosi dan pemasaran yang berkaitan.

15.1.6 Keperluan Kewangan

Jabatan perlu mengambil kira keperluan dan kepentingan semasa dalam menentukan keperluan kewangan program ini. Keperluan tersebut disediakan dengan mengambil kira bilangan peserta, jenis perniagaan, kos barangan dan peralatan serta tempoh program termasuk kos operasi Jabatan. Bagi tempoh RMKe-8, Jabatan memohon sejumlah RM14.42 juta untuk melaksanakan program ini di seluruh negeri Sarawak. Pecahan jumlah peruntukan tersebut mengikut keperluan komponen program adalah seperti di **Jadual 23**.

Jadual 23
Keperluan Kewangan Program WEDA Bagi Tempoh RMKe-8

Program	Sasaran	Jumlah (RM Juta)
PPK	9,000 peserta	3.00
PBU	225 peserta	2.60
PIK	38 peserta	5.42
PPM	60 resipi	3.40
Jumlah		14.42

Sumber: Bajet RMKe-8, Jabatan Pertanian Negeri Sarawak

Bagi memantapkan pelaksanaan program ini, Jabatan menetapkan panduan penggunaan peruntukan yang diluluskan oleh Kementerian Pemodenan Pertanian Sarawak. Had penggunaan peruntukan bagi setiap program adalah seperti berikut :

a) Program Pembangunan Keluarga

Jabatan menetapkan peruntukan tahunan sejumlah RM1,000 hingga RM3,000 bagi setiap kampung/rumah panjang yang dipilih dan mempunyai sekurang-kurangnya 10 peserta. Peruntukan ini digunakan untuk membeli alat bantuan mengajar, perkakas dapur dan pertanian, baja dan benih.

b) Program Bimbingan Usahawan

Panduan had penggunaan peruntukan bagi PBU adalah seperti di **Jadual 24**.

Jadual 24
Panduan Had Penggunaan Peruntukan Bagi Program Bimbingan Usahawan

Jenis Aktiviti	Amaun Setiap Peserta (RM)	Tujuan
Pemprosesan Makanan	10,000	Meningkatkan aktiviti pemprosesan seperti pembaikan prasarana/tempat memproses produk, membeli mesin pemprosesan dan alat kelengkapan.
Pertanian	10,000	Membeli perkakasan pertanian, baja, benih, racun serangga dan jaring kalis serangga.
Kraf Tangan/ Jahitan	10,000	Memperbaiki tempat/prasarana aktiviti dijalankan dan membeli perkakasan dan peralatan seperti meja, almari, mesin jahit, mesin <i>laminating</i> dan bahan jahitan.

Sumber: Rekod Jabatan Pertanian Negeri Sarawak

c) Program Industri Kecil

Panduan had penggunaan peruntukan bagi PIK adalah seperti di **Jadual 25**.

Jadual 25
Panduan Had Penggunaan Peruntukan Bagi Program Industri Kecil

Jenis Aktiviti	Amaun (RM)	Tujuan
Projek Memproses Makanan	50,000 – 200,000	Membina pusat perusahaan atau menaiktarafkan pusat yang sedia ada atau membeli mesin, kelengkapan projek dan bahan mentah.
Projek Pembangunan Kraf	50,000 – 200,000	Membina pusat perusahaan kraf tangan/jahitan seperti anyaman bakul, tikar, produk seramik dan kraf, membeli mesin dan aksesori kraf tangan/jahitan.
Pusat Pemasaran	50,000	Menyedia prasarana bagi memasarkan produk perusahaan termasuk membina bangunan, menyediakan kemudahan asas yang berkaitan dengan pemasaran.
Pembungkusan	50,000	Membeli mesin pembungkusan dan perbelanjaan lain yang berkaitan.
Latihan Dan Pembangunan Projek	60,000	Latihan kepada peserta atau pengusaha projek bagi meningkatkan kemahiran teknikal, pengurusan dan pembangunan projek termasuk membeli keperluan kursus.
Aktiviti Galakan	75,000	Aktiviti seperti promosi produk, jualan, mengelola pertandingan peserta program dan bayaran elaun serta kos pengangkutan peserta.

Sumber: Rekod Jabatan Pertanian Negeri Sarawak

d) Program Pembangunan Makanan

Jabatan tidak menetapkan jumlah peruntukan yang khusus bagi program ini. Penggunaan peruntukan adalah untuk membeli bahan mentah, mesin, peralatan dan kelengkapan yang diperlukan bagi menjalankan aktiviti pembangunan makanan.

15.1.7 Keperluan Guna Tenaga Dan Latihan

Struktur pengurusan yang jelas adalah penting untuk menggerakkan organisasi ke arah pencapaian matlamat penubuhannya. Keperluan guna tenaga dan latihan Jabatan adalah seperti berikut:

a) Struktur Organisasi

Kejayaan pelaksanaan program ini bergantung kepada bilangan, kecekapan dan kemahiran pegawai serta kakitangan yang melaksanakan program ini. Mengikut Senarai Perjawatan seperti dalam Anggaran Hasil dan Perbelanjaan Jabatan Pertanian Negeri Sarawak bagi tempoh RMKe-8, Jabatan memerlukan seramai 230 kakitangan bagi pelbagai gred jawatan yang diketuai oleh seorang Pegawai Pembangunan Masyarakat Gred S41 untuk melaksanakan program WEDA. Keperluan perjawatan ini adalah untuk membimbing, melatih, menyelia dan memantau perkembangan seramai 9,263 peserta yang disasarkan bagi RMKe-8.

b) Kursus Dan Latihan

Kemahiran dan kecekapan pegawai bergantung kepada ilmu dan pengetahuan pegawai serta kakitangan berkenaan dalam melaksanakan tanggungjawab harian mereka. Bagi mencapai matlamat tersebut Jabatan hendaklah merangka dan menetapkan jumlah kursus dan latihan untuk meningkatkan kemahiran dan kecekapan sebagai anggota perkhidmatan awam. Bagi tempoh RMKe-8, Jabatan menetapkan setiap pegawai dan kakitangannya mengikuti kursus dan latihan sebanyak 4 hari dalam setahun. Kursus dan latihan tersebut hendaklah juga berkaitan dengan tugas dan tanggungjawab pegawai dan kakitangan tersebut.

15.1.8 Kaedah Pemantauan

Pemantauan program perlu dilaksanakan dengan cekap dan tersusun serta selaras dengan setiap komponen program supaya matlamat program dapat dicapai. Sehubungan itu, Jabatan merancang menggunakan pendekatan pemantauan seperti berikut:

a) Peringkat Ibu Pejabat

Jabatan akan mengadakan mesyuarat 2 kali setahun bagi mendapatkan maklum balas serta mencari penyelesaian masalah yang dihadapi oleh peserta. Pencapaian dan prestasi peserta yang terlibat juga akan dibincangkan berdasarkan Laporan Prestasi Peserta yang disediakan oleh Pejabat Bahagian.

b) Peringkat Bahagian/Daerah

Pembantu Pembangunan Masyarakat di Pejabat Pertanian Daerah akan melawat ke premis peserta bagi mendapatkan maklumat prestasi peserta serta memberi khidmat nasihat dan mengemukakan Laporan Prestasi Peserta kepada Penolong Pegawai Pembangunan Masyarakat di Pejabat Pertanian Bahagian. Laporan tersebut kemudiannya dikemukakan ke Ibu Pejabat pada setiap bulan dan hendaklah mengandungi maklumat seperti nama peserta, jenis produk dan perusahaan, hasil jualan dan pendapatan bersih bulanan.

Pada pandangan Audit, secara keseluruhannya perancangan program WEDA adalah memuaskan. Jabatan telah menyediakan perancangan strategik yang jelas dan menyeluruh untuk meningkatkan tahap dan kualiti hidup yang mampan di kalangan peserta.

15.2 PELAKSANAAN

Pencapaian objektif program WEDA amat bergantung kepada keberkesanan pelaksanaan komponen program dan penglibatan serta komitmen semua pihak berkaitan. Pelaksanaan program tersebut adalah seperti berikut:

15.2.1 Dasar Pertanian Negeri

Jabatan ada menetapkan hala tuju program ini agar selaras dengan Dasar Pertanian Negeri dengan memperkemaskan program di bawah tanggungjawab Seksyen WEDA dan menetapkan kumpulan sasaran. Jabatan juga menetapkan objektif yang jelas untuk menjadikan negeri Sarawak sebagai penyumbang utama dalam pengeluaran makanan dan meningkatkan produktiviti serta pendapatan pengusaha pertanian. Semakan Audit mendapati pelaksanaan program ini telah mematuhi dasar Kerajaan untuk memacu sektor pertanian menjadi lebih berdaya maju dengan membangunkan sektor industri asas tani terutamanya aktiviti hiliran.

Pada pendapat Audit, program ini adalah baik kerana dilaksanakan selaras dengan Dasar Pertanian Negeri dan juga Dasar Pertanian Negara. Pelaksanaan

program ini dijangka mampu menyumbang kepada pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar sektor pertanian.

15.2.2 Garis Panduan Dan Peraturan

Pematuhan garis panduan dan peraturan sangat penting bagi melaksanakan program ini dengan lebih cekap dan berkesan. Jabatan menggunakan Manual Operasi Program WEDA sejak tahun 2001 dan SPIP sebagai panduan melaksanakan program ini. Semakan Audit mendapati Jabatan telah mematuhi sepenuhnya panduan ini. Jabatan juga mematuhi peraturan berkaitan perolehan kerja, bekalan dan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Kewangan Negeri.

Pada pendapat Audit, pematuhan garis panduan dan peraturan adalah baik. Pematuhan ini membolehkan pelaksanaan program WEDA berjalan dengan sempurna.

15.2.3 Komponen Program

Jabatan telah menetapkan 4 komponen utama Program Ekonomi Wanita iaitu PPK, PBU, PIK dan PPM untuk dilaksanakan bagi tempoh RMKe-8. Semakan Audit terhadap pelaksanaan komponen ini di Bahagian Kuching, Miri dan Limbang bagi tempoh tahun 2003 hingga 2005 mendapati :

a) Program Pembangunan Keluarga

Program ini melibatkan sekurang-kurangnya 10 peserta bagi setiap kampung/rumah panjang untuk dibimbing selama 1 tahun secara pusingan mengenai hal berkaitan kesihatan, pendidikan pengguna dan masyarakat penyayang. Semakan Audit terhadap program ini mendapati seramai 11,623 peserta dari 482 buah kampung/rumah panjang di seluruh Negeri Sarawak telah menyertai program ini. Daripada jumlah tersebut, seramai 7,401 peserta atau 63.7% adalah dari 327 buah kampung/rumah panjang di Bahagian Kuching, Miri dan Limbang. Ceramah mengenai program kehidupan yang sihat, pendidikan pengguna dan masyarakat penyayang telah diberi kepada peserta. Selain itu tayangan video dan demonstrasi mengenai aktiviti pertanian, kraf tangan dan memproses makanan juga telah dijalankan. Laporan mengenai program ini juga ada disediakan oleh Jabatan dan pemantauan oleh Seksyen WEDA berakhir selepas 1 tahun program ini dilaksanakan bagi setiap kampung/rumah panjang.

b) Program Bimbingan Usahawan

Program ini bertujuan untuk membangunkan industri kotej di kalangan peserta luar dan pinggir bandar. Program bimbingan keusahawanan, promosi dan pemasaran produk yang dihasilkan ini dilaksanakan selama 3 tahun bagi setiap peserta. Jabatan memantau peserta program ini dalam tempoh antara 3 hingga 5 tahun. Semakan Audit terhadap 20% atau 47 daripada 236 peserta mendapati perniagaan mereka telah menjana jualan bernilai RM4.15 juta dengan keuntungan bersih bernilai RM1.87 juta seperti di **Jadual 26**.

Jadual 26
Jualan Dan Keuntungan Bagi
Tempoh Tahun 2003 Hingga 2005

Tahun	Program Bimbingan Usahawan		
	Bilangan Peserta	Jualan (RM Juta)	Keuntungan (RM Juta)
2003	16	0.89	0.42
2004	17	1.33	0.58
2005	14	1.93	0.87
Jumlah	47	4.15	1.87

Sumber: Rekod Jabatan Pertanian Negeri Sarawak

c) Program Industri Kecil

Di bawah program ini peserta telah dibimbing dan dilatih menjadi usahawan yang mahir dalam bidang perniagaan. Semakan Audit terhadap 32.1% atau 9 daripada 28 peserta mendapati perniagaan mereka telah menjanakan jualan sejumlah RM2.24 juta dengan keuntungan bersih sejumlah RM0.85 juta seperti di **Jadual 27**.

Jadual 27
Jualan Dan Keuntungan Bagi
Tempoh Tahun 2003 Hingga 2005

Tahun	Program Industri Kecil		
	Peserta	Jualan (RM Juta)	Keuntungan (RM Juta)
2003	4	0.59	0.22
2004	2	0.70	0.27
2005	3	0.95	0.36
Jumlah	9	2.24	0.85

Sumber: Rekod Jabatan Pertanian Negeri Sarawak

Semakan Audit seterusnya mendapati pelbagai produk seperti keropok ikan, kerepek ubi, kerepek pisang, makanan ringan, kordial buah-buahan, makanan sejuk beku, makanan kering dan hasil kraf tangan telah dihasilkan dan dijual di sekitar bandar dan kawasan berdekatan dengan pusat perusahaan peserta. Contoh hasil kraf tangan dan produk peserta adalah seperti di **Foto 23** dan **24**.

Foto 23
Hasil Kraf Tangan Oleh Peserta
Program Pembangunan Keluarga



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak
 Tarikh: 22 Jun 2006
 Lokasi: Rumah Awain, Bahagian Miri

Foto 24
Keropok Yang Diusahakan Oleh
Peserta Program Industri Kecil



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak
 Tarikh: 12 Disember 2006
 Lokasi: Rumah Puan Asmah Binti Mohamad, Bahagian Kuching

d) Program Pembangunan Makanan

Program ini bertujuan untuk menggalak dan memajukan pembangunan sumber makanan tempatan sebagai produk berdaya maju. Semakan Audit terhadap program ini mendapati bagi tempoh tahun 2003 hingga 2005 sebanyak 49 resipi telah dihasilkan berasaskan produk herba, ternakan, hasil laut dan sayuran.

Pada pendapat Audit, pelaksanaan komponen adalah baik kerana mempunyai kumpulan sasaran yang jelas dan kebanyakan jenis produk beridentitikan tempatan Sarawak. Program ini telah menyediakan peluang perniagaan dan meningkatkan taraf hidup wanita di luar dan pinggir bandar.

15.2.4 Sasaran Dan Pencapaian Program

a) Sasaran Program

Bagi tempoh RMKe-8 sejumlah RM5.04 juta peruntukan telah diluluskan daripada RM14.42 juta yang dimohon. Dengan itu, Jabatan telah mengubahsuai sasaran program berdasarkan kepada jumlah peruntukan yang diterima. Kedudukan sasaran yang diubahsuai adalah seperti di **Jadual 28**.

Jadual 28
Sasaran Pelaksanaan Program WEDA Bagi Tempoh RMKe-8

Program	Sasaran Yang Diluluskan		Pencapaian		
	Bilangan Peserta/Resipi	Jumlah (RM Juta)	Bilangan Peserta/Resipi	Jumlah (RM Juta)	Peratusan (%)
PPK	3,000 peserta	0.83	11,623 peserta	0.87	387.4
PBU	225 peserta	1.91	236 peserta	1.92	104.9
PIK	33 peserta	1.80	28 peserta	1.72	84.8
PPM	20 resipi	0.50	92 resipi	0.45	460.0
Jumlah		5.04		4.96	

Sumber: Rekod Jabatan Pertanian Negeri Sarawak.

b) Pencapaian Program

Semakan Audit terhadap rekod kemajuan program bagi tempoh RMKe-8 mendapati 3 daripada 4 komponen program telah melebihi sasaran program iaitu PPK, PBU dan PPM. Bagi program PPK pencapaiannya adalah sebanyak 387.4% atau 11,623 penyertaan iaitu melebihi sasaran 3,000 peserta. Manakala program PBU pula mencatatkan sebanyak 104.9% atau seramai 236 peserta iaitu melebihi sasaran 225 peserta. Bagi program PPM pula, sebanyak 460% atau 92 resipi telah dihasilkan, iaitu melebihi sasaran 20 resipi. Pencapaian yang melebihi sasaran ini adalah disebabkan permohonan yang menggalakkan. Bagaimanapun, bagi program PIK hanya sebanyak 84.8% atau seramai 28 peserta terlibat daripada 33 peserta yang disasarkan. Daripada 28 peserta tersebut, seramai 13 peserta merupakan peserta PBU yang telah dinaiktarafkan ke PIK. Sasaran seramai 33 peserta tidak dapat dicapai sepenuhnya kerana Jabatan menghadapi kekurangan peruntukan. Bilangan peserta PBU dan PIK bagi tempoh RMKe-8 adalah seperti di **Jadual 29**.

Jadual 29
Bilangan Peserta Program Bimbingan Usahawan
Dan Program Industri Kecil Bagi Tahun 2001 Hingga 2005

Bahagian	Program Bimbingan Usahawan						Program Industri Kecil					
	Tahun						Tahun					
	2001	2002	2003	2004	2005	Jumlah	2001	2002	2003	2004	2005	Jumlah
Kuching	6	7	6	7	6	32	1	1	2	-	1	5
Sri Aman	5	4	3	5	5	22	-	-	-	-	-	-
Sibu	5	3	4	6	2	20	-	-	-	-	-	-
Miri	4	6	6	5	4	25	2	-	1	2	2	7
Limbang	5	4	4	5	4	22	1	1	1	-	-	3
Sarikei	7	2	4	4	2	19	-	-	-	-	-	-
Kapit	3	2	4	6	3	18	-	-	-	-	-	-
Samarahan	5	6	5	9	4	29	-	1	1	1	1	4
Bintulu	5	5	2	5	2	19	-	1	-	2	-	3
Mukah	-	6	5	4	3	18	1	1	1	-	-	3
Betong	-	-	2	6	4	12	-	1	-	2	-	3
Jumlah	45	45	45	62	39	236	5	6	6	7	4	28

Sumber: Rekod Jabatan Pertanian Negeri Sarawak

Prestasi pencapaian peserta diukur melalui jumlah jualan dan keuntungan yang diperolehi. Kejayaan peserta menggambarkan komitmen Jabatan terhadap usaha membangunkan usahawan wanita di luar dan pinggir bandar. Semakan Audit terhadap rekod jualan keseluruhan peserta bagi tempoh tahun 2003 hingga 2005 mendapati jumlah jualan adalah RM24.83 juta. Daripada jumlah tersebut, keuntungan sebanyak 61.4% atau sejumlah RM15.25 juta telah dicapai. Pendapatan per kapita bagi sampel 59 peserta PBU di Bahagian Kuching, Miri dan Limbang yang menyertai program ini bagi tempoh 2003 hingga 2005 didapati meningkat daripada RM12,300 atau 91.9% menjadi RM23,600. Pencapaian keseluruhan prestasi jualan dan keuntungan peserta adalah seperti di **Jadual 30**.

Jadual 30
Pencapaian Jualan Dan Keuntungan Peserta Program Industri Kecil
Dan Program Bimbingan Usahawan Bagi Tahun 2003 Hingga 2005

Program	2003			2004			2005		
	Jualan (RM Juta)	Untung (RM Juta)	(%)	Jualan (RM Juta)	Untung (RM Juta)	(%)	Jualan (RM Juta)	Untung (RM Juta)	(%)
PBU	2.43	1.34	55.1	3.32	3.04	91.6	3.99	2.19	54.9
PIK	3.86	1.85	47.9	5.21	3.78	72.5	6.02	3.05	50.7
Jumlah	6.29	3.19		8.53	6.82		10.01	5.24	

Sumber: Rekod Jabatan Pertanian Negeri Sarawak

Prestasi cemerlang peserta juga diukur melalui kemampuan meningkatkan nilai jualan di antara 13.9 % hingga 1,163.9% berdasarkan nilai jualan tahun 2005. Peningkatan jualan bagi 23 peserta yang menyertai Program PBU adalah seperti di **Jadual 31**.

Jadual 31
Pencapaian Jualan Tahunan 23 Peserta PBU Selepas Menyertai Program WEDA

Nama	Bahagian	Jualan Sebelum Menyertai Program WEDA (RM)	Jualan Selepas Menyertai Program WEDA (RM)	Peningkatan Peratusan (%)
Ming Sumo	Kuching	3,600	45,500	1,163.9
Maria Keri	Kuching	2,500	28,200	1,028.0
Haizani Drahman	Kuching	5,400	40,500	650.0
Jennifer Senai	Kuching	3,600	12,200	238.9
Seloma Main	Kuching	6,000	14,700	145.0
Andriana Lati	Kuching	7,200	15,300	112.5
Suraya Stephen	Kuching	5,400	11,000	103.7
Lau Sew Lan	Kuching	24,000	47,000	95.8
Sh Hadiah Wan Hasil	Kuching	7,200	13,300	84.7
Zaharah Abdullah	Kuching	3,000	4,700	56.7
Linawati Busri	Kuching	7,200	8,200	13.9
Sangan Agan	Miri	1,600	12,000	650.0
Normah Hj Unus	Miri	4,800	31,500	556.3
Hadiah Ghani	Miri	14,000	29,200	108.6
Hoi Kin Choo	Miri	24,000	40,000	66.7
Rose Tagung Arang	Miri	9,600	12,800	33.3
Maimunah Piot	Limbang	1,500	15,200	913.3
Jidah Daud	Limbang	3,000	27,200	806.7
Lumah Hj Raden	Limbang	12,000	63,200	426.7
Hajjah Damit Tengah	Limbang	2,000	10,000	400.0
Asiah@Hasiah Sebli	Limbang	7,800	19,000	143.6
Selipah Abdullah	Limbang	12,000	23,400	95.0
Johari Lidus	Limbang	7,200	9,600	33.3

Sumber: Rekod Jabatan Pertanian Negeri Sarawak

Pada tahun 2004, Jabatan telah mula melaksanakan penilaian dan menggredkan pencapaian peserta. Pada tahun 2005, seramai 102 peserta PIK dan PBU di Bahagian Kuching, Miri, Limbang dan Bintulu telah mencapai kategori seperti di **Jadual 32**.

Jadual 32
Anugerah Pencapaian Peserta Mengikut Keuntungan

Kategori	Keuntungan	Kuching	Miri	Limbang	Bintulu	Jumlah
Berlian	> RM40,000	1	-	5	2	8
Emas	RM30,001 - RM40,000	1	1	-	4	6
Delima	RM20,001 - RM30,000	1	4	2	2	9
Perak	RM10,001 - RM20,000	12	10	3	6	31
Gangsa	<RM10,000	20	11	13	4	48
Jumlah		35	26	23	18	102

Sumber: Rekod Jabatan Pertanian Negeri Sarawak

Pihak Audit telah melawat ke premis 2 peserta PIK yang telah mencapai kategori Berlian iaitu Cik Rina binti Mohamad Jamil di Bahagian Limbang dan Puan Asmah binti Mohamad di Bahagian Kuching. Cik Rina binti Mohamad Jamil telah berjaya mengusahakan sos cili berjenama 'Salijam' yang telah menembusi pasaran Brunei Darussalam dan menyumbangkan pekerjaan kepada masyarakat tempatan.

Manakala Puan Asmah binti Mohamad telah mendapat tempat pertama bagi kategori produk keropok semasa Hari Penternak, Peladang dan Nelayan Peringkat Kebangsaan tahun 2002 dan mencapai kategori Berlian pada tahun 2005. Pusat perusahaan sos cili milik Cik Rina binti Mohamad Jamil adalah seperti di **Foto 25** dan **Foto 26**. Keadaan tempat pemprosesan keropok milik Puan Asmah binti Mohamad sebelum dan selepas menyertai program WEDA adalah seperti di **Foto 27** dan **Foto 28**.

Foto 25
Kilang Sos Salijam Yang
Dimiliki Peserta PIK



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara Cawangan Sarawak
Tarikh : 28 Jun 2006
Lokasi : Kampung Pemungkat, Bahagian Limbang

Foto 26
Produk Sos Yang Dihasilkan
Oleh Kilang Sos Salijam



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara Cawangan Sarawak
Tarikh : 28 Jun 2006
Lokasi : Kampung Pemungkat, Bahagian Limbang

Foto 27
Tempat Pemprosesan Sebelum
Menyertai Program WEDA



Sumber : Foto Jabatan Pertanian Negeri Sarawak
Tarikh : 1995
Lokasi : Daerah Lundu, Bahagian Kuching

Foto 28
Tempat Pemprosesan Selepas
Menyertai Program WEDA



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak
Tarikh : 12 Disember 2006
Lokasi : Daerah Lundu, Bahagian Kuching

Pada pendapat Audit, program ini telah berjaya membangunkan usahawan wanita yang berdaya maju. Produk yang dikeluarkan telah diterima baik oleh pengguna tempatan dan luar negara. Secara langsung program ini telah berjaya menjana keuntungan melebihi sasaran yang diharapkan terutamanya program PIK dan PBU dan menaiktarafkan hidup peserta.

15.2.5 Kaedah Pelaksanaan

Bagi tempoh RMKe-8, Jabatan telah menggunakan Manual Operasi Program sebagai panduan utama melaksanakan program WEDA manakala SPIP digunakan oleh Pertubuhan Peladang Kawasan untuk membuat perolehan bagi pihak Jabatan. Pemeriksaan Audit terhadap kaedah pelaksanaan program tersebut adalah seperti berikut:

a) Kaedah Pemilihan Peserta

Kaedah pemilihan peserta yang teliti merupakan aspek penting sebelum program tersebut dapat dilaksanakan dengan cekap dan sempurna.

i) Kriteria Pemilihan Peserta

Semakan Audit terhadap kesemua 94 peserta program PIK dan PBU di Bahagian Kuching, Miri dan Limbang mendapati seramai 15 peserta PIK dan 79 peserta PBU merupakan peserta yang telah terlibat dalam perusahaan lebih daripada 3 tahun. Peserta ini juga didapati telah mempelbagaikan produk keluaran selain memberi tumpuan kepada produk/keluaran utama. Semakan Audit seterusnya mendapati seorang peserta PBU iaitu Cik Kasmah Binti Majeri yang beroperasi di pinggir bandar Kuching tidak mengusahakan perusahaannya sepenuh masa. Manakala 2 peserta pula beroperasi di kawasan bandar iaitu Puan Hindon Binti Jariah di bandar Sri Aman dan Cik Rahimah Binti Hashim di bandar Kuching.

ii) Proses Pemilihan

Jabatan ada menetapkan garis panduan pemilihan dan kriteria pemilihan peserta. Semakan Audit mendapati pemilihan peserta PIK dan PBU di Bahagian Kuching, Miri dan Limbang dibuat melalui 2 peringkat iaitu peringkat Daerah/Bahagian dan Ibu Pejabat. Borang permohonan yang telah disaring di peringkat Daerah/Bahagian dikemukakan ke Ibu Pejabat untuk kelulusan oleh Jawatankuasa Pemilihan.

Semakan Audit terhadap pemilihan 2,286 peserta PPK dari 84 buah kampung/rumah panjang di Bahagian Kuching, Miri dan Limbang pula mendapati pemilihan dibuat setelah Jabatan membuat bancian terhadap kampung/rumah panjang yang telah dikenal pasti di peringkat Daerah. Setiap butiran mengenai bilangan pintu/rumah, isi rumah serta jenis pekerjaan penduduk direkodkan. Persetujuan penghulu/tuai rumah diperlukan sebelum program diluluskan.

iii) Surat Perjanjian

Semua peserta PIK yang diluluskan dikehendaki menandatangani satu perjanjian dengan Jabatan bagi menjamin komitmen peserta untuk mematuhi syarat yang ditetapkan dan menjaga kepentingan Kerajaan. Antara syarat perjanjian adalah seperti berikut :

- Pengusaha mesti mencapai pengeluaran minimum RM24,000 setahun.
- Pengusaha mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh Jabatan.
- Jabatan berhak menarik balik projek tersebut sekiranya tidak mematuhi syarat yang ditetapkan di atas.
- Jabatan berhak meminda syarat perjanjian dan tertakluk kepada perubahan semasa.

Semakan Audit mendapati kesemua peserta PIK ada menandatangani perjanjian dengan Jabatan. Pada tahun 2005, perjanjian ini juga dipanjangkan kepada peserta PBU. Adalah didapati kesemua syarat yang ditetapkan oleh Jabatan dipatuhi oleh peserta.

Pada pendapat Audit, pemilihan peserta telah melalui proses saringan yang ditetapkan.

b) Kaedah Bantuan Dan Perolehan

Bagi melaksanakan program ini, Jabatan telah menyediakan bantuan berbentuk kelengkapan, khidmat nasihat dan tunjuk ajar kepada peserta program. Bantuan ini digunakan untuk membeli peralatan dan perkakasan seperti mesin dan peralatan pemprosesan dan membina bangunan perusahaan.

i) Bantuan Kepada Peserta

Semakan Audit terhadap laporan perbelanjaan bagi tempoh RMKe-8 mendapati Jabatan telah memberi bantuan sejumlah RM4.96 juta kepada 11,887 peserta terlibat. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM3.64 juta

diagihkan kepada seramai 264 peserta yang terdiri daripada 28 peserta PIK dan 236 peserta PBU. Jabatan telah menetapkan setiap peserta menerima bantuan sekali sahaja dalam tempoh pelaksanaan program. Butiran bantuan kewangan untuk program WEDA mengikut tahun adalah seperti di **Jadual 33**.

Jadual 33
Bantuan Kewangan Untuk Program WEDA Bagi Tempoh RMKe-8

Program	Tahun					Jumlah
	2001 (RM Juta)	2002 (RM Juta)	2003 (RM Juta)	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	
PPK	0.10	0.15	0.15	0.25	0.22	0.87
PBU	0.38	0.39	0.39	0.39	0.37	1.92
PIK	0.33	0.34	0.39	0.40	0.26	1.72
PPM	0.13	0.08	0.08	0.08	0.08	0.45
Jumlah	0.94	0.96	1.01	1.12	0.93	4.96

Sumber: Rekod Jabatan Pertanian Negeri Sarawak

Semakan Audit seterusnya mendapati bantuan kewangan bagi setiap peserta PIK adalah antara RM46,000 dan RM80,000 dan setiap peserta PBU pula antara RM2,000 dan RM9,000. Bagi PPK pula julat bantuan kewangan yang diterima adalah antara RM800 dan RM3,000 untuk setiap kampung/rumah panjang. Penolong Pengarah WEDA memaklumkan bantuan yang diberikan itu merupakan langkah awal bagi peserta memulakan perniagaan.

Adalah didapati seramai 42 peserta yang terdiri daripada 14 peserta PIK dan 28 peserta PBU telah menerima bantuan kewangan sejumlah RM0.81 juta manakala PPK pula menerima sejumlah RM0.10 juta daripada peruntukan lain. Antara bantuan tambahan yang diterima oleh peserta adalah daripada peruntukan Program Pembangunan Infrastruktur Pertanian dan Skim Bantuan Kelapa. Temu bual Audit dengan pegawai Jabatan mendapati peserta tersebut merupakan peserta yang sedia ada dan memerlukan bantuan tambahan untuk menambah prasarana pusat perusahaan seperti menaik taraf jalan, pendawaian elektrik dan membaik pulih pusat perusahaan. Bagaimanapun, tidak ada bukti menunjukkan pertambahan ini dibenarkan oleh Jawatankuasa terlibat. Bagi menjayakan program ini, Jabatan hendaklah menyemak semula had bantuan kewangan kepada peserta. Dengan berbuat demikian, Jabatan dapat membantu peserta untuk mengembangkan perniagaan mereka.

ii) Jenis Bantuan

Jenis bantuan yang diberikan kepada peserta adalah dalam bentuk peralatan, perkakasan dan bangunan. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:


- **Bantuan Peralatan Dan Perkakasan**

Jabatan telah mengeluarkan bantuan sejumlah RM0.21 juta bagi membantu peserta membeli peralatan dan perkakasan sepanjang tempoh tahun 2003 hingga 2005. Peralatan dan perkakasan tersebut adalah seperti mesin pengadun dan ketuhar. Semua peralatan dan perkakasan telah direkodkan dalam Kad Harta Modal yang disimpan oleh peserta dan Jabatan. Adalah didapati Jabatan ada membuat pemeriksaan terhadap rekod tersebut dari semasa ke semasa agar peserta menyenggara mesin dan peralatan yang dibekalkan dengan sempurna.

- **Peralatan Tidak Digunakan**

Lawatan Audit pada bulan Mei dan Jun tahun 2006 ke premis peserta Cik Norlela binti Mohd Zain di Bahagian Sri Aman dan Puan Norshahizzah binti Abdullah di Bahagian Limbang mendapati peralatan dan perkakasan bernilai RM8,000 yang dibekalkan sejak tahun 2004 dan 2005 tidak digunakan seperti di **Foto 29** hingga **32**.

Foto 29
Meja Keluli Untuk Perniagaan Roti
Canai Yang Dibekalkan Pada Tahun
2004 Tidak Digunakan



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak
Tarikh :2 Mei 2006
Lokasi :Rumah Cik Norlela Binti Mohd Zain di Bahagian Sri Aman

Foto 30
Peralatan Yang Dibekalkan Pada
Tahun 2004 Tidak Digunakan



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak
Tarikh :2 Mei 2006
Lokasi :Rumah Cik Norlela Binti Mohd Zain di Bahagian Sri Aman

Foto 31
Pinggan Mangkuk Yang Dibekalkan
Pada Tahun 2004 Tidak Digunakan



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak
 Tarikh: 2 Mei 2006
 Lokasi: Rumah Cik Norlela Binti Mohd Zain di
 Bahagian Sri Aman

Foto 32
Mesin Pengisar Yang Dibekalkan
Pada Tahun 2005 Tidak Digunakan



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak
 Tarikh : 23 Jun 2006
 Lokasi : Rumah Puan Norshahizzah Binti
 Abdullah di Bahagian Limbang

Perkakasan yang dibekalkan kepada Cik Norlela binti Mohd Zain ini tidak digunakan kerana beliau tidak berminat untuk meneruskan perniagaannya itu dan sekarang beliau mengusahakan perniagaan lain. Manakala mesin pengisar yang diberi kepada Puan Norshahizzah binti Abdullah pula tidak digunakan kerana peralatan yang dibekalkan perlu menggunakan bekalan elektrik berkapasiti 3 fasa sedangkan kapasiti bekalan elektrik di rumahnya tidak mencukupi. Setakat tahun 2006, Jabatan belum mengambil tindakan untuk menarik balik peralatan yang diberikan kepada Cik Norlela binti Mohd. Zain manakala bagi Puan Norshahizzah binti Abdullah pula berusaha mengatasi masalah tersebut.

- **Perolehan Tidak Dibekalkan**

Jabatan telah meluluskan perolehan peralatan kepada 2 peserta PBU di Bahagian Sri Aman pada tahun 2003. Peruntukan sejumlah RM6,000 telah diberikan kepada Pertubuhan Peladang Kawasan pada tahun 2004 untuk membeli peralatan tersebut. Bagaimanapun, sehingga lawatan Audit pada bulan Mei 2006 mendapati peralatan berkaitan masih belum dibekalkan. Ini menyebabkan 2 peserta tersebut tidak dapat meneruskan perusahaannya dan daripada temu bual mendapati kedua-dua peserta menyatakan telah hilang minat untuk meneruskan perniagaannya.

- **Bantuan Bangunan**

Jabatan ada memberi bantuan kepada peserta untuk membina bangunan perusahaan. Reka bentuk bangunan adalah selaras dengan peraturan dan piawaian Amalan Pengilangan Yang Baik. Lawatan Audit ke 15 premis peserta PIK di Bahagian Kuching, Miri dan Limbang mendapati 13 bangunan telah digunakan dan 2 masih dalam pembinaan.

iii) Penyaluran Dan Penyampaian Bantuan

Bantuan yang disediakan adalah bergantung kepada jenis perusahaan yang dijalankan oleh peserta. Berdasarkan panduan SPIP, bantuan hendaklah disalurkan kepada peserta dalam tempoh 21 hari daripada tarikh permohonan diluluskan oleh Jabatan. Semakan Audit terhadap kesemua 94 rekod akuan terimaan peserta PIK dan PBU bagi tempoh 2003 hingga 2005 mendapati tempoh menyalurkan bantuan mengambil masa selama 3 hingga 24 bulan. Temu bual Audit dengan Pengurus Besar Pertubuhan Peladang Kawasan di Kuching, Miri dan Limbang masing-masing mendapati proses ini mengambil masa sehingga 24 bulan kerana perolehan bantuan peralatan ini perlu melalui proses tender atau sebut harga.

iv) Perolehan Kerja, Bekalan Dan Perkhidmatan

Perolehan kerja, bekalan dan perkhidmatan telah dibuat oleh pejabat Pertubuhan Peladang Kawasan bagi pihak Jabatan untuk melaksanakan program WEDA. Semakan Audit terhadap kesemua 34 perolehan kerja, bekalan dan perkhidmatan bernilai RM0.59 juta mendapati kesemua perolehan tersebut telah mematuhi garis panduan SPIP dan Arahan Perbendaharaan.

Pada pendapat Audit, bantuan perolehan telah diagihkan kepada peserta WEDA dengan memuaskan. Bagaimanapun, ada peserta yang tidak menggunakan bantuan peralatan yang dibekalkan. Manakala bantuan perolehan peralatan melalui Pertubuhan Peladang Kawasan mengambil masa agak lama dan ini boleh menjejaskan semangat dan minat peserta.

c) Kaedah Kawalan Mutu Produk Dan Khidmat Nasihat

Bagi memastikan produk yang dihasilkan adalah berkualiti, Jabatan ada menyediakan kemudahan pembangunan produk dan kawalan mutu serta khidmat nasihat kepada peserta.

i) **Kemudahan Pembangunan Produk Dan Kawalan Mutu**

Jabatan ada menubuhkan Unit Teknologi Makanan yang berperanan menyediakan kemudahan analisis sampel produk dan membantu Jabatan dan petani serta orang awam yang terlibat secara langsung dalam bidang teknologi makanan. Semakan Audit bagi tempoh tahun 2003 hingga 2005 mendapati sebanyak 64 sampel produk telah dihantar ke makmal swasta, iaitu Chemsains Konsultan Sdn. Bhd. untuk analisis kandungan nutrien, penilaian rasa, kandungan mikro biologi dan fakta kandungan zat makanan yang melibatkan purata perbelanjaan sejumlah RM200 bagi setiap sampel. Penganalisisan produk dibuat oleh makmal swasta disebabkan Unit ini hanya mendapat Sijil Akreditasi pada akhir tahun 2006.

Bagi memantapkan lagi usaha Jabatan terhadap pelaksanaan program ini, Jabatan ada menyediakan Unit Dapur Uji bagi menghasilkan resipi baru dan menguji kaji resipi sedia ada. Pada tempoh RMKe-8, Unit ini telah menghasilkan sebanyak 92 resipi yang ditambah nilai. Adalah didapati daripada 92 resipi tersebut, sebanyak 34 resipi telah diberikan kepada peserta, sebanyak 12 resipi diberikan kepada pengusaha PPK dan 46 resipi untuk mempromosi produk pertanian. Sebahagian daripada produk yang diuji dalam dapur ketuhar adalah seperti di **Foto 33**.

Foto 33
Produk Diuji Dalam Dapur Ketuhar



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak
Tarikh : 27 Jun 2006
Lokasi : Unit Dapur Uji, Jabatan Pertanian Negeri Sarawak

Lawatan Audit ke Unit Dapur Uji, Seksyen WEDA di Pejabat Pertanian Bahagian Kuching pula mendapati keadaan kuarters yang digunakan tidak sempurna untuk tujuan tersebut. Pihak WEDA sedang menggunakan sebuah kuarters lama Jabatan sementara menunggu bangunan dapur uji yang sepatutnya dibina pada RMKe-8. Semakan Audit mendapati pada tahun 1999 Jabatan telah meluluskan peruntukan bernilai RM200,000 untuk membina bangunan dapur uji WEDA di kawasan tersebut. Bagaimanapun, bangunan tersebut masih belum dibina kerana masalah komunikasi antara pihak Jabatan dan Jabatan Kerja Raya. Kuarters lama yang digunakan sebagai bangunan dapur uji adalah seperti di **Foto 34**.

Foto 34
Kuarters Lama Digunakan Sebagai Bangunan Dapur Uji



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak

Tarikh : 27 April 2006

Lokasi : Kuarters Lama Jabatan Pertanian Di Jalan Dusun, Bahagian Kuching.

Semakan Audit seterusnya mendapati tidak ada peruntukan bagi projek ini pada RMKe-9. Namun begitu, Jabatan telah membelanjakan sejumlah RM3,540 untuk kerja survei topografi terhadap tapak lokasi baru bangunan dapur uji pada tahun 2001.

ii) Khidmat Nasihat

Bagi meningkatkan pengetahuan peserta, Jabatan ada memberi khidmat nasihat seperti mengadakan kursus pemprosesan, pembungkusan dan penetapan harga. Semakan Audit mendapati Jabatan ada menganjurkan Kursus Bimbingan Usahawan selama 4 hari kepada peserta yang merangkumi kursus motivasi, amalan pengilangan baik, penetapan harga,

merekodkan akaun, pemasaran dan pembungkusan. Selain kursus dan latihan yang dianjurkan oleh Jabatan, peserta juga ada mengikuti kursus seperti teknologi makanan, amalan pengilangan baik, pembungkusan dan penjenamaan serta kejurujualan yang dianjurkan oleh FAMA, SMIDEC, SIRIM, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, MARA dan MARDI.

Selain itu, khidmat nasihat secara *in-situ* di premis peserta ada dijalankan oleh Jabatan. Antara khidmat nasihat yang telah diberikan adalah mengenai pembungkusan produk, pengawalan kualiti produk dan pemasaran produk. Semakan Audit seterusnya mendapati kursus dan latihan yang diberikan kepada peserta adalah kursus asas sahaja. Kursus yang dianjurkan ini adalah sebagai pendedahan kepada peserta tentang mengurus dan mengendalikan perniagaan mereka. Temu bual Audit dengan peserta mengenai keperluan kursus mendapati peserta memerlukan kursus yang lebih menjurus kepada pengembangan perusahaan yang diceburi dan menambah pengetahuan mengenai pemasaran produk yang dikeluarkan.

Pada pendapat Audit, kawalan mutu produk dan khidmat nasihat adalah memuaskan. Kawalan mutu yang baik dan sempurna boleh memastikan produk peserta dapat dipasarkan dengan meluas, bermutu dan diterima oleh pengguna. Manakala khidmat nasihat yang berkesan dan berterusan dapat meningkatkan kemahiran dan motivasi peserta untuk menambahkan kapasiti pengeluaran serta mengurangkan kos pengeluaran produk.

d) Kaedah Promosi Dan Pemasaran

Jabatan telah mengambil 2 kaedah untuk membantu mempromosi dan memasarkan produk peserta program. Dua kaedah yang dimaksudkan adalah seperti berikut :

i) Promosi Melalui Jabatan

Bagi tempoh tahun 2003 hingga 2005, Jabatan telah menjalankan sebanyak 31 program promosi dan pemasaran di Bahagian Kuching, Miri dan Limbang. Antara aktiviti yang dijalankan oleh Jabatan ialah mengadakan ekspo, pameran dan menempatkan produk di kedai runcit Q-Mart di bawah bimbingan Jabatan. Bagaimanapun, produk tersebut tidak dijual di kedai runcit Q-Mart tersebut kerana lokasi kedai tersebut tidak strategik dan kurang mendapat sambutan pengguna. Selain itu, Jabatan telah mengedarkan

risalah mengenai program WEDA kepada orang awam dan menyediakan galeri produk peserta di Ibu Pejabat Jabatan Pertanian.

ii) Pemasaran Terus

Semakan Audit terhadap laporan aktiviti pemasaran mendapati peserta ada memasarkan produk kepada pengguna, pasar mini, pasar tamu dan pemborong. Temu bual Audit dengan 10 peserta yang berniaga di pasar tamu Sukma Ria, Kuching mendapati prestasi jualan di pasar berkenaan adalah menggalakkan dengan purata jualan sejumlah RM350 sehari. Manakala 20 peserta di Bahagian Miri dan Limbang telah memasarkan sendiri produk mereka di pasaran tempatan dan negara jiran seperti Negara Brunei Darussalam.

Semakan Audit seterusnya mendapati seramai 10 peserta di Bahagian Kuching sedang berusaha menubuhkan satu rangkaian kerjasama bagi memasarkan produk keluaran di kalangan peserta. Rancangan penubuhan ini dilihat sebagai langkah pertama peserta ke arah mewujudkan dan membentuk rangkaian pemasaran yang lebih luas dan efisien kepada pihak lain.

Pada pendapat Audit, kaedah promosi dan pemasaran adalah memuaskan. Promosi dan strategi pemasaran yang baik dapat membantu peserta meningkatkan dan memperluaskan pasaran produk peserta.

15.2.6 Prestasi Perbelanjaan

Bagi tempoh RMKe-8, sebanyak 34.9% atau sejumlah RM5.04 juta peruntukan telah diluluskan daripada sejumlah RM14.42 juta yang dimohon. Semakan Audit mendapati perbelanjaan sebanyak 98.4% atau RM4.96 juta perbelanjaan telah dibuat daripada peruntukan yang diluluskan. Peruntukan yang diluluskan berbanding perbelanjaan sebenar bagi tempoh RMKe-8 adalah seperti di **Jadual 34**.

Jadual 34
Peruntukan Yang Diluluskan Dan
Perbelanjaan Sebenar Bagi Tempoh RMKe-8

Tahun	Peruntukan Diluluskan (RM Juta)	Perbelanjaan Sebenar (RM Juta)	Peratusan (%)
2001	0.97	0.94	96.9
2002	0.97	0.96	99.0
2003	1.03	1.01	98.1
2004	1.14	1.12	98.2
2005	0.93	0.93	100.0
Jumlah	5.04	4.96	

Sumber: Rekod Jabatan Pertanian Negeri Sarawak

Pada pendapat Audit, prestasi perbelanjaan adalah baik kerana Jabatan telah membelanjakan sebanyak 98.4% daripada jumlah peruntukan yang diluluskan. Bagaimanapun, jumlah peruntukan yang diluluskan hanya 34.9% berbanding dengan permohonan awal peruntukan bernilai RM14.42 juta. Sekiranya jumlah peruntukan yang dimohon diluluskan, berkemungkinan program ini dapat diperluaskan dan menggalakkan lebih ramai usahawan wanita.


15.2.7 Guna Tenaga Dan Latihan

Program ini adalah di bawah tanggungjawab Seksyen Pembangunan Ekonomi Wanita yang terdiri daripada 195 pegawai dan kakitangan di seluruh negeri Sarawak. Daripada bilangan tersebut, dua pegawai adalah daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan bakinya adalah daripada Kumpulan Sokongan.

a) Struktur Organisasi

Jumlah jawatan yang diisi adalah sebanyak 195 daripada 230 perjawatan diluluskan. Bagaimanapun, sebanyak 12 daripada 195 jawatan yang diisi tersebut dipinjamkan ke Pertubuhan Peladang Kawasan. Sehingga tarikh pengauditan, Seksyen WEDA diketuai oleh seorang Penolong Pengarah Pertanian Cawangan Industri Kecil dan Industri Makanan Gred G48 kerana Pegawai Pembangunan Masyarakat Gred S41 yang sepatutnya mengetuai Seksyen WEDA telah dipinjamkan ke Jabatan lain sejak tahun 2004. Struktur pengurusan Seksyen WEDA pada tahun 2006 adalah seperti di **Carta 4**.

Carta 4
Carta Organisasi Seksyen WEDA Tahun 2006



Sumber: Rekod Jabatan Pertanian Negeri Sarawak

Pada RMKe-8, seramai 11,887 peserta telah menyertai program ini. Berdasarkan jumlah jawatan diisi dan purata seramai 2,377 peserta setahun, adalah didapati pegawai dan kakitangan tidak menghadapi masalah beban kerja kerana seorang kakitangan hanya menyelia seramai 12 peserta secara purata setahun berbanding norma yang ditetapkan iaitu seramai 30 peserta setahun.

b) Kursus Dan Latihan

Pegawai dan kakitangan yang mempunyai kemahiran dan kecekapan boleh melaksanakan tanggungjawab harian mereka dengan lebih sempurna dan teliti. Semakan Audit terhadap kursus dan latihan bagi tempoh tahun 2003 hingga 2005 untuk kakitangan Seksyen WEDA di Bahagian Kuching, Miri dan Limbang mendapati sebanyak 285 pelbagai kursus dan latihan telah dihadiri oleh 59 pegawai dan kakitangan Seksyen WEDA. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 61 kursus adalah berkaitan dengan peranan dan tanggungjawab pegawai dan kakitangan WEDA seperti kursus asas keusahawanan dan kursus penghayatan kepastian kualiti termasuk persijilan halal dalam industri pemprosesan dan makanan. Manakala baki 224 kursus adalah kursus dan latihan yang bukan berkaitan seperti kursus penggunaan komputer dan perisian komputer yang dianjurkan oleh *Centre of Modern Management*. Semakan Audit seterusnya juga mendapati Jabatan tidak menetapkan bilangan kursus yang perlu dihadiri oleh pegawai dan kakitangan melainkan kursus wajib seperti kursus induksi umum dan khusus. Temu bual Audit dengan Penolong Pegawai Pembangunan Masyarakat mendapati kebanyakan kursus yang disediakan oleh Jabatan adalah berbentuk kursus amali anjuran oleh Unit Uji Dapur WEDA berdasarkan keperluan semasa dan *in-situ*. Jabatan perlu mengambil kira keperluan kursus dan latihan yang memberi penekanan dan menjurus kepada pelaksanaan program WEDA di peringkat Pejabat Pertanian Bahagian dan Daerah.

Pada pendapat Audit, keperluan guna tenaga, kursus dan latihan Jabatan adalah memuaskan. Pegawai dan kakitangan yang mencukupi, berpengetahuan dan berkebolehan telah membantu dalam mencapai program dengan jayanya.

Secara keseluruhannya, pada pendapat Audit, Jabatan telah melaksanakan program WEDA dengan jayanya dan mencapai matlamat yang ditetapkan. Jabatan telah menunjukkan komitmen yang tinggi untuk membangunkan golongan usahawan wanita di kawasan luar dan pinggir bandar.

15.3 PEMANTAUAN

Pemantauan yang teratur, sistematik dan berterusan sangat penting bagi memastikan pelaksanaan program yang dirancang dapat dilaksanakan dengan berkesan. Jabatan perlu menjalankan pemantauan dari semasa ke semasa terhadap pelaksanaan program khususnya dari segi kemajuan perusahaan dan peningkatan pendapatan peserta.

a) Peringkat Ibu Pejabat

Jabatan memantau pelaksanaan program dengan mengadakan mesyuarat bagi membincangkan isu dan masalah berkaitan program. Semakan Audit mendapati Ibu Pejabat ada mengadakan mesyuarat sebanyak 2 kali pada tahun 2003, dua kali pada tahun 2004 dan sekali dalam tahun 2005. Mesyuarat tersebut dipengerusikan oleh Penolong Pengarah Seksyen WEDA dan dihadiri oleh wakil Seksyen WEDA dari Pejabat Bahagian. Antara perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat tersebut ialah mengenai pencapaian dan prestasi peserta, bantuan kepada peserta dan cadangan bagi menambah baik program.

b) Peringkat Bahagian/Daerah

Pembantu Pembangunan Masyarakat telah mengadakan lawatan ke premis peserta bagi memantau prestasi peserta. Semakan Audit mendapati Pembantu Pembangunan Masyarakat ada melawat premis peserta untuk mendapatkan maklumat mengenai jualan dan keuntungan serta memberi khidmat nasihat. Semakan Audit seterusnya mendapati Laporan Prestasi Peserta ada disediakan dan dikemukakan setiap bulan ke Ibu Pejabat untuk dinilai dan dibincangkan.

Pada pendapat Audit, Jabatan telah memantau pelaksanaan program WEDA dengan baik. Ini adalah kerana Jabatan mempunyai mekanisme pemantauan yang jelas dan teratur. Pemantauan yang baik telah membantu Jabatan dalam mengawal dan memastikan pelaksanaan program ke arah mencapai matlamatnya.

16. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada keseluruhannya, Program Pembangunan Ekonomi Wanita telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan. Matlamat program untuk melahirkan usahawan wanita telah tercapai dengan jayanya. Program ini telah membuka peluang pekerjaan kepada penduduk sekitar kawasan perusahaan, memberi dorongan kepada wanita untuk terlibat dalam bidang keusahawanan dan mempelbagaikan produk yang bernilai komersial.

Sehubungan itu, untuk menambah baik program WEDA adalah disyorkan Jabatan mengambil tindakan seperti berikut:

- i) Menjalankan penyelidikan dan pembangunan produk agar sesuatu produk dapat dimajukan dan setanding dengan produk lain di pasaran. Koordinasi pelaksanaan penyelidikan dan pembangunan dengan Agensi Kerajaan seperti MARDI, FAMA, SIRIM, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan syarikat swasta perlu diadakan
- ii) Memastikan perolehan yang dibekalkan melalui Pertubuhan Peladang Kawasan tidak lewat diagihkan kepada peserta supaya pengeluaran produk tidak terjejas
- iii) Menganjurkan kursus dan latihan yang lebih menjurus kepada pelaksanaan program WEDA
- iv) Memohon agar jawatan yang kosong segera diisi.

JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN SARAWAK

PROJEK SALIRAN DI SEBANGAN BAJONG

17. LATAR BELAKANG

17.1 Jabatan Parit Dan Saliran Sarawak telah ditubuhkan pada tahun 1967 dan telah ditukar nama kepada Jabatan Pengairan Dan Saliran Sarawak (Jabatan) pada 15 Mac 1989. Jabatan berperanan untuk melaksanakan program berkaitan pengurusan air dan pembangunan tanah merangkumi projek pengairan, saliran, kejuruteraan sungai, kejuruteraan pantai dan penilaian sumber air. Jabatan bertanggungjawab merancang, melaksana dan memantau pembinaan projek pengairan dan saliran di seluruh Sarawak. Pada masa ini, Jabatan mengendalikan sebanyak 61 projek pengairan dan saliran di seluruh Sarawak.

17.2 Kawasan Sebangan Bajong adalah terletak di kawasan pesisiran lembah Sadong iaitu antara muara Batang Sadong dan Batang Lupar yang berada di Bahagian Samarahan, Sarawak. Sebahagian besar kawasan ini adalah tanah paya gambut dan berbukit di kawasan pedalaman. Lokasi kawasan Sebangan Bajong adalah seperti di **Peta 2**.

Peta 2
Lokasi Kawasan Sebangan Bajong Dari Pandangan Satelit



Sumber: Rekod Jabatan Pengairan Dan Saliran

17.3 Projek saliran di Sebangan Bajong telah dimulakan pada tahun 1986 dan penyediaan infrastruktur saliran telah dilaksanakan mulai pertengahan tahun 1989. Pembangunan projek ini bertujuan bagi mewujudkan sistem saliran dan infrastruktur yang

sempurna untuk pembangunan sektor pertanian terutamanya penanaman kelapa sawit dan nanas secara estet serta tanaman kontang seperti limau manis, koko dan kelapa. Menerusi projek ini, Jabatan bertanggungjawab untuk membina kemudahan infrastruktur seperti jalan ladang, jalan masuk, jeti, parit dan kerja tebatan banjir bagi mencegah limpahan air laut ke kawasan projek. Jabatan menganggarkan keperluan kewangan bernilai RM150 juta untuk melaksana dan menjayakan projek ini. Bagi tempoh tahun 1995 hingga 2006, sejumlah RM120 juta telah diperuntukkan dan daripada jumlah tersebut, sejumlah RM119.70 juta atau 99.8% telah dibelanjakan.

18. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada projek saliran di Sebangon Bajong diurus dengan cekap dan berkesan bagi mencapai matlamatnya.

19. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

19.1 Skop pengauditan adalah meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan projek saliran yang dijalankan oleh Jabatan di Sebangon Bajong bagi tahun 2004 hingga 2006 dan di mana perlu skop diperluaskan meliputi tahun sebelumnya. Pengauditan ini dijalankan di Ibu Pejabat Jabatan Pengairan Dan Saliran Sarawak dan pejabat cawangannya di Bahagian Samarahan. Projek ini dipilih untuk kajian kerana tahap kepentingan projek dari segi sosio ekonomi penduduk setempat dan ianya melibatkan peruntukan kewangan yang besar.

19.2 Kaedah pengauditan adalah dengan menyemak, mengkaji dan menganalisis maklumat dan data, dokumen, rekod dan fail yang berkaitan. Lawatan ke tapak projek di sekitar kawasan Sebangon Bajong seperti di Sebangon, Tebelu, Sebuyau dan Simunjan juga dijalankan. Temu bual dengan pegawai di peringkat Jabatan dan penduduk di beberapa kampung seperti Kampung Baru, Kampung Seberang, Kampung Seruyuk, Kampung Ladong, Kampung Sampat dan beberapa kampung yang lain juga diadakan bagi mendapat maklum balas mengenai projek yang telah dilaksanakan. Pihak Audit juga membuat semakan terhadap dokumen dan rekod di Jabatan Tanah dan Survei, Bahagian Samarahan bagi mendapat maklumat dan penjelasan berhubung keperluan pengambilan tanah dan maklumat lain yang berkaitan.

20. PENEMUAN AUDIT

20.1 PERANCANGAN

Perancangan yang lengkap dan tersusun adalah penting bagi memastikan kejayaan sesuatu projek yang akan dilaksanakan. Antara faktor yang perlu dipertimbangkan semasa merancang sesuatu projek adalah meliputi kajian awal, perincian projek, anggaran keperluan kewangan dan keperluan guna tenaga. Aspek perancangan yang dinilai adalah seperti berikut:

20.1.1 Dasar Pertanian Negeri

Selaras dengan strategi Dasar Pertanian Negara untuk memperkukuhkan daya saing dan keperluan bagi memastikan pembangunan sektor pertanian adalah mampan, strategi membuka kawasan pertanian baru di Sarawak adalah menjadi salah satu pendekatan Kerajaan Negeri untuk mencapai matlamat dasar ini. Kerajaan Negeri telah merancang projek ini sebagai satu mekanisme untuk membangunkan kawasan pertanian dan ianya adalah salah satu projek utama di bawah Rancangan Malaysia yang di rangka setiap 5 tahun sekali. Projek ini meliputi kawasan seluas 26,000 hektar dan dibahagikan kepada 2 fasa iaitu penyediaan infrastruktur saluran dan pembangunan sektor pertanian yang akan dilaksanakan secara serentak.

20.1.2 Undang-undang Dan Peraturan

Jabatan mengguna pakai beberapa undang-undang dan peraturan dalam merancang pelaksanaan projek ini seperti berikut :

a) Undang-undang

- **Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Ordinan Sumber Asli Dan Persekitaran 1994**

Perundangan ini menetapkan bahawa sesuatu projek pembangunan perlu dijalankan *Environmental Impact Assessment* (EIA) sekiranya projek tersebut adalah termasuk dalam kategori *Prescribed Activities* dengan minimum keluasan pembangunan tanah yang terlibat seluas 500 hektar untuk tujuan aktiviti pertanian atau seluas 5,000 hektar bagi skim saluran. Selain itu, Peraturan 11A dalam Ordinan Sumber Asli Dan Persekitaran 1994 menyatakan Lembaga Sumber Asli Dan Alam Sekitar boleh menghendaki sesiapa yang menjalankan aktiviti seperti pembinaan infrastruktur atau pembangunan pertanian secara estet atau apa-apa aktiviti yang boleh membawa kesan *adverse* terhadap alam sekitar untuk menyediakan laporan kajian EIA berkenaan.

- **Kanun Tanah Sarawak 1958**

Kanun ini menetapkan perincian berkenaan dengan pentadbiran tanah, status atau tujuan kegunaan sesuatu tanah. Kanun ini digunakan oleh Jabatan untuk mengenal pasti status tanah yang berada dalam kawasan projek. Seksyen 45 hingga 83 Kanun ini memberi panduan dan kehendak prosedur yang perlu dipatuhi apabila Kerajaan bercadang untuk mengambil balik tanah termasuklah prosedur untuk proses pengambilan balik, keperluan penggunaan tanah serta proses bayaran pampasan. Kanun ini akan diguna pakai sekiranya ada percanggahan mengenai status dan penggunaan tanah serta bayaran pampasan tanah termasuk bayaran pampasan tanaman yang perlu diselesaikan di mahkamah sebelum sesuatu kawasan dapat dibangunkan.

b) Garis Panduan

Jabatan telah mengeluarkan garis panduan *Water Management Guidelines for Agricultural Development in Lowland Peat Swamps Of Sarawak* pada pertengahan tahun 2001 sebagai panduan untuk merancang, menilai, mereka bentuk, melaksana dan mengurus pembangunan sektor pertanian dan penyediaan infrastruktur saliran yang sesuai bagi kawasan yang rendah dan berair terutamanya kawasan paya gambut di Sarawak. Garis panduan ini juga memperuntukkan syarat utama yang perlu sebelum cadangan pembangunan sektor pertanian secara komersial diluluskan. Satu kajian atau survei yang menyeluruh hendaklah dijalankan bagi mengenal pasti kesan jangka panjang *drainability* di kawasan projek yang dicadangkan.

20.1.3 Kajian Kemungkinan

Kajian kemungkinan bagi projek ini dijalankan pada awal tahun 1991 oleh sekumpulan pakar perunding daripada Unit Perancang Negeri dengan kerjasama beberapa Jabatan dan Agensi Kerajaan yang lain. Hasil kajian kemungkinan ini dijadikan Pelan Induk bagi projek pengairan dan saliran di kawasan Sebangon Bajong. Pelan Induk bagi pembangunan pertanian di kawasan ini meliputi perancangan berkaitan pembangunan infrastruktur saliran dan pembangunan sektor pertanian. Jabatan telah diberi tugas untuk melaksanakan pembangunan infrastruktur saliran manakala Jabatan dan Agensi lain akan merancang untuk pembangunan pertanian. Kajian kemungkinan juga meliputi kajian EIA bagi mengenal pasti kesan projek ini terhadap alam sekitar.

20.1.4 Sasaran Projek

Jabatan merancang untuk melaksanakan projek ini dalam 2 fasa iaitu menyediakan infrastruktur saliran bagi tempoh tidak melebihi 6 tahun manakala pembangunan sektor

pertanian bagi tempoh 8 hingga 10 tahun. Kedua-dua fasa ini perlu dilaksanakan secara serentak. Sasaran keperluan projek ini adalah seperti berikut :

a) Kawasan Projek

Jabatan mensasarkan kawasan seluas 26,000 hektar untuk dibangunkan sebagai kawasan projek. Laporan daripada kajian awal oleh perunding mendapati 70% kawasan projek ini merupakan tanah paya gambut dengan kedalaman yang berbeza antara 1 kawasan iaitu antara 50 hingga 600 sentimeter. Kawasan projek yang hendak dibangunkan meliputi tanah milik perseorangan, tanah simpanan dan juga tanah Kerajaan Negeri seperti di **Jadual 35**.

Jadual 35
Status Dan Keluasan Tanah

Status Tanah	Keluasan Dirancang (Hektar)	Peratusan (%)
Milikan Individu	7,800	30.0
Adat Bumiputera	8,510	32.7
Simpanan Kerajaan	1,792	6.9
Kerajaan Negeri	7,898	30.4
Jumlah	26,000	100.0

Sumber: Rekod Jabatan Pengairan Dan Saliran

Bagi melaksanakan projek pembangunan ini, pihak Jabatan akan membuat pengambilan balik tanah seluas 1,265.94 hektar untuk cadangan pembinaan ban dan jalan termasuk rizab bagi seluruh blok seperti di **Jadual 36**.

Jadual 36
Butiran Blok Dan Keluasan Pengambilan Balik Tanah

Blok Terlibat	Keluasan (Hektar)
A	133.03
B	233.61
C	267.76
D	147.16
E	123.03
F	171.93
G	189.42
Jumlah	1,265.94

Sumber: Rekod Jabatan Pengairan Dan Saliran

b) Jenis Tanaman

Pembangunan sektor pertanian dijangka akan memakan masa selama 8 hingga 10 tahun bergantung kepada jenis tanaman yang akan diusahakan meliputi kawasan sasaran seluas 15,017 hektar. Berdasarkan kepada laporan kajian awal, dua

kaedah penanaman telah dicadangkan bagi aktiviti pertanian iaitu tanaman secara *in-situ* dan penanaman berskala besar. Tanaman secara *in-situ* adalah tanaman kontang seperti koko, lada hitam, getah dan limau. Manakala tanaman berskala besar atau estet merupakan tanaman yang diuruskan secara komersial seperti kelapa sawit dan nanas.

c) Keluarga Dan Pendapatan

Hasil kajian sosio ekonomi di kawasan Sebangau Bajong oleh Unit Perancang Negeri pada tahun 1983 menunjukkan kadar kemiskinan adalah tinggi iaitu sebanyak 77% daripada seramai 15,000 penduduk yang terdiri daripada 2,400 keluarga. Dengan itu, Kerajaan memutuskan untuk melaksanakan projek ini bagi memberi manfaat kepada penduduk di sekitar kawasan tersebut. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 18% mempunyai pendapatan kurang daripada RM2,000 setahun. Sebahagian besar penduduk di Sebangau Bajong terlibat dalam aktiviti pertanian dan perikanan. Secara amnya, kawasan ini masih mundur dan tidak mempunyai kemudahan jalan raya. Di samping itu, Kerajaan Negeri merancang untuk mewujudkan sebanyak 50 kawasan penempatan semula setelah pertanian secara estet diusahakan. Dari segi pendapatan, Kerajaan mensasarkan peningkatan pendapatan penduduk untuk membasmi kadar kemiskinan dengan memberi galakan kepada penduduk untuk bergiat dalam sektor pertanian secara intensif.

d) Pembangunan Projek

Projek ini dirancang melibatkan 2 fasa iaitu penyediaan infrastruktur saliran dan pembangunan sektor pertanian yang akan dilaksanakan secara serentak mengikut kaedah blok. Projek penyediaan infrastruktur saliran dan pembinaan jalan dijadualkan akan disiapkan dalam tempoh 6 tahun manakala pembangunan sektor pertanian mengambil tempoh antara 8 hingga 10 tahun. Jadual pelaksanaan bagi projek ini adalah seperti di **Jadual 37**.

Jadual 37
Jadual Pelaksanaan Projek

Diskripsi Kerja	Tempoh Pelaksanaan (Tahun)									
	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
Pembinaan jalan masuk (Simunjan/Sebangan/Sebuyau)										
• reka bentuk, pembinaan, pemantauan										
• pengambilan tanah										
Pembinaan jalan kecil										
• reka bentuk, pembinaan, pemantauan										
Pembinaan infrastruktur saliran										
• survei, reka bentuk, pembinaan, pemantauan										
• jentera dan peralatan										
• pengambilan pekerja										
Pembangunan tanaman										
• tanaman <i>in-situ</i>										
Pembangunan tanaman (pilihan)										
• estet kelapa sawit										
• estet nanas										
Unit Pengurusan Projek										

Sumber: Rekod Jabatan Pengairan Dan Saliran

Berdasarkan Kertas Ringkasan Projek yang dikeluarkan oleh Jabatan pada tahun 1987, sebanyak 13 blok (blok A hingga blok M) dengan keluasan 14,927 hektar dicadangkan untuk didirikan 2 buah pejabat tapak. Bagaimanapun butiran keluasan setiap 13 blok tidak ditentukan. Cadangan blok dan kawasan adalah seperti di **Jadual 38**.

Jadual 38
Cadangan Blok Dan Kawasan Projek

Blok	Kawasan
A	Sebangan
B	Sebangan
C	Sebangan
D	Sebangan
E	Sebangan
F	Sebuyau
G	Sebuyau
H	Sebuyau
I	Sg. Tebelu
J	Sebangan
K	Sebangan
L	Sebangan
M	Kpg. Entangor

Sumber: Rekod Jabatan Pengairan Dan Saliran

20.1.5 Komponen Projek Infrastruktur Saliran

Jabatan merancang untuk melaksana projek infrastruktur saliran dalam 2 peringkat pelaksanaan yang melibatkan 4 komponen utama iaitu pembinaan struktur saliran, pembinaan ban, pembinaan jalan dan kerja bagi kawalan dan tebatan pesisiran pantai. Pembinaan jeti juga dirancang untuk dilaksanakan bagi memudahkan sistem pengangkutan dan mengeluarkan hasil tanaman.

Bagi peringkat pertama, kerja yang dirancang untuk dilaksanakan terdiri daripada pembinaan saliran dan ban perimeter, pembinaan struktur seperti pintu air, parit dalaman utama, jambatan, ban keliling kampung, jalan ladang dan kerja bagi kawalan hakisan pantai. Peringkat kedua pula akan meliputi kerja tambahan bagi kawasan yang dikenal pasti berpotensi untuk dinaikkan taraf dengan menyediakan jalan di ban perimeter, kerja tambahan bagi kawalan hakisan pantai, mengawal kestabilan tanah dan menyenggara infrastruktur saliran yang dibina di peringkat pertama. Cadangan projek bagi 2 peringkat ini akan meliputi pembinaan jalan masuk sepanjang 37 kilometer, jalan ladang sepanjang 90 kilometer di atas ban perimeter dan sepanjang 360 kilometer di atas ban dalaman dan jalan kecil sepanjang 56 kilometer.

20.1.6 Kaedah Pelaksanaan Projek

Kerajaan Negeri melalui Jabatan akan melantik perunding bagi menguruskan projek ini. Perunding adalah bertanggungjawab untuk mengendalikan kajian awal dan membuat reka bentuk secara menyeluruh komponen projek yang hendak dilaksanakan. Perunding juga akan bertanggungjawab untuk mengurus pelaksanaan dan penyeliaan kontrak kerja oleh kontraktor yang berjaya mendapat tender. Bagi mematuhi tatacara kewangan Kerajaan, tender terbuka akan dipanggil bagi kontrak kerja yang mana Jabatan akan menyediakan tatacara yang lengkap mengenai penentuan kerja, tempoh pelaksanaan, kaedah bayaran dan cara pengawasan projek yang akan dilaksanakan dan dipatuhi oleh kontraktor. Kerja penyenggaraan projek yang telah siap pula akan dikendalikan oleh Jabatan Pengairan Dan Saliran Bahagian Samarahan melalui proses panggilan sebut harga ataupun pesanan kerja yang dikeluarkan tertakluk kepada kos penyenggaraan yang akan ditentukan.

20.1.7 Penyenggaraan Infrastruktur Saliran

Jabatan akan membuat penyenggaraan bagi projek infrastruktur saliran yang akan meliputi kerja pembersihan, mendalamkan parit dan meninggikan ban serta membaik pulih struktur saliran yang mendap dan rosak. Jabatan juga ada menyediakan jadual penyenggaraan bagi projek infrastruktur saliran yang akan dilaksanakan. Kerja penyenggaraan yang dijadualkan untuk dilaksanakan adalah seperti di **Jadual 39**.

Jadual 39
Jadual Penyenggaraan Projek

Perkara	Kekerapan
Pembersihan parit dan memotong rumput	Empat kali setahun
Mendalam (<i>desilting</i>) parit	1 kali dalam tempoh 2 hingga 3 tahun
Pembersihan sekitar kawasan rizab	1 kali setahun
Pembersihan sungai berkaitan	1 kali setahun
Mendalam (<i>desilting</i>) sungai	1 kali dalam tempoh 4 hingga 5 tahun
Meninggikan ban yang mendap (<i>topping up</i>)	1 kali dalam tempoh 4 hingga 5 tahun
Pembaikan struktur berkaitan	Apabila diperlukan

Sumber: Rekod Jabatan Pengairan Dan Saliran

20.1.8 Keperluan Guna Tenaga Dan Latihan

a) Struktur Organisasi

Jabatan akan memastikan guna tenaga mencukupi bagi melaksana dan memantau projek ini. Bahagian Pengurusan Air Dan Pembangunan Tanah (PAPT) bertanggungjawab terhadap pelaksanaan projek ini. Sehingga tahun 2006, sebanyak 38 perjawatan telah diluluskan yang terdiri daripada sebanyak 3 jawatan pengurusan dan profesional dan 35 jawatan kumpulan sokongan. Kerja penyenggaraan projek pula akan dilaksanakan oleh pegawai di Jabatan Pengairan Dan Saliran Bahagian Samarahan. Sehingga tahun 2006, sebanyak 12 perjawatan telah diluluskan yang terdiri daripada 2 jawatan pengurusan dan profesional dan 10 jawatan kumpulan sokongan.

b) Latihan

Jabatan merancang keperluan latihan pegawai setiap tahun dan latihan ini akan dianjurkan oleh Bahagian Pembangunan Sumber Manusia Dan Kualiti di Ibu Pejabat, Jabatan Pengairan Dan Saliran Sarawak. Di samping itu, Jabatan juga akan menghantar pegawai untuk mengikuti pelbagai program latihan dan teknikal yang dirancang termasuklah program latihan yang dianjurkan oleh *Centre For Modern Management* (CMM), program latihan yang diadakan di Semenanjung Malaysia dan juga di luar negara.

20.1.9 Keperluan Kewangan

Jabatan menganggar peruntukan kewangan bernilai RM45 juta untuk meneruskan pelaksanaan projek ini pada RMKe-8. Anggaran peruntukan dibuat berdasarkan keperluan pelaksanaan projek mengikut komponen dan bukannya mengikut tahun seperti di **Jadual 40**.

Jadual 40
Butiran Anggaran Kos Projek Bagi RMKe-8 Mengikut Komponen

Perkara	Kos (RM Juta)
Kontrak penyenggaraan	2.00
Kos pembinaan jalan keliling di Kpg. Ladong, Kpg. Sampat & kerja lain berkaitan	3.90
Kerja kawalan banjir di Sg. Galo, Sebuyau & Kpg. Seberang	7.00
Sistem telemetri	3.00
Kawalan pesisiran pantai	21.00
Jalan masuk ladang	8.10
Jumlah	45.00

Sumber: Rekod Jabatan Pengairan Dan Saliran

Bagi bayaran kerja ukur dan bayaran pampasan tanah pula, Jabatan bergantung pada anggaran perbelanjaan yang akan dibuat oleh Jabatan Tanah Dan Survei mengikut keperluan semasa Jabatan berkenaan. Keperluan perbelanjaan bagi bayaran kerja ukur dan bayaran pampasan tanah akan dibuat melalui peruntukan imbuhan balik Kerajaan Pusat. Bayaran perunding pula bergantung kepada kos kerja atau nilai kontrak yang akan dilaksanakan. Tatacara bagi menentukan kos serta jenis atau kumpulan kerja yang akan dilaksanakan dinyatakan dalam perjanjian kontrak antara Kerajaan Negeri dan perunding. Pihak perunding mengguna pakai *Malaysian Board Of Engineers Standard Scale Of Fees* bagi menentukan kadar bayaran yang akan dituntut. Selain itu, kos penyenggaraan infrastruktur saliran dianggarkan bernilai RM50 bagi 1 hektar setahun yang mana anggaran penyenggaraan bagi keseluruhan projek ini seperti yang dinyatakan dalam Kertas Ringkasan Projek adalah bernilai RM650,000 setahun.

20.1.10 Kaedah Pemantauan

Jabatan merancang menggunakan khidmat perunding bagi melaksana dan menyelia semua peringkat pelaksanaan projek saliran ini. Bagaimanapun, Bahagian PAPT dan Jabatan Pengairan Dan Saliran Bahagian Samarahan bertanggungjawab memantau pelaksanaan keseluruhan projek. Kaedah pemantauan yang dirancang oleh Jabatan adalah melalui mesyuarat, laporan berkala mengenai kemajuan fizikal dan kewangan projek dan lawatan pegawai Jabatan serta mesyuarat tapak yang akan diadakan bersama perunding dan pihak kontraktor yang dilantik bagi setiap kontrak kerja.

Pada pandangan Audit, perancangan projek adalah kurang memuaskan. Jabatan telah merancang pelaksanaan projek secara umum dan maklumat seperti lokasi, bilangan struktur saliran dan liputan kerja tidak disediakan dengan terperinci.

20.2 PELAKSANAAN

Pelaksanaan projek hendaklah dibuat dengan cekap sebagaimana dirancang untuk mencapai objektif yang ditetapkan. Bagi mencapai matlamat untuk mewujudkan sistem saliran dan infrastruktur yang mencukupi di kawasan Sebangau Bajong, projek perlu dilaksanakan dengan teratur dan menyeluruh. Pelaksanaan projek ini telah dijalankan seperti berikut:

20.2.1 Dasar Pertanian Negeri

Dasar Pertanian Negeri adalah untuk memaksimumkan pendapatan petani, meningkatkan pengeluaran makanan, menyediakan peluang pekerjaan dan membangunkan industri asas tani selaras dengan Dasar Pertanian Negara. Kerajaan Negeri telah memilih kawasan Sebangau Bajong seluas 26,000 hektar untuk dibangunkan merangkumi 2 fasa pelaksanaan utama iaitu penyediaan infrastruktur saliran dan pembangunan sektor pertanian. Jabatan telah dipertanggungjawabkan untuk merancang, melaksana dan memantau projek ini. Semakan Audit mendapati langkah yang wajar telah diambil oleh Jabatan untuk melaksanakan projek ini seperti mengenal pasti kawasan projek dan kependudukan, mengadakan kajian kemungkinan dan merancang jadual pelaksanaan serta penyenggaraan projek.

Pada pendapat Audit, Jabatan telah melaksanakan projek ini selaras dengan dasar yang telah ditetapkan oleh Kerajaan.

20.2.2 Undang-undang Dan Peraturan

Jabatan telah melaksanakan projek ini dengan mengguna pakai undang-undang dan peraturan seperti berikut:

a) Undang-undang

- **Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Ordinan Sumber Asli Dan Persekitaran 1994**

Undang-undang seperti Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Ordinan Sumber Asli Dan Persekitaran 1994 telah dirujuk dan dipatuhi oleh Jabatan semasa merangka rancangan yang hendak dilaksanakan. Semakan Audit mendapati Jabatan telah menjalankan kajian *Environmental Impact Assessment* (EIA) di kawasan Sebangau Bajong mengikut kehendak Seksyen 34A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Ini kerana kawasan yang telah dicadangkan bagi aktiviti pertanian dan pembinaan komponen saliran untuk dilaksanakan adalah meliputi kawasan seluas 26,000 hektar dan melebihi had minimum kawasan seperti yang dinyatakan dalam *prescribed activities* di bawah perundangan tersebut.

Pada pendapat Audit, undang-undang dan peraturan yang digunakan adalah mencukupi. Jabatan telah merujuk dan mematuhi kehendak Akta dan Ordinan yang telah ditetapkan seperti mengadakan kajian awal, kajian kemungkinan dan kajian sosio ekonomi bagi mengenal pasti kesesuaian projek ini dilaksanakan.

- **Kanun Tanah Sarawak 1958**

Jabatan dengan kerjasama pihak Jabatan Tanah Dan Survei Sarawak telah menetapkan lokasi dan mengenal pasti status tanah yang hendak diambil balik bagi melaksanakan projek ini. Semakan Audit mendapati Jabatan telah mengguna pakai Kanun Tanah Sarawak 1958 dalam proses pengambilan balik tanah sepertiewartakan kawasan dan menyatakan kegunaan tanah yang akan diambil balik. Semakan Audit seterusnya mendapati ada kes percanggahan mengenai status pemilikan tanah dan nilai bayaran pampasan tanah oleh Kerajaan yang melibatkan bayaran sejumlah RM409,587 telah diserahkan ke Pejabat Daerah Simunjan. Bagaimanapun, kesemua kes percanggahan tersebut telah diselesaikan menerusi prosiding mahkamah. Semakan Audit juga mendapati Jabatan Tanah Dan Survei ada menyediakan Laporan Penilaian bagi projek ini dan Jabatan telah menggunakan laporan tersebut untuk mengira harga sebenar tanah yang diambil balik dengan harga semasa tanah di kawasan berkenaan.

Pada pendapat Audit, proses pengambilan balik tanah telah dibuat dengan sewajarnya. Dengan itu tidak ada percanggahan berkaitan pengambilan balik tanah telah berlaku dan bayaran pampasan tanah telah dibuat dengan sepenuhnya.

b) Garis Panduan

Semakan Audit mendapati Jabatan telah mengguna pakai *Water Management Guidelines for Agricultural Development in Lowland Peat Swamps Of Sarawak* yang dikeluarkan oleh Jabatan pada tahun 2001. Garis panduan ini juga telah digunakan oleh Jabatan dan perunding sebagai panduan untuk merancang, mereka bentuk, melaksana, menilai dan mengurus kerja saliran bagi kawasan yang rendah dan berair seperti kawasan tanah paya gambut di Sebangon Bajong. Sehubungan itu, kajian awal mengenai aspek teknikal dan reka bentuk projek telah dijalankan oleh Jabatan dengan menggunakan khidmat perunding.

Pada pendapat Audit, Jabatan telah merujuk dan mematuhi garis panduan yang diguna pakai.

20.2.3 Kajian Kemungkinan

Kajian kemungkinan bagi projek ini telah dilaksanakan oleh kumpulan pakar perunding daripada Unit Perancang Negeri dengan kerjasama Jabatan dan Agensi Kerajaan lain yang dibentuk pada bulan Mac 1991. Semakan Audit terhadap laporan mendapati ianya telah dijalankan secara komprehensif walaupun pada masa kajian kemungkinan ini dijalankan aspek teknikal berkaitan reka bentuk dan sebagainya belum disediakan. Semakan Audit seterusnya juga mendapati perunding tempatan yang dilantik iaitu PS Konsultant dengan kerjasama sebuah firma swasta iaitu PE Research Sdn. Bhd. telah menjalankan kajian EIA yang dikehendaki selaras dengan Seksyen 34A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Laporan kajian EIA ini telah diluluskan oleh Lembaga Sumber Asli Dan Alam Sekitar pada bulan Ogos 1995. PS Konsultant bekerjasama dengan *Actew Corporation* dari Australia telah menjalankan kajian awal reka bentuk projek dan menyediakan laporan untuk Jabatan. Selain itu, memandangkan laporan kajian EIA ada menyatakan kemungkinan berlaku pelbagai kesan terhadap ekosistem dan habitat semula jadi dan sebagainya, kajian pasca EIA perlu dijalankan untuk meninjau sejauh mana kesan sampingan projek ini terhadap alam sekitar dan sosio ekonomi penduduk di kawasan berkaitan.

Pada pendapat Audit, langkah Jabatan menjalankan kajian kemungkinan dan kajian EIA sebelum projek ini dimulakan adalah wajar. Laporan kajian kemungkinan ini telah menjadi asas bagi Pelan Induk untuk dilaksanakan oleh Jabatan.

20.2.4 Prestasi Pencapaian Sasaran Projek

Projek ini telah disasarkan untuk dilaksanakan dalam tempoh tidak melebihi 6 hingga 10 tahun. Semakan Audit mendapati projek ini sebenarnya telah dimulakan sejak RMKe-5 lagi dan fasa penyediaan infrastruktur saliran telah siap dilaksanakan pada RMKe-8. Kawasan yang telah dibangunkan meliputi kawasan di sekitar Sebang, Tebelu, Simunjan dan Sebuyau. Pencapaian projek adalah seperti berikut:

a) Kawasan Projek

Jabatan mensasarkan kawasan seluas 26,000 hektar di Sebang Bajong untuk menyediakan infrastruktur saliran dan membangunkan sektor pertanian. Kawasan yang telah dibangunkan meliputi kawasan di sekitar Sebang, Tebelu, Simunjan dan Sebuyau. Semakan Audit terhadap dokumen dan fail projek mendapati

kawasan projek yang diluluskan hanyalah seluas 19,230 hektar disebabkan sebahagian daripada kawasan awal yang dicadangkan adalah merupakan kawasan tadahan air bagi kawasan Sebangau dan Sebuyau. Semakan Audit seterusnya mendapati kawasan untuk projek ini hanya meliputi kawasan seluas 15,017 hektar sahaja disebabkan zon rizab bagi sungai dan jalan. Butiran status dan keluasan tanah yang telah diluluskan adalah seperti di **Jadual 41**.

Jadual 41
Status Dan Keluasan Tanah Yang Diluluskan

Status Tanah	Keluasan Dirancang (Hektar)	Keluasan Diluluskan (Hektar)	Peratusan (%)
Milikan Individu	7,800	7,262	93.1
Adat Bumiputera	8,510	5,404	63.5
Simpanan Kerajaan	1,792	1,752	97.8
Kerajaan Negeri	7,898	4,812	60.9
Jumlah	26,000	19,230	74.0

Sumber: Rekod Jabatan Pengairan Dan Saliran

Jabatan telah membuat pengambilan balik tanah seluas 1,265.94 hektar tanah milikan individu dan tanah adat bumiputera dengan pampasan bernilai RM13.45 juta. Tujuan pengambilan balik tanah dibuat ialah untuk membina infrastruktur saliran termasuk jalan sepanjang 267 kilometer daripada blok A sehingga blok G. Butiran kos pengambilan balik tanah bagi kawasan tersebut adalah seperti di **Jadual 42**.

Jadual 42
Butiran Kos Pengambilan Balik Tanah

Blok	Keluasan (Hektar)	Kos (RM Juta)
A	133.03	2.00
B	233.61	2.53
C	267.76	1.88
D	147.16	1.59
E	123.03	1.57
F	171.93	1.96
G	189.42	1.92
Jumlah	1,265.94	13.45

Sumber: Rekod Jabatan Pengairan Dan Saliran

Pada pendapat Audit, Jabatan telah mensasarkan melaksanakan projek dengan memuaskan kerana dapat menyediakan kawasan pertanian meliputi 78.1% daripada keluasan kawasan yang diluluskan.

b) Jenis Tanaman

Pembangunan sektor pertanian telah disasarkan meliputi kawasan seluas 14,297 hektar daripada kawasan projek yang diluluskan. Sebahagian besar penduduk di kawasan Sebangen Bajong mendapat hasil daripada tanaman padi, kelapa, koko dan kelapa sawit. Semakan Audit terhadap laporan yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengairan Dan Saliran Bahagian Samarahan pada penghujung tahun 2005 mendapati kawasan pertanian yang diusahakan hanya meliputi kawasan seluas 3,887 hektar atau 73% berbanding 5,326 hektar yang disasarkan. Selain itu, pertanian berskala besar atau estet meliputi kawasan seluas 8,971 hektar dengan infrastruktur seperti kilang dan gudang belum lagi bermula. Jumlah kawasan pertanian serta hasil purata bagi tanaman yang diusahakan adalah seperti di **Jadual 43**.

Jadual 43
Kawasan Pertanian Dan Hasil Tanaman

Jenis Tanaman	Kawasan Tanaman (hektar)					Purata Hasil Tanaman (kilogram/hektar)				
	A1 & A2	B & C	D & E	F	G	A1 & A2	B & C	D & E	F	G
Padi	232	131	92	37	14	2,750	2,750	3,315	1,811	1,857
Kelapa	849	511	346	210	15	750	750	812	869	500
Koko	311	28	16	-	-	-	-	-	-	-
Kelapa Sawit	-	1,000	-	-	-	-	-	-	-	-
Limau	-	-	40	-	-	-	-	-	-	-
Mangga	-	-	55	-	-	-	-	-	-	-
Jumlah	1,392	1,670	549	247	29	3,500	3,500	4,127	2,680	2,357

Sumber: Rekod Jabatan Pengairan Dan Saliran

Pada pendapat Audit, pembangunan aktiviti pertanian di Sebangen Bajong adalah kurang memuaskan kerana ia belum lagi dibangunkan secara menyeluruh mengikut perancangan. Setakat ini tanaman yang diusahakan oleh penduduk hanyalah berskala kecil dan menggunakan kaedah pertanian secara tradisional.

c) Pendapatan Keluarga

Berdasarkan kajian sosio ekonomi yang telah dijalankan oleh Unit Perancang Negeri pada tahun 1983, penduduk yang berada di sekitar kawasan Sebangen Bajong adalah dinyatakan sebagai golongan yang menerima manfaat daripada pelaksanaan projek ini. Semakan Audit mendapati antara objektif kajian ini ialah memberi tumpuan kepada sosio ekonomi penduduk yang terdiri daripada 2,400 keluarga supaya dapat mengatasi kadar kemiskinan seperti yang dinyatakan. Menerusi projek saliran ini, penduduk setempat dapat menikmati kemudahan seperti sistem jalan yang baik. Bagaimanapun, peningkatan pendapatan bagi

penduduk di kawasan Sebangon Bajong masih belum dapat ditentukan oleh kerana kajian pasca projek belum lagi dijalankan. Lawatan Audit mendapati taraf kehidupan penduduk telah bertambah baik di mana mereka mampu memiliki kereta dan rumah yang lebih selesa serta membolehkan mereka menikmati kemudahan asas lain seperti dari segi pendidikan dan kesihatan.

Bagi mencapai sasaran projek ini, Jabatan perlu mempergiatkan usaha untuk membawa masuk teknik pertanian secara moden dan berskala besar termasuk menjalin kerjasama dengan Jabatan Pertanian supaya pekebun dan pengusaha estet yang berpotensi dapat mempelajari kemahiran dan mendapat suntikan modal untuk pertanian yang mendatangkan hasil yang lumayan dan berkualiti. Di samping itu, masalah kekurangan bekalan air bersih yang menjadi masalah utama di kawasan ini juga perlu diselesaikan supaya kesihatan penduduk sentiasa terjamin.


Pada pendapat Audit, setakat ini pembangunan sektor pertanian di Sebangon Bajong adalah kurang memuaskan kerana ia belum lagi menampakkan kesan yang ketara dan ianya juga belum dapat menjana sumber pendapatan yang lumayan bagi penduduk setempat.

d) Pembangunan Projek

Pembangunan projek ini telah melibatkan 2 fasa iaitu pembinaan infrastruktur saluran dan pembangunan sektor pertanian yang dilaksanakan mengikut kaedah blok. Semakan Audit mendapati pelaksanaan fasa pertama seperti kerja pembinaan struktur saluran dan ban perimeter, pembinaan pintu air, parit dalaman utama, jambatan, jalan ladang dan kerja bagi kawalan hakisan pantai telah membantu meningkatkan kesesuaian tanah bagi aktiviti pertanian. Ianya juga dapat mengelak dari berlakunya banjir kilat atau takungan air yang berlebihan di kawasan projek. Fasa kedua yang melibatkan penanaman secara *in-situ* bagi tanaman seperti kelapa, koko dan limau manis telah dilaksanakan manakala penanaman secara estet belum bermula.

Semakan Audit seterusnya mendapati Jabatan telah melaksanakan projek ini menggunakan pendekatan sistem blok seperti yang dirancang. Kawasan sistem blok untuk dimajukan adalah seperti di **Peta 3**.

Peta 3
Sistem Blok Bagi Projek Pengairan Dan Saliran Di Sebangon Bajong



Sumber: Rekod Jabatan Pengairan Dan Saliran

Semakan Audit seterusnya juga mendapati kawasan projek telah dibahagikan kepada 8 blok berbanding 13 blok yang dicadangkan. Bagaimanapun, keluasan kawasan bagi 8 blok adalah sama dengan keluasan asal projek. Lapan blok yang telah diluluskan serta keluasan setiap blok adalah seperti di **Jadual 44**.

Jadual 44
Keluasan Setiap Blok

Blok	Kawasan	Keluasan (Hektar)
A1	Sebangon (Utara)	565
A2	Sebangon	794
B	Kpg. Sampat/Plaie	2,380
C	Kpg. Ladong/Simunjan	3,360
D	Tebelu, Kpg. Sekitong, Meranti	2,503
E	Kpg. Seberang	1,489
F	Kpg. Baru/Sg. Rama	1,429
G	Kpg. Sagu, Sebuyau	2,497
Jumlah		15,017

Sumber: Rekod Jabatan Pengairan Dan Saliran

Pada pendapat Audit, pembangunan bersepadu projek ini berasaskan konsep kemudahan dan pertanian adalah kurang memuaskan kerana pembangunan sektor pertanian belum lagi dilaksanakan secara menyeluruh seperti yang dirancang.

20.2.5 Komponen Projek Infrastruktur Saliran

Jabatan melaksanakan projek infrastruktur saliran ini berdasarkan 4 komponen utama iaitu pembinaan struktur saliran, pembinaan ban termasuk ban perimeter dan ban dalaman, pembinaan jalan iaitu jalan masuk, jalan ladang dan jalan kecil dan kerja bagi kawalan dan tebatan pesisiran pantai. Ringkasan 4 komponen yang telah dilaksanakan di keseluruhan 8 blok projek adalah seperti di **Jadual 45**.

Jadual 45
Komponen Projek Infrastruktur Saliran

Komponen	Pembahagian Blok Pelaksanaan								Jumlah
	A1	A2	B	C	D	E	F	G	
Pembinaan Struktur Saliran									
Struktur berkunci	-	-	2	3	2	2	2	2	13 unit
Pintu kawalan <i>tidal</i>	3	3	2	1	1	-	2	-	12 unit
Parit/ban perimeter	7.50	10.80	32.60	31.70	20.00	21.90	23.50	25.00	173.00 km
Parit <i>cut-off</i>	-	3.60	10.00	3.20	7.20	2.90	5.00	13.10	45.00 km
Parit dalaman	5.20	25.60	28.20	14.20	24.40	3.60	8.30	10.30	119.80 km
Pembetung kotak	-	-	-	1	4	3	3	2	13 unit
Jambatan <i>bailey</i>	-	-	3	1	-	-	-	-	4 unit
Titian kayu	2	3	12	10	3	4	9	-	43 unit
Pembinaan Ban									
Ban dalaman	5.20	12.80	14.10	7.10	12.20	1.80	4.20	5.20	62.60 km
Ban keliling Kampung	1.50	-	2.90	15.00	2.90	3.10	0.90	-	26.30 km
Pembinaan Jalan									
Jalan ladang	-	-	17.10	3.25	-	-	-	-	20.35 km
Kerja Kawalan Dan Tebatan Pesisiran Pantai									
Kawalan pesisiran	1.45	-	1.18	-	1.09	1.70	0.87	-	6.29 km

Sumber: Rekod Jabatan Pengairan Dan Saliran

Semakan Audit terhadap pelaksanaan 4 komponen infrastruktur saliran ini mendapati perkara seperti berikut:

a) Pembinaan Struktur Saliran

Pembinaan struktur saliran ini adalah bertujuan untuk menyediakan tapak yang sesuai bagi industri pertanian khususnya bagi pekebun kecil yang sedia ada dan juga bagi penanaman secara ladang atau estet. Semakan Audit mendapati reka bentuk bagi pembinaan struktur saliran yang telah disediakan oleh perunding adalah mengikuti tatacara dan keperluan semasa yang digunakan termasuk menggunakan perisian komputer untuk menjangka *run-off* dan paras banjir untuk setiap tadahan. Perunding juga telah menggunakan beberapa strategi pengurusan saliran termasuk membuat reka bentuk struktur saliran bagi kawalan banjir berdasarkan purata sukatan hujan yang turun bagi tempoh 5 tahun. Antara contoh struktur saliran yang telah dibina adalah seperti di **Foto 35** dan **Foto 36**.

Foto 35
Parit Dalam Utama Yang Baru
Siap Dibina



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak
Tarikh: 20 Julai 2006
Lokasi: Sungai Bungik

Foto 36
Pintu Kawalan Air Berkembar
Bagi Mengawal Paras Air



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak
Tarikh: 20 Julai 2006
Lokasi: Kampung Tebelu

Semakan Audit seterusnya mendapati reka bentuk saliran yang disediakan telah mengambil kira keperluan untuk memastikan tahap mendapan tanah di kawasan gambut berkenaan terkawal. Bagi mengelak dan mengawal keadaan ini maka kerja saliran seperti pembinaan parit perimeter iaitu parit yang mengelilingi kawasan projek selari dengan ban perimeter dan parit dalaman telah disediakan di sekitar kawasan yang telah ditetapkan dan mengikut paras serta kedalaman parit yang sesuai. Semakan Audit juga mendapati pelaksanaan pembinaan infrastruktur saliran ini merangkumi kawasan Sebangau (Utara dan Selatan), Tebelu (Barat dan Timur), Sebuyau, Ladong dan Tanjung Beluku.

Pembinaan infrastruktur saliran adalah merangkumi pembinaan struktur saliran berkunci, pintu kawalan banjir, parit perimeter, parit dalaman, parit *cut-off* iaitu parit yang dibina di luar kawasan projek terutama di mana terdapat kawasan takungan air atau kawasan yang tinggi dan juga parit masuk di kawasan projek. Semakan Audit mendapati sehingga tahun 2006, sebanyak 13 struktur saliran berkunci dan sebanyak 12 pintu kawalan banjir telah dibina. Parit perimeter yang bersebelahan dengan ban sepanjang 173 kilometer dan parit *cut-off* yang terletak di sempadan kawasan projek bersebelahan dengan pinggir bukit sepanjang 45 kilometer bertujuan untuk mengalih limpahan air hujan bagi mengelak berlakunya banjir di kawasan projek juga telah dibina. Semakan Audit seterusnya mendapati Jabatan juga telah membina parit dalaman sepanjang 119.80 kilometer dan sebanyak 13 pementung kotak di 5 blok berkaitan. Pembinaan pementung kotak diperlukan

apabila adanya pembinaan jalan merentasi sesebuah parit yang telah dibina. Di samping itu, Jabatan ada membina sebanyak 4 buah jambatan *bailey* di blok B dan C dan sebanyak 43 unit titian kayu di 7 blok berkaitan.

Pada pendapat Audit, pembinaan struktur saluran di kawasan Sebangon Bajong adalah baik dan telah didirikan berdasarkan keperluan semasa. Di samping itu, struktur saluran yang dibina juga telah membantu untuk mengawal paras air dan banjir di kawasan projek.

b) Pembinaan Ban

Pembinaan ban sama ada ban perimeter atau ban dalaman adalah menggunakan bahan setempat yang terdiri daripada jenis tanah paya gambut dan tanah liat yang terhasil daripada korekan pembinaan sistem perparitan di kawasan bersebelahan. Contoh ban perimeter dan ban dalaman adalah seperti di **Foto 37** dan **Foto 38**.

Foto 37
Ban Perimeter



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak
Tarikh: 20 Julai 2006
Lokasi: Kampung Seruyuk

Foto 38
Ban Dalaman



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak
Tarikh: 20 Julai 2006
Lokasi: Selangking

Semakan Audit mendapati dalam proses membuat reka bentuk pembinaan ban, perunding telah membuat beberapa jangkaan awal mengenai kestabilan struktur ban yang akan dibina. Perunding didapati telah membuat cadangan kepada Jabatan untuk menggunakan beberapa kaedah termasuk meninggikan struktur ban sehingga 2 meter bagi sesetengah tempat dan juga menggunakan pasir dan batu kerikil di atas bahan seperti *geofabric* bagi memperkuat struktur ban. Kaedah pembinaan ban seperti ini telah terbukti amat sesuai digunakan di kawasan gambut

yang cetek walaupun ianya memerlukan penyenggaraan yang kerap bagi kawasan tanah paya gambut yang dalam.

Semakan Audit terhadap laporan projek juga mendapati perunding telah melakukan pelbagai ujian termasuk ujian *Modified Bishop Method* bagi memastikan ketahanan dan kekuatan struktur ban sama ada bagi tempoh jangka pendek dan jangka panjang. Ujian yang telah dijalankan ini memberi laporan ketahanan struktur ban yang dibina adalah memuaskan kerana hasil ujian adalah melebihi had minimum faktor keselamatan (*factor of safety*) iaitu 1.2 untuk jangka pendek dan 1.5 untuk jangka panjang seperti yang telah ditetapkan oleh pihak Jabatan Kerja Raya (JKR). Berdasarkan laporan Kertas Ringkasan Pelaksanaan Projek, Jabatan juga didapati telah membina ban sepanjang 173 kilometer bersebelahan dengan parit perimeter dan ban dalaman sepanjang 62.60 kilometer di seluruh 8 blok. Semakan Audit seterusnya mendapati ban keliling kampung sepanjang 26.30 kilometer yang dilengkapi dengan struktur pintu kawalan air di 6 blok berkaitan juga telah dibina. Pembinaan ban keliling kampung ini merupakan sebahagian daripada projek khidmat masyarakat yang dilaksanakan bagi mengatasi masalah banjir di sekitar kawasan yang terlibat.

Pada pendapat Audit, pembinaan ban perimeter dan ban dalaman adalah sesuai kerana ia telah membantu untuk mengurangkan masalah banjir yang dihadapi oleh penduduk sekitar.

c) Pembinaan Jalan

Jabatan telah melaksanakan projek pembinaan jalan untuk menyediakan kemudahan bagi menghubungkan sebahagian besar kawasan projek dengan pusat bandar. Pembinaan jalan dikategorikan kepada 3 jenis iaitu jalan masuk, jalan kecil dan jalan ladang. Jalan masuk adalah jalan utama yang menghubungkan kawasan projek dengan pusat bandar dan pekan berdekatan. Jalan kecil pula adalah jalan yang menghubungkan kawasan kampung dengan jalan masuk yang kemudiannya akan ke pusat bandar dan pekan berdekatan manakala jalan ladang adalah digunakan untuk ke jalan kecil dalam kawasan pertanian. Dalam proses mereka bentuk struktur jalan termasuk saiz dan lokasi jalan, perunding telah mengambil kira beberapa faktor termasuklah keadaan bentuk muka bumi kawasan projek yang sebahagian besarnya adalah tanah paya gambut. Semakan Audit mendapati piawaian reka bentuk bagi jalan luar bandar yang ditetapkan oleh JKR telah diubahsuai oleh perunding. Pengubahsuaian tersebut melibatkan pengurangan kelebaran permukaan dan bahu jalan bagi jalan ladang yang dibina. Pengubahsuaian ini adalah disebabkan keadaan tanah yang tidak sesuai di tapak

projek dan dengan menggunakan bahan tanah setempat dari kerja korekan parit juga dapat menjimatkan kos berbanding jika membawa masuk tanah dari luar yang akan menelan perbelanjaan yang besar. Perunding juga membuat jangkaan bahawa jalan berkenaan tidak berkemungkinan untuk dinaik taraf di masa hadapan kerana kurang penggunaannya termasuk jangkaan *“the likelihood of two vehicles needing to pass is also quite low”*. Selain itu, cerun permukaan jalan adalah lebih curam kerana tanah yang digunakan merupakan tanah campuran paya gambut dan struktur cerun dijangka akan menurun pada masa hadapan. Perbezaan reka bentuk struktur jalan projek adalah seperti di **Jadual 46**.

Jadual 46
Reka Bentuk Struktur Jalan Projek

Perkara	Piawai Jalan Luar Bandar Oleh JKR	Spesifikasi Pihak Perunding		
		Jalan Masuk	Jalan Kecil	Jalan Ladang
Permukaan (<i>terrain</i>)	Rata	Rata	Rata	Rata
Had kelajuan	60 km/jam	60 km/jam	60 km/jam	40 km/jam
Lebar jalan	6.00 meter	6.00 meter	6.00 meter	4.00 meter
Lebar bahu jalan	2.50 meter	2.00 meter	2.00 meter	2.00 meter
Cerun permukaan jalan (<i>Camber Cross-fall</i>)	1:30	1:20	1:20	1:20

Sumber: Rekod Jabatan Pengairan Dan Saliran

Semakan Audit juga mendapati cadangan awal Jabatan ialah untuk membina jalan ladang sepanjang 90 kilometer di atas ban perimeter dan sepanjang 360 kilometer di atas ban dalaman bagi keseluruhan kawasan projek. Adalah didapati Jabatan telah membina jalan ladang sepanjang 20.35 kilometer di blok B dan C iaitu termasuk jalan sepanjang 16.8 kilometer dari Simunjan hingga Kampung Selangking (blok C) berbanding cadangan awal untuk membina jalan ladang sepanjang 90 kilometer di atas ban perimeter dan sepanjang 360 kilometer di atas ban dalaman. Di samping itu, Jabatan juga pada awalnya bercadang untuk membina jalan masuk sepanjang 29 kilometer menghubungkan pekan Sebuyau, Sebang dan Kampung Ladong serta sepanjang 8 kilometer menghubungkan kawasan Ladong-Simunjan dan jalan kecil sepanjang 56 kilometer. Bagaimanapun, pembinaan jalan masuk dan jalan kecil ini tidak dilakukan oleh Jabatan tetapi telah diambil alih oleh pihak JKR. Setakat ini jalan sepanjang 3 kilometer belum dibina bagi menyambungkan jalan ladang dari Kampung Selangking dengan jalan dari kawasan Sebang sehingga Sungai Bungik. Oleh kerana ketiadaan jalan untuk menghubungkan kawasan projek melalui pekan Simunjan menuju ke pusat bandar dan kawasan lain, penduduk terpaksa mengharungi perjalanan dengan pengangkutan air.

Semakan Audit selanjutnya terhadap pembinaan dan penyenggaraan jalan ladang dari Simunjan ke Kampung Selangking adalah seperti berikut:

i) Pembinaan Jalan Simunjan Ke Kampung Selangking

Jalan ini dikelaskan sebagai jalan ladang dan telah dibina melalui perubahan kerja dengan harga RM4.60 juta di bawah kontrak Jabatan bagi kerja pembangunan Blok B dan Blok C bernilai RM18.73 juta yang dilaksanakan oleh Debessa Development Sdn. Bhd. Tarikh penyiapan kerja di bawah kontrak ini ialah pada 25 Ogos 2001. Adalah didapati kaedah pembinaan jalan ini kurang memuaskan seperti perkara berikut:

- Pembinaan jalan ini tidak termasuk dalam skop kerja asal pada kontrak berkenaan. Skop kerja asal merupakan penyediaan infrastruktur saliran seperti pembinaan ban, parit dan kemudahan kawalan air serta 7 jambatan *Bailey*. Nilai perubahan kerja untuk jalan sahaja telah melebihi 20% daripada nilai kontrak asal. Dalam keadaan seperti ini tender baru sepatutnya dipanggil.
- Spesifikasi bagi lebar permukaan dan bahu jalan adalah kurang berbanding ukuran yang disyorkan oleh perunding mahupun standard JKR. Lebar jalan yang dibina hanya 3 meter manakala yang disyor oleh perunding ialah 4 meter dan standard JKR pula ialah 6 meter. Bagi lebar bahu jalan ukuran ialah 0.9 meter manakala yang disyorkan ialah 2 meter dan 2.5 meter bagi standard JKR. JKR perlu dirujuk dahulu sebelum jalan dibina bagi menjaga keselamatan pengguna.

ii) Kerja Pembaikan Jalan Simunjan Ke Kampung Selangking

Semakan Audit mendapati 1 kontrak bernilai RM129,258 telah dilaksanakan oleh Jabatan Pengairan Dan Saliran, Bahagian Samarahan dalam tahun 2005 bagi membaiki jalan ini. Skop kerja meliputi baik pulih permukaan jalan termasuk penyediaan lapisan *geotextile*, pasir dan batu di samping kerja meratakan jalan tersebut. Adalah didapati tiada kerja pembaikan berjadual dijalankan bagi memulihara keadaan jalan ini. Lawatan Audit pada bulan April 2007 mendapati keadaan jalan ini adalah teruk di mana pada setiap 100 meter jalan terdapat purata sebanyak 30 lubang yang mempunyai kedalaman sehingga 0.5 meter. Pengukuran terhadap lebar permukaan di 7 lokasi sepanjang jalan tersebut mendapati ianya berbeza antara 2.8 hingga 3.5 meter dan lebar bahu jalan di lokasi yang sama adalah kurang daripada 0.9

meter. Keadaan jalan yang sempit ini menyukarkan 2 kenderaan untuk berselisih, ditambah pula dengan bahu jalan yang sempit. Keadaan jalan ladang berkenaan adalah seperti di **Foto 39** dan **Foto 40**.

Foto 39
Jalan Ladang Yang Sempit



*Sumber: Foto Jabatan Audit Negara , Cawangan Sarawak
Tarikh: 19 April 2007
Lokasi: Selangking-Simunjan*

Foto 40
Jalan Yang Berlubang-lubang



*Sumber: Foto Jabatan Audit Negara , Cawangan Sarawak
Tarikh: 19 April 2007
Lokasi: Selangking-Simunjan*

Pada pendapat Audit, pembinaan rangkaian jalan yang berkaitan adalah kurang memuaskan kerana tidak mencapai sasaran dari segi jenis dan jarak jalan yang patut dibina. Jalan ladang yang dibina juga tidak mencapai tahap yang memuaskan.

d) Kerja Kawalan Dan Tebatan Pesisiran Pantai

Jabatan telah melaksanakan kerja kawalan dan tebatan pesisiran pantai di kawasan di sekitar projek terutama yang berdekatan dengan pantai dan sungai kerana kawasan ini sering mengalami masalah hakisan dan dimasuki air laut. Semakan Audit mendapati Jabatan telah melaksanakan kerja kawalan dan tebatan pesisiran pantai sepanjang 6.29 kilometer di 5 blok sahaja dengan keutamaan ditumpukan di kawasan penempatan penduduk berbanding dengan kawasan panjang pantai yang terdedah kepada hakisan. Kekurangan kerja kawalan dan tebatan pesisiran pantai atau tebing sungai ini adalah disebabkan kos yang terlibat adalah terlalu tinggi. Contoh kerja kawalan dan tebatan pesisiran pantai adalah seperti di **Foto 41** dan **Foto 42**.

Foto 41
Kerja Pembinaan Benteng Tebatan
Pesisiran Pantai Sedang Dijalankan



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak
Tarikh: 20 Julai 2006
Lokasi: Kampung Baru

Foto 42
Kerja Pembinaan Benteng Tebatan
Pesisiran Pantai Siap Dijalankan



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak
Tarikh: 20 Julai 2006
Lokasi: Kampung Seberang

Penemuan Audit hasil daripada lawatan ke beberapa buah kampung di sekitar kawasan projek pada bulan Julai 2006 seperti Kampung Seberang, Kampung Baru, Kampung Tebelu dan Kampung Sempat mendapati kerja kawalan dan tebatan persisiran pantai dan tebing sungai ada dilaksanakan oleh Jabatan. Bagaimanapun, tinjauan Audit seterusnya serta maklum balas daripada penduduk sekitar kawasan projek mendapati masih berlakunya mendapan dan hakisan di kawasan projek terutamanya di Kampung Baru dan Kampung Sempat yang telah mengalami proses penebangan pokok kayu bakau. Selain itu, ada juga benteng yang perlu disenggarakan dan parasnya ditinggikan selepas tempoh tertentu, contohnya benteng *gabion* di tebing Sungai Sebangkan bersebelahan Kampung Sempat yang didapati telah menurun dengan agak ketara. Ini terbukti di mana benteng tersebut telah ditenggelami oleh paras air sungai semasa air pasang seperti di **Foto 43** dan **Foto 44**.

Foto 43
Benteng Gabion Yang Telah Mendap



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak
Tarikh: 11 Disember 2006
Lokasi: Kampung Sempat

Foto 44
Benteng Gabion Yang Telah Mendap



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak
Tarikh: 11 Disember 2006
Lokasi: Kampung Sempat

Bagi Kampung Seberang pula, air laut masih memasuki kawasan kampung kerana benteng tidak dapat disiapkan sepenuhnya akibat bantahan penduduk yang tidak bersetuju dengan kawasan pembinaan benteng iaitu ban tanah yang dibina adalah terlalu dekat dengan rumah mereka. Bagaimanapun, lawatan Audit mendapati benteng pesisiran pantai di Kampung Baru telah disenggarakan dengan penambakan tanah yang kemudiannya dilapiskan dengan *geotextile* bagi menahan tanah daripada susur dan mendap.


Pada pendapat Audit, kerja kawalan dan tebatan pesisiran pantai yang telah dilaksanakan adalah kurang memuaskan dan ianya tidak mencukupi kerana masih berlakunya hakisan dan mendapan serta limpahan air laut ke kawasan projek.

20.2.6 Kaedah Pelaksanaan Projek

Pengurusan pelaksanaan projek ini secara keseluruhannya adalah menjadi tanggungjawab Jabatan. Bahagian PAPT telah diberi tanggungjawab untuk merancang, melaksana dan memantau projek ini untuk membantu meningkatkan taraf hidup golongan berpendapatan rendah yang kebanyakannya berada di kawasan luar bandar. Tanggungjawab ini juga termasuk menyelaras pembangunan pertanian untuk ladang dan estet dan memberi kemahiran teknikal bagi membantu penduduk setempat dalam bidang pengurusan air.

Semakan Audit terhadap fail projek mendapati tanggungjawab untuk melaksana dan menyelia pelaksanaan projek ini telah diberikan oleh Jabatan kepada perunding yang dilantik iaitu PS Konsultant yang dirujuk sebagai wakil jurutera dan bertanggungjawab terus kepada Pengarah Pengairan Dan Saliran Sarawak. Semakan Audit seterusnya mendapati setelah sesuatu kontrak kerja disiapkan, penyenggaraan projek berkenaan kemudiannya telah diserahkan kepada Jabatan Pengairan Dan Saliran Bahagian Samarahan. Struktur pengurusan pelaksanaan projek adalah seperti di **Carta 5**.

Carta 5
Struktur Pengurusan
Projek Pengairan Dan Saliran Di Sebangon Bajong



Sumber: Rekod Jabatan Pengairan Dan Saliran

a) Pelantikan Perunding

Jabatan telah menetapkan penggunaan khidmat perunding untuk melaksana dan memantau kerja yang perlu untuk menjayakan projek ini. Semakan Audit mendapati pelantikan perunding ada dinyatakan dalam laporan Kajian Kemungkinan yang dikeluarkan oleh pihak Unit Perancang Negeri. Memorandum Perjanjian antara Kerajaan Negeri dengan perunding iaitu PS Konsultant telah dimeterai pada bulan Ogos 1994. Kontrak perjanjian antara Kerajaan dan perunding adalah bagi kerja perkhidmatan ikhtisas berhubung kejuruteraan, reka bentuk teknikal dan penyeliaan kerja bagi projek pembinaan infrastruktur saliran di kawasan Sebangon Bajong. Antara tanggungjawab yang diberikan merangkumi membuat reka bentuk keperluan teknikal seperti menyediakan pelan lukisan struktur saliran serta kos yang diperlukan. Semakan Audit seterusnya mendapati pelan teknikal bagi projek ini telah disediakan oleh perunding dengan kerjasama beberapa firma swasta lain bergantung kepada jenis atau bidang kerja teknikal

yang ditetapkan. Pelan teknikal ini kemudiannya dikemukakan kepada Jabatan untuk pertimbangan dan kelulusan.

Di samping itu, perunding juga bertanggungjawab untuk memantau kontraktor yang dilantik bagi melaksanakan kontrak kerja bagi blok yang berkaitan. Perunding didapati telah membuat semakan terhadap *method statement* yang disediakan oleh pihak kontraktor berkaitan sebelum sesuatu kontrak kerja dimulakan dan kerja tambahan yang dicadangkan bagi setiap kontrak kerja di blok tertentu jika ianya diperlukan. Perunding juga memainkan peranan utama untuk memastikan butiran yang dinyatakan pada *Bill of Quantities*, Arahan Perubahan Kerja dan bayaran interim serta kemajuan kerja yang dikemukakan oleh pihak kontraktor adalah betul dan berpatutan. Tuntutan bagi kontrak kerja telah dikemukakan oleh perunding kepada Jabatan untuk tujuan semakan, pengesahan dan seterusnya membuat pembayaran. Semakan Audit mendapati pihak perunding telah membuat pengesahan ke atas semua tuntutan sebelum dikemukakan ke Jabatan untuk pembayaran. Semakan Audit seterusnya mendapati bayaran kontrak kerja telah dibuat mengikut kemajuan kerja.

Pada pendapat Audit, pelantikan perunding telah dibuat dengan teratur.

b) Pemilihan Kontraktor

Jabatan telah memanggil tender terbuka bagi memilih kontraktor yang berkecukupan untuk menjalankan kontrak kerja. Setiap tawaran kerja telah diiklankan di sekurang-kurangnya 2 akhbar tempatan yang mana pihak kontraktor yang berminat telah menawarkan harga kontrak berdasarkan penentuan dan keperluan kerja yang telah ditetapkan oleh Jabatan. Perunding atas arahan Jabatan bertanggungjawab untuk mengurus pelantikan kontraktor untuk melaksanakan kontrak kerja bagi blok yang berkaitan. Semakan Audit terhadap 20 kontrak kerja mendapati sebanyak 18 kontrak kerja telah diberi kepada 14 kontraktor dan semuanya adalah di bawah pengawasan perunding dan 2 kontrak kerja dilaksanakan dan diselia sendiri oleh Jabatan.

Pada pendapat Audit, pelantikan kontraktor telah dibuat secara adil dan teratur.

c) Syarat dan Pematuhan Kontrak

Semakan Audit terhadap dokumen kontrak mendapati surat perjanjian kontrak telah ditandatangani oleh pegawai yang telah diberi kuasa oleh Kerajaan. Bagi

mematuhi syarat dan pematuhan kontrak, Jabatan ada menggariskan dan meletakkan syarat utama kontrak yang diterima pakai oleh JKR seperti berikut:

- i) Berdasarkan syarat kontrak, kontraktor dikehendaki mengemukakan Bon Pelaksanaan sama ada dalam bentuk Jaminan Bank, Jaminan Insurans atau Deposit Tunai sebanyak 5% daripada nilai kontrak. Bon Pelaksanaan ini hendaklah dibayar atau dijelaskan sebelum kerja dimulakan. Sekiranya kontraktor gagal untuk menjelaskan jaminan ini dalam tempoh 1 bulan daripada tarikh perjanjian kontrak ditandatangani maka pihak Jabatan selaku majikan berhak untuk memotong jumlah berkenaan daripada apa-apa bayaran kepada pihak kontraktor. Semakan Audit seterusnya terhadap kesemua perjanjian kontrak mendapati hanya satu kontraktor ada memohon dan diluluskan supaya pembayaran Bon Pelaksanaan dipotong melalui bayaran kemajuan kerja pertama iaitu sejumlah RM151,288. Manakala kontraktor lain telah menjelaskan Bon Pelaksanaan mereka masing-masing sebelum kerja kontrak dimulakan.
- ii) Berdasarkan syarat kontrak juga, kontraktor dikehendaki untuk mengambil insurans tertentu untuk melindungi tuntutan pampasan oleh mana-mana pihak termasuk insurans kecederaan kepada individu dan pekerja, harta benda dan apa-apa gangguan awam lain. Semakan Audit mendapati semua kontraktor berkaitan telah mematuhi kehendak peraturan ini.
- iii) Tempoh tanggungan kecacatan adalah bergantung kepada nilai kontrak. Semakan Audit terhadap kesemua perjanjian kontrak mendapati tempoh tanggungan kecacatan adalah antara 6 bulan sehingga 12 bulan selepas tarikh Sijil Siap Kerja dikeluarkan.
- iv) Kerja kontrak perlu dimulakan dan disiapkan dalam tempoh yang telah dinyatakan dalam perjanjian kontrak. Pihak kontraktor boleh dikenakan denda sekiranya gagal untuk menyiapkan kerja kontrak dalam tempoh atau masa yang ditetapkan.

Pada pendapat Audit, syarat-syarat kontrak adalah mencukupi bagi menjaga kepentingan Kerajaan dan ianya telah dipatuhi dengan baik oleh pihak berkaitan.

d) Prestasi Kontrak

Bagi tempoh pelaksanaan sehingga tahun 2006, sebanyak 20 kontrak kerja bernilai RM75.32 juta telah ditandatangani. Semakan Audit mendapati 2 kontrak kerja bagi blok A1 dan blok A2 yang bernilai RM3.21 juta telah dilaksanakan sendiri oleh

Jabatan pada tahun 1989 dan 1991. Kedua-dua kontrak kerja ini telah berjaya disiapkan pada tahun 1991 dan 1993. Baki 18 kontrak kerja yang lain melibatkan perbelanjaan bernilai RM72.11 juta telah diberikan kepada 14 kontraktor. Kontrak kerja yang berkaitan adalah bagi pelbagai komponen kerja yang telah ditetapkan bagi keseluruhan blok yang terlibat. Ringkasan terhadap 20 kontrak kerja tersebut adalah seperti di **Jadual 47**.

Jadual 47
Kontrak Kerja Bagi Projek Pengairan Dan Saliran Di Sebahagian Bajong

Ringkasan Tajuk Kontrak	Nilai Kontrak (RM Juta)	Tarikh	
		Mula	Siap
Kerja berkaitan bagi blok A1	1.28	22.08.1989	21.11.1990
Kerja berkaitan bagi blok A2	1.94	05.12.1991	04.06.1993
Kerja berkaitan bagi blok D & E	7.54	25.08.1997	21.08.1999
Kerja berkaitan bagi blok B & C	20.16	01.07.1998	25.08.2001
Kerja penambatan persisiran pantai di blok A1	3.49	25.01.1999	29.02.2000
Kerja penambatan persisiran pantai Kampung Baru	3.86	10.05.1999	06.05.2000
Kerja berkaitan bagi blok F	6.86	07.06.1999	11.11.2000
Kerja berkaitan bagi blok D & E (Utara)	2.50	29.06.1999	17.02.2001
Kerja berkaitan bagi blok G	4.09	21.12.2000	17.10.2002
Menaik taraf saliran bagi blok B, C, D, E, F, D & E (Utara)	2.03	02.01.2002	15.12.2003
Kerja berkaitan bagi blok B & C	2.74	02.01.2002	30.08.2003
Kerja penambatan pesisiran pantai di blok B & E (Utara)	6.59	11.10.2002	25.03.2004
Pintu kawalan air & kerja berkaitan di Sungai Galo, Sebuyau	0.62	07.01.2003	17.03.2004
Kerja penambatan pesisiran pantai di blok D (Utara)	4.82	26.06.2003	01.10.2004
Pintu kawalan air berkembar & kerja lain berkaitan	1.82	20.07.2004	15.08.2005
Pintu kawalan air di Sungai Legang, blok B dan Sungai Sekitong, blok D & kerja lain berkaitan	1.47	17.02.2005	12.12.2005
Kerja penambatan pesisiran pantai di Kampung Seberang	3.15	29.04.2005	10.03.2006
Menaik taraf ban perimeter di Sungai Bungik 'Creek Closure'	0.09	13.08.2002	31.12.2002
Kerja tambahan bagi ban keliling kampung di Kampung Sempat dan kerja lain berkaitan	0.10	25.06.2003	20.11.2003
Ban keliling kampung untuk Kampung Bulan dan kerja lain berkaitan	0.17	04.08.2003	11.05.2004
Jumlah	75.32		

Sumber: Rekod Jabatan Pengairan Dan Saliran

Semakan Audit terhadap 18 kontrak kerja mendapati 2 kontraktor telah berjaya mendapat kontrak kerja sebanyak 2 dan 4 kali masing-masing. Senarai kontraktor dan bilangan kontrak kerja yang diperolehi bagi projek ini adalah seperti di **Jadual 48**.

Jadual 48
Senarai Kontraktor Dan Bilangan Kontrak Kerja Yang Diperolehi

Kontraktor	Bilangan Kontrak	Jumlah (RM Juta)
Hock Seng Lee Berhad	4	18.06
Lim Tok Chiow & Sons Construction Sdn. Bhd.	2	14.40
Debessa Development Sdn. Bhd.	1	20.16
Sim Hung Eng Construction	1	3.86
World Wide Construction Sdn. Bhd.	1	2.50
BIHH Sdn. Bhd.	1	4.09
Mechunma Sdn. Bhd.	1	2.03
W.J. Construction Sdn. Bhd.	1	2.74
Sie Puoi Chang Construction Sdn. Bhd.	1	0.62
Peruan Resources Sdn. Bhd.	1	1.82
Gabungan Binaan Jurutenaga Sdn. Bhd.	1	1.47
Mizati Enterprise	1	0.09
Cahaya Bumi	1	0.10
Syarikat Bumimakmur Enterprise	1	0.17
Jumlah	18	72.11

Sumber: Rekod Jabatan Pengairan Dan Saliran

Analisis Audit terhadap pelaksanaan kontrak kerja mendapati sebanyak 4 kontrak kerja telah lewat disiapkan dari tarikh asal yang dijadualkan. Satu daripada 4 kontrak kerja ini telah mengalami peningkatan nilai kontrak sejumlah RM1.43 juta atau 7.6% daripada nilai kontrak asal bernilai RM18.73 juta kepada RM20.16 juta. Semakan Audit mendapati peningkatan nilai kontrak dan kelewatan adalah disebabkan oleh perubahan dan pertambahan skop kerja, halangan penduduk setempat dan keadaan tapak serta cuaca di kawasan tapak projek. Perubahan kerja tersebut telah diluluskan oleh Jabatan. Bagi 3 kontrak kerja yang lain ada berlaku pengurangan bernilai RM1.18 juta daripada nilai kontrak kerja yang ditawarkan. Semakan Audit seterusnya mendapati pengurangan nilai kontrak asal adalah disebabkan oleh peruntukan perbelanjaan di bawah *Provisional Sum* termasuk *Contingencies* tidak habis digunakan bagi skop kerja pada kontrak berkenaan.

Selain itu, pihak Audit juga mendapati salah satu kontrak kerja telah dikenakan denda *liquidated and ascertained damages* (LAD) sebanyak RM20,300 kerana lewat menyiapkan kerja untuk selama 29 hari. Kontraktor telah membayar denda tersebut. Bagi tempoh kelewatan kontrak kerja yang lain, kelulusan telah diperolehi setelah dipertimbangkan masalah dan kerumitan yang dihadapi oleh pihak kontraktor. Perincian terhadap pertambahan, pengurangan dan tempoh kelewatan bagi 4 kontrak kerja berkenaan adalah seperti di **Jadual 49**.

Jadual 49
Kontrak Yang Lewat Disiapkan

Kontraktor	Nilai Kontrak			Tempoh Lewat (Hari)
	Asal (RM Juta)	Arahan Perubahan Kerja (RM Juta)	Jumlah (RM Juta)	
Debessa Development Sdn. Bhd.	18.73	1.43	20.16	454
World Wide Construction Sdn. Bhd.	2.70	(0.25)	2.45	112
BIHH Sdn. Bhd.	4.84	(0.35)	4.49	140
Hock Seng Lee Berhad	5.40	(0.58)	4.82	18
Jumlah	31.67	0.25	31.92	

Sumber: Rekod Jabatan Pengairan Dan Saliran

Pada pendapat Audit, prestasi projek yang dilaksanakan adalah memuaskan kerana pihak Jabatan telah memastikan kontrak kerja dilaksanakan secara telus dan pelantikan perunding, pemilihan kontraktor dan pematuhan syarat kontrak telah diurus dengan baik.

20.2.7 Penyenggaraan Infrastruktur Saliran

Kerja penyenggaraan bagi projek yang telah disiapkan adalah diserahkan kepada Jabatan Pengairan Dan Saliran Bahagian Samarahan meliputi kerja seperti mendalam dan membersihkan parit perimeter, pemotongan rumput, kerja pembaikan dan penyenggaraan jambatan dan pembetung kotak. Kerja membersihkan dan melebarkan anak sungai juga dilaksanakan. Pada tahun 2003, Jabatan telah membelanjakan sejumlah RM298,982 untuk kerja pemotongan rumput, membersihkan dan mendalamkan parit serta pembaikan lain yang meliputi kawasan daripada blok B hingga blok G. Bagi tujuan yang sama, Jabatan juga telah membelanjakan sejumlah RM350,648 pada tahun 2004, sejumlah RM313,912 pada tahun 2005 dan sejumlah RM383,679 pada tahun 2006.

Semasa lawatan Audit ke tapak projek, pihak Audit telah menemu bual beberapa pegawai dan penduduk di sekitar kawasan projek. Sebahagian besar penduduk yang ditemu bual dan juga hasil daripada soal selidik yang diedarkan kepada penduduk mendapati 56% penduduk mengalu-alukan penyediaan infrastruktur saliran yang dibina di kawasan mereka. Sebahagian besar iaitu 88% penduduk yang ditemu bual bersetuju bahawa projek ini telah membawa perubahan di kawasan mereka. Ada yang menyatakan kebaikan yang ketara daripada projek ini ialah penanaman bagi sesetengah tanaman boleh diusahakan hampir sepanjang tahun. Penduduk di kawasan sekitar pesisir pantai dan muara sungai pula menyatakan bahawa dengan adanya pembinaan ban dan benteng tebatan, kemasukan air laut semasa paras air

tinggi dapat dielakkan. Bagaimanapun, pihak Audit juga mendapati 44% penduduk tidak berpuas hati terhadap mutu kerja infrastruktur saliran yang dibina disebabkan kurangnya kerja penyenggaraan yang sepatutnya dijalankan oleh Jabatan terutamanya bagi kontrak kerja yang telah disiapkan. Antaranya tiada pemotongan rumput di sebahagian besar kawasan sepanjang jalan ladang dilakukan dan hampir keseluruhan bahu jalan di kawasan jalan Simunjan-Selangking ditumbuhi oleh semak-samun. Keadaan serupa juga berlaku terhadap sebahagian besar parit tanah di sekitar kawasan projek yang telah ditumbuhi dengan semak dan pokok. Beberapa penemuan Audit telah diperolehi dan diringkaskan seperti di **Jadual 50**.

Jadual 50
Ringkasan Penemuan Audit Dan Masalah Berkaitan Komponen Projek

Tapak Lawatan	Komponen Projek	Penemuan Audit Dan Masalah Berkaitan Projek
Sebuyau: Sg Galo dan Kampung Baru	• <i>Tidal Control Gate</i> • <i>Ring Bund</i> • <i>Coastal Protection Works</i>	• Tiada kerja pembersihan dan penyenggaraan • Kawasan komponen projek ditumbuhi dengan semak samun
Kampung Seberang	• <i>Coastal Protection Works</i>	• Benteng tanah yang dicadangkan tidak didirikan kerana bantahan orang kampung • Air laut masih memasuki kawasan kampung
Kampung Tebelu	• <i>Coastal Protection Works</i> • <i>Double Lock Gate</i> • <i>Perimeter Bund</i>	• Hakisan tanah pada ban perimeter • Kawasan tapak iaitu ban dan parit ditumbuhi rumput dengan parit tersumbat sehingga berlaku kes demam denggi
Kampung Seruyuk	• <i>Perimeter Bund</i> • <i>Flap Gate</i>	• <i>Flap gate</i> bocor dan parit tidak disenggarakan • Kemasukan air masin menyebabkan aktiviti penanaman tidak dapat dijalankan • Hakisan disebabkan tapak <i>flap gate</i> yang dibina kurang sesuai
Kampung Ladong	• <i>Tidal Gate</i> • <i>Flap Gate</i> • <i>Perimeter Bund, Ring Road</i>	• Hakisan tanah pada ban perimeter • Projek pengairan dan saliran telah mengurangkan sumber bekalan asli air, penduduk terpaksa menggunakan air tercemar bila bekalan air hujan kehabisan
Kampung Pantu Plaie	• <i>Bailey Bridge</i> • <i>Tidal Gate</i>	• <i>Bailey bridge</i> tidak digunakan
Kampung Sekitong	• <i>Twin Tidal Gate</i> • <i>Perimeter Bund</i>	• Kawasan komponen ditumbuhi dengan semak samun
Kampung Sempat	• <i>Revetment Works</i> • <i>Ring Bund / Ring Road</i> • <i>Flap Gate</i> • <i>Bailey Bridge</i>	• Benteng <i>gabion wall</i> telah mendap, ombak melepasi benteng dan menyebabkan hakisan • Parit tersumbat dan menyebabkan banjir kilat semasa hujan lebat • Hanya 1 <i>flap gate</i> dibina (sepertutnya 2 <i>flap gate</i> mengikut kontrak) • <i>Bailey bridge</i> tidak lagi digunakan
Simunjan : Kpg. Tg. Pisang dan Kpg. Selangking	• <i>Farm Access Road</i> • <i>Ring Bund, Perimeter Bund</i> • <i>Tidal Control Gate</i> • <i>Coastal Protection Works</i>	• Jalan yang sempit berbanding dengan jumlah penggunaan jalan yang tinggi. Bahu jalan tidak disenggarakan • Kawasan tapak iaitu ban perimeter dan parit tersumbat kerana ditumbuhi rumput dan pokok • Pintu kawalan air dibina terlalu jauh dan tidak mencukupi menyebabkan sebahagian kawasan mengalami <i>waterlogged</i> mengakibatkan tanaman penduduk terjejas • Mengalami hakisan pantai yang teruk

Sumber: Fail Kajian Jabatan Audit Negara

Lawatan susulan Audit pada 11 Disember 2006 mendapati Jabatan telah menjalankan kerja penyenggaraan seperti pemotongan rumput dan pembaikan terhadap pintu kawalan air di Kampung Seruyuk dan Kampung Ladong. Pihak Audit difahamkan bahawa kerja penyenggaraan hanya dilakukan terutamanya di kawasan yang terdapat peningkatan atau pertumbuhan aktiviti pertanian sahaja disebabkan oleh kekurangan peruntukan kewangan bagi melaksanakan penyenggaraan kawasan projek pada setiap tahun. Keadaan sebahagian kawasan tapak projek yang tidak disenggarakan secara konsisten oleh Jabatan semasa lawatan pertama adalah seperti di **Foto 45** hingga **Foto 49**.

Foto 45
Rumput Yang Tinggi
Di Sekitar Pintu Kawalan Air Berkembar



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak
Tarikh: 20 Julai 2006
Lokasi: Simunjan

Foto 46
Semak-Samun Di Sekitar
Pintu Kawalan Air (Tidal Gate)



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak
Tarikh: 20 Julai 2006
Lokasi: Kampung Seruyuk

Foto 47
Pintu Kawalan Air Flap Gate Hampir Tidak Kelihatan



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak
Tarikh: 20 Julai 2006
Lokasi: Kampung Seruyuk

Foto 48
Pembersihan Parit Tidak Dijalankan



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak
Tarikh: 20 Julai 2006
Lokasi: Kampung Selangking

Foto 49
Pembersihan Parit Hanya Dilaksanakan Sebahagian Sahaja



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak
Tarikh: 20 Julai 2006
Lokasi: Kampung Selangking

Semakan Audit terhadap dokumen berkaitan mendapati masalah banjir kerap berlaku di beberapa kawasan seperti di Kampung Ladong dan Kampung Selangking dalam blok C, kawasan Sekitong dalam blok D dan Kampung Bulan/Jeragam serta kawasan Stubong dalam blok G. Masalah banjir ini disebabkan oleh kurangnya *outlet* bagi mengalir air hujan keluar ke parit dan sungai yang berdekatan. Ada juga kes limpahan

air hujan yang tidak dapat disalurkan secara berkesan oleh kerana parit yang telah tersumbat disebabkan semak samun dan tumbuhan liar.

Selain itu, pembinaan tambahan ban keliling kampung berkenaan juga telah disiapkan. Semakan Audit mendapati sejumlah RM49,909 telah dibelanjakan untuk tujuan ini dan kerja berkenaan telah dilaksanakan melalui proses panggilan sebut harga. Tinjauan Audit ke Kampung Baru, Sebuyau yang terletak di kawasan blok F mendapati Jabatan ada membuat kerja penyenggaraan terhadap dinding tebatan persisiran pantai menggunakan hampan *geotextile* bagi menahan tanah daripada susur dan terhakis seperti di **Foto 50**.

Foto 50
Pembaikan Tebatan Pesisiran Pantai Menggunakan Geotextile



*Sumber: Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak
Tarikh: 20 Julai 2006
Lokasi: Kampung Baru*

Pada pendapat Audit, kerja penyenggaraan masih kurang memuaskan dan perlu diberi perhatian yang serius oleh Jabatan. Ini boleh mengakibatkan pihak Kerajaan mengalami kerugian besar sekiranya projek ini mengalami kerosakan yang teruk atau memerlukan perbelanjaan penyenggaraan yang tinggi pada masa hadapan.

20.2.8 Prestasi Kewangan

Semakan Audit terhadap laporan kewangan projek mendapati Jabatan telah menerima peruntukan Kerajaan Negeri sejumlah RM78.30 juta untuk meneruskan pelaksanaan projek ini bagi tempoh RMKe-8. Daripada jumlah tersebut RM49.67 juta atau 63.4% telah dibelanjakan untuk bayaran bagi kontrak kerja, kos perkhidmatan perunding dan

perbelanjaan lain yang berkaitan. Butiran peruntukan kewangan bagi melaksanakan projek ini adalah seperti di **Jadual 51**.

Jadual 51
Prestasi Perbelanjaan Projek

Tahun	Peruntukan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Peratusan (%)
2001	39.83	19.45	34.2
2002	10.58	7.47	73.3
2003	11.99	7.95	69.9
2004	8.66	7.53	87.1
2005	7.24	7.27	99.7
Jumlah	78.30	49.67	63.4

Sumber: Rekod Jabatan Pengairan Dan Saliran

Semakan Audit seterusnya mendapati sejumlah RM3.69 juta telah dibayar kepada perunding iaitu RM2.42 juta bagi yuran profesional dan RM1.27 juta bagi yuran penyeliaan dan tuntutan balik perbelanjaan yang dibenarkan oleh kontrak. Semakan Audit juga mendapati Jabatan telah menerima peruntukan imbuhan Kerajaan Persekutuan bernilai RM11.42 juta iaitu sejumlah RM10.94 juta pada tahun 2001 dan RM478,060 pada tahun 2002 untuk kerja ukur tanah dan bayaran pampasan tanah. Kesemua peruntukan imbuhan Kerajaan Persekutuan tersebut telah dibelanjakan.


Pada pendapat Audit, prestasi kewangan projek ini pada RMKe-8 adalah kurang memuaskan kerana 63.4% daripada peruntukan kewangan yang diluluskan telah digunakan.

20.2.9 Guna Tenaga Dan Latihan

a) Struktur Organisasi

Bahagian PAPT di Ibu Pejabat, Jabatan Pengairan Dan Saliran Sarawak adalah diketuai oleh seorang Jurutera Gred J52 dan dibantu oleh seramai 32 pegawai daripada pelbagai gred perjawatan. Setakat tahun 2006, Bahagian ini mempunyai sebanyak 5 kekosongan jawatan termasuk 4 jawatan Pelukis Pelan Gred J17 dan 1 jawatan untuk Juruteknik Gred J26. Manakala di Jabatan Pengairan Dan Saliran Bahagian Samarahan untuk projek ini pula diketuai oleh seorang Jurutera Gred J48 dibantu oleh seorang Jurutera Gred J41, tiga Juruteknik dan 25 kakitangan lain termasuklah 14 Penjaga Pintu Air Gred R1. Semakan Audit mendapati kesemua 12 perjawatan yang diluluskan telah diisi. 18 perjawatan tambahan merupakan kakitangan kumpulan sokongan yang bergaji hari. Pihak Audit dimaklumkan bahawa Jabatan telah membuat permohonan untuk pengisian jawatan termasuk cadangan penstrukturan semula perjawatan pelbagai kategori bagi Bahagian PAPT dan di Jabatan Pengairan Dan Saliran Bahagian Samarahan kepada Jabatan Ketua Menteri.

Carta 6
Carta Organisasi Jabatan Pengairan Dan Saliran
Skim Sebangon Bajong 2006



Sumber: Rekod Jabatan Pengairan Dan Saliran

b) Latihan

Bagi tahun 2004 hingga 2006, pelbagai program latihan dan teknikal dirancang termasuklah program latihan yang dikendalikan secara dalaman, program latihan yang dijalankan oleh CMM, program latihan yang diadakan di Semenanjung Malaysia dan juga di luar negara. Semakan Audit mendapati lebih daripada 28 jenis kursus mulai tahun 2004 hingga 2006 telah dihadiri oleh pegawai daripada Bahagian PAPT kecuali bagi 14 kakitangan pelbagai gred atau 42.4% yang tidak pernah menghadiri sebarang jenis kursus dalam tempoh 3 tahun ke belakang. Bagi Jabatan Pengairan Dan Saliran Bahagian Samarahan pula didapati hanya 3 pegawai yang berpeluang menghadiri pelbagai jenis kursus pada tahun 2004

hingga 2006. Bilangan latihan dan kursus yang dihadiri oleh pegawai adalah seperti di **Jadual 52**.

Jadual 52
Latihan Dan Kursus Yang Dihadiri Pegawai Bahagian PAPT
Dan Jabatan Pengaliran Dan Saliran Bahagian Samarahan

Tahun	Bil.	Jenis Kursus	Jumlah Pegawai Yang Menghadiri kursus
2004	1.	MAE Workshop:Federal State Pilot Initiative-Capacity Building And Implementation	1
	2.	Konvensyen Alam Sekitar Sarawak-Sabah	1
	3.	Asia Water 2004 Conference	1
	4.	Symposium On Tropical Residual Soil Engineering	1
	5.	Kursus Pengurusan Air Untuk Pertanian	1
	6.	KANAL Decision Support System for Sewer & Storm Water Drainage	1
	7.	Flood Mapping Solution Using MIKE	1
	8.	Environmental Awareness Raising And Education Programme	1
	9.	Contract Management Course (Extension Of Time & Recommendation Guidelines Of Federal Funded Tender)	2
	10.	Induction Course For New Civil & Structural Engineers	1
	11.	Contract Administration For Site Personnel In Construction/Engineering Contract	1
	12.	Kursus Supervisory Development Programme-Quality For Supervisors	1
2005	1.	Erosion And Sediment Control Plant	6
	2.	Kursus Manual Saliran Mesra Alam	3
	3.	Training Workshop On Economic Valuation of Ecosystem In Wetlands	1
	4.	Seminar On Embankment On Peat & Soft Clay	1
	5.	The Second Southeast Asia Water Forum	1
	6.	Kursus Teknikal –Stormwater Management	3
	7.	Short Course On Flood Risk Mapping Theory & Application	1
	8.	Kursus Pengurusan Air Untuk Pertanian	1
	9.	New Project Monitoring System Training	2
2006	1.	3 rd Asian Regional Conference & 7 th International Micro Irrigation Congress	1
	2.	Taklimat Kesedaran Kualiti Air Dan Biodiversiti Sungai	5
	3.	Perancangan Dan Rekabentuk Pengairan Dan Saliran Pertanian	1
	4.	Seminar On Design And Construction Of Roads And Building Foundation On Soft Clay	1
	5.	Kursus Pengurusan Dan Penyeliaan Projek Pembinaan	1
	6.	Water Management For Agriculture Development Course	1
	7.	River Rehabilitation And Restoration	1

Sumber: Rekod Jabatan Pengairan Dan Saliran

Pada pendapat Audit, pengisian jawatan di Jabatan adalah memuaskan. Cadangan penstrukturan yang dikemukakan oleh Jabatan adalah perlu untuk memastikan guna tenaga mencukupi bagi menampung beban kerja yang banyak terutamanya melibatkan penyenggaraan dan pemantauan projek.

Secara keseluruhannya, pada pendapat Audit, pelaksanaan projek ini telah dijalankan dengan memuaskan dan cekap. Bagaimanapun, perincian awal terhadap komponen mengenai jenis dan bilangan kerja tidak disediakan dan telah menyebabkan peruntukan perbelanjaan di bawah *provisional sum* dalam kontrak bagi projek ini adalah tinggi. Selain itu, kerja penyenggaraan terhadap infrastruktur saliran bagi projek termasuk penyenggaraan jalan adalah kurang memuaskan kerana ia kurang dilaksanakan dan di sebahagian kawasan tidak ada penyenggaraan dilaksanakan.

20.3 PEMANTAUAN

Pemantauan sesuatu projek memerlukan mekanisme yang berfungsi dengan baik dan memuaskan. Pemantauan yang telah dilaksanakan bagi projek ini adalah seperti berikut :

20.3.1 Peringkat Jabatan

Semakan Audit terhadap struktur pengurusan Jabatan untuk tahun 2006 mendapati projek ini dipertanggungjawabkan kepada Bahagian PAPT yang melapor terus kepada Pengarah Jabatan. Bahagian ini adalah bertanggungjawab untuk memantau pelaksanaan projek yang diurus oleh perunding yang dilantik. Semakan Audit seterusnya mendapati pemantauan perkembangan projek dilakukan oleh Jabatan menerusi mesyuarat yang diadakan secara berkala dengan perunding. Antara perkara yang dibincangkan ialah mengenai struktur dan reka bentuk infrastruktur saliran yang disediakan, keperluan kerja tambahan ataupun pengurangan penentuan projek dan masalah projek yang berbangkit. Selain itu, mekanisme pemantauan projek yang lain adalah melalui laporan yang diterima daripada Jabatan Pengairan Dan Saliran Bahagian Samarahan dan juga lawatan ke tapak projek oleh pegawai daripada Ibu Pejabat. Semakan Audit juga mendapati Jabatan ada mengambil tindakan susulan berbentuk teguran lisan, surat rasmi dan laporan terhadap beberapa perkara yang berkaitan dengan projek untuk tindakan lanjut pihak pelaksana seperti Jabatan Pengairan Dan Saliran Bahagian Samarahan, perunding dan juga kontraktor.

20.3.2 Laporan Bulanan Dan Kemajuan Projek

Semakan Audit mendapati pihak perunding telah menghantar Laporan Bulanan dan Kemajuan Projek kepada Bahagian PAPT di Ibu Pejabat pada setiap bulan. Pada masa yang sama pemantauan pelaksanaan kontrak kerja serta pematuhan terhadap syarat kontrak dipantau oleh Bahagian Kontrak di Ibu Pejabat Jabatan Pengairan Dan Saliran Sarawak. Semua dokumen berhubung kontrak kerja difailkan dan disimpan mengikut kontrak kerja yang dilaksanakan.

20.3.3 Aduan Awam

Jabatan juga didapati memantau pelaksanaan projek ini serta mengambil tindakan penambahbaikan berdasarkan aduan awam yang diterima. Setakat tahun 2006 sebanyak 10 aduan awam telah diterima oleh Jabatan berhubung pelaksanaan dan penyenggaraan projek ini daripada penduduk setempat. Antara aduan yang dibangkitkan ialah mengenai keperluan untuk memperbaiki sistem saliran di Kampung Ensengei di Daerah Simunjan, pembersihan sistem perparitan di sepanjang Jalan Sebangon-Sebuyau dan masalah benteng di Kuala Sungai Sebuyau dan Kampung

Seberang. Semakan Audit terhadap fail aduan awam mendapati Jabatan telah mengambil tindakan susulan terhadap aduan yang diterima.

Pada pendapat Audit, pemantauan projek adalah baik kerana setiap laporan yang telah disediakan oleh perunding akan disemak, diteliti dan kemudiannya dihantar kepada Unit Pemantauan Pelaksanaan Projek Jabatan Ketua Menteri untuk tindakan selanjutnya. Pemantauan yang dilakukan oleh perunding terhadap kontrak kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor yang dilantik juga adalah memuaskan.

21. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Projek saluran di Sebangau Bajong adalah merupakan satu usaha Kerajaan Negeri untuk membangunkan kawasan dari Sebuyau ke Simunjan yang meliputi keluasan 26,000 hektar khususnya membentuk 1 kawasan pertanian yang subur yang sebelum ini hanyalah tanah paya gambut. Kawasan ini didiami oleh seramai 15,000 penduduk yang dahulunya hanya menggunakan sungai sebagai perhubungan tetapi dengan pelaksanaan projek ini, maka rangkaian jalan yang telah dibina bukan sahaja telah memudahkan sistem pengangkutan untuk tujuan memasarkan produk dan membawa masuk input pertanian tetapi juga telah mengembangkan kemudahan infrastruktur sosial lain seperti mengadakan keperluan kesihatan dan pendidikan serta bekalan air bersih dan elektrik. Hasil kajian ini mendapati kelemahan seperti berikut:

- a) aktiviti pertanian di Sebangau Bajong kurang memuaskan kerana belum dibangunkan secara menyeluruh mengikut perancangan. Tanaman yang diusahakan hanyalah bersekala kecil dan menggunakan kaedah pertanian secara tradisional;
- b) pembangunan sektor pertanian belum menampakkan kesan ketara untuk menjana sumber pendapatan petani;
- c) peladangan bersepadu berasaskan konsep kemudahan dan pertanian kurang memuaskan;
- d) pembinaan rangkaian jalan kurang memuaskan;
- e) kualiti kerja kawalan dan tebatan pesisiranantau kurang memuaskan;
- f) kerja penyenggaraan infrastruktur saluran kurang memuaskan.

Secara keseluruhannya projek ini berjaya dilaksanakan berdasarkan kepada pencapaian projek secara fizikal. Bagaimanapun, perbandingan tahap sosio ekonomi penduduk tidak dapat ditentukan kerana tidak ada kajian khusus di kawasan ini dibuat oleh mana-mana Jabatan Kerajaan. Pembangunan fasa kedua yang melibatkan penanaman secara estet

belum bermula. Di samping itu, agensi lain juga masih belum menyertai projek ini. Bagi memastikan projek yang telah dirancang dapat dilaksanakan dengan cekap, berkesan dan mencapai matlamatnya adalah disyorkan Jabatan mengambil tindakan proaktif seperti berikut:

- i) Jabatan perlu mengamalkan budaya senggara supaya projek yang bernilai RM120 juta ini tidak terbiar yang mungkin boleh menyebabkan peningkatan kos penyenggaraan. Jabatan perlu berikhtiar untuk mendapatkan peruntukan yang mencukupi untuk menjalankan kerja penyenggaraan yang mana perlu dilaksanakan. Jabatan juga mungkin boleh mempertimbangkan untuk bekerjasama dengan penduduk setempat melalui Pejabat Daerah dan Wakil Rakyat untuk membudayakan kerja-kerja penyenggaraan secara gotong-royong oleh penduduk setempat dengan peruntukan daripada Jabatan. Sekiranya ini dapat dilaksanakan, masalah penyenggaraan dapat diatasi dan kerjasama Jabatan dengan penduduk setempat akan lebih baik;
- ii) Jabatan perlu mewujudkan rangkaian yang bersepadu dengan Jabatan lain supaya pelaksanaan pembangunan dapat berjalan serentak terutamanya dengan Jabatan Pertanian untuk memajukan kawasan projek agar dapat dijadikan kawasan pertanian yang berdaya maju. Kerjasama ini adalah juga penting bagi memastikan supaya aktiviti pembangunan yang telah dirancang bagi kawasan berkenaan akan lebih tersusun dan bagi mengelak masalah seperti reka bentuk saluran yang tidak dapat menampung limpahan air daripada kawasan pertanian lain;
- iii) Menjalankan kajian pasca EIA untuk memastikan sejauh mana kesan dan impak pelaksanaan projek terhadap alam sekitar dan sosio ekonomi penduduk di kawasan terlibat;
- iv) Jabatan perlu memperbaiki pencapaian prestasi kewangan bagi tempoh RMKe-9;
- v) Jabatan perlu mengambil tindakan segera terhadap aduan awam sebab penduduk tidak berpuas hati dengan mutu kerja infrastruktur saluran yang dibina.

LEMBAGA SUNGAI-SUNGAI SARAWAK

PENGURUSAN WAF/JETI DAN TERMINAL PENUMPANG

22. LATAR BELAKANG

22.1 Lembaga Sungai-Sungai Sarawak (Lembaga) ditubuhkan di bawah Ordinan Sungai-Sungai Sarawak, 1993 (Ordinan 1993) untuk mengawal pengangkutan sungai (*riverine transport*) supaya sungai sentiasa selamat digunakan dan bersih. Pengangkutan sungai adalah amat penting dalam sistem perhubungan di Sarawak. Ia juga merupakan kaedah perhubungan penting dalam pembangunan ekonomi bagi penduduk Sarawak terutama bagi mereka yang tinggal di luar bandar yang mana kemudahan pengangkutan adalah hanya melalui sungai. Matlamat Lembaga adalah untuk membangun dan memajukan sistem pengangkutan sungai di seluruh Sarawak.

22.2 Lembaga diamanahkan untuk menyediakan kemudahan waf/jeti dan terminal penumpang (waf) di lokasi bersesuaian, memastikan reka bentuk waf mengikut objektif pembinaannya dan menentukan aspek keselamatan penggunaan waf. Pengurusan waf dikendalikan oleh Lembaga sejak tahun 1993 selepas berkuat kuasanya Ordinan 1993. Waf yang diurus oleh Lembaga terdiri daripada Waf Kargo dan Waf Penumpang. Mengikut rekod Lembaga sebanyak 855 waf sedang beroperasi di seluruh Sarawak iaitu sebanyak 83 waf adalah kepunyaan Lembaga manakala 772 lagi adalah waf persendirian. Dengan berkuat kuasa Ordinan 1993, waf dan terminal penumpang Jabatan Kerja Raya diserahkan di bawah pengendalian Lembaga selepas diwartakan di bawah Jadual Pertama, *The Sarawak Rivers (Traffic) Regulations 1993*. Waf dan Terminal Penumpang Jabatan Kerja Raya yang tidak diwartakan tidak akan menjadi milik dan disenggarakan oleh Lembaga. Pada tahun 2004 hingga 2006, sejumlah RM4.34 juta telah diperuntukkan oleh Lembaga bagi tujuan pengurusan dan penyenggaraan waf. Lembaga membahagikan operasi pengurusan waf kepada 3 Wilayah. Wilayah I meliputi kawasan Kuching, Samarahan dan Sri Aman, Wilayah II meliputi kawasan Sibu, Kapit, Sarikei dan Mukah manakala Wilayah III merangkumi kawasan Miri, Bintulu dan Limbang. Daripada 83 waf tersebut, dua belas waf diletakkan di bawah kendalian Wilayah I, 37 waf dikendalikan oleh Wilayah II dan 34 waf di bawah kendalian Wilayah III. Butiran ketiga Wilayah tersebut serta jumlah waf adalah seperti di **Jadual 53**.


Jadual 53
Bilangan Waf Di Sarawak

Lokasi	Waf Lembaga	Waf Persendirian
Wilayah I	12	64
Wilayah II	37	177
Wilayah III	34	531
Jumlah	83	772

Sumber: Fail Lembaga Sungai-Sungai

Kedudukan Pejabat Wilayah Lembaga serta bilangan wafnya adalah seperti di **Peta 4** .

Peta 4
Kedudukan Pejabat Wilayah Lembaga



Sumber: Fail Lembaga Sungai-Sungai

23. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada pengurusan waf di bawah kendalian Lembaga telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta mencapai matlamatnya.

24. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

24.1 Jabatan Audit Negara menjalankan kajian ini kerana pengurusan waf merupakan komponen penting dalam hasrat Kerajaan untuk membangun sistem pengangkutan sungai

yang berkesan. Aktiviti ini juga melibatkan kepentingan awam yang tinggi. Skop pengauditan adalah meliputi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap waf bagi tahun 2004 hingga 2006. Pengauditan dijalankan di Ibu Pejabat Lembaga, Pejabat Wilayah Kuching, Sibu dan Miri.

24.2 Kaedah pengauditan adalah dengan menyemak, mengkaji dan menganalisis data, rekod, dokumen, minit mesyuarat, laporan, dokumen perjanjian dan fail berkaitan pengurusan waf di Lembaga. Lawatan ke 33 waf dilakukan untuk mengesahkan keadaan dan kelancaran operasi waf. Selain itu, temu bual serta perbincangan dengan pegawai dan pengguna juga dibuat untuk mengenal pasti masalah berbangkit dan pencapaian objektif Lembaga.

25. PENEMUAN AUDIT

25.1 PERANCANGAN

Perancangan yang rapi dan teratur adalah penting bagi memastikan pengurusan waf dilaksanakan dengan lancar dan tersusun. Aspek perancangan yang diteliti adalah seperti berikut:

25.1.1 Dasar Kerajaan Negeri

Dasar Kerajaan Negeri adalah untuk memberi kemudahan dan keselesaan kepada penduduk di Sarawak melalui sistem pengangkutan sungai yang cekap. Bagi memenuhi dasar ini, Kerajaan Negeri telah meluluskan Ordinan Sungai-Sungai Sarawak pada tahun 1993. Dengan itu Lembaga Sungai-Sungai Sarawak telah ditubuhkan bagi menjalankan kuasa di bawah Ordinan tersebut. Antara tugas Lembaga adalah untuk mengurus dan menyenggara waf yang sebelum ini di bawah tanggungjawab Jabatan Kerja Raya.

25.1.2 Undang-Undang Dan Peraturan

- a) Lembaga ditubuhkan di bawah Ordinan Sungai-Sungai Sarawak, 1993 bertujuan untuk *control and regulation of traffic by water in ports and harbours or on rivers wholly within Sarawak and in the foreshores and for matters connected therewith and incidental thereto*. Mengikut Seksyen 5 Ordinan tersebut, Lembaga bertanggungjawab menyediakan dan menyenggara kemudahan waf. Antara lain, Seksyen tersebut juga memperuntukkan fungsi seperti berikut:

- i) Merancang dan membuat cadangan kepada kerajaan mengenai pembangunan dan pembaikan sistem pengangkutan sungai di Negeri Sarawak;
 - ii) Mengawal dan mengatur lalu lintas (trafik) yang menggunakan pelabuhan dan pangkalan kapal di sungai dan kawasan perairan persisiran pantai Sarawak; dan
 - iii) Mengurus dan menyenggara mana-mana waf bagi pihak kerajaan atau pihak swasta atau pihak korporat atau perbadanan berdasarkan syarat yang dipersetujui antara Lembaga dan pemilik waf.
- b) Lembaga perlu mematuhi Peraturan yang diperuntukkan di bawah Seksyen 38 Ordinan Sungai-Sungai 1993 seperti *The Sarawak Rivers (Traffic) Regulations, 1993*, *The Sarawak Rivers (Cleanliness) Regulations, 1993*, dan *The Sarawak Rivers (Compounding Of Offences) Regulations, 1996*.
 - i) ***The Sarawak Rivers (Traffic) Regulations, 1993***
 Peraturan ini adalah untuk memberi kuasa kepada Lembaga bagi mengawal laluan trafik sungai, mengawal bot/kapal yang berlabuh dan bertambat di sepanjang sungai yang telah diwartakan, mengawal pembinaan dan pelupusan waf terutamanya waf persendirian, mengeluarkan permit untuk pengangkutan sungai, pengeluaran permit untuk membawa penumpang dan menyediakan langkah keselamatan lain terhadap pengguna sungai seperti kawalan rakit, kolam kayu balak (*log pond*), penggalian dan aktiviti lain di sungai.
 - ii) ***The Sarawak Rivers (Cleanliness) Regulations, 1993***
 Peraturan ini adalah untuk membolehkan Lembaga menguatkuasakan dan mengambil tindakan terhadap segala aktiviti yang boleh mencemarkan sungai.
 - iii) ***The Sarawak Rivers (Compounding Of Offences) Regulations, 1996***
 Peraturan ini memberi kuasa kepada Lembaga untuk mengenakan kompaun dan mengutip kompaun yang dikenakan terhadap pengguna sungai yang melanggar peraturan.

25.1.3 Garis Panduan

Garis panduan dan prosedur kerja adalah penting untuk memastikan setiap aktiviti yang akan dilaksanakan adalah mengikut piawaian dan sasaran yang ditetapkan. Ianya disediakan untuk memudahkan pegawai dan kakitangan memahami serta melaksanakan tugas dengan cekap. Garis Panduan juga merupakan maklumat dan prosedur asas yang patut diketahui dan diamalkan oleh kakitangan dalam melaksanakan tugas masing-masing. Garis Panduan yang digunakan semasa merancang dan melaksanakan pengurusan waf adalah seperti berikut :

- a) Dokumen kualiti MS ISO 9001:2000 yang digunakan oleh Bahagian Teknikal bagi kerja penyenggaraan waf;
- b) Manual Prosedur Kerja Bahagian Trafik & Teknikal yang menggariskan prosedur seperti proses kerja membaik pulih waf, proses kerja menyedia, mengurus dan menyenggara bot, proses kerja pengeluaran *wharf authorisation certificate*, proses kerja pembatalan *wharf authorisation certificate*, dan proses kerja memantau pelaksanaan projek pembangunan; dan
- c) Garis Panduan Bahagian Riverine Dan Penguatkuasaan yang menggariskan prosedur seperti permohonan permit kolam kayu balak, prosedur penggunaan bot dan permohonan baru/pembatalan permit pengangkutan sungai.

Di samping Garis Panduan yang sedia ada, Lembaga juga dalam proses untuk mengeluarkan peraturan baru mengenai *Entry To Passenger Terminal*.

25.1.4 Sasaran Pengurusan Waf

Lembaga mempunyai Perancangan Strategik 5 Tahun (Tahun 2001 hingga 2005) untuk mencapai visinya iaitu *Towards Safe, Clean And Natural Rivers*. Untuk tujuan tersebut, Lembaga mensasarkan untuk mencapai objektif berikut :

- a) menambah baik keselamatan dan pembangunan pengangkutan sungai pedalaman;
- b) menambah baik dan menaik taraf kemudahan pengangkutan sungai;
- c) menambah baik sistem pengurusan;
- d) memberi fokus kepada pencegahan pencemaran sungai, mengekalkan dan memulihkan sungai;
- e) meningkatkan kualiti sumber manusia;
- f) merancang penstrukturan semula organisasi; dan
- g) menambahkan sumber hasil.

Untuk menambah baik keselamatan dan menaik taraf kemudahan waf, Lembaga merancang untuk membina waf baru di tapak tertentu di tepi Sungai Sarawak, Sungai Rajang dan Sungai Baram di ketiga-tiga Wilayah. Tapak pembinaan yang disasarkan adalah seperti di **Jadual 54**.

Jadual 54
Waf Baru Yang Dirancang

Lokasi	Kos (RM Juta)
Terminal Penumpang Kuching	6.5
Terminal Penumpang Sebuyau	1.6
Terminal Penumpang Kapit	1.3
Terminal Penumpang Lidong, Sri Aman	1.5
Terminal Penumpang Mangut, Betong	1.5
Terminal Penumpang Marudi, Baram	2.3
Jumlah	14.7

Sumber: Rekod Lembaga Sungai-Sungai Sarawak

Selain itu, Lembaga mensasarkan untuk mengawal serta menyenggara 83 waf supaya sentiasa selamat dan dalam keadaan baik untuk digunakan. Untuk tujuan tersebut, Lembaga menyediakan peruntukan kewangan dan guna tenaga yang mencukupi untuk penyeliaan dan pemantauan harian.

25.1.5 Komponen Pengurusan Waf

Komponen pengurusan waf merangkumi pembinaan, operasi harian dan penyenggaraan waf.

a) Pembinaan Waf

Lembaga akan mengenal pasti keperluan pembinaan waf di sepanjang sungai di Sarawak. Lembaga kemudiannya akan mendapatkan nasihat teknikal daripada Jabatan Kerja Raya (JKR) mengenai reka bentuk waf, mengenal pasti tapak bersesuaian, mengira kos pembinaan, merancang dan membina waf. Lembaga kemudiannya akan mengemukakan cadangan pembinaan kepada Kementerian Pembangunan Infrastruktur Dan Perhubungan untuk kelulusan dan peruntukan. Lembaga setelah menerima kelulusan dan peruntukan akan menyerahkan kepada JKR untuk urusan pembinaan. Setelah siap dibina, JKR akan menyerahkan waf berkenaan kepada Lembaga untuk pengendalian harian.

b) Operasi Harian di Waf

Kerja operasi harian meliputi pengawalan trafik kargo dan penumpang di waf, memastikan hanya kapal yang mempunyai permit pengangkutan sungai

menggunakan waf, mencegah muatan berlebihan serta memastikan bot penumpang dilengkapi dengan alat keselamatan dan mengutip sewa waf. Selain itu, Lembaga hendaklah memastikan waf sentiasa berada dalam keadaan baik dan selamat.

c) Kerja Penyelenggaraan

Penyelenggaraan yang dilaksanakan adalah meliputi kerja pembaikan kerosakan yang dilaporkan oleh kakitangan atau pengguna atau mengikut keperluan, pembersihan dan pengawasan kemudahan waf.

25.1.6 Penyelenggaraan Rekod

Sistem penyimpanan rekod yang sistematik dapat memudahkan pengurusan memantau pelaksanaan pengurusan waf dengan lebih berkesan. Peraturan 31 (4) *The Sarawak Rivers (Traffic) Regulations*, 1993 menghendaki Lembaga menyediakan Daftar Waf Kerajaan Dan Persendirian manakala Peraturan 36 (1) menetapkan Daftar Kapal Yang Mempunyai Permit daripada Lembaga hendaklah disediakan. Selain itu, maklumat seperti profil waf, butiran penyelenggaraan waf, kos membaik pulih waf, penyesuaian antara rekod Lembaga dan JKR, statistik penggunaan waf dan laporan aduan akan direkod dan diselenggarakan dengan sempurna dan kemas kini supaya mudah diperolehi dan dirujuk apabila diperlukan.

25.1.7 Kaedah Pelaksanaan Pengurusan Waf

Kaedah pelaksanaan pengurusan waf meliputi aspek pengurusan kutipan hasil, penggunaan, keselamatan dan penyelenggaraan waf.

a) Pengurusan Kutipan Hasil

Hasil Lembaga antaranya terdiri daripada Sewa Waf, Caj Berlabuh dan Caj Permit Pengangkutan Sungai. Pengurusan kutipan hasil akan dibuat oleh Bahagian Riverine Dan Penguatkuasaan mengikut kadar yang ditetapkan dalam *Sarawak Rivers Traffic Regulations*, 1993 seperti di **Jadual 55**.

Jadual 55
Kadar Caj Yang Diluluskan

Kadar Caj Sewa Waf Kargo			
Jenis kapal (dalam tan)	Kadar Yuran Bertambat (RM)		
	Hari pertama	Hari kedua	Hari seterusnya
Kapal yang membawa muatan 50 tan ke bawah	10	15	25
Kapal yang membawa muatan 51 – 100 tan	15	25	35
Kapal yang membawa muatan 101 – 200 tan	25	40	55
Kapal yang membawa muatan 201 – 300 tan	55	75	100
Kapal yang membawa muatan melebihi 300 tan	70	90	120
Kadar Caj Sewa Waf Penumpang			
Jenis kapal (dalam tan)	Kadar Yuran Bertambat (RM)		
	Jam Pertama	Jam Kedua	Jam Seterusnya
Kapal 100 tan dan ke bawah	1.50	3	5
Kapal melebihi 100 tan	7	10	12
Kadar Caj Untuk Permit Pengangkutan Sungai			
Kapal (Tan)		Kadar Bayaran Setahun (RM)	
10 Tan ke bawah		5.00	
11 hingga 50 Tan		15.00	
51 hingga 100 Tan		30.00	
101 hingga 200 Tan		50.00	
201 hingga 300 Tan		80.00	
301 hingga 500 Tan		120.00	
Melebihi 500 Tan		160.00	

Sumber: Ordinan Sungai-Sungai 1993

b) Penggunaan Dan Keselamatan Waf

Lembaga akan menyediakan kemudahan seperti penghadang waf, *bollard*, bumbung, *railings* dan lampu di waf. Bahagian Riverine Dan Penguatkuasaan akan melaksanakan aktiviti penguatkuasaan untuk memastikan penggunaan serta keselamatan waf memenuhi peraturan yang ditetapkan.

c) Penyenggaraan Waf

Bahagian Trafik Dan Teknikal akan bertanggungjawab terhadap kerja pembaikan kecil seperti menukar lampu yang rosak dan mengecat. Untuk kerja membaiki pulih waf, Bahagian Trafik Dan Teknikal akan menilai laporan kerosakan dan menganggar kos penyenggaraan sebelum menyerahkan kepada pihak JKR untuk dilaksanakan. Manakala kerja pembersihan akan diserahkan kepada kontraktor untuk dilaksanakan. Pelantikan kontraktor akan dibuat secara panggilan sebut harga atau tender.

25.1.8 Keperluan Guna Tenaga Dan Latihan

a) Struktur Organisasi

Guna tenaga yang mencukupi dan terlatih membolehkan sesuatu aktiviti yang dijalankan dapat dilaksanakan dengan cekap. Sehingga tahun 2006, sebanyak 252

perjawatan telah diluluskan yang terdiri daripada 13 jawatan pengurusan dan profesional dan 239 jawatan kumpulan sokongan seperti di **Jadual 56**.

Jadual 56
Perjawatan Yang Diluluskan Pada Tahun 2006


Jawatan	Perjawatan	
	Dilulus	Diisi
Pegawai Tadbir Gred N54	1	1
Pegawai Tadbir Gred N52	3	3
Pegawai Tadbir Gred N48	1	1
Juruukur Bahan Gred J48	1	1
Pegawai Tadbir Gred N44	1	1
Pegawai Laut Gred A41	1	1
Jurutera Awam Gred J41	1	1
Pegawai Undang-Undang Gred L41	1	1
Pegawai Tadbir Gred N41	2	2
Pegawai Penguatkuasa Gred N41	1	1
Penolong Pegawai Tadbir Gred N32	3	3
Penolong Pegawai Penguatkuasa Gred N27	3	3
Penolong Pegawai Tadbir Gred N27	9	8
Pembantu Teknik Gred J29	1	1
Penolong Pegawai Laut Gred A29	1	1
Penolong Akauntan Gred W27	1	1
Merinyu Laut Gred A22	4	4
Pembantu Tadbir (P/O) Gred N22	1	1
Pembantu Penguatkuasa Gred N22	7	7
Pembantu Akauntan Gred W22	2	2
Serang Gred A22	1	0
Juruinjin Gred A22	2	1
Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) Gred N17	1	1
Pembantu Tadbir (P/O) Gred N17	10	10
Pembantu Penguat kuasa Gred N17	129	118
Merinyu Laut Gred A17	8	8
Juruteknik Gred J17	2	2
Pelukis Pelan Gred J17	1	1
Pembantu Akauntan Gred W17	6	6
Juruinjin Gred A17	1	0
Serang Gred A17	2	2
Pembantu Tadbir Rendah Gred N11	8	8
Pekerja Rendah Awam Gred R1	25	25
Kelasi/Jurumudi Gred A1	7	6
Pembantu Juruinjin, Juruinjin Laut Gred A1	4	3
Jumlah	252	235

Sumber: Rekod Lembaga Sungai-Sungai

Berdasarkan struktur pengurusan, Lembaga diketuai oleh seorang Pegawai Tadbir Gred N54 dan dibantu oleh 235 kakitangan. Lembaga dibahagikan kepada 5 Bahagian iaitu Bahagian Kewangan Dan Pentadbiran, Bahagian Riverine Dan Penguatkuasaan, Bahagian Trafik Dan Teknikal, Bahagian Perundangan dan Bahagian River Heritage. Bahagian Riverine Dan Penguatkuasaan serta Bahagian

Teknikal adalah terlibat secara langsung dengan aktiviti pengurusan waf. Struktur pengurusan Lembaga adalah seperti di **Carta 7**.

Carta 7
Struktur Pengurusan Lembaga



Sumber: Fail Lembaga Sungai-Sungai

b) Latihan

Bagi melaksanakan dan mengurus sesuatu aktiviti, kakitangan yang terlibat perlu diberi latihan dan kemahiran yang bersesuaian. Bagi tujuan tersebut Lembaga menyediakan program latihan sepanjang tahun meliputi kursus dalaman dan juga menghantar kakitangan bagi mengikuti kursus yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri dan pihak swasta.

25.1.9 Peruntukan Kewangan

Apabila sesuatu aktiviti hendak dilaksanakan, ia memerlukan peruntukan kewangan yang mencukupi supaya aktiviti yang dirancang dapat disempurnakan. Bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006, Lembaga telah memperuntukkan sejumlah RM35.45 juta untuk melaksanakan aktivitinya. Daripada jumlah tersebut sejumlah RM4.34 juta (12.2%) diperuntukkan untuk penyenggaraan waf. Butiran bajet serta peruntukan kos penyenggaraan waf adalah seperti di **Jadual 57** dan **58**.

Jadual 57
Bajet Dimohon oleh Lembaga Bagi Tempoh Tahun 2004 Hingga 2006

Tahun	Amaun Bajet Dimohon Oleh Lembaga (RM Juta)	Peruntukan Diberi Kepada Lembaga (RM Juta)	Peratus (%)
2004	10.69	12.31	115.6
2005	12.48	11.48	91.9
2006	12.28	12.59	102.5
Jumlah	35.45	36.38	

Sumber: Rekod Lembaga Sungai-Sungai

Jadual 58
Anggaran Kos Penyelenggaraan Waf Bagi Tempoh Tahun 2004 Hingga 2006

Tahun	Anggaran Lembaga (RM Juta)	Peruntukan Di Beri Kepada Lembaga (RM Juta)
2004	1.30	1.30
2005	1.30	1.30
2006	1.74	1.74
Jumlah	4.34	4.34

Sumber: Rekod Lembaga Sungai-Sungai

25.1.10 Kaedah Pemantauan

Setiap aktiviti yang akan dilaksanakan memerlukan kaedah pengawasan dan pemantauan yang sewajarnya oleh Lembaga agar aktiviti tersebut mematuhi peraturan dan rancangan yang ditetapkan. Oleh itu, pengawasan dan pemantauan yang rapi sangat penting bagi memastikan sesuatu aktiviti dilaksanakan dengan cekap dan sempurna mengikut rancangan yang ditetapkan. Antara kaedah pemantauan yang dilakukan oleh Lembaga adalah melalui mesyuarat pengurusan di pejabat Lembaga dan mesyuarat pagi di peringkat Wilayah. Selain itu, Lembaga akan menyediakan pelbagai laporan untuk tujuan penyeliaan dan pemantauan. Aduan daripada orang ramai juga merupakan mekanisme pemantauan Lembaga untuk menentukan keberkesanan pengurusan waf. Bagi tujuan tersebut, Lembaga menyelenggarakan Fail Aduan Pelanggan.

Pada pandangan Audit, perancangan Lembaga terhadap pengurusan waf adalah baik kerana Lembaga mempunyai peruntukan undang-undang dan peraturan serta mandat yang mencukupi bagi melaksanakan tanggungjawabnya. Bagaimanapun, dari segi perancangan terhadap pengurusan 83 waf yang meliputi penggunaan, penyelenggaraan dan keselamatan adalah tidak memadai.

25.2 PELAKSANAAN

Pelaksanaan kerja hendaklah dibuat dengan cekap sebagaimana dirancang untuk mencapai objektif yang ditetapkan. Di peringkat pengurusan waf, semakan Audit mendapati perkara seperti berikut :

25.2.1 Dasar Kerajaan Negeri

Dasar Kerajaan Negeri adalah untuk memberi kemudahan perkhidmatan waf khasnya kepada penduduk yang menggunakan sungai untuk perhubungan dan pengangkutan. Semakan Audit mendapati langkah Kerajaan menubuhkan Lembaga Sungai-Sungai Sarawak melalui Ordinan pada tahun 1993 adalah selaras dengan dasar yang ditetapkan. Kerajaan telah mewartakan 83 waf untuk dikendalikan oleh Lembaga.

Pada pendapat Audit, pelaksanaan aktiviti Lembaga adalah selaras dengan dasar yang ditetapkan.

25.2.2 Pelaksanaan Undang-Undang Dan Peraturan

Bagi pelaksanaan pengurusan waf, pematuhan kepada undang-undang dan peraturan yang berkaitan adalah diperlukan untuk menjamin kelicinan operasinya. Pemeriksaan Audit mendapati Lembaga mematuhi peruntukan dalam undang-undang dan peraturan yang berkaitan untuk menjalankan operasinya. Selain daripada mematuhi undang-undang dan peraturan tersebut, Lembaga juga mematuhi Arahan Perbendaharaan serta arahan dan pekeliling yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri.

Semakan Audit terhadap pelaksanaan *The Sarawak Rivers (Traffic) Regulations, 1993* yang telah dikeluarkan di bawah Seksyen 38, Ordinan 1993 mendapati peraturan ada memberi kuasa kepada Lembaga untuk mentadbir pembinaan waf baru dan juga waf yang sedia ada. Lembaga hendaklah mengeluarkan Sijil Kebenaran Penggunaan Waf (WAC) kepada pemilik waf baru dan sedia ada. Manakala bagi pemilik bot/kapal yang beroperasi di sungai di Sarawak perlu mendapatkan permit pengangkutan sungai yang dikeluarkan oleh Lembaga. Sebelum penubuhan Lembaga, semua waf hendaklah mendapatkan kebenaran daripada Jabatan Tanah Dan Survei sebelum beroperasi. Selepas penubuhan Lembaga pada tahun 1993, selain daripada kebenaran tersebut pemilik waf perlu juga mendapat WAC selaras dengan kehendak Peraturan 30 dan 31 *The Sarawak Rivers (Traffic) Regulations, 1993*.

Pemeriksaan Audit seterusnya mendapati Lembaga tidak mengawal operasi waf persendirian. Adalah didapati hanya 9 waf atau 1.2% daripada 772 waf persendirian memperoleh WAC. Temu bual Audit dengan pegawai Lembaga mendapati kebanyakan

waf persendirian yang telah lama beroperasi tidak mendapat kebenaran daripada Jabatan Tanah dan Survei untuk membolehkan mereka memohon WAC daripada Lembaga. Bagaimanapun, perundangan Lembaga tidak memberi kuasa kepada Lembaga untuk mengambil sebarang tindakan sekiranya sesebuah waf tidak mempunyai WAC. Peraturan 32 hanya memperuntukkan tindakan merobohkan waf hendaklah dilaksanakan sekiranya WAC yang telah diluluskan ditarik balik. Lembaga perlu mengkaji keperluan peruntukan perundangan terhadap waf persendirian yang tidak memiliki WAC tetapi melibatkan kepentingan awam.


Pada pendapat Audit, pelaksanaan pengurusan waf adalah selaras dengan undang-undang yang diperuntukkan. Bagaimanapun, pihak Audit berpendapat Lembaga perlu menyelesaikan isu kedudukan sebahagian besar waf persendirian yang tidak mempunyai WAC.

25.2.3 Garis Panduan

Lembaga menggunakan pelbagai Garis Panduan serta Arahan yang dikeluarkan untuk melaksanakan kerja. Semakan Audit mendapati proses kerja yang dikeluarkan oleh Bahagian Trafik Dan Teknikal adalah seperti Kerja Pemohonan *Wharf Authorisation Certificate*, Carta Aliran Kerja Membaik pulih Waf, Carta Aliran Kerja Menyedia, Mengurus Dan Menyenggara Bot, Carta Aliran Kerja Pembatalan *Wharf Authorisation Certificate* dan Proses Kerja Memantau Pelaksanaan Projek Pembangunan. Adalah didapati proses kerja yang ditetapkan adalah lengkap dan komprehensif. Proses kerja permohonan *Wharf Authorisation Certificate* dan Carta Aliran Kerja Membaik Pulih Waf adalah seperti di **Carta 8** dan **Carta 9**.


Carta 8

Aliran Kerja Permohonan Wharf Authorisation Certificate



Sumber : Rekod Lembaga Sungai-Sungai

Carta 9
Carta Aliran Kerja Membaik Pulih Waf Lembaga Sungai-Sungai Sarawak



Sumber : Rekod Lembaga Sungai-Sungai

Semakan Audit mendapati carta aliran/proses kerja untuk kerja penguatkuasaan belum disediakan. Carta ini penting bagi memastikan kapal mempunyai permit, memastikan jaket keselamatan mencukupi dan muatan tidak berlebihan, kapal berlayar mengikut jadual dan menentukan waf sentiasa dalam keadaan selamat. Lembaga disyorkan untuk mendokumenkan proses kerja bagi kerja tersebut.

Pihak Audit berpendapat dari segi pematuhan terhadap penggunaan garis panduan adalah memuaskan kerana proses kerja membaik pulih waf dan pengeluaran WAC telah dipatuhi sepenuhnya.

25.2.4 Sasaran Pengurusan Waf

Bagi memenuhi hasrat Kerajaan Negeri untuk menyediakan kemudahan perhubungan kepada penduduknya, Kerajaan telah mengambil langkah untuk membina waf baru. Prestasi pembinaan waf baru adalah seperti di **Jadual 59**.

Jadual 59
Kedudukan Pembinaan Waf Baru

Lokasi	Kos (RM Juta)	Status
Terminal Penumpang Kuching	6.50	30% siap
Terminal Penumpang Sebuyau	1.60	Tender dibuat semula pada bulan Mac 2006
Terminal Penumpang Kapit	1.30	Peringkat reka bentuk
Terminal Penumpang Lidong Sri Aman	1.50	Tender dibuat semula pada bulan Mac 2006
Terminal Penumpang Mangut, Betong	1.50	Pembinaan dimulakan pada bulan Mei 2006
Terminal Penumpang Marudi, Baram	2.30	Peringkat reka bentuk

Sumber: Rekod Lembaga Sungai-Sungai Sarawak

Di samping membina waf baru, Lembaga juga mengendalikan waf yang sedia ada. Semakan Audit mendapati Lembaga tidak mempunyai perancangan penyenggaraan yang berjadual untuk menyenggara 83 waf yang dimilikinya. Penyenggaraan yang berjadual adalah perlu bagi memastikan waf dalam keadaan baik dan sempurna.

Pada pendapat Audit, Lembaga didapati proaktif kerana mengambil kira keperluan awam dengan membina waf baru sungguhpun telah memiliki 83 waf sedia ada. Bagaimanapun, penyenggaraan yang berjadual untuk kesemua waf milik Lembaga belum disediakan.

25.2.5 Pelaksanaan Komponen Pengurusan Waf

a) Pembinaan Waf

Projek pembinaan waf dilaksanakan oleh JKR. Untuk tujuan pemantauan, Bahagian Trafik Dan Teknikal menyediakan laporan fizikal dan laporan kewangan suku tahunan untuk dikemukakan kepada Unit Pelaksanaan Dan Pemantauan Negeri (SIMU). Laporan tersebut juga dikemukakan kepada setiap Wilayah dan Pejabat Residen untuk tujuan makluman dan pemantauan.

i) Terminal Penumpang Pending

Pembinaan Terminal Penumpang Pending yang bernilai RM5.29 juta dijalankan oleh kontraktor yang dilantik oleh JKR. Projek ini telah siap 30% dan dijangka siap sepenuhnya pada akhir tahun 2007. Mengikut Peraturan 29, *The Sarawak Rivers (Traffic) Regulations, 1993 no wharf may be built, constructed or erected on or abutting any river except on plans approved by the Controller and authorised by the Board*. Semakan Audit mendapati kelulusan pembinaan waf tidak diperolehi daripada Lembaga terlebih dahulu sebelum pembinaan dijalankan.

ii) Menaiktaraf Sibu Wharf, Old Bazaar Di Kapit

Peruntukan untuk menaik taraf terminal penumpang Sibu Wharf, Old Bazaar di Kapit bernilai RM1.30 juta telah diluluskan dalam RMKe 8. Bagaimanapun, lawatan Audit pada bulan Ogos 2006 mendapati terminal tersebut belum dinaiktarafkan. Memandangkan waf tersebut merupakan waf penumpang utama di Kapit, kerja menaik taraf akan memberi lebih keselesaan dan kemajuan sosial kepada sebahagian besar penduduk di Kapit. Kesesakan juga diperhatikan di New Bazaar Wharf Kapit yang terletak 200 meter dari Sibu Wharf, Old Bazaar. Banyak kapal bertambat dan bersusun antara satu sama lain hingga ke tengah sungai yang menyebabkan laluan trafik sungai menjadi sempit. Selain itu, adalah didapati ruang tidak mencukupi untuk perahu atau bot kecil yang datang dari kawasan pedalaman untuk singgah. Keadaan kesesakan ini adalah seperti di **Foto 51** hingga **53**.

Foto 51
Trafik Penumpang Di Waf



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak
Tarikh : 24 Ogos 2006
Lokasi: Sibu Wharf, Old Bazaar, Kapit

Foto 52
Kesesakan Di Waf New Bazaar Kapit



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak
Tarikh : 24 Ogos 2006
Lokasi: Waf New Bazaar, Kapit

Foto 53
Bot Bertambat Di Merata Tempat



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak
Tarikh: 24 Ogos 2006
Lokasi: Di Antara Waf Belaga Dan Waf New Bazaar Kapit

Pada pendapat Audit, keadaan Terminal Penumpang Sibul Wharf Old Bazaar adalah sesak, projek menaik taraf Terminal Penumpang Sibul Wharf Old Bazaar hendaklah dipercepatkan bagi membantu menangani kesesakan di kawasan Kapit.

b) Operasi Harian Di Waf

Operasi harian di waf meliputi kerja penguatkuasaan seperti kuasa menyiasat, memeriksa, mengkompaun dan mendakwa mana-mana kapal yang tidak mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan. Lawatan ke waf tertentu mendapati Pembantu Penguatkuasa membuat pemeriksaan terhadap permit kapal yang bertambat di waf, mengutip sewa waf, membuat laporan berkenaan dan memastikan kelicinan aliran kargo dan penumpang di waf. Semakan Audit terhadap rekod mendapati penguatkuasaan dipertingkatkan terutama di musim perayaan bagi menjaga keselamatan pengguna kerana pada musim perayaan pengusaha bot cenderung melanggar undang-undang dengan membawa muatan berlebihan. Semakan Audit seterusnya mendapati tiada berlakunya kemalangan seperti pelanggaran bot atau kecederaan pengguna semasa menggunakan waf sepanjang tempoh dari tahun 2004 hingga 2006.

Pada pendapat Audit, penguatkuasaan yang dilaksanakan bagi memastikan keselamatan pengguna di waf adalah memuaskan.

c) Kerja Penyelenggaraan Waf

i) Penyelenggaraan Waf

Lembaga membuat penilaian terhadap kerosakan yang dilaporkan oleh kakitangan ataupun pengguna dan kemudiannya menyerahkan keperluan untuk penyelenggaraan kepada JKR. Semakan Audit mendapati kerja penyelenggaraan telah dilaksanakan tetapi pihak Audit tidak dapat memastikan kekerapan serta kesempurnaan penyelenggaraan dan tempoh tindakan pembetulan telah diambil. Ini adalah disebabkan jadual penyelenggaraan tidak disediakan untuk memastikan waf sentiasa dalam keadaan baik dan selamat digunakan. Tidak ada program penyelenggaraan yang khusus telah dibuat bagi memastikan 83 waf sentiasa dalam keadaan baik dan selamat. Akibatnya peruntukan yang diterima bagi penyelenggaraan waf adalah sedikit iaitu secara puratanya lebih kurang RM15,000 bagi setiap waf.

Pada pendapat Audit, aspek penyelenggaraan waf yang dimiliki oleh Lembaga adalah kurang memuaskan.

ii) Penyelenggaraan Bot

Bagi memastikan Lembaga dapat memantau kesempurnaan operasi waf, Lembaga perlu mempunyai bot laju yang sesuai dan boleh digunakan. Sehingga tahun 2006, Lembaga mempunyai 8 buah bot laju untuk tujuan tersebut. Daripada jumlah 8 bot tersebut, tiga bot masih rosak dan tidak dapat digunakan pada akhir tahun 2006. Semakan Audit terhadap rekod mendapati sebuah bot telah berusia 10 tahun, enam bot berusia 7 tahun dan sebuah bot berusia 2 tahun. Analisis Audit terhadap rekod penyelenggaraan bot tahun 2006 mendapati purata kekerapan kerosakan bot adalah 2 kali setahun dan masa yang diambil untuk membaiki bot tersebut adalah antara 2 hingga 139 hari seperti di **Jadual 60**.

Jadual 60
Tempoh Masa Yang Diambil Untuk Membaiki Bot

No. Siri Bot (Tahun diperolehi)	Lokasi	Jenis Kerosakan	Tarikh Laporan Kerosakan	Tarikh Bot Siap Dibaiki	Masa Siap Baik Pulih (Hari)	Kos (RM)
SRB 8 (2003)	Kuching	Enjin	30.08.2004	04.09.2004	5	6,115
		Enjin	21.09.2004	10.12.2004	49	10,577
		Badan bot (rosak akibat melanggar Waf Lorna Doone)	03.08.2006	05.09.2006	33	6,690
SRB 1 (2001)	Sibu	Enjin	30.03.2006	17.04.2006	18	15,661
		Enjin	14.07.2006	25.07.2006	13	2,090
		Docking	06.04.2006	05.05.2006	29	22,882
SRB 6 (2003)	Sibu	Enjin	05.09.2005	27.09.2005	12	2,262
		Enjin	09.02.2006	02.03.2006	21	3,003
SRB 3 * (2001)	Tg. Manis	Enjin	16.06.2004	16.07.2004	30	8,836
		Enjin	20.01.2006	19.03.2006	60	30,566
		Docking	20.06.2006	09.11.2006	139	38,675
SRB 4 (2001)	Miri	Enjin	07.02.2006	10.03.2006	31	3,989
SRB 2* (2001)	Miri	Enjin	26.07.2005	01.08.2006	5	758
		Enjin	08.12.2005	14.12.2005	5	1,545
		Badan Bot (3 lubang)	15.06.2006	-	-	-
		Kehilangan Cover Kaki Enjin	27.11.2006	-	-	10,450 (anggaran)
SRB 5* (2001)	Bintulu	Enjin	23.04.2004	30.04.2004	7	4,228
		Enjin	22.06.2004	29.06.2004	7	2,126
		Enjin	15.07.2004	15.08.2004	30	8,990
		Enjin	28.08.2004	30.08.2004	2	973
		Enjin	03.07.2006	-	-	37,900 (anggaran)
SILAS (1997)	Tatau	Enjin dan Badan	17.02.2006	-	-	Belum diluluskan oleh Ibu Pejabat

Sumber: Rekod Lembaga Sungai-Sungai

Nota: * Bot masih dalam keadaan rosak

Lembaga perlu mengkaji sebab kekerapan kerosakan dan kesesuaian bot yang sedia ada. Kekurangan logistik penguatkuasaan seperti bot amat serius dan boleh menjejaskan kelicinan penguatkuasaan harian kerana kebanyakan operasi Lembaga melibatkan sungai. Semakan Audit mendapati Lembaga meminjam bot daripada Jabatan lain untuk mengatasi kekurangan bot pada masa kecemasan. Adalah didapati Lembaga telah memohon 3 bot tambahan dengan kos sejumlah RM5 juta di bawah RMKe-9. Bagaimanapun, permohonan tersebut tidak diluluskan.

Pada pendapat Audit, Lembaga tidak dapat menjalankan fungsinya dengan sempurna kerana hanya memiliki 8 bot untuk mengawal 83 waf Lembaga dan 772 waf persendirian. Tambahan pula 3 daripada 8 bot tersebut rosak dan belum dibaiki kerana kekurangan peruntukan.

25.2.6 Penyelenggaraan Rekod Dan Fail

Rekod yang diselenggarakan oleh Lembaga antaranya Daftar Waf Yang Diluluskan Oleh Lembaga, Fail Sijil Kebenaran Penggunaan Waf, Daftar Penyata Bil Sewa Waf, Fail Membaik Pulih Waf dan Fail Statistik Penggunaan Waf. Semakan Audit terhadap rekod dan fail mendapati perkara berikut :

a) Daftar Waf Yang Diluluskan Oleh Lembaga

Peraturan 31(4), *The Sarawak Rivers (Traffic) Regulations 1993* menetapkan *Controller* perlu menyelenggarakan daftar yang mengandungi butiran waf Kerajaan dan persendirian yang diluluskan oleh Lembaga. Daftar yang diselenggarakan adalah dalam format *Form C* dan maklumat diperlukan adalah Nama Pemilik Waf, Lokasi Waf, Deskripsi Tanah, Tempoh Kebenaran Mengguna Waf (sekira ada), Jenis Kapal Yang Boleh Bertambat Di Waf dan Penggunaan Waf. Semakan Audit mendapati Lembaga ada menyelenggarakan Daftar tersebut tetapi hanya 9 atau 1.2% daripada sejumlah 772 waf persendirian direkodkan dalam Daftar tersebut. Oleh kerana baki 763 waf persendirian tersebut tidak mendapat kelulusan Jabatan Tanah Dan Survei terlebih dahulu sebagai syarat utama, maka Lembaga tidak dapat mengeluarkan kelulusan terhadap waf tersebut. Adalah didapati juga Lembaga dengan kerjasama Jabatan Tanah Dan Survei dan Peguam Besar Negeri sedang dalam proses untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap waf persendirian yang tidak diluluskan.

b) Daftar Waf Yang Diselenggarakan Oleh JKR

JKR menyelenggara Daftar Waf untuk setiap waf dan daftar tersebut adalah bagi merekodkan segala maklumat asas seperti tarikh pembinaan, tujuan pembinaan, kos pembinaan, plan tapak waf, Paras Dasar Sungai (River Bed Level), Paras Banjir Maksimum (Maximum Flood Level), reka bentuk serta keupayaan waf (berthing capacity). Daftar ini juga merupakan sumber rujukan utama dan boleh memudahkan Lembaga menyelia serta memantau pengurusan wafnya dengan cekap dan berkesan. Semakan Audit mendapati hanya 15 Daftar Waf daripada 33 waf dilawati telah dikemukakan oleh JKR kepada Lembaga. Semakan Audit seterusnya mendapati Lembaga masih dalam proses mendapatkan semua Daftar Waf daripada pihak JKR.

c) Laporan Penyelenggaraan Waf Daripada JKR

Kerja membaik pulih atau penyelenggaraan waf dilakukan oleh pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) atas permintaan pihak Lembaga. Bagi tujuan tersebut, Lembaga menyerahkan peruntukan penyelenggaraan waf tahunan kepada JKR. Semakan

Audit mendapati JKR tidak menghantar laporan lengkap mengenai penggunaan peruntukan dan kerja penyenggaraan yang telah dilaksanakan. Oleh itu, pihak Lembaga tidak dapat menyelaraskan peruntukan dengan perbelanjaan sebenar dan kegagalan JKR mengemukakan laporan terperinci mengenai perbelanjaan sebenar menyukarkan Lembaga dalam tindakan pemantauan terhadap waf berkenaan. Lembaga wajar menyediakan laporan penyesuaian mengenai peruntukan tahunan yang diagihkan kepada JKR untuk memudahkan rujukan dan pemantauan.

d) Penyata Penyesuaian Daftar Penyata Bil Sewa Waf (Daftar PBSW) Dan Rekod Statistik Penggunaan Waf

Daftar PBSW disediakan oleh Seksyen Akaun untuk merekodkan jumlah bil dikeluarkan manakala Rekod Statistik Penggunaan Waf disediakan oleh pihak penguatkuasaan untuk tujuan yang sama. Semakan Audit terhadap rekod ini mendapati jumlah bil waf yang dikeluarkan di dalam Daftar PBSW berbeza dengan jumlah yang direkodkan dalam Rekod Statistik Penggunaan Waf. Perbezaan yang melebihi RM500 adalah seperti di **Jadual 61**.

Jadual 61
Perbezaan Jumlah Bil Sewa Waf Di Antara
Daftar PBSW Dan Rekod Statistik Penggunaan Waf

Tahun	Nama Waf	Daftar PBSW (RM)	Rekod Statistik Penggunaan Waf (RM)	Perbezaan (RM)
2004	Waf Temple Street	13,015	10,155	2,860
	Waf Burung Apu	15,425	14,780	645
	R.C.Commercial Wharf, Bintulu	49,490	48,900	590
	R.C. Boat Ramp, Bintulu,			
	R.C.BDA Pasar Uama, R.C. JKR KIE, R.C.BDA KIE			
2005	Waf Temple Street	13,075	6,625	6,450
2006 (sehingga Julai)	Waf Temple Street	7,975	3,650	4,325
	R.C.Commercial Wharf, Bintulu	14,335	15,590	1,255

Sumber: Rekod Lembaga Sungai-Sungai

Adalah disyorkan supaya penyesuaian dibuat antara kedua rekod ini agar kawalan terhadap hasil lebih sempurna.

Pada pendapat Audit, penyelenggaraan rekod Lembaga adalah kurang memuaskan kerana pangkalan data waf milik Lembaga belum lengkap dan penyesuaian rekod penyenggaraan antara Jabatan Kerja Raya dan Lembaga belum dikemaskinikan. Selain itu, penyesuaian bil dikeluarkan tidak dibuat antara Daftar Penyata Bil Sewa Waf dan Rekod Statistik Penggunaan waf.

25.2.7 Pelaksanaan Aktiviti Pengurusan Waf

a) Pengurusan Hasil

Hasil Lembaga adalah terdiri daripada Sewa Waf (*Wharf Fees*), Caj Berlabuh (*Anchorage Fees*), Caj Permit Pengangkutan Sungai (*Riverine Transport Permit*) dan Caj Pemeriksaan. Pada tahun 2004, Lembaga mengutip hasil sejumlah RM1.03 juta. Manakala sejumlah RM1.14 juta dikutip pada tahun 2005. Setakat Jun 2006, sejumlah RM581,928 telah dikutip. Pada tahun 2004 hingga 2006 jumlah kutipan sewa waf di 3 wilayah adalah seperti di **Jadual 62**.

Jadual 62
Kutipan Sewa Waf Bagi Tahun 2004 Hingga 2006

Kawasan	Tahun			Jumlah
	2004 (RM)	2005 (RM)	2006 (sehingga Jun) (RM)	
Wilayah I	29,080	35,193	19,185	83,458
Wilayah II	248,187	218,954	97,377	564,518
Wilayah III	156,601	115,789	58,178	330,568
Jumlah	433,868	369,936	174,740	978,544

Sumber: Fail Lembaga Sungai-Sungai

i) Sistem Kutipan Sewa Waf

Sewa waf dikutip oleh Pembantu Penguatkuasa secara manual. Penempatan Pembantu Penguatkuasa di waf dibuat secara bergilir. Lawatan Audit ke waf yang dipilih mendapati hanya seorang Pembantu Penguatkuasa bertugas di waf tertentu pada sesuatu masa. Pihak Audit difahamkan waf yang tidak aktif tidak ditempatkan dengan Pembantu Penguatkuasa kerana tidak setimpal dengan kos. Walaupun begitu, lawatan mengejut ada dibuat dari semasa ke semasa. Bil waf dikeluarkan secara manual oleh Pembantu Penguatkuasa yang bertugas. Resit akan dikeluarkan secara manual oleh Pembantu Penguatkuasa yang bertugas sekiranya bayaran dibuat pada masa bil dikeluarkan. Pemeriksaan Audit mendapati sistem kutipan yang diguna pakai adalah longgar kerana tidak ada bukti resit yang dikeluarkan bersamaan dengan keluar masuk kapal/bot kerana rekod tidak disimpan. Lembaga perlu mengkaji sistem kutipan sewa waf supaya tidak berisiko tinggi dan lebih terkawal seperti sistem kupon.

ii) Tunggakan Sewa Waf

Lembaga mengeluarkan invoice pada hujung bulan sekiranya bil sewa waf yang dikeluarkan tidak dibayar terus. Invoice tersebut hanya dikeluarkan sekali kepada pengusaha. Sekiranya pengusaha bot masih tidak membayarnya, Lembaga akan membuat susulan dengan panggilan telefon. Adalah didapati

Lembaga tidak mengenakan sebarang penalti terhadap bil yang lewat atau tidak dibayar. Invois yang tidak dibayar menjadi tunggakan hasil Lembaga. Semakan Audit mendapati Lembaga mempunyai keseluruhan tunggakan hasil bernilai RM396,581 daripada tahun 1994 hingga bulan November 2006. Butiran tunggakan adalah seperti di **Jadual 63**.

Jadual 63
Tunggakan Hasil

Tempoh	Amaun (RM)
Kurang daripada 1 tahun	20,089
1 hingga 2 tahun	55,968
Lebih 2 hingga 5 tahun	61,114
Lebih daripada 5 tahun	259,410
Jumlah	396,581

Sumber: Fail Lembaga Sungai-Sungai

Semakan Audit seterusnya mendapati Lembaga ada membuat panggilan telefon dan mengeluarkan surat peringatan. Pihak Audit juga difahamkan Lembaga menghadapi masalah mengesan tuan punya kapal bagi kes lama. Lembaga perlu mengkaji sistem yang diguna pakai oleh Jabatan lain yang mempunyai fungsi yang sama dan mengkaji sama ada peruntukan denda diperlukan untuk mengatasi masalah ini.

Pada pendapat Audit sistem kutipan sewa waf adalah longgar dan terdedah kepada risiko yang tinggi. Dengan itu, kutipan hasil Lembaga adalah tidak mencapai tahap pungutan yang sepatutnya.

b) Penggunaan Waf

83 waf Lembaga adalah terdiri daripada 25 waf penumpang dan 58 waf kargo. Lawatan Audit ke 11 waf penumpang dan 22 waf kargo mendapati perkara berikut :

i) Kesesuaian/Keupayaan Reka Bentuk Waf

Keupayaan dan kesesuaian reka bentuk waf hendaklah selari dengan tujuan supaya waf dapat digunakan dengan sempurna.

- **Terminal Penumpang Sibu**

Terminal Penumpang Sibu mula beroperasi pada tahun 2004. Lawatan Audit ke Terminal tersebut mendapati reka bentuk adalah bersesuaian dengan objektif waf dibina. Kemudahan seperti tempat menunggu, tempat duduk, tandas, *railings* dan kantin ada disediakan untuk keselesaan pengguna. Pemeriksaan Audit juga mendapati tapak pejabat Lembaga di

terminal tersebut dipasang dengan alat CCTV yang memantau kawasan sejauh 1 kilometer daripada terminal tersebut. Adalah didapati terminal disenggarakan dengan baik dan teratur dengan tiada kesesakan walaupun bot penumpang berpusat di sini. Temu bual dengan pemilik bot ekpress dan pengguna secara rambang pada masa lawatan mendapati mereka berpuas hati dengan kemudahan yang disediakan dan sistem penyampaian yang sedia ada. *Railings* yang dipasang adalah seperti di **Foto 54** dan keadaan bersih di terminal tersebut adalah seperti di **Foto 55**.

Foto 54
Railings Yang Dipasang Untuk Keselamatan



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak
Tarikh: 24 Ogos 2006
Lokasi: Terminal Penumpang Sibu

Foto 55
Tempat Menunggu Yang Bersih



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak
Tarikh: 24 Ogos 2006
Lokasi: Terminal Penumpang Sibu

- **Waf New Bazaar Kapit**

Lawatan Audit ke Waf New Bazaar di Kapit mendapati reka bentuk waf adalah tidak sesuai untuk aktiviti memuat dan memunggah kargo. Laluan ke waf adalah sempit dan hanya boleh dilalui oleh sebuah kenderaan sahaja. Lembaga telah membina tiang penghadang bagi mengelakkan kenderaan daripada memasuki waf. Pada masa kini, waf tersebut hanya digunakan untuk persinggahan sementara sahaja. Keadaan fizikal waf tersebut adalah seperti di **Foto 56**.

Foto 56
Waf New Bazaar Kapit Yang
Tidak Sesuai Untuk Aktiviti Pemunggahan Kargo



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak
Tarikh: 24 Ogos 2006
Lokasi: Waf New Bazaar, Kapit

- **Waf Beleteh**

Waf Beleteh digunakan untuk memunggah kargo seperti pasir dan batubatan. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada waf tersebut berkeupayaan untuk memunggah kargo. Lembaga hendaklah mengambil perhatian terhadap keupayaan waf yang sesuai untuk menanggung beban aktiviti berat. Aktiviti pemunggahan batu di Waf Beleteh adalah seperti di **Foto 57**.

Foto 57
Aktiviti Pemunggahan Batu Dari Kapal Ke Lori



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak
Tarikh: 24 Ogos 2006
Lokasi: Waf Beleteh, Kapit

- **Waf Lembaga Kemajuan Bintulu (BDA), Estet Perindustrian Kemena, Bintulu**

Lawatan ke waf BDA di Kemena, Bintulu mendapati waf digunakan untuk memunggah kayu balak. Waf tersebut dalam keadaan yang tidak teratur kerana dipenuhi dengan longgokan kayu balak seperti di **Foto 58** dan **Foto 59**.

Foto 58
Longgokan Kayu Balak Di Atas Waf Menjejaskan Operasi Waf



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak
Tarikh : 19 Disember 2006
Lokasi : Waf BDA, Estet Perindustrian Kemena, Bintulu

Foto 59
Kulit Kayu Balak Yang Sudah Reput Di Atas Waf



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak
Tarikh : 19 Disember 2006
Lokasi : Waf BDA, Estet Perindustrian Kemena, Bintulu

Lembaga perlu memberi perhatian kepada kebersihan dan keupayaan tapak waf memandangkan waf dipenuhi dengan kayu balak dan sangat kotor semasa lawatan Audit.

Pada pendapat Audit, reka bentuk waf adalah selaras dengan objektif penggunaan waf.

ii) Waf Tidak Digunakan Dan Terbiar

Lawatan Audit ke 12 waf penumpang mendapati 2 waf telah dirobohkan dan 4 waf tidak digunakan lagi dan terbiar. Semakan Audit mendapati 6 waf tersebut masih dalam senarai waf yang diwartakan. Empat waf yang tidak digunakan dan terbiar tersebut adalah Waf Ekspres Bintawa, Waf Ekspres Kuala Baram, Ferry Ramp, Kuala Baram dan Waf Ekspres Belian, Tatau.

- **Waf Ekspres Bintawa**

Waf Bintawa diwartakan sebagai Waf Ekspres Penumpang pada tahun 1993. Pada bulan Jun 2002 operasi di Waf Bintawa diberhentikan kerana pada ketika itu *shiplock* di baraj (pintu air) selalu mengalami kerosakan yang mengakibatkan operasi baraj tergendala dan menjejaskan perjalanan bot ekspres. Selain daripada itu, aduan daripada orang awam dan pengusaha bot ekspres juga telah diterima mengenai kelambatan menggunakan baraj yang mana telah memanjangkan waktu perjalanan.

Oleh itu, operasi harian telah dipindah ke waf sementara di Muara Tabuan di bawah bidang kuasa pihak Majlis Bandaraya Kuching Selatan selepas persetujuan diperolehi daripada mereka. Pada 24 Oktober 2005 Kementerian Pembangunan Infrastruktur dan Perhubungan telah memindahkan Waf Ekspres Sementara Muara Tabuan ke Pontoon Ro-Ro Lembaga Pelabuhan Kuching di Pending. Kemudahan Pontoon Ro-Ro tersebut dahulu telah digunakan oleh Feri Malaysia yang telah lama dibiarkan tanpa digunakan.

Semakan Audit mendapati Waf Ekspres Bintawa telah terbiar semenjak tahun 2002. Waf ini masih diwartakan sebagai waf penumpang. Keadaan persekitaran Waf Bintawa yang terbiar adalah seperti di **Foto 60** dan **Foto 61**.

Foto 60
Persekitaran Waf Ekspres Bintawa
Yang Terbiar



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak
Tarikh : 6 Ogos 2006
Lokasi : Waf Ekspres Bintawa, Kuching

Foto 61
Persekitaran Waf Ekspres Bintawa
Yang Terbiar



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak
Tarikh : 6 Ogos 2006
Lokasi : Waf Ekspres Bintawa, Kuching

- **Waf Ekspres, Kuala Baram, Miri**

Waf Ekspres di Kuala Baram adalah sebuah waf penumpang yang dahulunya digunakan untuk persinggahan dan mengambil penumpang. Waf Ekspres Kuala Baram tidak digunakan lagi sejak Disember 2003 kerana pengusaha bot ekspres telah memindahkan operasi mereka ke waf ekspres milik Syarikat Woodville yang terletak berdekatan dengan Jambatan ASEAN. Waf persendirian ini lebih dekat jaraknya dari Marudi dan tidak mengenakan sebarang caj penggunaan untuk semua bot ekspres.

Lawatan Audit mendapati waf tidak digunakan dan disenggara lagi. Adalah didapati bumbung di bahagian depan waf tersebut telah hilang seperti di **Foto 62**.

Foto 62
Bumbung Waf Yang Hilang



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak

Tarikh : 8 November 2006

Lokasi: Waf Ekpress, Kuala Baram

- **Ferry Ramp, Kuala Baram**

Ferry Ramp terletak berdekatan dengan R.C. Waf di Kuala Baram. *Ramp* tersebut digunakan oleh feri yang memberi kemudahan kepada kenderaan yang menyeberangi Sungai Baram. Perkhidmatan feri tidak digunakan lagi sejak Jambatan ASEAN beroperasi pada Disember 2003. Lawatan Audit ke tapak tersebut mendapati beberapa kapal bertambat di kawasan *Ferry Ramp* seperti di **Foto 63** dan **64**.

Foto 63
Kapal Bertambat Di *Ferry Ramp*



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak
Tarikh : 8 November 2006
Lokasi : Ferry Ramp, Kuala Baram

- **Waf Ekspres Belian, Pekan Lama, Tatau**

Pihak Audit difahamkan bahawa Waf Ekspres Belian Tatau tidak digunakan sejak 10 tahun lalu. Lawatan Audit mendapati keadaan struktur dan lantai waf telah rosak teruk dan kedudukan waf tersebut amat merbahaya. Adalah didapati sebuah rumah pondok yang dahulunya bilik operasi waf telah dijadikan rumah kediaman dan mungkin akan mengundang bahaya seperti di **Foto 64**.

Foto 64
Pondok Yang Didirikan Di Sebelah Waf Ekspres Belian Tatau



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak
Tarikh : 19 Disember 2006
Lokasi : Waf Ekspres Belian, Tatau

Pada pendapat Audit waf yang boleh digunakan tetapi terbiar boleh merugikan Kerajaan kerana ia lebih terdedah kepada aktiviti vandalisme serta kadar kemerosotan lebih tinggi berbanding dengan waf yang selalu dipantau.

iii) Kerosakan Kemudahan Di Waf

- **Waf Bunker Dan Lorna Doone**

Waf Bunker Dan Lorna Doone terletak di tebingan sungai di tengah Bandaraya Kuching dan waf tersebut digunakan oleh kapal yang menjalankan pengangkutan kargo di kawasan pesisiran. Kelengkapan yang terdapat di waf tersebut adalah 2 buah *bollard* dan pengadang. Semakan Audit mendapati sebahagian struktur pengadang waf tersebut telah rosak seperti di **Foto 65**.

Foto 65
Struktur Pengadang Waf Yang Rosak



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak
Tarikh: 18 Julai 2006
Lokasi: Waf Bunker Dan Lorna Doone

Kedudukan struktur pengadang yang rosak akan menjadikan waf tidak selamat dan berbahaya jika kapal bertambat di tepi waf. Penyelenggaraan bagi menjamin keselamatan kapal dan keseluruhan struktur waf tersebut perlu diambil tindakan segera.

- ***R.C. Commercial Wharf, Tatau***

Penilaian terhadap aspek keselamatan waf seperti keupayaan, keteguhan dan ketahanan waf adalah penting untuk menjamin keselamatan pengguna waf dan mengelakkan daripada berlakunya perkara yang tidak diingini.

Lawatan ke waf *R.C. Commercial* di Tatau mendapati struktur pengadang waf tersebut telah rosak. Keadaan ini akan merosakkan waf jika kapal bertambat di situ. Pengadang rosak adalah seperti di **Foto 66**.

Foto 66
Struktur Pengadang Waf Telah Rosak



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak
Tarikh : 19 Disember 2006
Lokasi : R.C. Commercial Wharf, Tatau

- **Waf JKR, Estet Perindustrian Kemena, Bintulu**

Lawatan ke Waf JKR di Kawasan Perindustrian Kemena mendapati kerosakan pada *bollard* dan *kerb*. Perkara ini akan menyebabkan kerosakan waf semakin teruk. Kerosakan tersebut adalah seperti di **Foto 67** dan **Foto 68**.

Foto 67
Bollard Dan Kerb Yang Sudah Rosak



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak
Tarikh : 19 Disember 2006
Lokasi : Waf JKR, Kemena

Foto 68
Bollard Dan Kerb Yang Rosak



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak
Tarikh : 19 Disember 2006
Lokasi : Waf JKR, Kemena

- **Terminal Sejingkat**

Pada 30 April 2002, Kerajaan Negeri melalui Kementerian Pembangunan Infrastruktur dan Perhubungan telah bersetuju menyerahkan pemilikan Terminal Sejingkat daripada Kementerian Pembangunan Industri kepada Lembaga. Terminal Sejingkat mempunyai beberapa kemudahan bagi mengendalikan kapal dan kargo seperti waf konkrit, *fender* dan *bollard*, *transit shed*, *open storage area* serta 2 buah bangunan pejabat. Mengikut perjanjian yang dimeterai pada 15 Mac 2004, Lembaga Pelabuhan Kuching bertanggungjawab terhadap pengurusan operasi terminal manakala Lembaga Sungai-Sungai Sarawak bertanggungjawab terhadap penyenggaraan waf.

Kerb Pecah

Kerb adalah salah satu daripada struktur keselamatan waf yang digunakan sebagai pengadang atau penahan di tepi waf. Walaupun ianya bukanlah merupakan struktur yang penting kepada waf, ianya boleh digunakan sebagai salah satu langkah keselamatan kepada aktiviti pengendalian kargo. Pemeriksaan Audit ke tapak Terminal Sejingkat mendapati *kerb* di sebelah kiri waf telah pecah dan tidak dibaiki dan dijaga dengan sempurna seperti di **Foto 69**.

Foto 69
Kerb Pecah Yang Tidak Dibaiki Boleh
Menyebabkan Kerosakan Bertambah



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak
Tarikh: 19 Julai 2006
Lokasi: Terminal Sejingkat

Sekiranya *kerb* atau struktur waf yang lain tidak dibaiki dengan segera adalah dikhuatiri ianya akan menyebabkan kerosakan bertambah dan seterusnya menjejaskan aktiviti pengendalian kargo.

Kawasan Simpanan Terbuka, Sejingkat

Kawasan simpanan terbuka adalah merupakan suatu kawasan lapang terbuka yang digunakan untuk menyimpan kargo am seperti kayu, arang batu, tanah dan lain-lain secara sementara sebelum ianya dipindahkan ke kapal atau lori. Pemeriksaan Audit mendapati kedua-dua kawasan tersebut telah mendap dan ditakungi air sehingga sedalam 2 meter seperti di **Foto 70**.

Foto 70
Kawasan Simpanan Barangan Yang
Mendap Dan Ditakungi Air Sedalam 2 Meter



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak
Tarikh : 19 Julai 2006
Lokasi: Open Yard Terminal Sejingkat

Semakan Audit mendapati Lembaga Pelabuhan Kuching membenarkan kargo yang berat seperti tanah liat disimpan di kawasan tersebut. Penyimpanan tanah liat di kawasan barangan tersebut telah menyebabkan mendapan berlaku sejak awal tahun 2005. Semakan Audit seterusnya mendapati Lembaga sedang mengambil tindakan untuk membaiki kawasan tersebut dengan anggaran kos pembaikan sejumlah RM850,000. Lembaga telah mengeluarkan tender untuk membaiki kawasan tersebut pada tahun 2006 dan sedang menunggu kelulusan dan

dana daripada pihak Setiausaha Kewangan Negeri untuk meneruskan kerja pembaikan tersebut.

- **Waf New Bazaar, Kapit**

Semakan Audit mendapati Lembaga sering menerima rungutan daripada orang awam mengenai pasir dan lumpur yang melekat/mendap di atas waf New Bazaar Kapit setiap kali selepas berlaku air sudut. Selain daripada menyukarkan pengguna untuk naik dan turun di waf, pasir dan lumpur boleh memberi ancaman terhadap keselamatan pengguna. Keadaan tersebut adalah seperti di **Foto 71**.

Foto 71
Mendapan Lumpur Dan Pasir Yang Menyukarkan Pengguna



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak
Tarikh : 24 Ogos 2006
Lokasi: Waf New Bazaar, Kapit

Semakan Audit mendapati pembersihan waf tersebut dilaksanakan secara *ad hoc* kerana kekurangan peruntukan. Bagaimanapun, Lembaga telah melantik kontraktor untuk menjalankan kerja pembersihan setiap hari Sabtu.

Pada pendapat Audit, kerosakan kemudahan di waf belum sampai ke tahap kritikal kerana tidak melibatkan struktur pembinaan. Bagaimanapun, kerosakan kecil yang tidak dibaiki akan bertambah kerosakannya dan melibatkan kos pembaikan lebih tinggi seperti pemendapan di Terminal Sejingkat yang belum dibaiki sejak awal tahun 2005.

iv) Notis Waf

Peraturan 20(2), *The Sarawak Rivers (Traffic) Regulations, 1993* menetapkan bahawa *“There shall be erected and exhibited at each such wharf or passenger landing terminal a sign or signs depicting such information and particulars as may be directed by the Board”*. Oleh itu, Lembaga perlu menyediakan papan tanda yang jelas dan seragam mengenai waktu operasi, caj yang dikenakan dan notis penafian. Papan tanda tersebut perlu dibezakan antara waf kargo dan waf penumpang. Bagaimanapun, lawatan Audit mendapati papan tanda tidak diletakkan pada 16 daripada 33 waf yang dilawati.

Pada pendapat Audit, penyediaan papan notis adalah kurang memuaskan kerana belum memenuhi kehendak Ordinan 1993 dengan sepenuhnya.

v) Penilaian Aspek Keselamatan

Penilaian terhadap aspek keselamatan waf seperti keupayaan, keteguhan dan ketahanan waf adalah penting untuk menjamin keselamatan pengguna waf dan mengelakkan daripada berlakunya perkara yang tidak diinginkan. Pemeriksaan Audit mendapati tiada bukti bahawa pemeriksaan penilaian dijalankan oleh Lembaga bagi menilai keselamatan waf. Memandangkan kebanyakan waf Lembaga telah lama dibina, Lembaga boleh menilai prestasi keselamatan wafnya dengan mewujudkan Jawatankuasa Keselamatan Waf. Lembaga juga boleh mewujudkan Jawatankuasa Teknikal bagi membincang masalah yang berbangkit dalam penyenggaraan waf.

Pada pendapat Audit, kegagalan untuk melaksanakan penilaian terhadap aspek keselamatan waf adalah tidak selaras dengan sasaran perancangan strategik Lembaga.

Secara keseluruhannya, penggunaan dan keselamatan adalah memuaskan kerana 33 waf yang dilawati didapati beroperasi dan digunakan serta berada dalam keadaan baik.

25.2.8 Guna Tenaga Dan Latihan

a) Struktur Organisasi

Sehingga 2006, bilangan jawatan yang diluluskan untuk operasi harian Lembaga adalah sebanyak 252. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 17 jawatan belum diisi seperti di **Jadual 64**.

Jadual 64
Jawatan Dilulus Tetapi Belum Diisi Pada Oktober 2006

Jawatan	Gred	Bilangan
Penolong Pengurus Pelabuhan	N27	1
Serang	A22	1
Juruinjin	A22	1
Pembantu Penguatkuasa	N17	11
Juruinjin	A17	1
Kelasi/Jurumudi/Pembantu Juruinjin	A1	2
Jumlah		17


Sumber: Rekod Lembaga Sungai-Sungai

Pihak Audit berpendapat 17 kekosongan jawatan yang belum diisi tidak menjejaskan kelicinan operasi harian waf.

i) Bahagian Riverine Dan Penguatkuasaan

Berdasarkan carta organisasi Lembaga, Bahagian Riverine Dan Penguatkuasaan diletakkan di peringkat pejabat dan di peringkat semua Wilayah Lembaga. Bahagian ini dibahagikan kepada Seksyen Riverine Dan Seksyen Penguatkuasaan. Seksyen Penguatkuasaan adalah terlibat dalam penguatkuasaan harian di waf. Seksyen ini bertanggungjawab terhadap aktiviti penguatkuasaan seperti kutipan sewa waf, kutipan pas kenderaan, kapal bertambat mempunyai permit dan memastikan keselamatan di waf terkawal. Di peringkat pejabat, Seksyen Penguatkuasaan diketuai oleh Pegawai Penguatkuasa Gred N41 dan dibantu oleh 5 orang kakitangan. Struktur Seksyen Penguatkuasaan adalah seperti di **Carta 10**.

Carta 10
Struktur Seksyen Penguatkuasaan




Sumber: Rekod Lembaga Sungai-Sungai

ii) Bahagian Trafik Dan Teknikal

Bahagian Trafik Dan Teknikal wujud di peringkat ibu pejabat Lembaga sahaja. Bahagian ini diketuai oleh *Senior Assistant Controller* Gred J48 dan dibantu oleh 5 kakitangan yang terdiri daripada seorang Jurutera Awam Gred J41, seorang Pembantu Teknik Gred J29, dua orang Juruteknik Gred J17 dan seorang Pelukis Pelan Gred J17. Antara fungsi utama adalah memastikan waf berada dalam keadaan yang baik dan selamat digunakan, mengeluarkan *Wharf Authorisation Certificate*, menyenggara bot dan kenderaan Lembaga dan mereka bentuk serta membuat cadangan rancangan pembangunan Lembaga. Struktur Pengurusan Bahagian Trafik & Teknikal adalah seperti di **Carta 11**.

Carta 11
Struktur Pengurusan Bahagian Trafik & Teknikal



Sumber : Carta Organisasi Lembaga

Semakan Audit mendapati Bahagian ini tidak diwujudkan di peringkat Wilayah. Sebarang masalah teknikal atau kerosakan waf dan bot di Wilayah dirujuk kepada Bahagian ini untuk dinilai dan diluluskan sebelum pelaksanaan kerja membaik pulih dijalankan. Lembaga perlu mewujudkan Unit Teknikal di peringkat Wilayah bagi mengurangkan beban di Bahagian ini.

Pada pendapat Audit, Bahagian Trafik & Teknikal yang dianggotai oleh 5 kakitangan tidak mampu menyenggara 83 waf di keseluruhan kawasan Sarawak dengan berkesan. Kelima-lima kakitangan ini ditempatkan di Ibu Pejabat dan juga bertanggungjawab terhadap pelbagai tugas lain seperti membuat rancangan pembangunan Lembaga dan memantau projek berkenaan serta mengeluarkan dan membatalkan sijil WAC dan mengurus serta menyenggara bot. Pihak Audit juga berpendapat Lembaga tidak mempunyai kakitangan yang mencukupi untuk menguruskan waf. Struktur pengurusan Lembaga hendaklah dikaji secara menyeluruh terutama sekali yang melibatkan pembentukan Bahagian yang penting bagi melaksanakan fungsi Lembaga. Sebagai contoh Bahagian Trafik Dan Teknikal yang sepatutnya berfungsi untuk menyenggara waf yang sekarang ini dibuat oleh JKR. Lembaga juga perlu mengkaji untuk menubuhkan Unit Kutipan Hasil dan Unit Penguatkuasa bagi tujuan menjadikan Lembaga sebagai Agensi yang boleh berdiri sendiri.

b) Latihan

Kakitangan yang terlatih dan cekap terutamanya dalam bidang penyenggaraan waf boleh membantu meningkatkan kecekapan Lembaga mencapai objektif pengurusan waf. Menyedari hakikat tersebut, Lembaga telah memperuntukkan sejumlah RM133,420 untuk latihan dan kursus bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006. Semakan Audit mendapati sejumlah RM136,632 telah dibelanjakan untuk mengadakan 245 kursus yang dihadiri oleh 842 peserta sepanjang tahun 2004 hingga 2006. Antara lain, kursus yang diadakan adalah seperti Kursus Pengendalian Kargo dan Kapal, *Port Facility Security Officer, Intensive Shipment Inspection and Maritime* dan *In-house Navigation Training*. Bagaimanapun, sepanjang tempoh tersebut hanya 11 kursus yang dihadiri oleh 94 kakitangan melibatkan kursus yang berkaitan dengan aktiviti teknikal, trafik dan penguatkuasaan.

Pada pendapat Audit, kursus dan latihan yang dihadiri oleh kakitangan Lembaga adalah tidak mencukupi terutamanya kursus yang berkaitan dengan aspek teknikal, trafik dan penguatkuasaan yang memerlukan kursus berterusan bagi meningkatkan kompetensi dan kemahiran kakitangannya.

25.2.9 Prestasi Kewangan

Semakan Audit mendapati peruntukan sejumlah RM36.38 juta telah diluluskan kepada Lembaga untuk pelaksanaan aktiviti keseluruhannya bagi tahun 2004 hingga 2006. Adalah didapati Lembaga telah membelanjakan sejumlah RM37.52 juta untuk tujuan tersebut dengan tambahan peruntukan sejumlah RM1.14 juta. Pada tahun 2004 hingga 2006, Lembaga memperuntukkan sejumlah RM4.34 juta bagi penyenggaraan kemudahan pengangkutan sungai seperti waf. Daripada jumlah peruntukan penyenggaraan tersebut, sejumlah RM1.57 juta telah disalurkan kepada JKR untuk penyenggaraan waf. Butiran perbelanjaan penyenggaraan waf adalah seperti di **Jadual 65**.

Jadual 65
Perbelanjaan Penyenggaraan Waf Bagi Tahun 2004 Hingga 2006

Tahun	Peruntukan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Peratus Perbelanjaan (%)
2004	1.30	1.15	88.5
2005	1.30	1.11	85.3
2006	1.74	1.61	92.5

Sumber : Rekod Lembaga Sungai-Sungai

Analisis Audit terhadap jadual di atas mendapati prestasi penyenggaraan yang dilakukan pada tahun 2004 hingga 2006 adalah memuaskan kerana perbelanjaan tidak melebihi peruntukan yang diberi.

Pada pendapat Audit, peruntukan yang disediakan untuk penyenggaraan waf adalah mencukupi kerana penyenggaraan waf pada masa kini lebih kepada penyenggaraan *ad hoc*.

Secara keseluruhannya, pelaksanaan pengurusan waf adalah memuaskan. Pengurusan waf akan bertambah baik jika Lembaga memberi perhatian kepada pelaksanaan penyenggaraan waf secara berjadual. Sistem kutipan sewa waf perlu diperkemas kerana berisiko tinggi dan memerlukan guna tenaga yang banyak. Pihak Audit juga berpendapat waf yang boleh digunakan tetapi terbiar adalah merupakan pembaziran. Selain itu, penyelenggaraan rekod yang teratur dan kemas kini akan membantu pengurusan waf dilaksanakan dengan lebih berkesan.

25.3 PEMANTAUAN

Pemantauan terhadap pelaksanaan pengurusan waf adalah penting bagi memastikan pengurusan waf dilaksanakan dengan teratur dan mengikut perancangan. Untuk tujuan pemantauan, Lembaga membuat lawatan dan pemeriksaan ke waf, mengadakan mesyuarat, menyediakan laporan dan mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap Aduan Pengguna Waf.

25.3.1 Peringkat Kementerian

Kementerian bertanggungjawab secara keseluruhannya terhadap aktiviti Lembaga termasuk pengurusan waf. Untuk tujuan tersebut, Lembaga mengemukakan bajet dan aktiviti tahunan untuk diluluskan. Lembaga juga menyediakan laporan kemajuan tahunan untuk dikemukakan kepada Kementerian.

25.3.2 Peringkat Lembaga

a) Mesyuarat Pengurusan

Mesyuarat Pengurusan merupakan mekanisme yang penting dalam tindakan pengawasan pengurusan terhadap aktiviti harian sesebuah pejabat. Ini adalah kerana masalah berbangkit akan dibincangkan serta diambil tindakan sewajarnya. Pada tahun 2004, Lembaga bermesyuarat sebanyak 4 kali. Pada tahun 2005, tiada mesyuarat pengurusan diadakan. Manakala 3 mesyuarat pengurusan telah diadakan pada tahun 2006. Semakan Audit terhadap minit mesyuarat pengurusan mendapati perkara berkaitan pengurusan waf seperti kerosakan, kerja menambah

baik waf dan penyediaan kemudahan kantin dibincangkan dan diambil tindakan sewajarnya.

b) Pengawasan Penyenggaraan

Pengawasan penyenggaraan yang rapi dan berterusan adalah penting bagi memastikan kerja penyenggaraan waf dilaksanakan dengan baik dan berkesan. Adalah didapati penyenggaraan waf yang dijalankan oleh JKR tidak dibuat pemantauan oleh Lembaga secara berjadual.

c) Aduan Pelanggan

Lembaga ada menyediakan Prosedur Umum Aduan Pelanggan sebagai garis panduan untuk menjelaskan kaedah mengurus aduan pelanggan yang diterima mengenai kelemahan sistem kualiti dan perkhidmatan yang disediakan agar dijalankan secara cekap dan berkesan. Dalam Mesyuarat Penyusunan MS : ISO 9001:2000 (*Compliance Audit Report*) yang diadakan pada 9 Februari 2006, adalah dipersetujui bahawa aduan yang diterima hendaklah diteliti terlebih dahulu sama ada ianya di bawah kategori Aduan Penguatkuasaan (Am) atau Aduan Pelanggan. Ianya adalah selaras dengan saranan Laporan Audit SIRIM QAS International Sdn. Bhd. semua bentuk aduan yang mana melibatkan pelanggaran undang-undang am atau undang-undang yang dikuatkuasakan oleh Lembaga adalah dikategori sebagai Aduan Penguatkuasaan (Am).

Semakan Audit mendapati Lembaga ada menyelenggarakan 2 jenis Daftar Aduan iaitu Daftar Aduan Penguatkuasa dan Daftar Aduan Pelanggan. Semakan Audit mendapati semua aduan direkodkan di Daftar Aduan Penguatkuasa sahaja. Adalah didapati 11 aduan diterima pada tahun 2004, sebanyak 44 aduan diterima pada tahun 2005 manakala 45 aduan diterima pada tahun 2006. Aduan yang diterima adalah lebih kepada bot ekspres menukar masa pelayaran, tambang bot ekspres dinaikkan, pengusaha bot mengambil penumpang berlebihan dan pencemaran di sungai. Bilangan aduan mengikut kawasan adalah seperti di **Jadual 66**.

Jadual 66
Bilangan Aduan Mengikut Tahun

Kawasan	2004	2005	2006
Kuching	4	16	10
Sibu	2	18	26
Kapit	Tiada	7	2
Miri	Tiada	Tiada	Tiada
Bintulu/Tatau	5	3	7
Jumlah	11	44	45

Sumber: Rekod Lembaga Sungai-Sungai Sarawak

Semakan Audit seterusnya mendapati tindakan telah diambil terhadap segala aduan yang diterima. Sesi dialog diadakan dengan jayanya dengan pengusaha/pemilik bot ekspres supaya mengikuti jadual pelayaran, tidak menaikkan tambang dan tidak membawa penumpang berlebihan. Penyiasatan dan pemeriksaan ke tapak pencemaran telah dibuat oleh Lembaga dan di mana berkenaan, Lembaga Sumber Asli Dan Persekitaran telah mengambil tindakan bersesuaian. Selain itu, Lembaga telah mengeluarkan notis serta kompaun kepada syarikat yang menyebabkan pencemaran sungai akibat daripada aktiviti pembalakan.

25.3.3 Peringkat Wilayah

a) Mesyuarat Pagi

Mesyuarat Pagi diadakan di peringkat wilayah sekali setiap minggu untuk berbincang masalah berbangkit daripada kerja harian. Semakan Audit terhadap minit mesyuarat tersebut mendapati perkara dibincangkan seperti kerosakan sistem pendawaian elektrik dan *bumping* di waf, jadual operasi dan cuti raya, kawalan keselamatan dan penyediaan kemudahan kantin di waf. Semakan seterusnya mendapati perkara dibincangkan dibuat susulan dan tindakan sewajarnya diambil.

b) Laporan Kemajuan/Status Kerja

Bagi tujuan pemantauan kerja, Lembaga menyediakan laporan untuk memberi gambaran sebenar mengenai status dan butiran kerja telah dilaksanakan. Laporan disediakan setiap bulan oleh Bahagian/Wilayah berkenaan dan disalin kepada ibu pejabat Lembaga. Laporan yang disediakan merangkumi Laporan Penguatkuasaan Bulanan, Laporan Operasi Perayaan, Laporan Statistik Kapal/Penumpang, Laporan Kompaun dan Laporan Statistik *Riverine Transport Permit*.

Pada pendapat Audit, pemantauan terhadap pengurusan waf adalah memuaskan.

26. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, pengurusan waf adalah memuaskan khasnya dari segi purata peruntukan kewangan tahunan sejumlah RM1.4 juta dan 235 kakitangan yang sedia ada. Pertimbangan juga diberi kepada kenyataan bahawa waf Lembaga telah dibina di merata tempat di seluruh Sarawak. Walaupun begitu, pengurusan dapat dipertingkatkan lagi sekiranya semua pihak yang terlibat memainkan peranan lebih berkesan. Kajian Audit ini menunjukkan terdapat kelemahan seperti pangkalan data waf tidak dibangunkan sejak

penubuhan Lembaga pada tahun 1993, penyesuaian penyenggaraan waf antara pihak JKR dan Lembaga tidak dapat dilaksanakan kerana kegagalan mengemukakan laporan terperinci penyenggaraan daripada JKR dan program pemeriksaan rutin terhadap waf belum dilaksanakan. Sistem kutipan sewa waf berisiko tinggi kerana dilaksanakan oleh seorang sahaja di waf dan tiada peruntukan perundangan untuk denda sekiranya lewat atau tidak dibayar oleh pengguna. Selain itu, mandat Lembaga terhadap kawalan waf persendirian masih kurang jelas. Bagi meningkatkan lagi tahap pengurusan waf adalah disyorkan supaya Lembaga mempertimbangkan langkah berikut:

- i)** Mengambil langkah segera untuk menguatkuasakan peruntukan perundangan yang sedia ada terhadap waf persendirian yang tidak mempunyai WAC.
- ii)** Menyediakan jadual program penyenggaraan berkala di peringkat Lembaga supaya penyenggaraan waf dilaksanakan dengan lebih berkesan.
- iii)** Mengkaji semula keperluan tambahan bot supaya kelicinan operasi Lembaga tidak terjejas.
- iv)** Mempercepatkan projek menaik taraf waf Sibu dan Kapit serta menyediakan ruang bertambat untuk bot-bot kecil.
- v)** Menyediakan laporan penyesuaian mengenai peruntukan tahunan yang diagihkan kepada Jabatan Kerja Raya untuk memudahkan rujukan dan pemantauan.
- vi)** Mengkaji sistem kutipan sewa waf supaya tidak berisiko tinggi dan lebih terkawal.
- vii)** Mengkaji keperluan peruntukan denda/penalti supaya pelanggannya lebih bertanggungjawab dalam bayaran bil dikeluarkan.
- viii)** Menambah kakitangan di Bahagian Trafik dan Teknikal di Ibu Pejabat Lembaga dan mewujudkan atau menempatkan kakitangan teknikal di peringkat wilayah supaya pengurusan dan penyenggaraan waf dapat dijalankan dengan lebih berkesan.
- ix)** Menilai prestasi keselamatan wafnya dengan mewujudkan Jawatankuasa Keselamatan Waf.
- x)** Mengadakan pangkalan data untuk mewujudkan maklumat yang terperinci dan mencukupi supaya penyelenggaraan fail dan daftar boleh dipertingkatkan.
- xi)** Mengkaji kemungkinan untuk mempunyai pejabat sendiri supaya imej korporat Lembaga selaras dengan pelaksanaan strategik Lembaga.
- xii)** Mengadakan atau menghantar kakitangan yang terlibat menghadiri kursus yang sesuai dan berkaitan dengan aspek teknikal, trafik dan penguatkuasaan dengan lebih kerap.

MAJLIS SUKAN NEGERI SARAWAK

PENGURUSAN PEMBANGUNAN SUKAN NEGERI SARAWAK

27. LATAR BELAKANG

Majlis Sukan Negeri Sarawak (Majlis) telah ditubuhkan pada awal bulan Oktober 1985. Majlis merupakan sebuah Jabatan di bawah Kementerian Pembangunan Sosial dan Urbanisasi Sarawak. Visi Majlis Sukan Negeri Sarawak adalah untuk menjadikan Sarawak sebagai Kuasa Sukan Di Malaysia Menjelang Tahun 2010. Objektif penubuhan Majlis adalah untuk membangun dan meningkatkan taraf serta mutu sukan, khususnya sukan berprestasi tinggi. Sukan prestasi tinggi adalah sukan yang dipertandingkan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa yang diurus mengikut peraturan dan syarat Persekutuan sukan antarabangsa dan Jawatankuasa Olimpik. Selain itu, Majlis berperanan untuk membantu usaha Kerajaan bagi membentuk dan melahirkan masyarakat yang sihat, berbudaya dan berdisiplin. Majlis menerima geran daripada Kementerian Pembangunan Sosial Dan Urbanisasi untuk menjalankan program dan aktivitinya. Aktiviti yang dijalankan oleh Majlis ialah seperti latihan dan kepegawaian, pembangunan atlet, penyediaan kemudahan sukan, penyelidikan sukan serta pemberian insentif dan pengiktirafan. Kerajaan Negeri telah meluluskan anggaran peruntukan sejumlah RM30.40 juta untuk melaksanakan program pembangunan sukan bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006.

28. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada pengurusan pembangunan sukan negeri Sarawak oleh Majlis Sukan Negeri Sarawak telah dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta mencapai matlamat yang ditetapkan.

29. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

29.1 Skop pengauditan meliputi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan pembangunan sukan oleh Majlis bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006. Pemeriksaan Audit dijalankan di Kementerian Pembangunan Sosial Dan Urbanisasi, Ibu Pejabat Majlis Sukan Negeri Sarawak, Pejabat Majlis Sukan Negeri peringkat Bahagian iaitu di Sibu dan Miri.

29.2 Kaedah pengauditan adalah dengan menyemak, mengkaji serta menganalisis data dan maklumat berasaskan rekod kewangan, laporan dan dokumen berkaitan. Lawatan

Audit juga dijalankan ke Pusat Pembangunan, Pusat Cemerlang dan Pusat Elit di Kuching, Sibu dan Miri untuk meninjau kemudahan sukan yang disediakan serta latihan yang dijalankan. Temu bual dengan pegawai yang terlibat juga dibuat bagi mendapatkan keterangan dan maklumat yang lebih jelas. Soal selidik juga telah diedarkan kepada atlet dan jurulatih yang terlibat dengan pembangunan sukan anjuran Majlis.

30. PENEMUAN AUDIT

30.1 PERANCANGAN

Pembangunan sukan memerlukan perancangan yang teliti, menyeluruh dan komitmen yang tinggi daripada pelbagai pihak seperti Agensi Kerajaan, persatuan sukan dan pihak swasta sama ada di peringkat Negeri mahupun Bahagian. Aspek perancangan pembangunan sukan yang dikaji meliputi perkara berikut:

30.1.1 Dasar Pembangunan Sosial Melalui Sukan

Dasar pembangunan sosial melalui sukan telah memandu Majlis Sukan Negeri Sarawak untuk membangunkan sukan terutama sukan berprestasi tinggi bagi menjadikan Sarawak sebagai kuasa sukan di Malaysia menjelang tahun 2010. Tujuan dasar ini ialah untuk mencapai kecemerlangan ke tahap tertinggi dengan semangat sukan yang tulen di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Bagi tujuan ini Majlis akan melatih dan menghasilkan tenaga pengurusan, jurulatih sukan dan atlet yang bertaraf dunia. Sukan boleh menyumbang kepada penggalakan pertandingan yang sihat, muhibah, toleransi, kesefahaman dan pembinaan kualiti moral serta fizikal. Ini akan memberi satu landasan yang kukuh untuk mengintegrasikan pelbagai kumpulan etnik kepada satu bangsa yang bersatu-padu serta dapat memupuk maruah bangsa dan negara. Ini membolehkan Kerajaan mencapai pembangunan negara, perpaduan dan kestabilan yang berterusan serta menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara melalui industri pelancongan. Salah satu strategi Dasar Sukan Negara adalah untuk membangunkan sukan berprestasi tinggi dan sukan massa yang melibatkan penyertaan ramai. Program pembangunan sukan Negeri akan menjurus kepada strategi ini yang bertujuan mewujudkan masyarakat Malaysia yang sihat, cergas dan berdisiplin.

30.1.2 Undang-undang Dan Peraturan

Majlis mengguna pakai Akta Majlis Sukan Negara Malaysia 1971-Perintah Majlis Sukan Negara Malaysia (Pindaan Jadual Kedua) 1988 sebagai panduan semasa merancang program pembangunan sukan negeri Sarawak. Garis Panduan yang diguna pakai adalah Garis Panduan Program Pembangunan Sukan yang mengandungi panduan

penubuhan pusat latihan, pemilihan atlet serta pelantikan jurulatih. Peraturan Kewangan mengenai perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja serta pungutan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pembangunan Sosial Dan Urbanisasi akan digunakan bagi tujuan menguruskan hal-ehwal kewangan Majlis.

30.1.3 Penubuhan Majlis Sukan Negeri Sarawak

Majlis ditubuhkan bagi membantu dan menyelaras pembangunan sukan untuk meningkatkan prestasi ahli sukan dalam pertandingan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Berdasarkan Seksyen 7(1) dan 9(1) Akta Majlis Sukan Negara Malaysia 1971-Perintah Majlis Sukan Negara Malaysia (Pindaan Jadual Kedua) 1988, hal-ehwal pengurusan dan pentadbiran Majlis adalah di bawah kawalan Jawatankuasa Tertinggi dan Jawatankuasa Pengurusan Majlis.

a) Jawatankuasa Tertinggi

Jawatankuasa Tertinggi bertanggungjawab mengawal dan mengawasi hal-ehwal Majlis. Ianya dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan Sosial dan Urbanisasi Sarawak. Keahliannya terdiri daripada 2 orang Timbalan Pengerusi yang dilantik oleh Ketua Menteri dan seorang daripadanya ialah Setiausaha Kerajaan Negeri, seorang wakil yang dinamakan oleh setiap Persatuan Sukan Negeri, pengerusi setiap Majlis Sukan Daerah, Pengarah Jabatan Pelajaran Negeri atau wakilnya, Setiausaha Kewangan Negeri atau wakilnya, Pengarah Jabatan Belia dan Sukan serta tidak kurang daripada 3 orang dan tidak lebih daripada 6 orang yang pada pendapat Pengerusi boleh memberi sumbangan terhadap pembangunan dan kemajuan sukan.

b) Jawatankuasa Pengurusan

Jawatankuasa Pengurusan diwujudkan untuk membantu mengendalikan hal-ehwal berhubung dengan pengurusan dan pentadbiran Majlis. Jawatankuasa Pengurusan hendaklah terdiri daripada Pengerusi dan 2 orang Timbalan Pengerusi yang dilantik oleh Ketua Menteri di mana seorang daripadanya ialah Setiausaha Kerajaan Negeri, empat orang ahli yang dilantik daripada setiap Persatuan Sukan Negeri, dua orang ahli yang dilantik daripada pengerusi setiap Majlis Sukan Daerah, Pengarah Jabatan Pelajaran Negeri atau wakilnya, Setiausaha Kewangan Negeri atau wakilnya, Pengarah Belia dan Sukan Negeri dan tidak lebih daripada 3 orang lain yang pada pendapat Pengerusi boleh memberi sumbangan terhadap perkembangan dan kemajuan sukan. Seorang Pengarah Gred N48 serta 81 kakitangan lain dilantik untuk membantu Jawatankuasa Tertinggi mengendalikan urusan dan pentadbiran harian Majlis.

30.1.4 Pelan 10 Tahun Pembangunan Sukan Berprestasi Tinggi

Majlis dikehendaki mengeluarkan garis panduan berhubung dengan pembangunan sukan termasuk rancangan pembangunan jangka panjang bagi ahli sukan, jurulatih, pentadbir dan pegawai sukan pada semua peringkat. Pelan jangka panjang iaitu Pelan 10 Tahun Pembangunan Sukan Berprestasi Tinggi Negeri yang meliputi tempoh tahun 2000 hingga 2010 hendaklah disediakan. Satu badan khas bagi merancang pembangunan sukan berprestasi tinggi juga akan ditubuhkan. Selain itu, persatuan sukan juga dikehendaki menyediakan pelan pembangunan sukan 5 atau 10 tahun sendiri untuk diintegrasikan dengan pelan induk.

30.1.5 Sasaran Pembangunan Sukan

Sasaran pembangunan sukan Majlis adalah untuk melahirkan dan melatih atlet, tenaga pengurusan dan jurulatih sukan yang bertaraf antarabangsa.

a) Penubuhan Pusat Latihan

Majlis akan menubuhkan 3 jenis pusat latihan iaitu Pusat Pembangunan, Pusat Cemerlang dan Pusat Elit untuk menempatkan atlet dan juga jurulatih semasa latihan dan pertandingan di peringkat Bahagian dan Negeri. Bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006, Majlis telah memperuntukkan sejumlah RM450,000 untuk pembaikan dan penyenggaraan Pusat Pembangunan dan Pusat Cemerlang. Pembaikan dan penyenggaraan Pusat Elit akan diuruskan oleh pihak pengurusan terlibat seperti berikut :

- i) Pusat Pembangunan akan ditubuhkan di sekolah rendah atau menengah yang mempunyai kemudahan untuk latihan asas, mempunyai guru yang sanggup menjadi jurulatih dan mendapat sokongan kuat daripada Guru Besar/Pengetua.
- ii) Pusat Cemerlang akan ditubuhkan di sekolah rendah atau menengah yang mempunyai kemudahan untuk latihan standard pertengahan dan mempunyai kemudahan asrama/penginapan untuk menempatkan atlet dari Pusat Pembangunan.
- iii) Pusat Elit ditubuhkan di sekolah menengah atau pusat khas yang mempunyai peralatan dan kemudahan untuk latihan standard, mempunyai gimnasium dan asrama/tempat penginapan untuk atlet sepenuh masa.

b) Atlet Dan Latihan

Majlis meletakkan sasaran atlet sukan berdasarkan kepada konsep piramid. Atlet yang berpotensi akan dikenal pasti melalui kem bakat, klinik sukan asas di sekolah dan kejohanan sukan yang diadakan oleh Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Negeri

Sarawak. Bagi melayakkan atlet diserapkan ke Pusat Pembangunan, atlet hendaklah mempunyai kelayakan dan akan melalui proses pemilihan (talent identification). Antara kriteria yang diambil kira adalah seperti kelayakan dari segi umur iaitu berumur antara 9 hingga 15 tahun untuk disesuaikan dengan keperluan Sukan Malaysia (SUKMA), mempunyai minat mendalam, keazaman, bentuk fizikal atau ketinggian bergantung kepada jenis sukan yang disertai, jantina mengikut jenis sukan dan lokasi sanggup menyertai pertandingan dalaman setiap bulan dan pertandingan antara Pusat Pembangunan dan Pusat Cemerlang yang diadakan 3 kali setahun. Atlet berumur antara 15 hingga 20 tahun dari Pusat Pembangunan yang telah menunjukkan kecemerlangan melalui pertandingan, proses penilaian dan ujian akan diserapkan ke Pusat Cemerlang. Seterusnya, atlet berpengalaman di SUKMA akan diserapkan ke Pusat Elit. Pengambilan atlet berkualiti ke Pusat Elit bergantung kepada keberkesanan latihan dan kekuatan di Pusat Pembangunan dan di Pusat Cemerlang. Majlis mensasarkan seramai lebih kurang 5,000 atlet akan dilatih daripada lebih 240 pusat latihan yang melibatkan 34 jenis sukan. Manakala, jumlah atlet yang akan dilatih di setiap pusat latihan tersebut adalah seperti di **Jadual 67**.

Jadual 67
Sasaran Bilangan Atlet Dilatih Di 3 Pusat Latihan

Pusat Latihan	Bilangan Atlet Dilatih	
	Individu	Pasukan
Pusat Pembangunan	10 hingga 20	20 hingga 30
Pusat Cemerlang	10 hingga 15	15 hingga 25
Pusat Elit	5 hingga 10	10 hingga 15

Sumber: Garis Panduan Pelantikan Jurulatih Majlis Sukan Negeri Sarawak

Sebagai persiapan kejohanan SUKMA, atlet akan mengikuti latihan berasingan dan dibayar elaun sejumlah RM150 sebulan selama 4 bulan. Selepas itu, mengikuti latihan pusat dan dibayar elaun sejumlah RM10 sehari untuk tempoh sebulan dan seterusnya akan menyertai latihan di Kem Kontinjen dan dibayar elaun sejumlah RM10 sehari untuk tempoh 15 hari. Selain menganjurkan Kem Atlet dan membuat penilaian melalui ujian spesifik, Majlis juga mensasarkan jumlah pingat yang akan diperoleh daripada acara sukan yang disertai semasa kejohanan SUKMA. Sasaran ini juga diguna sebagai penilaian terhadap tahap kemajuan dan pencapaian atlet dalam program latihan dan pembangunan atlet. Majlis mensasarkan pungutan pingat emas sebanyak 65, pingat perak 89 dan pingat gangsa 105 pada SUKMA Ke-10 Tahun 2004 dan Ke-11 Tahun 2006 seperti di **Jadual 68**.

Jadual 68
Sasaran Pungutan Pingat SUKMA Ke-10 Dan Ke-11

SUKMA	Bil. Acara Dipertandingkan	Pingat Emas	Pingat Perak	Pingat Gangsa	Jumlah Pingat
Ke-10 (Tahun 2004)	33	39	43	59	141
Ke-11 (Tahun 2006)	28	26	46	46	118
Jumlah		65	89	105	259

Sumber : Rekod Majlis Sukan Negeri Sarawak

c) Jurulatih Dan Pegawai Sukan

Pemilihan jurulatih yang berpengalaman, berpengetahuan, berdedikasi dan cekap adalah penting untuk melatih dan menghasilkan atlet yang bertaraf antarabangsa. Pada tahun 2006, Majlis telah memperuntukkan sejumlah RM1.25 juta untuk membayar elaun jurulatih di Pusat Pembangunan dan Pusat Cemerlang serta sejumlah RM45,000 untuk pembayaran elaun jurulatih di Pusat Elit. Jurulatih terbahagi kepada 2 kategori iaitu jurulatih luar negara dan jurulatih tempatan. Bagi pemilihan jurulatih luar negara, Majlis akan meminta pendapat persatuan sukan terlibat sekiranya ada keperluan. Persatuan sukan akan mencadangkan nama berserta butiran peribadi jurulatih luar negara kepada Majlis untuk dipertimbangkan. Majlis akan membayar elaun bulanan sejumlah RM2,500 hingga RM5,700 kepada jurulatih luar negara. Manakala bagi jurulatih tempatan sepenuh masa yang dilantik secara kontrak, Majlis akan membayar elaun sejumlah RM450 hingga RM3,000 sebulan. Sasaran bilangan jurulatih sambilan yang akan dihasilkan ialah 125 orang. Mengikut Manual/Garis Panduan Program Pembangunan Sukan Majlis, kriteria pemilihan jurulatih tempatan sambilan untuk ditempatkan di 3 jenis pusat latihan adalah seperti berikut :

i) Pusat Pembangunan

Jurulatih tempatan hendaklah mempunyai pengalaman dan pengetahuan, bekas atlet Negeri atau Kebangsaan, menunjuk minat mendalam dan kesungguhan, telah menghadiri kursus latihan asas, menunjuk kemahuan untuk belajar dan memiliki kepakaran, dicadang oleh jurulatih kanan atau persatuan, berumur 21 tahun ke atas dan mampu menghasilkan atlet dalam masa 2 hingga 4 tahun. Namun, keutamaan akan diberi kepada jurulatih baru. Jurulatih tempatan ini akan diambil secara sambilan dan dibayar elaun sejumlah RM200 sebulan dengan syarat mengadakan sesi latihan sebanyak 3 kali seminggu selama 2 jam setiap sesi.

ii) Pusat Cemerlang

Jurulatih tempatan hendaklah menghadiri dan lulus Kejurulatihan Sukan Tertentu Sukatan Pelajaran Aras I, Sains Sukan I dan telah menghasilkan atlet di peringkat Bahagian atau Negeri. Jurulatih ini akan diambil secara sambilan dan dibayar elaun sejumlah RM350 sebulan dengan syarat mengadakan sesi latihan sebanyak 4 kali seminggu selama 2 jam setiap sesi.

iii) Pusat Elit

Jurulatih tempatan hendaklah lulus Kursus Kejurulatihan Sukan Tertentu Sukatan Pelajaran Aras II/III, lulus Kursus Sains Sukan II, telah menghasilkan atlet di peringkat Negeri atau Kebangsaan, sanggup menjadi jurulatih sepenuh masa dan sekurang-kurangnya mempunyai 2 tahun pengalaman melatih atlet Negeri. Jurulatih tempatan ini akan dibayar elaun sejumlah RM500 sebulan dengan syarat mengadakan sesi latihan sebanyak 6 kali seminggu selama 2 jam setiap sesi. Bayaran elaun akan dibuat berdasarkan Laporan Kemajuan Bulanan yang diterima daripada jurulatih sukan berkenaan.

Bagi meningkatkan kecekapan dan kemahiran jurulatih, Majlis akan menghantar 6 jurulatih dan pegawai setahun untuk mengikuti Kursus Sains Sukan serta 2 jurulatih dan pegawai sekali setahun untuk mengikuti Kursus Kejurulatihan Kebangsaan Sukan Spesifik bagi sukan yang mempunyai Skim Persijilan Kejurulatihan Kebangsaan. Selain itu, Bengkel Pembangunan Sukan bersama semua persatuan sukan sekali setahun, Kursus/Klinik kejurulatihan untuk 100 orang jurulatih 4 kali setahun, Kursus Kepegawaian/Teknikal dan Pengadil sekali setahun serta klinik Asas Kejurulatihan (Program Pusat Pembangunan) sekali setahun di setiap bahagian di Sarawak akan diadakan.

d) Aktiviti Persatuan Sukan

Persatuan sukan akan mengemukakan rancangan aktiviti tahunan berserta anggaran perbelanjaannya kepada Majlis untuk kelulusan.

30.1.6 Kaedah Pelaksanaan Aktiviti Pembangunan Sukan

Aktiviti pembangunan sukan Majlis akan dilaksanakan melalui 4 kaedah iaitu kejurulatihan dan kepegawaian, pembangunan atlet, pemberian insentif dan pengiktirafan serta kemudahan sukan seperti berikut :

a) Kejurulatihan Dan Kepegawaian

Kejurulatihan dan Kepegawaian akan merangkumi pelantikan jurulatih luar negara dan pegawai sukan, penyediaan program latihan, kemudahan sukan, pusat latihan dan penyenggaraannya, pendedahan dan penyertaan pertandingan serta pengangkutan. Pelbagai kursus akan dianjurkan berkaitan aspek urusan sukan dan sains sukan serta bantuan Klinik Kejurulatihan dan Kepegawaian. Bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006, Majlis memperuntukkan sejumlah RM5.96 juta untuk program Kejurulatihan dan Kepegawaian.

b) Pembangunan Atlet

Pembangunan atlet merangkumi pengambilan atlet, penyediaan jurulatih tempatan, insurans, perubatan, elaun latihan termasuk menyediakan perkhidmatan latihan kecergasan dan pendidikan kesihatan kepada atlet. Bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006, Majlis memperuntukkan sejumlah RM2.11 juta untuk Program Pembangunan Atlet.

c) Insentif Sukan

Kerajaan Negeri telah menyediakan pelbagai bentuk pengiktirafan bagi menghargai pengorbanan dan sumbangan atlet, jurulatih, pengurus pasukan dan persatuan sukan yang berjaya mengharumkan nama Negeri. Antaranya ialah mengadakan pelbagai insentif merangkumi Skim Insentif Kemenangan SUKMA, Anugerah Sukan Negeri, Skim Bantuan Atlet dan Program Kerjaya Atlet. Ini bertujuan untuk menyatakan penghargaan Kerajaan Negeri kepada individu atau persatuan sukan atas jasa perkhidmatan serta kepimpinan ke arah kemajuan sukan. Bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006, sejumlah RM1.87 juta telah diperuntukkan untuk Skim Insentif Kemenangan SUKMA dan Anugerah Sukan Negeri.

i) Skim Insentif Kemenangan SUKMA

Majlis telah memperuntukkan sejumlah RM889,100 untuk Skim Insentif Kemenangan SUKMA Ke-10 dan Ke-11 termasuk sumbangan Yayasan Sarawak bernilai RM100,000 pada tahun 2004. Kadar insentif yang ditetapkan oleh Kerajaan di bawah Skim Insentif Kemenangan SUKMA adalah seperti di **Jadual 69**.

Jadual 69
Skim Insentif Kemenangan SUKMA

Penerima		Insentif			
		Emas (RM)	Perak (RM)	Gangsa (RM)	Ke-4 (RM)
Atlet	Individu/Pasukan	1,000	750	500	250
	Rekod Baru Kejohanan: RM1,000				
Jurulatih	Individu (50% daripada setiap pingat)	500	375	250	125
	Berpasukan (Tertakluk kepada bilangan atlet dalam 1 pasukan)				
	3 - 5	1,500	1,000	500	300
	6 - 10	1,500	1,500	1,000	500
	11 - 15	2,000	2,000	1,500	1,000
	> 15	2,500	2,500	2,000	1,500
	Rekod Baru Kejohanan: RM300 Kaedah pembahagian: 70% akan diagihkan sama rata antara jurulatih SUKMA 30% untuk jurulatih yang telah menghasilkan atlet yang berjaya memenangi pingat				
Pengurus Pasukan	-	500	300	200	100
Persatuan Sukan	Menepati sasaran	5,000	-	-	-
	Dapat memperbaiki prestasi dari SUKMA VIII dari aspek pungutan mata RM3,000				

Sumber: Rekod Majlis Sukan Negeri Sarawak

ii) Anugerah Sukan

Pada tahun 2005, Majlis memperuntukkan sejumlah RM200,000 untuk Anugerah Sukan Negeri bagi kejohanan SUKMA Ke-10 tahun 2004. Majlis akan menganjur Malam Anugerah Sukan Negeri Sarawak sebagai tanda penghargaan dan pengiktirafan Kerajaan Negeri terhadap komitmen, dedikasi dan kesungguhan warga sukan Sarawak dalam pembangunan sukan.

iii) Bantuan Insentif Atlet

Pada tahun 2006, sejumlah RM780,000 telah diperuntukkan untuk pembayaran Elaun Insentif Atlet dan Elaun Atlet Elit. Elaun Insentif Atlet termasuk Elaun Khas Atlet antara RM250 hingga RM500 sebulan, bantuan yuran pengajian di luar negara dan Elaun Makanan Tambahan untuk atlet Angkat Berat dan Tinju. Elaun Atlet Elit akan dibayar kepada atlet Elit yang layak dengan syarat atlet berkenaan terus menghadiri latihan sehingga kejohanan SUKMA akan datang. Elaun bulanan antara RM50 hingga RM300 akan diberi kepada atlet berdasarkan pingat yang dimenangi semasa kejohanan SUKMA. Di samping itu, bantuan pakaian sukan bernilai RM500 setahun dan Elaun Makanan Tambahan sejumlah RM5 sehari semasa latihan untuk persiapan kejohanan SUKMA akan diberikan. Kadar Elaun Atlet Elit adalah seperti di **Jadual 70**.

Jadual 70
Kadar Elaun Latihan Bulanan Atlet Elit

Jenis Pingat	Sukan Individu (RM)	Sukan Berpasukan (RM)
Emas	300	200
Perak	200	100
Gangsa	100	50

Sumber: Rekod Majlis Sukan Negeri Sarawak

d) Kemudahan Sukan

Bagi memastikan sukan berprestasi tinggi diurus, dikawal dan dimajukan, Majlis akan menyediakan kemudahan sukan seperti pusat latihan, peralatan sukan, pengangkutan, penginapan dan pakaian untuk atlet. Penyediaan dan pembinaan infrastruktur sukan adalah menjadi tanggungjawab Bahagian Pembangunan di Kementerian Pembangunan Sosial Dan Urbanisasi. Majlis akan menyediakan tenaga pakar dan khidmat nasihat dalam aspek pembangunan dan pembinaan infrastruktur asas sukan.

Bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006, Majlis memperuntukkan sejumlah RM4.47 juta untuk membiayai sewaan Pusat Cemerlang dan Pusat Pembangunan, pembelian peralatan sukan di pusat latihan dan kejohanan SUKMA, kos pengangkutan atlet, pembelian pakaian sukan semasa pertandingan dan kos penginapan semasa persiapan SUKMA. Butiran peruntukan untuk kemudahan sukan adalah seperti di **Jadual 71**.

Jadual 71
Peruntukan Kemudahan Sukan Bagi Tahun 2004 Hingga 2006

Perihal		Jumlah Peruntukan			Jumlah (RM Juta)
		2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	
Sewaan Pusat Latihan		0.26	0.30	0.15	0.71
Peralatan	Pusat Cemerlang & Pusat Pembangunan	0.40	0.50	0.35	1.25
	SUKMA	0.50	0.13	0.50	1.13
Pengangkutan	Pusat Cemerlang & Pusat Pembangunan	0.20	0.15	0.10	0.45
	SUKMA	0.15	0.05	0.20	0.40
Penginapan		0.10	Tiada	0.15	0.25
Pakaian Sukan		0.13	Tiada	0.15	0.28
Jumlah		1.74	1.13	1.60	4.47

Sumber: Anggaran Tahunan Majlis Sukan Negeri Sarawak

30.1.7 Keperluan Kewangan

Anggaran perbelanjaan tahunan Majlis akan disediakan berdasarkan anggaran perbelanjaan yang dikemukakan oleh 37 persatuan sukan. Bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006, Majlis memerlukan peruntukan sejumlah RM30.35 juta untuk program pembangunan sukan seperti di **Jadual 72**.

Jadual 72
Anggaran Peruntukan Mengurus Majlis Bagi Tahun 2004 Hingga 2006

Jenis Perbelanjaan	Tahun			Jumlah (RM Juta)	Peratusan %
	2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)		
Pengurusan	3.63	3.41	3.00	10.04	33
Kejurulatihan dan Kepegawaian	2.36	2.25	1.35	5.96	20
Program Pembangunan Atlet	0.73	0.63	0.75	2.11	7
Sains Sukan Dan Latihan Bebanan	0.36	0.22	0.15	0.73	2
Kejohanan Sukan Majlis Sukan Negeri-Negeri Se-Malaysia	0.42	0.04	0.25	0.71	2
Persiapan Sukma					
• Persediaan SUKMA	4.13	1.27	4.32	9.72	32
• Skim Insentif Kemenangan SUKMA & Anugerah Sukan Negeri	0.37	0.33	0.38	1.08	4
Jumlah	12.00	8.15	10.20	30.35	100


Sumber: Anggaran Perbelanjaan Tahunan Majlis Sukan Negeri Sarawak

30.1.8 Keperluan Guna Tenaga Dan Latihan

a) Struktur Organisasi

Majlis telah menyusun struktur pengurusannya kepada 5 Bahagian iaitu Kejurulatihan Dan Kepegawaian, Pembangunan Atlet, Sains Sukan, Kewangan dan Sumber Manusia Dan Perhubungan Awam seperti di **Carta 12**.

Carta 12
Struktur Pengurusan Majlis Sukan Negeri Sarawak



Sumber : Rekod Majlis Sukan Negeri Sarawak

b) Latihan

Kursus dan latihan untuk kakitangan adalah diselaras oleh Bahagian Sumber Manusia Dan Perhubungan Awam Majlis. Bahagian ini akan mencalonkan kakitangannya untuk mengikuti kursus dan latihan yang dianjurkan oleh Jabatan

Ketua Menteri melalui *Centre For Modern Management*, Pejabat Kementerian Pembangunan Sosial Dan Urbanisasi atau agensi lain dan juga kursus anjuran Majlis sendiri.

Seminar dan kursus yang dirancang oleh Majlis adalah kursus di Semenanjung Malaysia dan kursus di dalam negeri Sarawak termasuk Kursus Induksi Khusus, Pengurusan, Kursus Am seperti Kursus Komputer dan Keselamatan Pejabat.

30.1.9 Kaedah Pemantauan

Bagi memastikan program pembangunan sukan dilaksanakan dengan cekap dan berkesan, Majlis merancang untuk memantau pengurusan pembangunan sukan melalui kaedah berikut :

a) Peringkat Kementerian

Majlis akan mengadakan mesyuarat bersama Setiausaha Tetap, Kementerian Pembangunan Sosial Dan Urbanisasi sebulan sekali untuk memaklumkan mengenai perkembangan program pembangunan sukan Negeri.

b) Peringkat Majlis

Berdasarkan Seksyen 8 (1) dan 9 (2) Akta Majlis Sukan Negara Malaysia 1971-Perintah Majlis Sukan Negara Malaysia (Pindaan Jadual Kedua) 1988, Jawatankuasa Majlis Tertinggi hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali setiap 3 bulan atau lebih kerap lagi sekiranya perlu. Manakala Jawatankuasa Pengurusan hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam 3 bulan dan 7 hari notis bertulis mengenainya hendaklah diberi kepada semua ahli. Selain itu, Jawatankuasa Pengurusan Majlis akan menubuhkan Jawatankuasa Kecil untuk urusan pentadbiran dan kewangan. Mesyuarat dengan Pegawai Penguasa Majlis Sukan Bahagian akan diadakan sekali sebulan untuk memantau program yang dijalankan di peringkat Bahagian. Lawatan ke pusat latihan akan dijalankan dari semasa ke semasa. Penyelaras sukan dikehendaki untuk menyediakan laporan selepas lawatan dijalankan.

c) Peringkat Persatuan

Majlis akan mengadakan perjumpaan dengan persatuan sukan untuk penyediaan bajet tahunan dan persiapan untuk kejohanan SUKMA. Selain itu, persatuan sukan dikehendaki menyediakan laporan kemajuan bulanan dan menghantar retan perbelanjaan.

Pada pandangan Audit, perancangan pembangunan sukan Majlis adalah kurang memuaskan. Ini adalah kerana perancangan jangka panjang tidak dibuat, peraturan yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri tidak diterima pakai sepenuhnya pengurusan dan status penubuhan Majlis dan pengurusan pentadbirannya adalah kurang jelas.

30.2 PELAKSANAAN

Majlis Sukan Negeri Sarawak merupakan salah satu badan yang diberi tanggungjawab oleh Kerajaan Negeri dalam melaksanakan pembangunan sukan di Negeri Sarawak. Sehubungan itu, pelaksanaan berdasarkan perancangan yang telah digariskan adalah penting bagi mencapai matlamat yang ditetapkan. Kejayaan program pembangunan sukan juga bergantung dengan pembabitan pelbagai pihak termasuk Kerajaan Negeri, Persatuan Sukan, Agensi Kerajaan dan pihak swasta.

30.2.1 Dasar Pembangunan Sosial Melalui Sukan

Majlis Sukan Negeri Sarawak telah menetapkan visi, misi dan strategi pembangunan sukan negeri Sarawak selaras dengan Dasar Pembangunan Sosial melalui sukan bagi menyumbang ke arah masyarakat yang sihat, cergas, harmoni, bersatu-padu dan tidak terjerumus dalam gejala sosial. Semakan Audit terhadap program pembangunan sukan yang telah dan sedang dilaksanakan oleh Majlis mendapati program yang dilaksanakan adalah selaras dengan Dasar Pembangunan Sosial melalui sukan. Majlis telah mengenal pasti acara-acara sukan yang berprestasi tinggi, atlet-atlet dan jurulatih yang berwibawa. Majlis juga mendapat sokongan padu daripada Kementerian Pembangunan Sosial Dan Urbanisasi dalam melaksanakan program pembangunan sukan. Majlis juga mendapat kerjasama erat daripada persatuan sukan yang berkaitan dalam pemilihan atlet dan jurulatih.

Pada pendapat Audit, program pembangunan sukan yang dirangka oleh Majlis adalah baik selaras dengan dasar yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri.

30.2.2 Undang-undang Dan Peraturan

Semakan Audit mendapati Majlis mengguna pakai Akta Majlis Sukan Negara 1971 sebagai panduan melaksanakan program pembangunan sukan. Majlis juga mengguna Garis Panduan Program Pembangunan Sukan Majlis mengenai penubuhan pusat latihan, pemilihan atlet dan pelantikan jurulatih tempatan sambilan. Peraturan Kewangan yang ditetapkan oleh Kementerian Pembangunan Sosial Dan Urbanisasi mengenai perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja, pungutan serta penyediaan laporan kewangan juga diguna pakai. Bagaimanapun, Majlis tidak mematuhi

sepenuhnya Arahan Perbendaharaan dan peraturan kewangan seperti disarankan oleh Peguam Negeri dan saranan ini dipersetujui oleh Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak.

Pada pendapat Audit, undang-undang dan peraturan yang diterima pakai untuk melaksanakan program pembangunan sukan dan pengurusan kewangan serta perakaunan tidak dipatuhi sepenuhnya. Akibatnya, pelaksanaan aktiviti program pembangunan sukan tidak sempurna dan kawalan pengurusan kewangan Majlis adalah lemah.

30.2.3 Penubuhan Majlis Sukan Negeri Sarawak

Majlis telah diwujudkan secara rasmi pada awal bulan Oktober 1985 di bawah Akta Majlis Sukan Negara 1971. Semakan Audit terhadap rekod yang diselenggarakan oleh Majlis mendapati :

a) Status Penubuhan Majlis

Kedudukan dan status penubuhan Majlis adalah kurang jelas walaupun telah beroperasi selama 21 tahun. Majlis tidak mempunyai suatu undang-undang penubuhannya sendiri yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Sarawak bagi membolehkan Majlis Sukan Negeri beroperasi sebagai Badan Berkanun Negeri. Bagaimanapun Majlis telah ditadbir sebagai sebuah Badan Berkanun Negeri. Pada bulan Mac 2000, Setiausaha Tetap Kementerian telah merujuk perkara ini kepada Peguam Negeri dan menurut pandangan Peguam Negeri, Majlis adalah sebuah Badan Berkanun Negeri. Semakan Audit seterusnya mendapati pada tahun 2006 Kementerian sedang dalam proses menyediakan Kertas Cadangan untuk penubuhan Majlis sebagai sebuah Badan Berkanun di bawah Ordinan Kerajaan Negeri.

Pada pendapat Audit, Majlis telah beroperasi selama 21 tahun tanpa mandat yang jelas. Akibatnya, aktiviti pembangunan sukan tidak dikawal, pengurusan kewangan amat lemah, perbelanjaan sepanjang tempoh 21 tahun hanya dilaporkan diperingkat Jawatankuasa Pengurusan sahaja. Majlis perlu mengambil tindakan segera menyediakan Ordinan Majlis Sukan Negeri Sarawak dan mengemukakannya kepada pihak perundangan untuk kelulusan.

b) Struktur Pengurusan Majlis

Struktur Pengurusan Majlis yang dibentuk adalah berdasarkan Seksyen 7(1) dan 9(1) Akta Majlis Sukan Negara 1971 yang menghendaki penubuhan Jawatankuasa

Tertinggi dan Jawatankuasa Pengurusan Majlis bagi mengurus hal-ehwal pengurusan dan pentadbiran Majlis. Manakala Seksyen 10 (1) memberi kuasa kepada Jawatankuasa Tertinggi untuk melantik seorang Pengarah yang akan bertanggungjawab terhadap pentadbiran dan pengurusan harian Majlis. Semakan Audit mendapati bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006, Majlis hanya mempunyai Jawatankuasa Pengurusan untuk mengendalikan hal-ehwal pengurusan dan pentadbiran Majlis. Pada tahun 2006, keahliannya terdiri daripada Menteri Pembangunan Sosial Dan Urbanisasi Sarawak sebagai Pengerusi, Menteri Muda Pertanian (Koordinasi Dan Penyelidikan) sebagai Timbalan Pengerusi I, Setiausaha Tetap, Kementerian Pembangunan Sosial Dan Urbanisasi sebagai Timbalan Pengerusi II, Pengarah Majlis Sukan Negeri Sarawak sebagai Setiausaha dan ahli-ahli yang terdiri daripada Pengarah Unit Pengurusan Sumber Manusia, Jabatan Ketua Menteri Sarawak, Timbalan Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak, Pengarah Jabatan Pelajaran Negeri, Pengarah Jabatan Belia Dan Sukan, Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri, Ketua Penolong Setiausaha (Belia Dan Sukan), Kementerian Pembangunan Sosial Dan Urbanisasi dan 3 Setiausaha Kehormat Persatuan Sukan. Semakan Audit seterusnya mendapati Jawatankuasa Majlis iaitu Jawatankuasa Tertinggi pernah ditubuhkan pada tahun 1998 dan dipengerusikan oleh Menteri Pembangunan Sosial Dan Urbanisasi Sarawak. Jawatankuasa ini pernah bermesyuarat sekali pada bulan April 1998. Bagaimanapun, selepas tahun 1998 Jawatankuasa ini tidak wujud lagi.

Pada pendapat Audit, struktur pengurusan Majlis adalah tidak lengkap dan urusan pentadbirannya tidak jelas kerana Jawatankuasa Tertinggi yang ditubuhkan pada tahun 1998 tidak diteruskan selepas itu. Dengan itu pelantikan Pengarah Majlis adalah tidak teratur kerana pelantikannya hendaklah dibuat oleh Jawatankuasa ini.

c) Pengauditan Penyata Kewangan Tahunan Majlis

Menurut pendapat Peguam Negeri, Majlis adalah sebuah Badan Berkanun Negeri. Ini bermakna Majlis hendaklah menggunakan Undang-Undang Malaysia Akta 240-Akta Badan Berkanun (Akaun Dan Laporan Tahunan) 1980. Mengikut perenggan 5(1) Bahagian III Akta ini, setiap badan berkanun hendaklah menyimpan akaun dan rekod kewangannya mengikut prinsip perakaunan yang diterima umum, menyedia penyata akaun setiap tahun dan mengemukakan penyata akaun tahunannya kepada Ketua Audit Negara untuk diaudit. Semakan Audit mendapati Majlis telah melantik Tetuan Hanafiah Roslan & Mohamad sejak tahun 1998 untuk menyedia dan mengaudit akaun tahunan Majlis. Penyata akaun tahunan kemudiannya diserahkan kepada Majlis untuk

ditandatangani oleh Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan Bendahari Majlis. Amalan ini adalah bertentangan dengan seksyen 9 Akta Syarikat 1965 (Akta 125) yang mana sesuatu firma perakaunan tidak dibenarkan menyedia dan mengaudit akaun yang sama. Dari tahun 1998 hingga 2005, sejumlah RM56,037 telah dibayar kepada juruaudit swasta berkenaan. Yuran untuk menyedia dan mengaudit telah meningkat daripada RM3,408 pada tahun 1998 menjadi RM9,764 pada tahun 2002 sehingga sekarang. Semakan Audit seterusnya mendapati, tiada kelulusan diperolehi dan tiada perjanjian kontrak ditandatangani antara Majlis dan juruaudit tersebut bagi menjaga kepentingan Majlis. Selain itu, skop dan syarat pelantikan juruaudit swasta tidak diperincikan.

Pada pendapat Audit, tindakan Majlis melantik firma swasta dan membenarkan firma yang sama untuk menyedia dan mengaudit akaun Majlis adalah bertentangan dengan perundangan dan etika perakaunan dan pengauditan yang diterima umum. Ini juga bertentangan dengan konsep kebebasan mengikut seksyen 9 Akta Syarikat 1965 (Akta 125).

30.2.4 Pelan 10 Tahun Pembangunan Sukan Berprestasi Tinggi

Pada tahun 1998, Setiausaha Tetap Kementerian telah dipertanggungjawab untuk menyedia Kertas Kerja berhubung Pelan Induk 10 Tahun. Sehubungan itu, pada akhir bulan April 1999, Majlis ada menyediakan Cadangan Pertama Pelan Pembangunan 10 Tahun Untuk Sukan Berprestasi Tinggi Di Sarawak (2000-2010). Tujuan penyediaan pelan ini adalah untuk mendapat kelulusan Kerajaan Negeri sebagai persiapan Malaysia menawar diri untuk menjadi tuan rumah Sukan Asia 2006, Olimpik 2008 dan Sarawak sebagai tuan rumah SUKMA 2010. Cadangan pertama tersebut telah dikemukakan oleh Pengarah Majlis kepada Menteri Pembangunan Sosial dan Urbanisasi Sarawak pada awal bulan Februari 2001 untuk kelulusan Kabinet. Semakan Audit mendapati cadangan pelan ini tidak diteruskan kerana Majlis terlibat dengan persiapan kejohanan SUKMA Ke-10. Bagaimanapun, tindakan susulan untuk menyediakan Pelan 10 Tahun selepas SUKMA tidak diteruskan. Dengan itu, Majlis melaksanakan program pembangunan sukan tanpa mempunyai perancangan yang sempurna. Hala tuju yang digariskan oleh Kerajaan Negeri untuk menjadikan Sarawak sebagai kuasa sukan berprestasi tinggi tidak disokong dengan perancangan yang rapi oleh Majlis.

Pada pendapat Audit, Majlis tidak mengambil tindakan proaktif bagi memastikan Pelan 10 Tahun Pembangunan Sukan diluluskan oleh Kabinet khususnya untuk

menetapkan matlamat Kerajaan Negeri bagi menjadikan Sarawak sebagai kuasa sukan di Malaysia dengan jelas.

30.2.5 Sasaran Pembangunan Sukan

Bagi menentukan kejayaan pelaksanaan program pembangunan sukan negeri, Majlis mensasarkan program seperti berikut :

a) Penubuhan Pusat Latihan

Pada tahun 2006, Majlis mempunyai 161 pusat latihan iaitu 85 Pusat Pembangunan, sebanyak 60 Pusat Cemerlang dan 16 Pusat Elit di seluruh Sarawak. Semakan Audit mendapati daripada 161 pusat latihan yang ada, sebanyak 2 telah dibina oleh Majlis, sepuluh disewa manakala 149 telah disediakan oleh pihak sekolah dan menggunakan kemudahan agensi lain seperti Polis Di Raja Malaysia dan Kementerian.

b) Atlet Dan Latihan

Semakan Audit mendapati Majlis ada menetapkan sasaran bilangan atlet yang akan dilatih di pusat latihan tetapi tidak mensasarkan jumlah atlet yang akan dihasilkan ke peringkat kebangsaan dan dunia untuk setiap sukan. Tumpuan diberi kepada penyediaan atlet untuk kejohanan SUKMA. Majlis telah menghantar seramai 369 atlet untuk menyertai pertandingan SUKMA ke-11 Tahun 2006. Seramai 185 atlet telah berjaya memungut pingat di kejohanan tersebut. Kontinjen Sarawak telah berjaya menduduki tempat Ke-2 dengan memungut 36 pingat emas daripada 370 yang dipertandingkan. Mengikut rekod Majlis, bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006 hanya 6 atlet Sarawak yang berjaya mewakili negara ke Sukan SEA, Komanwel, Olimpik dan Dunia seperti di **Jadual 73**.

Jadual 73
Atlet Sarawak Mewakili Negara Bagi Tahun 2004 Hingga 2006

Nama Atlet	Jenis Sukan	Catatan
Azlan Iskandar	Skuasy	Pemain Profesional Negara
Bryan Nickson Lomas	Terjun	• tempat ke 19 Sukan Olimpik Athen 2004 • Pingat Emas Remaja Dunia Brazil & Sukan bagi Negara Islam di Arab Saudi 2004 • Pingat Perak Sukan Komanwel Australia 2005.
Abang Erdie Fauzerul Abg. Pauzan	Pencak Silat	Pingat emas kejohanan Silat Dunia Singapura 2005
Daniel William Henry Anak Bego	Renang	Dua pingat emas <i>Singapore Olimpik Trial 2004</i> 6 pingat emas <i>Second Asian Age Group 2004</i>
Bibiana Ng	Menembak	Pingat perak Sukan Komanwel Australia 2005
Mohd Kaharuddin Ashah	Memanah	Pingat gangsa Sukan Komanwel Australia 2005

Sumber: Rekod Majlis Sukan Negeri Sarawak

Manakala pencapaian terbaik atlet Sarawak adalah pada Sukan SEA Ke-23 tahun 2006 di Manila, Filipina di mana seramai 22 atlet Sarawak telah mewakili negara dalam 13 acara sukan. Selain itu, seramai 42 atlet Sarawak masih menjalani latihan sama ada sepenuh masa di Kompleks Sukan Bukit Jalil atau ditempatkan di Sekolah Sukan Bukit Jalil. Seramai 4 lagi atlet menuntut di Sekolah Sukan Bandar Penawar Johor Baharu. Acara sukan yang terlibat ialah Badminton, Bola Sepak, Kriket, Memanah, Olahraga, Renang, Renang Berirama, Squasy, Terjun, Wushu, Berbasikal, Hoki, Bola Keranjang dan Bola Tampar. Majlis adalah disyorkan agar memberi pertimbangan yang khusus kepada jenis sukan yang lebih maju dari aspek kemudahan, penyertaan yang sedia ada dan jenis sukan yang dapat memberi peluang untuk mencapai kemenangan di pertandingan antarabangsa.

Majlis ada menyediakan program latihan sepanjang tahun untuk atlet di 3 pusat latihan berkenaan. Ini bagi memastikan atlet sentiasa dalam keadaan bersedia. Lawatan Audit ke pusat latihan mendapati:

- Latihan yang dijalankan untuk atlet di Pusat Pembangunan dan Pusat Cemerlang sukan Bola Sepak, Miri telah digabungkan. Temu bual Audit dengan jurulatih terlibat menyatakan perkara ini menyebabkan atlet menjadi kurang bersemangat. Di samping itu, program pertandingan antara pusat latihan tidak dijalankan untuk meningkatkan pencapaian atlet.
- Kurang koordinasi antara Pusat Pembangunan dan Pusat Cemerlang sukan Wushu di Sibu dan Miri dalam menyusun program latihan dan menentukan kaedah latihan yang sesuai menyebabkan atlet sukar untuk menjalani program latihan yang sepatutnya diberikan.
- Terdapat pusat latihan yang tidak aktif contohnya sukan Olahraga di Bahagian Kuching, Pencak Silat di Bahagian Limbang dan sukan Tinju di Bahagian Sibu.

Bagi memantapkan lagi program latihan, Majlis telah membelanjakan sejumlah RM4.47 juta daripada sejumlah RM3.02 juta yang diperuntukkan pada tahun 2004 hingga 2006, untuk mengadakan pemilihan antara pusat latihan, program pendedahan atau pertandingan di Pusat Pembangunan dan Pusat Cemerlang serta pendedahan atlet untuk kejohanan SUKMA. Majlis telah terlebih belanja sejumlah RM1.45 juta.

i) Pendedahan Atlet Di Peringkat Bahagian

Mengikut Garis Panduan Program Pembangunan Sukan, pertandingan antara Pusat Pembangunan dan Pusat Cemerlang hendaklah diadakan sebanyak 3 kali setahun bagi memastikan atlet sentiasa cergas. Semakan Audit mendapati pada

tahun 2006, Majlis telah membelanjakan sejumlah RM1.56 juta daripada RM1.25 juta peruntukan yang diluluskan untuk pendedahan atlet Pusat Pembangunan dan Pusat Cemerlang. Perbelanjaan lebih sejumlah RM310,000 atau 19.9% adalah kerana Majlis tidak memantau perbelanjaan yang dibuat oleh persatuan sukan. Bagaimanapun, kekerapan pertandingan dan jumlah atlet terlibat tidak dapat ditentukan kerana persatuan sukan tidak menyediakan laporan aktiviti.

ii) Pendedahan Atlet Di Peringkat Negeri

Semakan Audit mendapati Majlis telah membelanjakan sejumlah RM161,056 daripada sejumlah RM80,000 yang diperuntukkan bagi pemilihan antara pusat latihan untuk atlet SUKMA. Dengan ini, Majlis telah terlebih belanja sejumlah RM81,056. Selain itu, Majlis telah membelanjakan sejumlah RM2.75 juta daripada sejumlah RM1.69 juta yang diperuntukkan untuk pendedahan atlet di peringkat SUKMA. Daripada perbelanjaan tersebut, sejumlah RM750,000 telah dibelanjakan oleh 36 persatuan sukan untuk menjalankan program pendedahan atlet ke peringkat antarabangsa. Antaranya ialah atlet sukan Ping Pong ke Singapura, Pencak Silat ke Indonesia, Taekwondo ke Korea, Golf dan Tenis ke Australia dan acara Terjun ke China. Pemeriksaan Audit mendapati perbelanjaan yang telah dibuat oleh Persatuan Sukan Bola Keranjang sejumlah RM190,000, Persatuan Hoki sejumlah RM160,000 dan Persatuan *Tenpin Bowling* sejumlah RM120,000. Semakan Audit terhadap Minit Retreat SUKMA Ke-11 2006 mendapati sukan seperti Judo, Karatedo, Ragbi, Perahu Layar dan Bola Tampar kurang diberi pendedahan.

Bagi Projek Sprint 2008, Majlis telah membelanjakan sejumlah RM94,898 pada tahun 2006 untuk menjalankan program pemilihan atlet pecut dan jarak sederhana serta mengadakan pertandingan untuk menilai prestasi atlet. Semakan Audit mendapati seramai 65 daripada 410 atlet di Kuching dan Miri telah dipilih melalui program mencari bakat secara terbuka. Selain itu, Majlis juga telah mengambil seramai 129 atlet untuk berlatih di pusat latihan iaitu 95 orang di Pusat Pembangunan, seramai 21 orang di Pusat Cemerlang dan 13 orang ke Pusat Elit. Semakan Audit terhadap laporan Penyelaras Sukan Olahraga Dan Projek Sprint 2008 mendapati, Majlis tidak mempunyai jurulatih pecut yang bertauliah. Di samping itu, Majlis menghadapi masalah memindah atlet yang berpotensi dari luar bandar atau pedalaman ke pusat latihan.

c) Latihan Untuk Jurulatih

Antara syarat yang ditetapkan dalam Garis Panduan Program Pembangunan Sukan Majlis, jurulatih tempatan yang ditempatkan di Pusat Cemerlang hendaklah menghadiri dan lulus Kursus Sains Sukan Tahap Satu. Manakala jurulatih tempatan yang ditempatkan di Pusat Elit dikehendaki mengikuti dan lulus Kursus Sains Sukan Tahap Dua. Berdasarkan maklumat yang diperolehi, seramai 48 atau 60.8% daripada 79 jurulatih tempatan sambilan di Pusat Cemerlang serta 6 atau 50% daripada 12 jurulatih tempatan sepenuh masa di Pusat Elit tidak mempunyai sijil Sains Sukan Tahap Satu. Dengan ini, jurulatih tersebut tidak menepati syarat yang ditetapkan.

Bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006, Majlis telah membelanjakan sejumlah RM104,576 daripada peruntukan bernilai RM190,000 bagi menghantar 81 jurulatih tempatan untuk menghadiri Kursus Sains Sukan Tahap Satu dan Dua, seramai 36 jurulatih untuk latihan minda dan seramai 95 jurulatih untuk menghadiri Kem Semangat Pegawai dan Jurulatih. Selain itu, kursus sains sukan bercorak teori telah diadakan melalui Skim Kejurulatihan Kebangsaan Majlis Sukan Negara sebagai pengenalan mengenai sains sukan. Sehubungan itu, seramai 2 jurulatih Taekwando dan Judo telah dihantar untuk mengikuti seminar di luar negara iaitu di Australia dan Jepun. Semakan Audit seterusnya mendapati Majlis tidak menghantar jurulatih tempatan yang layak untuk menghadiri Kursus Sains Sukan Tahap Tiga. Majlis hendaklah memohon untuk mengelolakan Kursus Sains Sukan Tahap Tiga daripada Majlis Sukan Negara Malaysia bagi meningkatkan tahap kecekapan jurulatih tempatan.

Pada pendapat Audit, sasaran pembangunan sukan adalah kurang memuaskan kerana Majlis tidak mensasarkan bilangan atlet yang akan dihasilkan, program pendedahan atlet serta jurulatih tidak dilaksanakan dengan sempurna dan kursus yang dihadiri oleh jurulatih tempatan adalah kurang mencukupi untuk mencapai kecemerlangan dalam bidang sukan.

30.2.6 Kaedah Pelaksanaan Aktiviti Pembangunan Sukan

Semakan Audit terhadap kaedah pelaksanaan aktiviti pembangunan sukan yang dijalankan oleh Majlis untuk mengembang, membangun dan mempertingkatkan lagi mutu sukan terutama sukan berprestasi tinggi di Sarawak adalah seperti berikut :

a) Kejurulatihan Dan Kepegawaian

Pada tahun 2004 hingga 2006, sejumlah RM6.55 juta telah dibelanjakan bagi pengurusan kejurulatihan dan kepegawaian. Semakan Audit terhadap pengurusan ini mendapati:

i) Pengambilan Jurulatih Luar Negara

Pada tahun 2006, Majlis telah mengambil seramai 19 jurulatih luar negara dari negara China, Filipina, Indonesia, Rusia dan Korea untuk melatih atlet sepenuh masa. Daripada 19 jurulatih luar negara, seramai 16 telah dilantik oleh Majlis manakala 3 lagi dilantik oleh Majlis Sukan Negara. Bagi tempoh yang sama, Majlis telah membelanjakan sejumlah RM2.19 juta daripada RM2.15 juta yang diperuntukkan untuk pembayaran gaji, sewa kediaman, perubatan dan tiket penerbangan sekali dalam tempoh perkhidmatan dari negara asal. Majlis telah terlebih belanja sejumlah RM32,288. Semakan Audit mendapati Majlis tidak menetapkan kriteria untuk pemilihan jurulatih luar negara. Sebaliknya Majlis menyerahkan tanggungjawab tersebut kepada pihak persatuan sukan berkenaan dengan alasan persatuan sukan lebih arif menentukan jurulatih yang berwibawa. Jurulatih luar negara yang dicadangkan telah dikemukakan kepada Pengarah dan seterusnya kepada Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan Sosial Dan Urbanisasi untuk kelulusan.

Jurulatih luar negara dilantik secara kontrak untuk tempoh antara 6 bulan hingga 2 tahun. Majlis telah menyediakan Surat Pelantikan (Syarat dan Terma Pelantikan) untuk ditandatangani oleh jurulatih luar negara berkenaan. Semakan Audit terhadap 16 surat pelantikan jurulatih luar negara mendapati syarat dan terma kontrak pelantikan tidak sempurna seperti berikut :

- **Deskripsi Kerja** - Mengikut perenggan 2.2 surat perjanjian pelantikan, Majlis akan menyediakan deskripsi kerja bagi memudahkan jurulatih merancang, melaksana dan menilai program dan aktiviti Majlis. Bagaimanapun, deskripsi kerja untuk kesemua jurulatih tersebut tidak disediakan dan dikepil bersama surat pelantikan. Di samping itu, program latihan yang sistematik dan pemindahan ilmu dan kemahiran juga tidak disediakan.
- **Pemeriksaan Kesihatan** - Menurut perenggan 9 surat perjanjian pelantikan tersebut, jurulatih luar negara dikehendaki menjalani pemeriksaan kesihatan dengan doktor yang dilantik oleh Majlis. Semakan

Audit terhadap fail peribadi jurulatih luar negara mendapati laporan pemeriksaan kesihatan tiada disimpan di dalam fail mereka. Adalah didapati pada tahun 2004, Majlis telah membelanjakan sejumlah RM24,700 untuk pengurusan jenazah dan penghantaran balik mayat (abu) seorang Ketua Jurulatih sukan golf ke Amerika Syarikat. Beliau yang telah berkhidmat mulai awal bulan Januari 2003 telah meninggal dunia akibat serangan jantung pada akhir bulan Disember 2003. Perbelanjaan luar jangka ini telah dicaj di bawah Kod Pecahan Untuk Pendedahan Atlet.

- **Komunikasi/ Kefasihan Berbahasa** - Menurut perenggan 19, Syarat Dan Terma Pelantikan, jurulatih luar negara dikehendaki fasih berbahasa Malaysia atau Inggeris untuk berkomunikasi dengan atlet dan pegawai sukan dalam masa 6 bulan pertama pelantikan. Majlis akan menentukan tahap lisan dan penulisan melalui standard ujian penilaian. Namun tiada bukti menunjukkan ujian tersebut pernah dijalankan. Menurut laporan Penyelaras Sukan dan temu bual Audit dengan jurulatih tempatan dan atlet mendapati sebilangan jurulatih luar negara mempunyai masalah berkomunikasi. Masalah yang dihadapi oleh jurulatih luar negara seperti dari Negara China bagi sukan Badminton, Wushu dan Renang serta Rusia untuk sukan Menembak adalah berkomunikasi dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris. Atlet dan jurulatih tempatan menghadapi masalah untuk memahami latihan yang diberikan oleh jurulatih luar negara. Oleh itu, keberkesanan latihan kepada atlet dan pemindahan pengetahuan antara jurulatih luar negara dan jurulatih tempatan tidak dapat dilakukan. Pelan susulan tidak disediakan bagi memastikan pemindahan pengetahuan dilakukan oleh jurulatih luar negara sebelum tamat kontrak mereka.
- **Pembayaran Gaji** - Bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006, sejumlah RM1.83 juta telah dibelanjakan untuk pembayaran gaji 19 jurulatih luar negara. Majlis telah menanggung sejumlah RM1.52 juta daripada perbelanjaan tersebut manakala gaji 3 jurulatih luar negara bernilai RM307,800 ditanggung oleh Majlis Sukan Negara. Gaji yang ditawarkan oleh Majlis adalah antara RM2,500 hingga RM5,700 sebulan berdasarkan persetujuan rundingan antara Majlis dan jurulatih berkenaan. Mengikut perjanjian, bayaran gaji hendaklah dibayar terus kepada jurulatih. Semakan Audit mendapati semua gaji telah dibayar terus kepada jurulatih berkenaan kecuali gaji jurulatih sukan Tennis bernilai RM4,180 sebulan yang telah dibayar melalui cek atas nama Persatuan Tennis Sarawak.

Semakan Audit seterusnya mendapati surat pelantikan untuk 3 jurulatih luar negara untuk sukan Ping Pong pada tahun 2004 tidak dapat dikemukakan untuk pengauditan. Dengan itu, pihak Audit tidak dapat mengesahkan kesahihan gaji yang dibayar oleh Majlis kepada 3 jurulatih tersebut.

Pada pendapat Audit, pengambilan jurulatih luar negara untuk melatih atlet adalah kurang memuaskan. Majlis tidak menetapkan kriteria bagi pelantikan jurulatih luar negara dan memastikan syarat dan terma kontrak pelantikan dipatuhi sepenuhnya. Akibatnya, atlet tidak dapat memanfaatkan perkhidmatan jurulatih luar negara serta pemindahan ilmu terhadap latihan sukan tidak tercapai dan Majlis terpaksa menanggung kos yang tinggi.

ii) Pengambilan Jurulatih Tempatan Sepenuh Masa

Pada tahun 2006, Majlis telah mengambil seramai 23 orang jurulatih tempatan sepenuh masa untuk melatih atlet di Pusat Pembangunan dan Pusat Cemerlang. Kesemua pelantikan jurulatih tempatan sepenuh masa adalah secara kontrak untuk tempoh antara 1 hingga 2 tahun. Semakan Audit mendapati jurulatih tempatan sepenuh masa dibayar gaji antara RM495 hingga RM3,000 sebulan. Pada tahun 2006, Majlis telah membayar gaji sejumlah RM1.01 juta kepada jurulatih tersebut. Bagaimanapun, Majlis tidak menetapkan kriteria untuk pengambilan jurulatih tempatan sepenuh masa dan jawatan jurulatih tersebut tidak diiklankan.

Semakan Audit terhadap pelantikan jurulatih tempatan sepenuh masa yang dikeluarkan oleh Majlis mendapati :

- Mulai bulan Julai 2005, seorang kakitangan Majlis telah memegang 2 tugas iaitu sebagai Pembantu Am Rendah Gred N1 dan jurulatih sukan Olahraga sepenuh masa. Ini adalah kerana Majlis menghadapi masalah kekurangan jurulatih. Bagaimanapun, elaun kejurulatihan tidak diberi memandangkan beliau adalah kakitangan Majlis.
- Majlis telah melantik seorang jurulatih tempatan di bawah umur 18 tahun untuk sukan Gimrama pada awal bulan Januari 2006. Pada tarikh pelantikan, jurulatih berkenaan baru berusia 17 tahun 2 bulan iaitu belum genap 18 tahun. Pelantikan ini adalah bertentangan dengan Bab II perenggan 5(1) perintah-perintah Am Perkhidmatan Awam Kerajaan

Negeri, 1996 yang tidak membenarkan majikan mengambil pekerja di bawah umur.

- Majlis tidak meletakkan syarat seperti pemeriksaan kesihatan oleh doktor dan perlindungan insurans untuk jurulatih tempatan terutama bagi jurulatih sukan Bola Keranjang yang telah berusia 57 tahun.
- Menurut surat perjanjian antara Majlis dengan jurulatih dari Semenanjung Malaysia, Majlis akan menyediakan kemudahan tempat tinggal mengikut kadar sewa yang dipersetujui oleh Majlis. Bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006, seramai 7 jurulatih dari Semenanjung telah diberi kemudahan tempat tinggal oleh Majlis. Kos sewa sejumlah RM163,700 telah dikenakan kepada kod perbelanjaan Gaji Jurulatih Luar negara. Namun terdapat seorang jurulatih dari Kuching, Sarawak untuk sukan Olahraga yang diberi tempat kediaman oleh Majlis dengan kadar sewa sejumlah RM1,000 sebulan bernilai RM14,000 telah di caj di bawah Kod Perbelanjaan Gaji Jurulatih Luar negara. Sedangkan mengikut Syarat Dan Terma Pelantikan yang dibuat pada awal bulan November 2005, Majlis tidak memperuntukkan kemudahan tempat tinggal pada jurulatih berkenaan dan didapati tiada sebarang surat kelulusan dikemukakan.
- Majlis telah menyewa sebuah rumah di Matang, Kuching untuk seorang jurulatih dari Semenanjung Malaysia bagi sukan Berbasikal. Namun tempat bertugas jurulatih berkenaan adalah di pusat latihan Kem Pueh, Sematan iaitu 150 kilometer dari Matang. Selain dibayar elaun perjalanan sejumlah RM500 sebulan beliau juga diberi kemudahan menduduki kuarters di Kem Pueh, Sematan. Pada pendapat Audit, jurulatih berkenaan hanya layak diberi salah satu daripada kemudahan tersebut bukan kedua-duanya sekali.
- Majlis telah menetapkan bayaran elaun perjalanan bulanan kepada 8 jurulatih tempatan untuk sukan Memanah, Angkat Berat, Berbasikal, Lawan Pedang, Renang, Terjun dan Olahraga. Kadar elaun yang dibayar adalah antara RM150 hingga RM500 sebulan tanpa mengambil kira sama ada menjalankan latihan atau tidak. Di samping itu, Majlis tidak menetapkan asas kiraan kadar dan justifikasi bagi pembayaran elaun tetap tersebut.
- Seramai 4 kakitangan Majlis iaitu 2 Pembantu Belia Dan Sukan Gred S17 dan 2 Pembantu Am Rendah Gred N1 yang dibayar gaji bulanan juga telah dibayar Elaun Kejurulatihan antara RM500 hingga RM750 sebulan. Elaun bernilai RM58,500 telah di caj di bawah Kod Perbelanjaan Untuk

Penyenggaraan Dan Peralatan Pejabat. Jurulatih terlibat adalah untuk sukan Bola Sepak, Renang, Silat dan Boling Padang.

- Pada awal bulan Disember 2003, Majlis Sukan Negara telah menghantar seorang jurulatih untuk membantu Majlis melatih atlet sukan Skuasy. Adalah didapati jurulatih berkenaan telah menginap di sebuah hotel selama 9 bulan 15 hari dengan kadar RM1,440 sebulan. Kos penginapan sejumlah RM13,680 telah dibayar oleh Majlis di bawah Kod Perbelanjaan Gaji Jurulatih Luar negara. Semakan Audit seterusnya mendapati tiada sebarang pengesahan atau perjanjian bertulis mengenai penghantaran jurulatih ini oleh Majlis Sukan Negara.

Pada pendapat Audit, pengambilan jurulatih tempatan sepenuh masa kurang memuaskan kerana kriteria pengambilan tidak ditetapkan dan pelantikan dibuat tidak mengambil kira kepentingan Kerajaan. Akibatnya, berlaku pengambilan jurulatih yang di bawah umur dan pembayaran tidak mengikut peraturan kewangan. Majlis perlu menyediakan kriteria pengambilan dan mematuhi terma perjanjian sewajarnya.

iii) Pengambilan Jurulatih Tempatan Sambilan

Pada tahun 2006, Majlis telah mengambil seramai 188 orang jurulatih tempatan secara sambilan untuk melatih atlet di Pusat Pembangunan, Pusat Cemerlang dan Pusat Elit. Pelantikan jurulatih tempatan sambilan tertakluk kepada syarat yang terkandung dalam Garis Panduan Program Pembangunan Sukan Majlis iaitu Garis Panduan Pelantikan Jurulatih. Bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006, Majlis telah membayar elaun sejumlah RM1.91 juta kepada 12 jurulatih di Pusat Elit, seramai 79 jurulatih di Pusat Cemerlang dan 97 jurulatih di Pusat Pembangunan yang terdiri daripada bekas atlet, guru atau individu yang berminat dalam sukan berkenaan. Semakan Audit terhadap rekod pengurusan jurulatih tempatan sambilan di Bahagian Kuching, Sibu dan Miri mendapati perkara berikut :

- Mengikut perenggan 5 Garis Panduan Pelantikan Jurulatih, bayaran elaun akan dibayar setelah menerima Laporan Kemajuan Bulanan yang disediakan oleh jurulatih berkenaan dan disahkan oleh Pegawai Penguasa Bahagian. Semakan Audit terhadap 17 fail Laporan Kemajuan Bulanan untuk 17 jenis sukan yang berpusat di Kuching mendapati Laporan Kemajuan Bulanan untuk 11 jenis sukan tidak disediakan dari

tahun 2004 hingga 2006 manakala 6 jenis sukan lagi tidak mengemukakan laporan penuh. Namun, bayaran elaun dibayar juga kepada jurulatih berkenaan. Majlis juga tidak menyelenggarakan sebuah daftar bagi merekod dan memantau setiap pembayaran elaun.

- Seorang jurulatih sambilan sukan Wushu di Miri tidak menerima elaun bulanan sejumlah RM350 dari bulan Julai 2005 hingga Mei 2006 bernilai RM3,850 walaupun mengikut Laporan Kemajuan Bulanan latihan ada dijalankan. Semakan Audit terhadap fail peribadi jurulatih sambilan mendapati seramai 11 jurulatih di Miri diambil bekerja tanpa surat tawaran dan 31 jurulatih tiada menerima surat pelantikan daripada Majlis.
- Seramai 5 jurulatih sukan Hoki, Badminton, Ragbi, Olahraga dan Boling Padang di Miri tidak ditamatkan perkhidmatannya walaupun tidak lagi melatih atlet.
- Mengikut Garis Panduan Pelantikan Jurulatih, jurulatih di bawah Program Pembangunan Sukan Negeri Sarawak tidak dibenarkan mengenakan sebarang yuran bulanan terhadap atlet. Namun lawatan Audit ke Majlis Sukan Negeri Bahagian Miri mendapati jurulatih sukan Wushu dan Memanah telah mengutip bayaran bulanan sejumlah RM35 dan RM50 sebulan daripada atlet. Manakala di Bahagian Sibu, atlet dikenakan bayaran bulanan sejumlah RM25 untuk menyertai sukan Tenpin Boling. Alasan yang diberikan oleh jurulatih berkenaan adalah bantuan kewangan daripada Majlis tidak mencukupi untuk membiayai kos kemudahan sukan, tiada bantuan peralatan sukan dan kekurangan jurulatih untuk melatih atlet yang ramai.
- Menurut perenggan 4.2 Garis Panduan Pelantikan Jurulatih, jurulatih tempatan sambilan hendaklah dinilai secara bulanan dalam tempoh percubaan selama 3 bulan. Semakan Audit mendapati Laporan Penilaian tidak disediakan untuk kesemua 188 jurulatih berkenaan. Dengan itu, prestasi dan kemajuan kerja jurulatih tidak dapat dinilai dan dipantau.

Pada pendapat Audit, pengambilan jurulatih tempatan sambilan adalah kurang memuaskan kerana tidak mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan. Akibatnya, Majlis tidak dapat memantau perkembangan sukan dan prestasi atlet serta jurulatih.

iv) Penyelaras Sukan

Pada tahun 2006, Majlis telah melantik 16 Penyelaras Sukan untuk memantau dan menyelaras program pembangunan sukan bagi 25 jenis sukan. Penyelaras Sukan tersebut terdiri daripada 14 kakitangan Majlis pelbagai gred jawatan serta 2 kakitangan Majlis Sukan Negara. Semakan Audit mendapati tugas dan tanggungjawab Penyelaras Sukan tidak disediakan secara bertulis dan ditandatangani oleh Pegawai Penyelia bagi memastikan ianya dijalankan dengan cekap dan berkesan.

Pada pendapat Audit, pelantikan Penyelaras Sukan adalah kurang memuaskan kerana tugas dan tanggungjawab tidak dinyatakan secara terperinci. Akibatnya, penyelarasan tugas antara penyelaras sukan dan daerah tidak dapat dibuat.

b) Pembangunan Atlet

Bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006, sejumlah RM1.64 juta daripada peruntukan sejumlah RM2.11 juta telah dibelanjakan untuk pengurusan program pembangunan atlet. Semakan Audit terhadap program ini mendapati :

i) Pengambilan Atlet

Pengambilan atlet adalah melalui kejohanan sekolah, Kem Bakat, Klinik Sukan Asas dan Majlis Sukan-Sukan Sekolah Malaysia. Bagaimanapun, pengambilan atlet ke Pusat Pembangunan tidak dapat dilakukan secara terbuka. Ini adalah kerana tiada sekolah sukan yang rasmi ditubuhkan sebagai pusat untuk menempatkan atlet seluruh Sarawak menjalankan program latihan dengan lebih bersepadu dan sistematik. Tambahan pula pusat latihan yang disediakan oleh Majlis kebanyakannya terletak di sekolah yang berminat, sanggup mengurus dan menyediakan kemudahan yang diperlukan sahaja. Contohnya, pengambilan atlet untuk sukan Memanah, Lawan Pedang dan Taekwando di SMK Riam, Miri tertumpu kepada murid sekolah berkenaan sahaja. Pihak Audit juga mendapati tiada rekod menunjukkan ujian pemilihan dijalankan bagi pengambilan atlet untuk Pusat Pembangunan.

Pada pendapat Audit, proses pemilihan atlet dan penempatan di Pusat Pembangunan tidak dapat dibuat dengan sempurna kerana Majlis tidak mempunyai kemudahan sewajarnya. Penempatan berdasarkan kepada kesediaan sekolah tertentu hanya memberi peluang kepada atlet yang

berdaftar di sekolah itu sahaja. Dengan itu pemilihan atlet tidak menggambarkan atlet yang terbaik. Akibatnya, atlet yang mewakili Sarawak berkemungkinan bukanlah atlet yang terbaik.

ii) Latihan Melalui Kaedah Sains Sukan

Majlis ada menyediakan unit perubatan sukan dengan bantuan pihak hospital Kerajaan semasa kejohanan SUKMA, merancang kaedah latihan, menyediakan perkhidmatan nasihat serta motivasi oleh psikologi, memberi pendidikan melalui kursus, seminar serta bengkel, menyelia Pusat Latihan Bebanan serta peralatannya dan pemakanan semasa pertandingan. Bagaimanapun, Majlis belum lagi mempunyai pakar untuk psikologi sukan, pendidikan sukan, latihan fisiologi, pemakanan dan biomekanik untuk pemilihan peralatan sukan. Pusat sains sukan yang ditubuhkan belum dilengkapi dengan unit seperti klinik sukan sepenuh masa dan makmal untuk penyelidikan. Aspek seperti menjalankan penyelidikan serta ujian untuk kecergasan fizikal belum dapat dijalankan kerana tiada kepakaran dan kemudahan.

Pada pendapat Audit, latihan yang dijalankan berdasarkan kaedah saintifik adalah kurang memuaskan. Majlis tidak mempunyai tenaga kepakarannya sendiri dalam bidang sains sukan, kemudahan klinik dan makmal sukan. Ini boleh menjejaskan pencapaian atlet.

iii) Diet Pemakanan Atlet

Atlet yang terpilih untuk mewakili SUKMA akan ditempatkan di Kem Kontinjen SUKMA selama setengah bulan untuk menghadiri latihan secara berpusat. Di Kem Kontinjen ini atlet akan dikawal dan dijaga dari segi kesihatan, kecergasan dan pemakanan. Lawatan Audit ke Kem Kontinjen tersebut pada 22 Mei 2006 mendapati Majlis belum lagi memberi penekanan kepada pemakanan atlet. Makanan yang dibekalkan di Kem tersebut tidak berdasarkan kepada diet pemakanan yang betul tetapi hanya berdasarkan kepada menu yang disediakan oleh Majlis tanpa merujuk kepada pakar pemakanan. Ini disahkan oleh Urus setia Kem Kontinjen SUKMA Majlis semasa temu bual dijalankan. Pemeriksaan mengejut yang dijalankan oleh Audit ke ruang dapur mendapati penyediaan makanan oleh pihak pembekal adalah kurang memuaskan dari segi kebersihan seperti di **Foto 72** dan **Foto 73**.

Foto 72
Keadaan Dapur Yang Kotor



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak
Tarikh : 22.05.2006
Lokasi: Kem Kontingen, Kolej Multimedia, Petra Jaya

Foto 73
Ruang Dapur Yang Tidak Terurus



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak
Tarikh : 22.05.2006
Lokasi: Kem Kontingen, Kolej Multimedia, Petra Jaya

Pada pendapat Audit, pihak Majlis kurang memberi tumpuan kepada pemakanan atlet yang merupakan faktor penting dalam pembentukan seorang atlet yang cemerlang. Pihak Majlis sepatutnya menggunakan peluang ini untuk memantau setiap atlet dari segi kesihatan, kecergasan, siri latihan dan pemakanan kerana mereka sudah berkampung di Kem tersebut.

30.2.7 Insentif Sukan

Bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006, Majlis telah membelanjakan sejumlah RM1.73 juta untuk pembayaran insentif dan pengiktirafan sukan. Semakan Audit mendapati perkara berikut :

a) Bantuan Insentif Atlet

Bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006, sejumlah RM339,850 telah dibelanjakan untuk pembayaran Elaun Atlet Elit. Majlis juga telah membelanjakan RM336,522 daripada peruntukan sejumlah RM430,000 untuk Elaun Insentif Atlet termasuk Elaun Makanan Tambahan, yuran pengajian dan Elaun Khas Atlet. Elaun Khas Atlet dibayar kepada 13 atlet Elit untuk sukan Memanah, Basikal, Skuasy, *Tenpin Bowling*, Olahraga dan Bola Keranjang bagi tempoh 6 bulan dengan kadar antara RM250 hingga RM500 sebulan. Semakan Audit mendapati Majlis tidak menetapkan asas bagi pemberian Elaun Khas Atlet yang bernilai RM65,200.

b) Insentif Pengajian Di Luar Negara

Pada bulan November 2003, Jawatankuasa Pengurusan Majlis telah meluluskan permohonan bantuan biasiswa sejumlah RM105,000 kepada Encik Die Ung Anak Manggang untuk melanjutkan pelajarannya di *Physical Education Department (Swimming) Beijing Sports University, China*. Tempoh pengajian ialah 4 tahun mulai bulan September 2003 hingga September 2007. Ini adalah sebagai tanda penghargaan Kerajaan Negeri terhadap sumbangan serta jasa bakti beliau mengharumkan nama Negeri Sarawak di persada dunia dalam arena sukan akuatik. Semakan Audit mendapati pada akhir bulan November 2005, Jawatankuasa Pengurusan Majlis telah memutuskan untuk menukar tawaran biasiswa beliau kepada Skim Insentif sejumlah RM111,353 untuk tempoh pengajian tersebut. Ini adalah kerana terdapat kesilapan dalam tawaran asal yang mana Majlis tidak memberi biasiswa kepada atlet tetapi menyedia Skim Insentif Atlet. Alasan Majlis untuk menambah bantuan sejumlah RM6,353 adalah disebabkan peningkatan kadar pertukaran wang luar negara dan kos sara hidup di China. Bagaimana pun, surat perjanjian baru lewat disediakan dan hanya ditandatangani pada awal bulan Februari 2006. Semakan Audit seterusnya mendapati syarat supaya beliau diikat janji untuk berkhidmat dengan Majlis atau Kerajaan Negeri Sarawak selepas tamat pengajian tidak dinyatakan bagi menjaga kepentingan Kerajaan. Sehingga tahun 2006, Majlis telah berbelanja sejumlah RM37,348 untuk membiayai kos pengajian atlet tersebut.

c) Skim Insentif Kemenangan SUKMA

Bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006, daripada peruntukan sejumlah RM889,100, Majlis telah membelanjakan sejumlah RM780,816 untuk pembayaran Skim Insentif Kemenangan SUKMA. Semakan Audit mendapati daripada perbelanjaan tersebut, Majlis telah membayar sejumlah RM438,000 (56.2%) kepada atlet, sejumlah RM69,000 (8.8%) kepada persatuan sukan, sejumlah RM204,753 (26.9%) kepada jurulatih dan Pengurus Pasukan serta sejumlah RM69,063 (8.8%) untuk merayakan kemenangan atlet. Pada tahun 2006, daripada jumlah insentif RM348,726 skuad Renang telah menerima Insentif Atlet SUKMA Ke-11 yang tertinggi iaitu RM79,150 diikuti oleh Ping Pong RM51,308 dan skuad Olahraga RM51,445. Semakan Audit seterusnya mendapati pembayaran insentif tambahan sejumlah RM4,000 kepada atlet Renang, Encik Brian Lim dibuat secara tunai tanpa sebarang kenyataan atau kelulusan bertulis. Manakala seramai 7 jurulatih tempatan sepenuh masa Majlis turut menerima insentif sejumlah RM20,550 sebagai Ketua Jurulatih dan Penolong Jurulatih semasa SUKMA tahun 2004 dan 2006. Pembayaran insentif diberi kepada

jurulatih tempatan yang dapat menghasilkan atlet dan menyumbang pingat di SUKMA. Bagaimanapun, pemberian insentif ini tidak dinyatakan dalam surat perjanjian kontrak pelantikan jurulatih sukan. Selain itu, Majlis tidak menyediakan garis panduan bagi menentukan kategori jurulatih yang layak menerima insentif. Majlis perlu menyediakan garis panduan yang komprehensif terhadap pemberian insentif dan pengiktirafan.

d) Majlis Anugerah Sukan

Majlis Penyampaian Anugerah Sukan Tahun 2004 telah diadakan pada tahun 2005. Majlis telah membelanjakan sejumlah RM277,195 daripada peruntukan sejumlah RM200,000 untuk mengadakan majlis tersebut di Hotel Crown Plaza Riverside, Kuching. Dengan ini, Majlis telah terlebih belanja sejumlah RM77,195. Semakan Audit mendapati daripada perbelanjaan sejumlah RM277,195 tersebut, sebanyak 15.2% atau RM42,000 adalah untuk pembayaran insentif, sejumlah RM46,380 atau 16.71% untuk cenderahati dan baki sejumlah RM188,815 atau 68.1% adalah untuk penyediaan pakaian, makanan dan rakaman video. Semakan Audit seterusnya mendapati sebut harga tidak dipelawa bagi perkhidmatan menyedia makanan sejumlah RM29,633 dan pembelian piala bernilai RM18,000.

Pada pendapat Audit, pemberian insentif sukan adalah tidak memuaskan kerana tidak mengurus dengan sempurna. Pembayaran elaun khas kepada atlet tidak mempunyai asas. Pembayaran amaun yang besar untuk tujuan individu seperti insentif pengajian perlulah mempunyai perjanjian serta komitmen daripada penerima bagi menjaga kepentingan Kerajaan.

30.2.8 Kemudahan Sukan

Kemudahan sukan yang disediakan oleh Majlis adalah seperti pusat latihan, peralatan sukan, pengangkutan, penginapan dan pakaian sukan untuk para atlet semasa menjalankan latihan. Semakan Audit mendapati Majlis tidak mempunyai Kompleks Sukan Bersepadu sendiri yang dilengkapi dengan segala keperluan asas sukan seperti blok pentadbiran, pusat sumber sukan, Pusat Sains Sukan, klinik sukan, stadium, asrama, stor peralatan sukan dan kemudahan latihan seperti gimnasium, gelanggang, padang dan kolam renang. Oleh itu, Majlis menyediakan pusat latihan melalui kaedah sewaan, membina sendiri atau mengguna kemudahan agensi lain seperti pihak sekolah, Kementerian Pembangunan Sosial Dan Urbanisasi dan Polis Di Raja Malaysia.

a) Kompleks Sukan

Infrastruktur asas sukan seperti Kompleks Sukan, kolam renang dan Stadium Mini ada disediakan dan dibina oleh Kementerian Pembangunan Sosial Dan Urbanisasi di seluruh Negeri Sarawak. Namun, pengurusannya telah diserahkan kepada Dewan Suarah, Perbadanan Stadium dan Pihak Berkuasa Tempatan. Contohnya, pengurusan Stadium Negeri, Stadium Sarawak, Stadium Perpaduan, Stadium Hoki, Gelanggang Boling Padang dan Padang Sukan, Kuching telah diserahkan kepada Perbadanan Stadium mulai tahun 2001. Manakala di Miri, pengurusan Stadium Tertutup, Stadium Terbuka, Kolam Renang, Kampung Sukan dan Pusat Tenis diserahkan kepada Dewan Suarah. Dengan ini, Majlis menghadapi masalah untuk mendapat keutamaan dalam penggunaan kemudahan ini. Semakan Audit terhadap rekod penggunaan Stadium Tertutup di Miri yang diurus oleh Dewan Suarah bagi tempoh tahun 2005 hingga 2006 mendapati, daripada 326 penggunaan hanya 55 kali atau 17% diguna oleh persatuan sukan untuk latihan manakala 271 atau 83% diguna untuk aktiviti Kerajaan, pihak swasta dan sekolah. Selain itu, menurut perenggan 9.2 Minit Mesyuarat Bersama Setiausaha Tetap, Kementerian Pembangunan Sosial dan Urbanisasi bertarikh 31 Mac 2006, skuad SUKMA diminta supaya mengguna Dewan Kampung Sukan, Miri untuk berlatih dan hanya dibenarkan mengguna Stadium Tertutup, Miri sekiranya tidak bercanggah dengan aktiviti Pejabat Pembangunan Sosial Dan Urbanisasi Bahagian Miri.

b) Pusat Latihan Sukan

Bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006, Majlis telah membelanjakan sejumlah RM824,175 daripada peruntukan sejumlah RM710,000 bagi menyewa premis perniagaan untuk dijadikan sebagai Pusat Pembangunan, Pusat Cemerlang dan Pusat Elit. Majlis telah terlebih belanja sejumlah RM114,175. Analisis Audit mendapati sewaan tertinggi adalah untuk pusat sukan *tenpin bowling* sejumlah RM278,928 dan diikuti oleh sewaan kolam renang sejumlah RM150,000. Semakan Audit mendapati Majlis telah menyewa 5 pusat latihan untuk sukan *tenpin bowling* iaitu 3 di Kuching, sebuah di Sibu dan sebuah lagi di Miri. Namun, tiada surat perjanjian sewa ditandatangani antara Majlis dengan pemilik pusat tersebut bagi menjaga kepentingan Majlis.

Di samping itu, Majlis tidak mempunyai pusat latihan sendiri untuk menempatkan atlet negeri untuk persiapan ke pertandingan seperti SUKMA dan kejohanan kebangsaan. Majlis terpaksa berbelanja sejumlah RM270,845 untuk menyewa pusat latihan swasta termasuk kos penginapan, makanan dan kemudahan sukan

untuk kem kontinjen Sarawak semasa persiapan kejohanan SUKMA Ke-10 dan Ke-11. Lawatan Audit ke pusat latihan di Kuching, Sibu dan Miri mendapati :

- Lokasi pusat latihan tidak setempat. Di Sibu dan Miri, sebanyak 33 pusat latihan terletak di Sekolah Menengah Kerajaan dan sebanyak 15 terletak di premis perniagaan. Manakala lokasi Pusat Pembangunan dan Pusat Cemerlang sukan Angkat Berat di Miri agak terpencil dan sukar untuk dilawati. Ini menyukarkan latihan dan pemantauan dilakukan.
- Lawatan Audit ke Pusat Cemerlang di Kem Kemuyang, Sibu pada bulan Julai 2006 mendapati gelanggang Tinju bernilai RM23,350 yang dibina pada awal bulan Jun 2002 telah dibaiki pada awal bulan Jun 2005 dengan kos RM12,100. Bagaimanapun, gelanggang tersebut tidak dimanfaatkan sejak bulan Disember 2005 kerana tiada jurulatih seperti di **Foto 74**.

Foto 74
Gelanggang Tinju Dengan Kos RM23,350
Tidak Digunakan Sejak Bulan Disember 2005



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak
Tarikh: 04.07.2006
Lokasi: Kem Belia, Kemunyang, Sibu

- Gelanggang Tinju di Santubong, Kuching bernilai RM47,980 yang dibina oleh Majlis pada akhir bulan Jun 2006 belum lagi digunakan setakat lawatan Audit pada bulan September 2006. Majlis memilih lokasi ini dengan harapan mendapat sambutan daripada belia di Pusat Latihan Pembangunan Belia, Rampangi, Santubong kerana sukan Tinju tidak digalakkan di sekolah. Gelanggang Tinju yang belum digunakan sejak dibina adalah seperti di **Foto 75**.

Foto 75
Gelanggang Tinju Dengan Kos RM47,980
Tidak Di Gunakan Sejak Di Bina Pada Bulan Jun 2006



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak
Tarikh: 18.07.2006
Lokasi: PLPB , Rampangi, Santubong

- Bagi sukan Menembak, Majlis mengguna lapang sasar Polis Di Raja Malaysia di Batu Kawa, Kuching sejak tahun 1994 kerana tidak mempunyai lapang sasar sendiri. Lawatan Audit ke pusat latihan Menembak tersebut mendapati lapang sasar tidak disenggarakan dengan sempurna. Majlis telah membelanjakan sejumlah RM94,352 untuk pengubahsuaian, pembaikan dan penyenggaraan lapang sasar tersebut bagi tahun 2004 hingga 2006.

Pada pendapat Audit, penyediaan kemudahan sukan oleh Majlis adalah tidak diurus dengan cekap dan sempurna. Lokasi pusat latihan yang tidak setempat dan kurang bersesuaian menyebabkan latihan dan pemantauan sukar dijalankan. Majlis juga menghadapi masalah untuk mendapat keutamaan dalam menjalankan aktiviti latihan dengan menggunakan kemudahan Kementerian. Manakala penyewaan pusat sukan untuk tujuan latihan melibatkan kos yang tinggi. Keadaan ini menyebabkan hasrat untuk meningkatkan kemahiran atlet bagi mencapai prestasi yang tinggi tidak akan tercapai.

c) Peralatan Sukan

Bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006, Majlis telah membelanjakan RM2.67 juta daripada peruntukan sejumlah RM2.38 juta untuk peralatan sukan di Pusat

Cemerlang dan Pusat Pembangunan serta kejohanan SUKMA. Majlis telah terlebih belanja sejumlah RM292,150 pada tahun 2004 hingga 2006 untuk pembelian peralatan sukan di pusat latihan serta untuk persiapan kejohanan SUKMA. Semakan Audit mendapati daripada keseluruhan perbelanjaan, pembelian peralatan sukan Memanah adalah yang tertinggi iaitu RM441,292 (19%) diikuti oleh sukan Menembak RM349,924 (15%) dan Wushu sejumlah RM312,655 (13%). Semakan Audit seterusnya terhadap pengurusan peralatan sukan mendapati :

i) Pembelian Peralatan Sukan

- Pada tahun 2006, Majlis telah membuat bayaran bernilai RM295,454 kepada 11 persatuan sukan. Bagaimanapun, adalah sukar untuk menentukan kesahihan pembelian peralatan sukan oleh persatuan sukan terlibat kerana tiada laporan perbelanjaan dikemukakan bagi menyokong pembelian tersebut.
- Pada tahun 2004 hingga 2006, Majlis telah membelanjakan sejumlah RM135,182 untuk pembelian 10 unit basikal dan pelbagai jenis alat ganti. Pemeriksaan fizikal Audit mendapati 2 daripada 10 unit basikal bernilai RM19,800 tidak dapat dikesan kerana tiada bukti bertulis mengesahkan ianya diguna di tempat lain.

ii) Penerimaan Peralatan Sukan

- Majlis tidak melantik pegawai stor bagi memperakui penerimaan barangan. Peralatan sukan yang diterima daripada pembekal dihantar terus kepada jurulatih, persatuan sukan atau penyelaras sukan menyebabkan penyelenggaraan rekod aset tidak dapat dilakukan.
- Pembelian 7 jenis peralatan sukan Lawan Pedang bernilai RM41,020 pada bulan April 2006 hanya diterima selepas kejohanan SUKMA tamat iaitu bulan Jun 2006. Kelewatan ini telah menjejaskan pertandingan dan program latihan yang dijalankan .
- Pembelian 30 biji besbol bernilai RM900 pada tahun 2005 hanya diterima pada bulan Ogos 2006. Kelewatan ini menyebabkan bil tidak dapat dijelaskan dalam tahun 2005.

iii) Pengagihan Peralatan Sukan

- Majlis tidak menyelenggarakan daftar aset untuk merekodkan kesemua peralatan yang dibeli untuk 35 jenis sukan. Adalah didapati juga, senarai aset tidak disediakan oleh pusat latihan, persatuan sukan dan pejabat Majlis Sukan Bahagian bagi merekodkan peralatan sukan yang diterima

dari Ibu pejabat. Akibatnya, adalah sukar untuk mengesan dan melakukan pemeriksaan fizikal terhadap peralatan sukan. Contohnya, seunit *lane rope* bernilai RM5,300 untuk sukan Renang tidak dapat dikesan.

- Pemeriksaan Audit mendapati sebanyak 24 jenis peralatan sukan Pencak Silat, Olahraga dan Tinju bernilai RM47,911 untuk Pusat Pembangunan, Pusat Cemerlang dan Pusat Elit tidak dimanfaatkan. Sebanyak 7 jenis peralatan sukan Pencak Silat bernilai RM11,006 tidak diguna sejak bulan Januari 2004. Sebanyak 13 peralatan sukan Olahraga bernilai RM13,595 tidak diguna sejak bulan Jun 2006 dan Tinju bernilai RM23,010 sejak tahun 2004. Peralatan sukan tersebut masih disimpan oleh koordinator berkenaan di Ibu Pejabat Majlis di Kuching.
- Lawatan Audit ke stor peralatan sukan di Stadium Terbuka, Miri mendapati 25 batang lembing bernilai RM3,570 untuk sukan Olahraga tidak digunakan sejak dibeli pada bulan Mac 2006 kerana terlebih dibekalkan oleh pihak Ibu pejabat seperti di **Foto 76**.

Foto 76
Leming Yang Terlebih Dibekalkan



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak
Tarikh: 21.06.2006
Lokasi: Stadium Terbuka, Miri

iv) Penggunaan Peralatan Sukan

- Lawatan Audit ke stor di Petra Jaya, Kuching mendapati 37 peralatan sukan Memanah bernilai RM30,859 tidak dapat dimanfaatkan untuk latihan sebelum kejohanan SUKMA Ke-11 Tahun 2006 kerana lewat dibekalkan iaitu pada bulan Mei 2006. Peralatan tersebut juga tidak diagihkan ke pusat latihan yang memerlukan seperti Pusat Pembangunan di SMK Riam, Miri. Manakala mengikut Laporan Lawatan yang disediakan oleh Penyelaras Sukan Memanah pada tahun 2005, Pusat Pembangunan di SMK Limbang dan SMK Lawas menggunakan *target butt* yang diperbuat daripada pokok nipah. **Foto 77** menunjuk peralatan sukan yang tidak dimanfaatkan. Manakala **Foto 78** menunjuk keperluan peralatan sukan tersebut di pusat latihan SMK Riam, Miri.

Foto 77
Target Butt Tidak Diagihkan
Ke Pusat Latihan Yang Memerlukan



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak
Tarikh: 26.09.2006
Lokasi: Stor Gelanggang Gasing, Petra Jaya

Foto 78
Papan Lapis Yang Diguna Sebagai
Sasaran Memanah



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak
Tarikh: 21.06.2006
Lokasi: SMK Riam, Miri

- Satu set peralatan *Rika Home Trainer Basic Equipment* untuk sukan Menembak bernilai RM14,120 yang dibeli pada tahun 2004 tidak diguna dan disimpan oleh jurulatih sukan Menembak di dalam sebuah kontena yang telah diubahsuai menjadi stor senjata. Ini adalah bagi mengelak alat tersebut rosak kerana berlaku kebocoran teruk pada siling bangunan lapang sasar yang menyebabkan 1 set lagi bernilai RM14,120 rosak. **Foto 79** menunjukkan peralatan yang rosak dan tidak digunakan lagi.

Foto 79
Rika Home Trainer Basic Equipment
Bernilai RM14,120 Tidak Digunakan



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak
Tarikh: 18.07.2006
Lokasi: Armouri Polis Di Raja Malaysia di Batu Kawa, Kuching

v) Penyimpanan Peralatan Sukan

- Majlis tidak mempunyai stor pusat untuk menempatkan peralatan sukan yang diterima daripada pembekal. Oleh itu, peralatan sukan diletak di merata tempat termasuk di bawah meja pegawai seperti di **Foto 80**, di rumah jurulatih dan di premis swasta atau persatuan sukan menyebabkan peralatan sukan sukar dikesan.

Foto 80
Peralatan Sukan Olahraga Diletak Di Bawah Meja Pegawai MSN



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak
Tarikh: 21.07.2006
Lokasi: Pejabat MSNS, Kuching

- Lawatan Audit ke pusat latihan Wushu dan Renang di Kuching mendapati Majlis tidak ada stor untuk menyimpan peralatan sukan. Oleh itu, karpet bernilai RM140,000 yang dibeli oleh Persatuan Wushu terpaksa disimpan di sudut Dewan Koperasi Hijau, Tabuan Jaya, Kuching seperti di **Foto 81**.
- Lawatan Audit ke Kolam Renang, Stampark, Kuching mendapati sebanyak 8 keping tikar/tilam senaman untuk sukan Renang bernilai RM2,000 dibiarkan terdedah kepada cuaca seperti di **Foto 82**.

Foto 81
Karpet Wushu Disimpan Di
Dewan Koperasi Hijau



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak
Tarikh: 21.07.2006
Lokasi: SMK Tabuan Jaya, Kuching

Foto 82
Tikar/Tilam Dibiarkan Terdedah Kepada
Matahari Dan Hujan



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak
Tarikh: 21.07.2006
Lokasi: Kolam Renang Stampark, Kuching

- Peralatan untuk sukan Lawan Pedang, Memanah dan Basikal disimpan di kediaman jurulatih masing-masing di Kuching. Nilai peralatan sukan tersebut tidak dapat ditentukan kerana tiada rekod di selenggarakan. Lawatan Audit ke Pejabat Majlis Sukan Bahagian Sibu mendapati peralatan sukan Bola Keranjang, Memanah dan Gimnasium disimpan di laluan keluar masuk dan bawah tangga Stadium Tertutup, Bukit Lima seperti di **Foto 83**.

Foto 83
Peralatan Gymnasium Diletak Di Laluan Tangga



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak

Tarikh: 04.07.2006

Lokasi: Pejabat Bahagian MSN. Sibu

vi) Pelupusan Peralatan Sukan

Semakan Audit mendapati Majlis tidak melakukan pelupusan terhadap peralatan sukan yang telah rosak dan tidak digunakan lagi. Harga perolehan dan tarikh pembelian tidak dapat ditentukan kerana rekod tidak diselenggarakan dengan sempurna. Pemeriksaan fizikal Audit secara rambang mendapati 14 peralatan sukan telah rosak tetapi tindakan pelupusan belum dilakukan seperti di **Jadual 74**.

Jadual 74
Peralatan Rosak Yang Belum Dilupuskan

Peralatan	Kuantiti	Lokasi
Stationery Bicycle-Monark	5 unit	Pusat Sains Sukan
Weight plates-rubberised	22 keping	Pusat Sains Sukan
Treadmills-Universal	2 unit	Pusat Sains Sukan
Sit-up Board	1 unit	Pusat Sains Sukan
Stretch Cord	25 keping	Kolam Renang Stampark
22 Shot Walther (pistol)	5 unit	Armouri Batu Kawa * Dibeli pada 24.11.1995
Weight plates	2 keping	Gimnasium Angkat Berat, Miri
Barbell	2 unit	Gimnasium Angkat Berat, Miri
Suspension Fork	2 unit	Kem Pueh, Sematan
Suspension Fork	4 unit	Rumah Jurulatih Berbasikal
Saddle bicycle	5 keping	Rumah Jurulatih Berbasikal
Brek	4 set	Rumah Jurulatih Berbasikal
Handle Stand	4 unit	Rumah Jurulatih Berbasikal
Drailer	4 set	Rumah Jurulatih Berbasikal

Sumber : Rekod Majlis Sukan Negeri Sarawak

Pada pendapat Audit, kawalan pengurusan aset Majlis adalah lemah. Pembelian peralatan sukan bernilai RM2.67 juta bagi tempoh 3 tahun tidak direkodkan dan dikawal dengan sempurna bagi mengelak pembaziran dan salah laku.

d) Pengangkutan Atlet

Pada tahun 2006, Majlis telah berbelanja sejumlah RM566,451 atau 67% daripada peruntukan sejumlah RM850,000 untuk pengangkutan atlet semasa menjalani latihan di Pusat Cemerlang Dan Pusat Pembangunan serta untuk kejohanan SUKMA. Semakan Audit terhadap harta modal Majlis mendapati Majlis tidak memiliki bas. Majlis hanya mempunyai sebuah van Ford Transit bernilai RM74,000 yang diterima daripada Kementerian pada tahun 1998, sebuah jip Isuzu Big Horn bernilai RM146,392 yang diterima pada tahun 2001 dan sebuah Mitsubishi Pajero. Nilai dan tahun perolehan pacuan 4 roda tidak dapat ditentukan kerana tiada maklumat disimpan oleh Majlis. Akibatnya, Majlis terpaksa menyewa kenderaan awam untuk pengangkutan atlet semasa menjalani latihan pusat.

e) Kemudahan Penginapan Atlet

Bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006, Majlis telah membelanjakan sejumlah RM145,751 daripada RM250,000 yang diperuntukkan untuk penginapan atlet semasa persiapan SUKMA Ke-10 Tahun 2004 dan Ke-11 Tahun 2006. Majlis tidak mempunyai asrama sendiri dan terpaksa menyewa premis swasta untuk penginapan atlet semasa latihan pusat dan latihan harian.

Pada pendapat Audit, penyediaan kemudahan sukan seperti Pusat Latihan, peralatan sukan, pengangkutan dan penginapan atlet adalah kurang memuaskan. Akibatnya, hasrat Kerajaan untuk melahirkan atlet berprestasi tinggi terjejas. Sebahagian besar daripada peralatan yang dibeli bernilai RM2.67 juta tidak dapat ditentukan kewujudannya.

30.2.9 Prestasi Perbelanjaan

Bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006, Majlis telah memohon peruntukan sejumlah RM41.76 juta daripada Kerajaan Negeri melalui Kementerian Pembangunan Sosial Dan Urbanisasi. Bagaimanapun, Kerajaan Negeri hanya meluluskan peruntukan dalam bentuk geran bernilai RM26.85 juta kepada Majlis. Bagi menampung keperluan kewangannya, Majlis telah menggunakan dana simpanannya sejumlah RM3.50 juta bagi membiayai aktiviti. Dengan itu, jumlah keseluruhan sumber kewangan Majlis ialah RM30.35 juta. Bagi tempoh yang sama, Majlis telah membelanjakan sejumlah

RM30.32 juta dan prestasi perbelanjaan untuk program pembangunan sukan bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006 adalah seperti di **Jadual 75**.

Jadual 75
Prestasi Perbelanjaan Bagi Tahun 2004 Hingga 2006

Jenis Perbelanjaan	Peruntukan (RM Juta)	Tahun			Perbelanjaan (RM Juta)	Peratusan (%)
		2004 (RM Juta)	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)		
Pengurusan	10.04	2.97	2.76	3.44	9.17	9
Kejurulatihan dan Kepegawaian	5.96	2.33	1.97	2.25	6.55	(11)
Program Pembangunan Atlet	2.11	0.51	0.54	0.59	1.64	78
Sains Sukan Dan latihan Bebanan	0.73	0.17	0.10	0.23	0.50	68
Kejohanan Sukan Majlis Sukan Negeri-Negeri Se-Malaysia	0.72	0.54	0.12	0.10	0.76	(6)
PERSIAPAN SUKMA Persediaan SUKMA	9.71	5.17	1.29	4.19	10.65	(11)
Skim Insentif Kemenangan SUKMA & Anugerah Sukan Negeri	1.08	0.30	0.40	0.35	1.05	98
Jumlah	30.35	11.99	7.18	11.15	30.32	

Sumber: Penyata Perbelanjaan Tahunan Majlis Sukan Negeri Sarawak

a) Pengagihan Peruntukan

Pada tahun 2004 dan 2006, sebanyak 29 persatuan sukan telah memohon peruntukan bernilai RM12.75 juta daripada Majlis untuk persiapan SUKMA Ke-10 Tahun 2004 dan Ke-11 Tahun 2006. Bagaimanapun, Majlis hanya meluluskan peruntukan sejumlah RM6.44 juta atau 50% sahaja. Semakan Audit mendapati jumlah pembayaran sebenar yang dibuat oleh Majlis kepada persatuan sukan terlibat ialah RM7.37 juta. Dengan ini, Majlis telah terlebih belanja sejumlah RM929,591 untuk persediaan SUKMA Ke-10 dan Ke-11.

b) Perbelanjaan Melebihi Peruntukan

Semakan Audit terhadap kawalan peruntukan mendapati Majlis telah terlebih belanja sejumlah RM1.58 juta bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006 untuk butiran perbelanjaan seperti di **Jadual 76**.

Jadual 76
Perbelanjaan Melebihi Peruntukan Bagi Tahun 2004 Hingga 2006

Butiran Perbelanjaan	Peruntukan (RM)	Perbelanjaan (RM)	Baki Terlebih (RM)
Kejurulatihan dan Kepegawaian	5,960,000	6,552,407	592,407
Kejohanan Sukan Majlis Sukan Negeri-Negeri Se-Malaysia	715,000	753,510	38,510
Persediaan SUKMA	9,710,900	10,659,018	948,118
Jumlah	16,385,900	17,964,935	1,579,035

Sumber: Penyata Perbelanjaan Majlis

Perkara ini berlaku disebabkan anggaran belanjawan tahunan Majlis disediakan tidak berdasarkan kod perbelanjaan yang telah diperuntukkan. Kod perbelanjaan hanya diguna untuk mengakaunkan perbelanjaan tetapi tidak diguna untuk mengawal perbelanjaan. Pindah peruntukan antara kod perbelanjaan tidak dikawal. Semakan Audit seterusnya mendapati, daripada RM1.58 juta yang terlebih dibelanjakan, sejumlah RM948,118 atau 60% adalah untuk persediaan kejohanan SUKMA Ke-10 Tahun 2004 Dan Ke-11 Tahun 2006. Kod Perbelanjaan yang terlebih belanja adalah untuk bengkel SUKMA, pertandingan, Kem Kontinjen, Kem Semangat, makanan, pakaian pertandingan, pendedahan atlet, pengangkutan, peralatan, penginapan dan pemakanan sukan. Ini adalah kerana pengurusan kejohanan SUKMA melibatkan pembahagian wang tunai kepada persatuan sukan dan Pengurus Pasukan.

Pada pendapat Audit, pengurusan peruntukan Majlis adalah lemah. Penyediaan anggaran belanjawan tahunan tidak dibuat dengan teliti. Pindah peruntukan antara program dan butiran objek tidak dikawal dengan sempurna.

c) Peruntukan Pejabat Majlis Sukan Bahagian

Bagi melicinkan urusan pentadbirannya, Majlis mempunyai 6 Pejabat Bahagian iaitu di Sibul, Miri, Limbang, Sarikei, Kapit dan Bintulu. Daripada peruntukan sejumlah RM646,000, Majlis telah membelanjakan sejumlah RM434,373 untuk pengurusan Pejabat Bahagian tersebut bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006. Semakan Audit mendapati bajet dikawal oleh Ibu Pejabat Majlis dan semua bil dihantar ke Ibu Pejabat untuk pembayaran. Pada tahun 2005, Majlis telah terlebih belanja sejumlah RM17,219 untuk pengurusan Pejabat Bahagian Bintulu, Miri dan Sarikei.

d) Sumbangan Dan Derma Pihak Swasta

Majlis telah menerima sumbangan dan derma bernilai RM4.05 juta bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006 daripada 29 pihak penaja bagi membiayai aktiviti sukan. Sumbangan wang tunai daripada pihak swasta hanya disalurkan melalui Majlis bagi mendapat pengecualian cukai. Semakan Audit mendapati sumbangan ini sebenarnya adalah untuk 8 persatuan sukan dan satu Pertubuhan Belia. Semakan Audit seterusnya mendapati Persatuan Bola Sepak telah menerima sumbangan yang terbanyak iaitu RM1.07 juta atau 27%. Manakala Pertubuhan Belia Kebangsaan Bersatu Sarawak (SABERKAS) telah menerima sejumlah RM1.24 juta untuk larian maraton. Adalah didapati juga peruntukan sejumlah RM190,000 yang

bukan untuk tujuan sukan tetapi untuk Sambutan Hari Gawai Peringkat Kebangsaan juga disalurkan melalui Majlis.

e) Pelaburan Majlis

Adalah didapati Majlis telah membuat 2 jenis pelaburan iaitu Simpanan Tetap di bank perdagangan dan pelaburan dalam Unit Amanah Cahya Mata Sarawak. Pada tahun 2006, Majlis mempunyai Simpanan Tetap bernilai RM3.0 juta dan pelaburan dana amanah - *Cahaya Mata Sarawak Trust Fund* sejumlah RM3.0 juta. Bagaimanapun, Majlis telah memutuskan untuk menjual balik pelaburan dalam dana amanah kerana kedudukan pelaburan kewangan yang tidak menggalakkan. Sehubungan itu, Jawatankuasa Pengurusan bersetuju pada 23 November 2005 supaya dana Majlis yang dilaburkan dalam Unit Amanah Cahya Mata Sarawak termasuk pulangan pelaburan sejumlah RM3.17 juta dikeluarkan dan dipindahkan ke dalam Akaun Semasa Majlis untuk menampung perbelanjaan pengurusan SUKMA Ke-11 Tahun 2006.

f) Kemudahan Perubatan Kakitangan

Kakitangan Majlis telah dibenarkan untuk mendapat rawatan di 8 klinik panel Majlis. Namun, kos perubatan tahunan di klinik panel untuk kakitangan Majlis telah ditetapkan sejumlah RM400 seorang. Bagi tahun 2004 hingga 2006, Majlis telah membelanjakan sejumlah RM111,325 daripada sejumlah RM142,000 yang diperuntukkan untuk kos perubatan kakitangan. Semakan Audit mendapati 32 kakitangan Majlis telah menggunakan kemudahan ini melebihi had yang ditetapkan yang melibatkan kos sejumlah RM25,460. Jumlah ini bagaimana pun telah dibayar balik secara ansuran melalui potongan gaji mulai bulan Jun 2006 oleh kesemua kakitangan yang berkenaan. Semakan Audit seterusnya mendapati pada tahun 2000 dan 2001, Majlis telah menjelaskan 8 bil perubatan dari Pusat Pakar Perubatan swasta bernilai RM37,754 untuk 2 kakitangan Majlis. Kebenaran daripada Setiausaha Kewangan Negeri tidak diperolehi terlebih dahulu bagi membolehkan Majlis membuat bayaran tersebut kerana pusat perubatan tersebut tidak disenaraikan sebagai klinik panel Majlis. Oleh itu, kos tersebut perlu dibayar balik oleh 2 kakitangan berkenaan. Namun sehingga tahun 2006, kos tersebut belum lagi dijelaskan oleh kakitangan terlibat.

Pada pendapat Audit, prestasi perbelanjaan Majlis tidak memuaskan kerana perbelanjaan tidak dikawal dengan sempurna.

30.2.10 Pengurusan Kewangan Majlis

Menurut prosedur kewangan yang diterima pakai oleh Majlis, pembelian terus kurang daripada RM10,000 adalah di bawah bidang kuasa Pengarah Majlis atau pegawai yang diberi kuasa oleh Pengarah Majlis, sebut harga yang bernilai RM10,000 sehingga RM50,000 diputuskan oleh Jawatankuasa Sebut Harga Majlis, tender bernilai RM50,000 atau kurang dari RM1 juta akan diputuskan oleh Jawatankuasa Kewangan dan Tender Majlis dan tender yang lebih daripada RM1 juta akan diputuskan oleh Jawatankuasa Pengurusan Majlis.

Sebelum tahun 2005, Jawatankuasa Sebut Harga Majlis bertanggungjawab penuh dalam mengendalikan proses sebut harga dan tender. Keanggotaannya terdiri daripada Pengarah, Penolong Pegawai Tadbir, Penolong Akauntan dan Pembantu Sukan. Bagaimanapun, mulai bulan Oktober 2005, Majlis hanya terlibat dalam pembukaan dan penilaian sebut harga sahaja. Keputusan muktamad akan ditentukan oleh Jawatankuasa Sebut Harga Kementerian Pembangunan Sosial Dan Urbanisasi. Bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006, Majlis telah mempelawa sebanyak 79 sebut harga dan tender yang bernilai RM926,904. Semakan Audit mendapati, sebanyak 13 sebut harga bernilai RM124,732 tidak mempunyai nombor rujukan sebut harga. Semakan Audit seterusnya mendapati Majlis tidak mematuhi sepenuhnya Arahan Perbendaharaan dan peraturan kewangan Kerajaan Negeri yang telah ditetapkan untuk pengurusan perolehannya. Akibatnya, berlaku kelemahan seperti berikut:

a) Perolehan Terus

Bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006, Majlis telah membuat 18 perolehan terus untuk bekalan, kerja dan perkhidmatan bernilai RM1.67 juta. Daripada 18 perolehan tersebut sebanyak 12 perolehan kerja, bekalan dan perkhidmatan bernilai RM1,559,436 tidak dibuat melalui tender seperti di **Jadual 77**. Manakala sebanyak 4 perolehan bekalan dan perkhidmatan bernilai RM109,301 tidak dibuat melalui sebut harga seperti di **Jadual 78**.

Jadual 77
Perolehan Bekalan,Kerja Dan Perkhidmatan Tidak Melalui Tender

Butir Perolehan	Amaun (RM)	Tahun Dibayar	Catatan
Pembelian karpet dari negara China oleh Persatuan Wushu.	140,000	2004	Alasan diperlukan segera
Sewaan kemudahan di Kompleks swasta untuk kontinjen Sarawak pada SUKMA Ke-10.	50,500	2004	Tender tidak dipelawa.
Penyediaan makanan untuk pegawai dan atlet SUKMA Ke-10 semasa Kem Kontinjen di CIDB, Kuching.	58,955	2004	Tender tidak dipelawa.
Pembelian pelbagai peralatan untuk sukan Menembak.	212,585	2004	Alasan jika tender dipanggil penghantarannya mungkin agak lambat dan menjejaskan latihan atlet.
Pembelian 7 set peralatan Angkat Berat jenama Uesaka pada akhir tahun 2003.	198,450	2004	Nilai asal pembelian sejumlah RM152,600 tidak diluluskan oleh Setiausaha Tetap Kementerian kerana tender tidak dipelawa. Pada tahun 2004, Majlis telah membuat bayaran bernilai RM198,450 kepada Syarikat Fitness First Sdn. Bhd, Kuching dengan mengguna invoice baru iaitu RM45,850 lebih mahal daripada harga yang dikenakan oleh pembekal asal di Kuala Lumpur.
Pembelian karpet sukan Wushu.	70,000	2004	Tender tidak dipelawa hanya melalui sebut harga.
Perkhidmatan pengangkutan kontinjen Sarawak semasa SUKMA Ke-10.	179,530	2004	Tender tidak dipelawa hanya melalui sebut harga.
Bayaran percetakan biografi, banting, pelekat, kad dan poster.	222,833	2004	Tidak disokong dengan Pesanan Bekalan atau Kerja. Pembekal terlebih dibayar sejumlah RM43,566 kerana harga yang dituntut pada 20 invoice telah melebihi nilai sebut harga yang dipersetujui.
Pembelian pakaian pertandingan untuk persiapan SUKMA Ke-10 Tahun 2004.	59,277	2004	Tender tidak dipelawa.
Kerja menyiapkan pentas dan perhiasan semasa Majlis Anugerah Sukan Negeri Sarawak 2003.	65,360	2004	Kelewatan 2 tahun dalam menjelaskan pembayaran Pesanan Bekalan atau Kerja tidak dikeluarkan. Pembekal tidak berdaftar dengan Unit Perkhidmatan Kontraktor pada masa kerja tersebut dilakukan
Kerja pengubahsuaian Pusat Sains baru di Dewan Suarah, Kuching.	151,909	2005	Tender tidak dipelawa. Pembayaran di pecah kecilkan melalui 14 baucar bayaran.
Kerja pengubahsuaian Ibu pejabat Majlis di Dewan Suarah, Kuching.	150,037	2006	Tender tidak dipelawa.
Jumlah	1,559,436		

Sumber: Rekod Majlis Sukan Negeri Sarawak

Jadual 78
Perolehan Bekalan Dan Perkhidmatan Tidak Melalui Sebut Harga

Butir Perolehan	Amaun (RM)	Tahun Dibayar	Catatan
Perkhidmatan menyediakan kelengkapan untuk majlis rasmi bagi Promosi Bintang Sukan di Tebingan Sungai Sarawak.	39,028	2004	Sebut harga tidak dipelawa.
Menyewa peralatan audio semasa Majlis Anugerah Sukan Negeri Sarawak 2003	22,640	2004	Kelewatan 2 tahun dalam menjelaskan pembayaran. Pesanan Bekalan atau Kerja tidak dikeluarkan. Pembekal tidak berdaftar dengan Unit Perkhidmatan Kontraktor pada masa kerja tersebut dilakukan
Perkhidmatan menyediakan makanan untuk Majlis Penyampaian Anugerah Sukan Tahun 2004	29,633	2005	Sebut harga tidak dipelawa
Pembelian piala untuk Majlis Penyampaian Anugerah Sukan Tahun 2004	18,000	2005	Sebut harga tidak dipelawa
Jumlah	109,301		

Sumber: Rekod Majlis Sukan Negeri Sarawak

b) Permohonan Pengecualian Tender

Bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006, Majlis telah mengemukakan sebanyak 8 permohonan untuk pengecualian tender dan sebut harga yang melibatkan pembekalan dan perkhidmatan bernilai RM359,054. Semakan Audit mendapati daripada 8 permohonan, sebanyak 7 permohonan bernilai RM219,054

dikemukakan kepada Setiausaha Kewangan Negeri selepas tarikh bekalan dan perkhidmatan dilakukan. Tempohnya adalah antara 2 hingga 17 bulan seperti di **Jadual 79**.

Jadual 79
Permohonan Pengecualian Tender Dan Sebut Harga Lewat Dikemukakan

Tahun	Jenis Perolehan	Amaun (RM)	Tarikh Bekalan Perkhidmatan Diterima	Tarikh Permohonan	Tempoh Lewat (Bulan)
2004	Membekal dan menyewa peralatan semasa Malam Anugerah Sukan 2003.	88,000	29.05.2003	29.10.2004	17
2004	Kos penginapan semasa Post Mortem SUKMA Ke-10 Tahun 2004 dan Mesyuarat Staf Majlis di <i>Holiday Inn Damai Beach Resort</i>	15,480	31.12.2004 - 02.01.2005	20.06.2005	5
2005	Kos penginapan dan jamuan Bengkel Persatuan Sukan, Pengurus Sukan dan Pegawai Teknikal SUKMA Ke-11 2006 di Santubong Resort.	24,704	11.03.2005 - 13.03.2005	20.06.2005	3
2005	Pembelian peralatan sukan Tinju.	15,300	17.02.2005	20.06.2005	4
2006	Kos penginapan Bengkel Jurulatih SUKMA Ke-11 Tahun 2006 di Santubong Resort	39,120	01.04.2005- 03.04.2005	20.06.2005	2
2006	Kos pengangkutan atlet sukan Akuatik (Terjun dan Renang) semasa Kejohanan Akuatik di Negeri Sembilan	12,700	26.04.2005- 02.05.2005	20.06.2005	2
2006	Kos penginapan semasa Bengkel Pembangunan SUKMA Ke-11 dan Mesyuarat Staf Majlis & Malam Gala di <i>Holiday Inn Damai Beach Resort</i> .	23,750	31.12.2004- 02.01.2005	20.06.2005	6
Jumlah		219,054			

Sumber: Fail Kontrak Majlis Sukan Negeri Sarawak

c) Memecah Kecilkan Kerja dan Perkhidmatan

Bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006, semakan Audit mendapati Majlis telah memecah kecil kerja dan perkhidmatan bernilai RM214,549 seperti di **Jadual 80**.

Jadual 80
Kerja Penyenggaraan Yang Dipecah Kecil

Tarikh	No. Baucar	Amaun (RM)	Nama Syarikat	Jenis Kerja
01.04.2004	1165/04	14,156	Interior Image	Membaiki dan mengubah suai lapang sasar di Batu Kawa
10.04.2004	1306/04	15,510	Binaan Sawira	Membaiki kerosakan tempat latihan atlet Menembak di lapang sasar, Batu Kawa.
09.08.2004	2960/04	2,880	Interior Image	Membekal cat dan buruh untuk mengecat dinding di sekeliling bangunan.
09.08.2004	2961/04	2,940	Interior Image	Pembinaan bidur konkrit untuk peralatan sasaran menembak.
09.08.2004	2962/04	2,800	Interior Image	Membekal dan mengecat papan lapis dan tiang di lapang sasar, Batu Kawa.
09.08.2004	2963/04	2,970	Interior Image	Mengganti papan lapis padang menembak.
09.08.2004	2964/04	2,080	Interior Image	Membekal tiang Selangan Batu untuk membaik pulih padang Menembak.
01.04.2005	657-658 664-666	15,000	Syarikat Perpetual Knowledge	Perkhidmatan konsultan semasa SUKMA Ke-10.
	1334, 1716, 3277, 950, 2472, 3059	132,448	Borneo Cyntex dan Cyntex Marketing	Membekal vitamin dan ubat untuk atlet SUKMA Ke-10.
14.03.2006	890/06– 896/06, 939/06– 940/06	23,765	Syarikat Konsaco, Zunita Supply & The World Sport	Pembelian peralatan sukan olahraga seperti peluru 7.26 kilogram, lembing, dan tikar.
Jumlah		214,549		

Sumber: Rekod Majlis Sukan Negeri Sarawak

d) Pembayaran Yang Tidak Teratur

Semakan Audit terhadap baucar bayaran mendapati Majlis telah membuat 4 bayaran yang tidak teratur sejumlah RM178,331 bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006 yang mana sejumlah RM146,534 daripadanya telah dilaporkan oleh Unit Audit Dalam, Jabatan Ketua Menteri seperti di **Jadual 81**.

Jadual 81
Pembayaran Yang Tidak Teratur Bagi Tahun 2004 Hingga 2006

Tahun	Butir bayaran	Amaun (RM)	Nama Pembekal	Catatan
2004	Sewaan pusat latihan sukan Tenpin bowling di Kuching.	19,932	Crystal Reality Management Sdn. Bhd.	Lapan baucar bayaran disokong dengan salinan invois yang tidak disahkan. Sewa bulan Ogos dan September 2004 bernilai RM5,616 telah dibayar 2 kali dan belum dikutip balik setakat tahun 2006.
2004	Perkhidmatan perunding, sewaan peralatan komputer untuk urus setia dan lain perbelanjaan yang berkaitan dengan SUKMA Ke-10 di Negeri Sembilan.	65,084	Perpetual Knowledge Development Sdn. Bhd.	Pembayaran dibuat melalui 15 baucar bayaran tidak disokong dengan Pesanan Bekalan/Kerja Kos perkhidmatan perunding sejumlah RM38,862 tidak disokong dengan butiran perkhidmatan. (Penemuan Audit Dalam)
2003 2004 2005	Perkhidmatan pengangkutan atlet sukan Memanah ke Batu Kawah, Kuching dari Januari 2003 hingga April 2005	81,450	Ong Kee Chuan, Ho Min Siang, Ho Min Sui, Lim Choi Hiong	Perkhidmatan tidak dibekalkan tetapi dibayar. Kos belum dapat dituntut balik. Perkhidmatan sejumlah RM7,260 belum dapat disahkan. (Penemuan Audit Dalam)
2006	Pembeli 2 jenis peralatan sukan Olahraga untuk kegunaan Program latihan di Pusat Pembangunan dan Pusat Cemerlang bagi persiapan SUKMA Ke-11. tersebut telah dibuat melalui 7 baucar bayaran kepada pembekal yang sama.	11,865	The World Sports Equipment (K) Sdn. Bhd.	Peralatan sukan disahkan terima oleh seorang Pembantu Belia Dan Sukan Gred S17 tanpa dinyatakan tarikh penerimaannya. Pemeriksaan fizikal Audit mendapati peralatan tersebut tidak dapat dikesan dan dimaklumkan peralatan tersebut tidak diterima.
Jumlah		178,331		

Sumber: Rekod Majlis Sukan Negeri Sarawak

e) Spesifikasi Barangan Tidak Jelas

Semakan Audit mendapati pada tahun 2004 dan 2006, Majlis telah memberi 2 tender kepada Lea Sports Centre Sdn. Bhd. untuk membekalkan pakaian kepada kontinjen Sarawak semasa SUKMA Ke-10 dan Ke-11. Bagi tempoh yang sama, sejumlah RM462,620 telah dibayar kepada pembekal tersebut. Pemilihan pembekal adalah melalui tawaran tender terhad kepada 5 pembekal yang dikenal pasti. Penilaian tender dilakukan oleh Jawatankuasa Sebut harga yang dipengerusikan oleh Pengarah Majlis. Justifikasi Majlis untuk memilih Lea Sports Centre Sdn. Bhd adalah kerana pembekal tersebut mempunyai lesen Unit Pendaftaran Kontraktor (UPK) dan menghantar sampel pakaian. Manakala tawaran 4 pembekal lagi ditolak kerana tidak meletak harga pada item tertentu, tidak mempunyai lesen Unit Pendaftaran Kontraktor (UPK) dan menghantar sampel pakaian. Semakan Audit seterusnya terhadap dokumen tender mendapati harga yang ditawarkan oleh pembekal adalah berdasarkan harga seunit item. Nilai tender pada keseluruhannya tidak dinyatakan. Bagaimanapun, Majlis tidak menyediakan spesifikasi yang jelas

seperti jenis, material, bentuk dan corak bagi mendapat tawaran harga mengikut spesifikasi yang ditetapkan.

Secara keseluruhannya, kawalan pengurusan kewangan oleh Majlis adalah amat lemah. Proses perolehan tidak dipatuhi menyebabkan kepentingan Kerajaan tidak dijaga. Ketidakpatuhan kepada peraturan kewangan menyebabkan berlakunya pembaziran, pembelian yang tidak teratur dan memberi ruang berlakunya penyelewengan.

30.2.11 Guna Tenaga Dan Latihan

a) Struktur Organisasi

Semakan Audit mendapati, Majlis telah mewujudkan 82 pelbagai jawatan bagi melicinkan urusan pentadbirannya. Daripada 82 jawatan yang diwujudkan, sebanyak 64 jawatan telah diisi iaitu 60 atau 94% jawatan kontrak dan 4 jawatan dipinjamkan daripada Kementerian Pembangunan Sosial Dan Urbanisasi, Kementerian Pelajaran, Jabatan Ketua Menteri dan Perbadanan Stadium Negeri. Manakala 18 jawatan masih kosong dan belum diisi. Pewujudan dan pengambilan kakitangan sementara seramai 60 orang dilakukan oleh Bahagian Sumber Manusia Dan Perhubungan Awam Majlis dan diluluskan oleh Jawatankuasa Pengurusan Majlis. Semakan Audit terhadap perjawatan Majlis mendapati Majlis tidak mempunyai skim perkhidmatan sendiri dan tidak juga menerima pakai Perintah Am Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak Tahun 1996 seperti disarankan oleh Peguam Negeri. Semua jawatan yang wujud tidak mendapat kelulusan daripada Jabatan Ketua Menteri. Pada tahun 2006 Majlis telah membelanjakan sejumlah RM4.26 juta iaitu 87% daripada RM4.90 juta yang diperuntukkan untuk pembayaran gaji.

Pada pendapat Audit, pewujudan dan pengambilan kakitangan Majlis adalah tidak sah dari segi undang-undang kerana tidak mematuhi peraturan dan arahan Kerajaan Negeri yang telah ditetapkan. Akibatnya, kakitangan Majlis tidak mempunyai jaminan pekerja serta menikmati faedah tetap dan berpencen. Majlis juga menghadapi masalah dalam pentadbiran dan pengurusannya seperti kenaikan gaji dan pangkat, pembayaran bonus kepada kakitangan, penerimaan pakai pekeliling-pekeliling yang dikeluarkan oleh Kerajaan terutama yang terlibat kemudahan pinjaman.

b) Latihan

Bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006, daripada peruntukan bernilai RM80,000 sejumlah RM37,829 iaitu 47% telah dibelanjakan untuk mengadakan seminar dan pembangunan sumber manusia untuk kakitangan Majlis. Semakan Audit terhadap perbelanjaan tersebut mendapati sejumlah RM14,759 diguna untuk menghantar 10 orang kakitangan menghadiri kursus pengacara majlis, kursus Diploma Pengurusan Sukan, kursus menembak, kursus keselamatan sosial, *Women Sport Fitness* dan seminar perakaunan yang dianjurkan oleh Pejabat Ketua Menteri. Manakala bakinya sejumlah RM23,070 untuk menampung perbelanjaan kursus berkaitan sukan. Adalah didapati Bahagian Pembangunan Sumber Manusia Dan Perhubungan Awam tidak ada membuat sebarang perancangan mengenai latihan kakitangan terutamanya aspek pengurusan kewangan.

Pada pendapat Audit, penyediaan latihan oleh Majlis adalah tidak mencukupi bagi menambah kemahiran dan pengetahuan kakitangan.

Pada keseluruhannya pelaksanaan program pembangunan sukan Negeri adalah sangat lemah dan perlu diperbaiki dengan segera.

30.3 PEMANTAUAN

Pemantauan dan penyeliaan yang berterusan terhadap pembangunan sukan adalah penting bagi memastikan matlamat Majlis tercapai. Pemeriksaan Audit terhadap mekanisme pemantauan mendapati perkara berikut:

a) Peringkat Kementerian

Bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006, mesyuarat pengurusan antara Majlis dengan Setiausaha Tetap, Kementerian Pembangunan Sosial Dan Urbanisasi telah diadakan sebanyak 8 kali. Antara perkara yang dibincangkan adalah mengenai peruntukan kewangan, perkembangan sukan di peringkat persatuan sukan, Majlis Sukan Bahagian dan pusat latihan.

b) Peringkat Majlis

Semakan Audit mendapati bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006, Jawatankuasa Pengurusan bermesyuarat sebanyak 2 kali pada tahun 2004, empat kali pada tahun 2005 dan 2 kali pada tahun 2006. Perkara yang dibincangkan adalah mengenai draf Perintah Tetap (Kelakuan Dan Tata tertib), Syarat dan Skim Perkhidmatan, Pelan Pembangunan Sukan 10 Tahun, penubuhan sekolah atau Akademi Sukan, persiapan SUKMA, pembayaran elaun kepada ahli Jawatankuasa Pengurusan Majlis, kontrak

jurulatih serta penubuhan Jawatankuasa Kecil untuk kewangan dan tender serta perjawatan. Jawatankuasa Pelantikan Jurulatih Pusat Pembangunan dan Pusat Cemerlang juga ditubuhkan. Antara agenda mesyuarat adalah pelantikan jurulatih di pusat latihan, prestasi jurulatih, prestasi setiap sukan semasa pertandingan SUKMA dan perjumpaan dengan Pegawai Penguasa Majlis Sukan Bahagian dan Penyelaras Sukan. Mesyuarat dengan Pegawai Penguasa Bahagian ada dijalankan untuk membincang tentang kemajuan pusat latihan, keperluan peralatan sukan dan prestasi atlet serta jurulatih. Bagaimana pun, Majlis tidak menetapkan jenis pelaporan yang perlu dihantar oleh pihak Majlis Sukan Bahagian. Semakan Audit seterusnya mendapati Jawatankuasa pemantauan tidak ditubuhkan. Pelantikan 16 orang Penyelaras Sukan untuk memantau program latihan jurulatih hanya ditempatkan di Ibu pejabat sahaja dan tidak di peringkat Bahagian.

c) Lawatan

Semakan Audit mendapati lawatan oleh Penyelaras Sukan ke pusat latihan di Kuching dilakukan sekali seminggu. Manakala lawatan ke peringkat bahagian tidak dijalankan bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006. Jadual lawatan tahunan dan laporan lawatan tidak disediakan oleh Penyelaras Sukan.

d) Persatuan Sukan

Semakan Audit mendapati Majlis tidak menyelenggarakan sebarang rekod mengenai penubuhan persatuan sukan di Sarawak dan memastikan semua persatuan sukan berdaftar dengan Pesuruhjaya Sukan. Majlis tidak mengambil tindakan tegas terhadap 15 persatuan sukan yang gagal menghantar penyata perbelanjaan yang lengkap. Sesi perjumpaan Majlis dengan persatuan sukan telah diadakan 1 hingga 3 kali setahun untuk membincangkan perkembangan sukan masing-masing, keperluan kemudahan sukan, masalah perpindahan atlet dan sasaran pingat untuk kejohanan SUKMA.

Pada pendapat Audit, pemantauan oleh Majlis adalah kurang memuaskan kerana Jawatankuasa tidak bermesyuarat mengikut kekerapan yang telah ditetapkan dalam peraturan. Akibatnya, perkara seperti penyediaan Perintah Tetap, Syarat dan Skim Perkhidmatan dan pelan pembangunan tidak dapat diselesaikan.

31. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya perancangan, pelaksanaan dan pemantauan program pembangunan sukan adalah amat lemah dan perlu diperbaiki segera untuk mengelakkan penyelewengan. Majlis hendaklah mengkaji semula kaedah melaksanakan pembangunan

sukan terutama dari segi pengambilan jurulatih, pendedahan atlet, penyewaan pusat latihan, pembelian peralatan sukan dan penyaluran peruntukan kepada persatuan sukan agar pelaksanaan program ini dapat diseragamkan antara pelbagai sukan. Bagi memperbanyakkan atlet yang berpotensi, Majlis perlu mewujudkan budaya sukan dengan meletak sukan sebagai keutamaan dan membawa rakyat Sarawak bersama dalam pembangunan sukan. Sehubungan itu, Majlis adalah disyorkan agar mengambil langkah berikut:

- i) Pelan induk pembangunan sukan hendaklah disediakan secara komprehensif bagi memastikan program pembangunan sukan dapat dijalankan dengan sempurna.
- ii) Mengkaji semula pendekatan program latihan, kaedah latihan, pengambilan jurulatih dan penstrukturan kakitangan.
- iii) Majlis hendaklah mempunyai sebuah Kompleks Sukan Bersepadu sendiri.
- iv) Memastikan kawalan dalaman dipertingkatkan khususnya pengurusan kewangan.
- v) Memberi penekanan kepada pengurusan aset terutamanya melibatkan perolehan, penyelenggaraan rekod, penyenggaraan aset dan stor.

MAJLIS BANDARAYA KUCHING SELATAN

PENSWASTAAN PENGURUSAN SAMPAH

32. LATAR BELAKANG

Penswastaan pengurusan sampah di kawasan pentadbiran Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU), Majlis Bandaraya Kuching Selatan (MBKS) dan Majlis Perbandaran Padawan (MPP) bermula pada tahun 2000. Tujuan penswastaan adalah untuk mengurangkan beban kewangan Kerajaan, meningkatkan kecekapan dan penghasilan kerja serta pengagihan sumber secara cekap. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri telah menandatangani Perjanjian Konsesi dengan Sarawak Wastes Management Sdn. Bhd. (SWM) pada bulan April 2000 untuk mengurus pungutan, pelupusan dan merawat sampah domestik. Perjanjian Konsesi antara Kerajaan Negeri dan SWM adalah selama 25 tahun dengan bayaran minimum sebanyak RM13.86 juta setahun. Bayaran kontrak ini ditanggung oleh DBKU, MBKS dengan kadar 40% masing-masingnya dan 20% oleh MPP. Perjanjian kontrak ini memberi hak kepada SWM untuk menyenggara, mengurus dan membuat operasi pungutan sampah secara eksklusif di kawasan PBT tersebut.

33. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada penswastaan pengurusan sampah diuruskan dengan cekap dan berkesan bagi mencapai matlamatnya.

34. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

34.1 Skop pengauditan meliputi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap penswastaan pengurusan sampah semenjak penswastaan bermula pada tahun 2000 sehingga 2006. Pengauditan dijalankan di MBKS dan Bahagian Perancangan Dan Pembangunan, Jabatan Ketua Menteri.

34.2 Kaedah pengauditan adalah dengan menyemak dokumen, rekod dan fail yang berkaitan, menemu bual kakitangan Majlis dan orang awam untuk mendapat maklum balas, mengedarkan borang soal selidik kepada 200 penghuni/pemilik premis kediaman serta komersial dan menganalisis data untuk menilai prestasi perkhidmatan yang diberi. Maklumat juga diperolehi daripada Jabatan Alam Sekitar Sarawak dan Lembaga Sumber Asli Dan Alam Sekitar Sarawak (Lembaga) untuk menilai pematuhan penjagaan alam

sekitar. Lawatan Audit ke tapak pelupusan Matang dan Mambong serta 14 kawasan kediaman dan premis perniagaan juga telah dibuat.

35. PENEMUAN AUDIT

35.1 PERANCANGAN

Perancangan yang rapi adalah penting untuk menjayakan setiap projek yang akan dilaksanakan. Aspek perancangan yang dinilai meliputi dasar dan peraturan, kaedah pelaksanaan, keperluan kewangan dan kaedah pemantauan seperti berikut:

35.1.1 Dasar Kerajaan Negeri

Dasar Kerajaan Negeri terhadap program penswastaan adalah selaras dengan Dasar Penswastaan Negara yang diperkenalkan pada tahun 1983. Dasar Penswastaan Negara bertujuan untuk mengurangkan beban kewangan Kerajaan, meningkatkan kecekapan dan penghasilan kerja dan pengagihan sumber secara cekap. Sejalan dengan dasar ini, Kerajaan Persekutuan pada tahun 1994 telah mempelawa pihak swasta untuk mengemukakan cadangan teknikal dan kewangan bagi pengurusan pembuangan sisa pepejal iaitu hasil buangan dari aktiviti domestik, komersial, industri, institusi, runtuhan dan pungutan sampah terapung seluruh negara. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri Sarawak juga menerima dasar untuk menswastakan pengurusan sampah di kawasan pentadbiran 3 Pihak Berkuasa Tempatnya.

35.1.2 Kajian Kemungkinan

Bagi melaksanakan program penswastaan pengurusan sampah di Negeri Sarawak, Bahagian Perancangan Dan Pembangunan, Jabatan Ketua Menteri telah dipertanggungjawabkan untuk mengkaji keperluan penswastaan tersebut. Sebelum penswastaan dilaksanakan, beberapa kaedah penswastaan perlu dikenal pasti seperti mengambil alih, menjual atau memajak aset, pembahagian ekuiti dan pengambilan pekerja. Surat Pekeliling Kerajaan Negeri Bilangan 23 Tahun 1994 menghendaki semua cadangan penswastaan dari mana-mana pihak sektor awam negeri dirujuk kepada Jawatankuasa Penswastaan Negeri untuk dipertimbangkan. Jawatankuasa ini akan dipengerusikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri yang akan bertanggungjawab untuk :

- Merangka garis panduan untuk pelaksanaan dasar penswastaan;
- Mengenal pasti projek sektor awam dan badan berkanun yang layak diswastakan;
- Menyelaras semua aktiviti penswastaan; dan

- Mendapatkan persetujuan Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan terhadap cadangan penswastan berkenaan.

Sehubungan itu, kertas cadangan terhadap pengurusan sampah perlu dikemukakan kepada Jawatankuasa Penswastan Negeri sebelum diluluskan oleh Kabinet Negeri.

35.1.3 Undang-undang Dan Peraturan

Semua PBT di Sarawak adalah tertakluk kepada Ordinan Pihak Berkuasa Tempatan 1996, Undang-undang Kecil Kebersihan Pihak Berkuasa Tempatan 1999, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, Ordinan Lembaga Sumber Asli Dan Persekitaran 1994 dan Pekeliling Jabatan Kerajaan Tempatan yang masih berkuat kuasa. Peruntukan undang-undang yang berkaitan adalah seperti berikut :

a) Ordinan Pihak Berkuasa Tempatan 1996

Menurut Seksyen 105 Ordinan PBT, Majlis bertanggungjawab memungut, melupus dan merawat sampah. Selain itu, Ordinan ini juga memberi kuasa kepada PBT untuk mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap mana-mana pihak yang melanggar peraturan berkaitan dengan sampah seperti yang ditetapkan.

b) Undang-undang Kecil Kebersihan Pihak Berkuasa Tempatan 1999

Di bawah Bahagian III Undang-undang ini, pihak PBT setelah dilulus oleh Menteri, dibenarkan untuk menentukan sistem pungutan dan pelupusan semua jenis sampah di kawasan konsesi mereka. Undang-undang ini juga meletakkan tanggungjawab penghuni/pemilik premis untuk memastikan kawasannya bersih dan menempatkan sampah ke dalam tong yang disediakan oleh PBT. Denda akan dikenakan jika mana-mana penghuni/pemilik premis membuang sampah secara tidak teratur.

c) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974

Akta ini menetapkan keluasan dan kedudukan tapak pelupusan, kaedah melupus sampah dan juga kaedah merawat bahan kumbahan.

d) Ordinan Lembaga Sumber Asli Dan Persekitaran 1994

Di bawah Seksyen 11A Ordinan ini, Lembaga adalah bertanggungjawab memantau sebarang aktiviti yang boleh menyebabkan pencemaran udara dan kepupusan habitat dalam air. Pihak PBT dikehendaki mengemukakan Laporan Kesan Penilaian Alam Sekitar kepada Lembaga untuk dinilai.

e) Pekeliling Jabatan Kerajaan Tempatan Bilangan 5 Tahun 1999 - Memperbaiki Dan Mempertingkatkan Perkhidmatan Kebersihan Dan Pengurusan Sisa Pepejal Di Kawasan PBT

Pekeliling ini menggariskan perkara yang perlu dijalankan oleh PBT terhadap kawal selia dan penguatkuasaan dalam meningkatkan prestasi perkhidmatan pengurusan sisa pepejal di kawasan masing-masing.

35.1.4 Sasaran Penswastan Pengurusan Sampah

Penswastan Pengurusan Sampah akan meliputi perkara seperti kawasan yang akan diambil alih, tarikh pengurusan sampah mula diambil alih, jenis bahan buangan dan kekerapan serta masa pungutan dijalankan. Jika terdapat sebarang perubahan pada skop kerja, persetujuan oleh kedua belah pihak akan dibuat secara bertulis.

a) Kawasan Dan Jadual Mengambil Alih Kerja Pungutan

Penswastan perkhidmatan pungutan sampah akan meliputi kawasan di bawah bidang kuasa MBKS dan kawasan mana yang akan ditetapkan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa. Untuk tujuan program pengurusan pungutan sampah, MBKS telah membahagi kawasan konsesinya kepada 6 zon. Kawasan ini merangkumi premis kediaman serta perumahan, kawasan perniagaan serta komersial termasuk pasar, gerai makanan dan pusat penjaja dan kawasan industri. Kerja pengurusan sampah akan diambil alih oleh SWM adalah seperti di **Jadual 82**.

Jadual 82
Kawasan Dan Tarikh Pengambilalihan Pungutan Sampah Oleh SWM

Kawasan	Catatan	Tarikh Mula
Region 1 dan 3	Kawasan mengguna kontena beroda	01.06.2000
R1R2, R2R1, R2R2, R2R3, R2R4, R4R2	Sekama, Pending, Padungan	01.09.2000
R1R1, R1R3, R1R4, R1R5, R1R6, R4R1	Padungan, Pending, Bintawa, Sg. Apong	01.10.2000
Region 2, 3 dan 4 (<i>bulk bins</i>)	Kawasan komersial mengguna <i>bulk bins</i>	01.10.2000
Region 1 (<i>bulk bins</i>)	Kawasan industrial mengguna <i>bulk bins</i>	01.10.2000
Kontraktor (R3ZA, R3ZB, R3ZC, R3ZD)	Kawasan yang perkhidmatan pungutan sampah telah dijalankan oleh kontraktor	01.12.2000

Sumber: Perjanjian Konsesi

b) Jadual Pungutan

Syarat perjanjian menetapkan kontraktor menjalankan kerja pungutan 2 kali seminggu di kawasan domestik dan bagi kawasan komersial pula pungutan dilakukan 2 atau 4 atau 6 kali seminggu mengikut pilihan penghuni/pemilik premis. Manakala bagi kawasan perindustrian pungutan sampah yang bukan toksik dibuat 2 atau 4 atau 6 kali seminggu. Bagaimanapun, hari dan waktu pungutan sampah dijalankan tidak ditetapkan dalam syarat perjanjian.

c) Jenis Bahan Buangan Dan Caj Pengurusan

Pihak kontraktor bertanggungjawab untuk mengutip, mengalih, mengangkut, mengasing, merawat, menyimpan dan melupus buangan domestik, komersial dan juga industri tetapi tidak termasuk bahan toksik dan *garden wastes*. Kadar yang ditetapkan ialah RM132 bagi setiap tan sampah domestik yang dipungut. Muatan pungutan sampah yang akan dipungut dari kawasan konsesi MBKS dijangka dalam lingkungan 42,000 tan setahun. Manakala bagi sampah yang dipungut dari kawasan komersial dan industri kadar caj adalah tertakluk kepada kekerapan pungutan dijalankan mengikut kadar seperti di **Jadual 83**.

Jadual 83
Kadar Caj Untuk Pungutan Sampah Komersial

Saiz Tong (liter)	Kadar Caj Sebulan (RM)		
	2 kali seminggu	4 kali seminggu	6 kali seminggu
120	16	36	56
240	29	59	89

Sumber: Perjanjian Konsesi

Selain itu, SWM dibenarkan membuat perjanjian terus dengan penghuni/pemilik premis untuk perkhidmatan memungut sampah melebihi had muatan atau membuat pungutan melebihi kekerapan yang telah ditetapkan. Bagaimanapun, caj yang akan dikenakan kepada penghuni/pemilik premis tidak boleh melebihi kadar RM198 se tan seperti yang ditetapkan dalam perjanjian. Pihak kontraktor juga dibenarkan untuk menjual barang buangan yang boleh dikitar semula.


35.1.5 Kaedah Pelaksanaan

Kaedah dan syarat pelaksanaan penswastan pengurusan pungutan sampah yang dinyatakan dalam Perjanjian Konsesi adalah seperti berikut:

a) Pemilihan Kontraktor

Pada tahun 1999, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri telah mencadangkan kepada Kabinet Negeri supaya pelantikan kontraktor dibuat secara rundingan terus. SWM sebagai anak syarikat Kerajaan Negeri akan dilantik untuk mengurus sampah di 3 PBT iaitu kawasan konsesi DBKU, MBKS dan MPP. SWM sebagai kontraktor utama dibenarkan untuk melantik mana-mana syarikat menjalankan pengurusan sampah bagi pihaknya. Carta alir pertalian pengurusan pungutan sampah setelah penswastan adalah seperti di **Carta 13**.

Carta 13
Carta Alir Pertalian Pengurusan Pungutan Sampah



Sumber : Perjanjian Konsesi

b) Pegangan Ekuiti

Kerajaan Negeri akan memegang 30% saham dalam syarikat SWM untuk menjaga kepentingannya. Manakala 3 PBT terbabit masing-masing diberi pegangan saham sebanyak 10% dalam syarikat sub kontraktor yang dilantik oleh SWM iaitu Trienekens (Sarawak) Sdn. Bhd. (Trienekens) untuk menjalankan pengurusan sampah bagi pihaknya. MBKS dikehendaki membayar sejumlah RM600,000 kepada syarikat ini sebagai ekuiti. Mengikut perjanjian, pegangan ekuiti MBKS akan diselaraskan dengan nilai aset milik MBKS yang diambil alih oleh Trienekens. Maklumat terperinci mengenai aset ini termasuk nilai perlu dimajukan kepada Setiausaha Kewangan Negeri untuk tujuan pertimbangan dan kelulusan selanjutnya. Dalam tempoh 5 tahun, pegangan saham Trienekens daripada 55% pegangan ekuiti akan berkurangan menjadi tidak lebih dari 40%.

c) Bidang Kerja Kontraktor Dan Perubahan Skop Kerja

Pihak kontraktor akan bertanggungjawab untuk mengutip, mengalih, mengangkut, mengasing, membuat rawatan, menyimpan dan melupus buangan domestik, komersial dan buangan industri yang bukan toksik. Untuk tujuan ini kontraktor hendaklah menyediakan guna tenaga, kenderaan dan peralatan yang berupaya untuk memungut, mengalih dan mengangkut pada satu masa sekurang-kurangnya 30% daripada buangan tidak termasuk buangan toksik yang dihasilkan dalam kawasan konsesi. Kaedah pengubahsuaian skop kerja dan kos ditetapkan dalam Perjanjian Konsesi. Pihak kontraktor hendaklah membawa sampah ke tapak pelupusan untuk dilupus dan dirawat.

d) Kadar Dan Kos Perkhidmatan Pungutan Sampah

Perjanjian kontrak menetapkan harga minimum kontrak RM5.54 juta setahun untuk perkhidmatan kerja memungut sampah di kawasan konsesi MBKS. Harga ini adalah berdasarkan 42,000 tan sampah yang dikutip iaitu pada kadar RM132 setiap tan sampah. Muatan yang dikutip melepasi had ini dikenakan caj RM198 setiap tan sampah. Kadar yuran dan caj yang telah ditetapkan adalah untuk tempoh 5 tahun dan akan disemak semula selepas tempoh tersebut.

35.1.6 Tapak Pelupusan Sampah

Pelupusan sampah jika tidak diurus dengan sempurna dan tidak mengikut kehendak piawaian Jabatan Alam Sekitar dan Lembaga Sumber Asli Dan Alam Sekitar boleh menyebabkan risiko tinggi terhadap alam sekitar dan manusia di sekitar kawasan tapak pelupusan. Menurut piawaian Jabatan Alam Sekitar, sekurang-kurangnya satu tapak pelupusan sampah perlu disediakan bagi setiap 30,000 penduduk ataupun dalam lingkungan 10 kilometer bagi sesebuah penempatan atau perumahan dan tapak hendaklah diurus dengan baik dan mempunyai laluan keluar dan masuk yang sempurna. Keluasan minimum tapak ialah 22 ekar dan hendaklah tidak melebihi setengah hari perjalanan dari kawasan pungutan kerana sisa cepat busuk. Tapak pelupusan juga perlu di sekitar kawasan yang mudah mendapat bekalan tanah untuk menimbus sampah. Setiap tapak pelupusan ini pula perlu mempunyai beberapa stesen persinggahan sampah sementara dalam lingkungan 5 kilometer. Selain itu, tapak hendaklah berada di ketinggian 100 meter atas paras laut serta tidak berada dalam kawasan aliran air dan paya.

a) Tapak Pelupusan Matang

Tapak pelupusan yang seluas 19.22 ekar dengan kemampuan muatan lebih kurang 7 juta meter padu sampah ini adalah milik MBKS. Ianya telah digunakan sejak

tahun 1992 dan dijangka hanya mampu menampung buangan sampah sehingga tahun 2000. Sebelum tapak ini diambil alih oleh pihak Trienekens pada bulan Jun 2000, sebuah alat penimbang untuk menimbang sampah telah dipasangkan di jambatan penimbang di tapak pelupusan Matang pada bulan April 1999. Klausula Bahagian IIA (iv) pada Perjanjian Konsesi menyebut setiap titian penimbang yang dipasangkan hendaklah yang dipersetujui oleh kedua belah pihak. Pemeriksaan bersama hendaklah dijalankan oleh kedua pihak dan disertai oleh wakil dari Jabatan Kilang Dan Jentera dan diberi Sijil Perakuan Kelayakan.

Kerja pemuliharaan hendaklah dijalankan oleh kontraktor apabila tapak ini tidak digunakan lagi. Pemuliharaan tapak pelupusan Matang hendaklah dilaksanakan oleh SWM dalam tempoh 5 tahun dari tarikh tapak pelupusan baru siap dibina. Mengikut tatacara pemuliharaan seperti di Bahagian Dua, Jadual E kepada Perjanjian Konsesi, tapak ini hendaklah ditimbus, dimampat dan ditutup dengan membubuh mineral dan penyaring (*filter*) di permukaan timbunan. Pihak SWM dikehendaki mengemukakan '*Safe Closure And Rehabilitation Plan*' kepada Lembaga setelah kerja pemuliharaan siap dijalankan. Kos kerja pemuliharaan tapak tersebut dianggarkan bernilai RM6 juta dan akan ditanggung oleh Kerajaan.

b) Tapak Pelupusan Tundong

Pada bulan Mac 2000, Kerajaan Negeri telahewartakan tapak seluas 85 hektar di Tundong, Bau sebagai tapak pelupusan sampah yang baru untuk menggantikan tapak pelupusan Matang. Tapak ini terletak 21 km dari Bandaraya Kuching dan 500 meter dari jalan raya. SWM diberi tanggungjawab untuk membina Tapak Pelupusan Tundong dan menyediakan pelan keseluruhan pembinaan yang lengkap dengan kemudahan infrastruktur seperti jalan masuk, pejabat dan sekurang-kurangnya 2 titian penimbang yang boleh menampung berat 50 tan. Pihak SWM juga dikehendaki mengemukakan laporan lengkap atau skim pemeliharaan persekitaran atau kawalan pencegahan pencemaran kepada pihak berkuasa yang berkenaan.

SWM telah melantik Chemsain Konsultant Sdn. Bhd untuk menjalankan kajian awal dan membuat penilaian terhadap impak persekitaran bagi projek tapak pelupusan sampah yang baru dan kos kajian ini ditanggung oleh pihak SWM. Hasil kajian pihak perunding mendapati tapak ini bersesuaian dari aspek topografi, hidrologi, kemudahan infrastruktur dan mempunyai kawasan yang boleh menampung pembuangan sampah sehingga 25 tahun. Empat syarikat perunding iaitu *PUBM Quantity Surveyors Sdn. Bhd.*, *Perunding Teknikal Consulting Engineers, MAR & Associates* dan *Arkitek Seni Alam Sdn. Bhd.* telah dilantik oleh SWM untuk tujuan

pelaksanaan pembinaan tapak ini. Kos kerja pembinaan tapak termasuk kos kajian akan ditanggung oleh kontraktor. Kerja pembinaan ini dijangka akan bermula pada bulan Julai 2000 dan mula beroperasi pada bulan Ogos 2001. Sehubungan dengan itu spesifikasi untuk pembinaan dan deskripsi kerja di tapak telah dirangka di dalam Jadual E, Perjanjian Konsesi seperti berikut :

i) Spesifikasi

Saiz tapak pelupusan seluas 31.50 hektar hendaklah dibahagikan kepada 12 seksyen dan 1 seksyen daripadanya dikhaskan untuk pelupusan pembuangan toksik. Tapak pelupusan hendaklah termasuk pembinaan jalan masuk, bangunan untuk rekreasi pekerja dan pentadbiran, ruang resepsi, dua titian penimbang dengan kapasiti 50 tan di setiap titian serta pejabat di setiap titian, kemudahan air dan elektrik dan memasang pagar di seluruh tapak. Pembersihan tapak hendaklah dijalankan dan kerja menggali tanah dilakukan sehingga 900,000 meter padu dan tanah ini hendaklah diguna untuk penimbunan dan landskap. Kerja merata dasar tapak dan cerun serta pemasangan paip saluran hendaklah dilakukan mengikut definisi pelan. Pembinaan lapisan penutup mineral hendaklah setebal 30 sm dan mematuhi tahap resapan yang ditetapkan. Penapis setebal 50 sm hendaklah dibina untuk menyalur ke paip air resapan yang bersambung dengan tangki penyimpanan sementara.

ii) Rawatan Air Kumbahan

Rawatan terhadap air yang dihasilkan hendaklah mencapai kualiti yang dibenar untuk disalur ke kolam pengumpulan air kumbahan. Peparitan hendaklah dibina di persekitaran tapak pelupusan dan disambung ke takungan. Air yang ditakung ini hendaklah dirawat dengan sempurna dan disalur keluar selaras dengan peraturan yang ditetapkan di Jadual 3, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

iii) Degastification

Degastification terhadap tapak pelupusan hendaklah dibuat melalui saluran yang boleh menyerap dan disambung ke saluran pengumpulan gas utama yang disambung ke stesen pembakar.

iv) Operasi

Untuk mengurangkan air kumbahan kepada paras minimum, semua kawasan tapak pelupusan yang belum diisi hendaklah ditutup dengan lapisan plastik supaya air boleh mengalir ke kawasan kolam pengumpulan air kumbahan.

Sampah hendaklah dimampat dengan menggunakan mesin pemampat. Mesin dan peralatan yang diperlukan dalam operasi hendaklah disediakan. Pekerja seramai 30 orang daripada pelbagai kemahiran dijangka diperlukan untuk operasi di tapak pelupusan sampah.

v) Pemuliharaan

Setelah sampah ditutup dengan lapisan penutup mineral, tapak pelupusan hendaklah ditimbus dengan tanah dan tumbuhan hidup secara semula jadi di permukaan tapak.


35.1.7 Program Kesedaran Awam

MBKS memperuntukkan sejumlah RM1.75 juta untuk menjalankan program kesedaran awam mengenai kebersihan dan kitar semula. MBKS ada merancang beberapa aktiviti seperti kempen kebersihan, program kitar semula, edaran risalah dan pameran. Menurut jadual perancangan pada tahun 2004, kutipan terhadap bahan kitar semula akan dibuat setiap hari di lokasi yang berlainan. Sebanyak 12 program kitar semula dirancang pada tahun 2005 dan 16 program pada tahun 2006.

35.1.8 Keperluan Kewangan

Bagi melaksanakan program penswastan pengurusan sampah, MBKS menganggarkan peruntukan sejumlah RM53.97 juta diperlukan bagi tempoh tahun 2000 hingga 2006 seperti di **Carta 14**.

Carta 14
Peruntukan Kewangan Untuk
Program Penswastan Pengurusan Sampah



Sumber: Laporan Kewangan MBKS Dan Perjanjian Pinjaman Dengan Kerajaan Negeri


35.1.9 Keperluan Guna Tenaga Dan Latihan

Selain menyediakan guna tenaga yang mencukupi dan terlatih, MBKS juga menetapkan keperluan minimum dan syarat pengambilan pekerja oleh pihak kontraktor. Selain itu, MBKS juga menetapkan kaedah pengambilalihan pekerja MBKS oleh kontraktor dalam Perjanjian Konsesi.

a) Struktur Organisasi

Pengurusan hal berkaitan dengan pengurusan sampah adalah di bawah penyeliaan Bahagian Pelesenan Dan Kesihatan Awam dan di bawah tanggungjawab Seksyen Pengurusan Sisa-sisa. Seksyen ini dibahagikan kepada 2 unit iaitu Unit Kitar Semula dan Unit Pengurusan Sisa-sisa. Unit Pengurusan Sisa-sisa ini akan memastikan pihak kontraktor memberi perkhidmatan yang cekap, menjalankan kerja pungutan *garden wastes*, mengawasi pembuangan sampah secara haram dan menjalankan program kitar semula. Untuk melaksanakan tanggungjawab ini, Unit ini telah diluluskan sebanyak 36 kakitangan yang diketuai oleh seorang Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U32 dan dibantu oleh 35 kakitangan serta pekerja yang lain. Sehingga bulan Disember 2006 didapati 32 jawatan telah diisi dan terdapat 3 kekosongan. Struktur di Unit ini adalah seperti di **Carta 15**.

Carta 15
Struktur Pengurusan Seksyen Pengurusan Sisa-sisa



Sumber: Rekod MBKS

Selain itu, tiada rancangan latihan khas disediakan untuk kakitangan Unit ini sebaliknya akan diberi mengikut keperluan.

b) Kaedah Pengambilalihan Pekerja MBKS

SWM dikehendaki membuat tawaran kepada 78 kakitangan MBKS yang menjalankan tugas pungutan sampah untuk berkhidmat dengannya. Tawaran ini hendaklah dibuat dalam tempoh 28 hari setelah perjanjian dimaktubkan dan tarikh akhir tawaran adalah pada hujung bulan November 2000. Selain itu, SWM boleh meminjam kakitangan MBKS untuk tempoh sehingga 2 tahun dan pihak MBKS boleh melanjutkan tempoh ini tanpa persetujuan pihak SWM. Terma dan syarat untuk kakitangan yang dipindah atau dipinjam hendaklah tidak kurang dari apa yang diperolehi mereka semasa berkhidmat dengan MBKS.

c) Keperluan Kakitangan Pihak Kontraktor

SWM atau sub-kontraktor yang menjalankan operasi juga dikehendaki menyediakan sekurang-kurangnya 136 pekerja untuk memungut dan mengalih sampah. Selain itu, SWM juga dikehendaki menanggung semua kos termasuk insurans dan perbelanjaan kakitangan untuk mengurus, menyenggara serta mengoperasikan sistem pembuangan berintegrasi dan memberi perkhidmatan yang efisien. Sekurang-kurangnya 4 pekerja diperlukan untuk mengendalikan perkhidmatan pungutan sampah di setiap zon iaitu seorang penyelia, seorang pemandu lori pengangkut sampah, seorang tukang sapu dan seorang pemungut sampah. Pihak kontraktor juga akan dikehendaki mengambil pekerja yang sedang berkhidmat dengan MBKS iaitu dari Unit Pengurusan Sisa-sisa. Pengambilan tenaga asing hanya dibenarkan jika SWM dapat membuktikan yang kemahiran dan ilmu berkaitan tidak dapat diperolehi secara tempatan dan dengan syarat mereka bersetuju untuk memindah kemahiran kepada pekerja tempatan. Selain itu, SWM hendaklah memastikan yang kehendak undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa dipatuhi.

35.1.10 Keperluan Peralatan Dan Jentera

Pihak kontraktor dikehendaki mengambil alih peralatan dan jentera di Bahagian Pelesenan Dan Kesihatan Awam MBKS di samping menyediakan peralatan dan jentera tambahan yang diperlukan. Syarat Perjanjian Konsesi menetapkan jenis peralatan dan jentera yang diperlukan iaitu *3-axle compactor trucks*, *2-axle compactor trucks with lifter*, *2 and 3-axle hooklift trucks*, *skiplift trucks* dan *platform trucks*. Selain itu, peralatan yang diperlukan merupakan tong sampah beroda bermuatan 120/240/1,100 liter, *hooklift containers* dan *skiplift containers*. Bagaimanapun, bilangan keperluan peralatan dan jentera tidak dinyatakan.

Pihak kontraktor boleh mengambil alih peralatan dan jentera milik MBKS secara sewa beli atau menyewa. Satu senarai aset yang telah dinilai akan dilulus oleh Kerajaan Negeri. Proses mengambil alih peralatan dan jentera di antara pihak kontraktor dan MBKS hendaklah dilaksanakan pada atau sebelum tarikh penswastan bermula. Peralatan dan jentera yang tidak diambil alih oleh pihak kontraktor akan dihapus kira atau dijual selaras dengan prosedur yang ditetapkan. Nilai jentera yang diambil alih dan hasil dari jualan jentera yang tidak diambil alih akan digunakan untuk menyelaraskan ekuiti MBKS dalam syarikat Trienekens.

35.1.11 Kaedah Pemantauan

Majlis akan memantau program penswastan pengurusan sampah dari aspek prestasi pelaksanaan pungutan dan pelupusan sampah serta pembayaran kepada kontraktor berdasarkan kepada Perjanjian Konsesi dan peraturan yang berkaitan. Kaedah pemantauan yang dijalankan oleh Majlis adalah melalui mesyuarat, lawatan ke premis dan kawasan pungutan, laporan bulanan dan aduan orang awam. Pihak MBKS tidak menyedia sebarang program pemantauan bagi tempoh tahun 2000 sehingga 2005. Manakala program pemantauan bagi tahun 2006 ada disediakan seperti di **Jadual 84**.

Jadual 84
Program Pemantauan Bagi Tahun 2006

Aktiviti	Kawasan	Tempoh
Perkhidmatan Kutipan Sampah	Semua zon	Bulanan
Berhubung Dengan Kontraktor	Tapak pesta/aktiviti	Bila Perlu
Penyenggaraan Tong Sampah	Pusat Penyenggaraan Tong	Rutin
Pembuangan Secara Haram	- Hotspots - Rumah ke rumah	-
Semasa pesta jualan	- Tapak aktiviti - Rumah ke rumah	Bila Perlu
Buangan Ekstra Di Pusat Komersial	Semua zon	-
Lain-lain: - Waktu pesta - Tindakan terhadap aduan - Arahan	Tapak aktiviti	Bila Perlu/Di Arah

Sumber: Rekod Program Pemantauan Tahun 2006 MBKS

Selain itu, Seksyen Perhubungan Awam akan bertanggungjawab menerima dan memantau setiap aduan yang diterima daripada orang awam melalui telefon (*hotline*), media, surat dan tali khidmat dan laman web. Pelanggan dibenarkan datang terus ke Bahagian Kebersihan Awam/Unit Pengurusan Sisa-sisa untuk membuat aduan. Setiap aduan yang diterima oleh Seksyen ini akan disalurkan kepada Bahagian/Seksyen/Unit berkenaan untuk tindakan selanjutnya. MBKS menetapkan setiap aduan yang diterima daripada orang awam hendaklah diselesaikan oleh Seksyen berkenaan dalam tempoh 6 hari. Pegawai Perhubungan hendaklah menyedia satu senarai aduan yang belum diambil tindakan dalam tempoh seminggu dan peringatan diberi kepada Seksyen berkenaan. Jika penyelesaian tidak dapat diambil dalam tempoh 10 hari dari tarikh aduan, pengadu hendaklah diberitahu perkembangan tindakan yang sedang diambil. Laporan akan disediakan setiap bulan kepada *Standing Committee For Public Health, Environment And Tourism* untuk tindakan selanjutnya.

Pada pandangan Audit, perancangan terhadap penswastan pengurusan sampah adalah memuaskan kerana ianya mematuhi dasar Kerajaan Negeri dan Kerajaan

Persekutuan dan dipersetujui oleh Kabinet Negeri. Program juga mengambil kira aspek alam sekitar dan pengguna.

35.2 PELAKSANAAN

Projek penswastan pengurusan sampah dilaksanakan dengan tujuan dapat memberi perkhidmatan yang lebih cekap dan bermutu kepada penduduk di bawah pentadbiran MBKS. Semakan Audit terhadap pelaksanaan penswastan pengurusan sampah mendapati perkara seperti berikut :

35.2.1 Dasar Kerajaan Negeri

Keputusan penswastan pengurusan sampah telah dibuat oleh Kerajaan Negeri untuk dilaksanakan oleh MBKS mulai bulan Jun 2000. Semakan Audit terhadap penswastan pengurusan sampah di MBKS mendapati ianya dilaksanakan selaras dengan Dasar Penswastan Negara.

Pada pendapat Audit, Kerajaan Negeri telah berusaha untuk mematuhi Dasar Penswastan Negara.

35.2.2 Kajian Kemungkinan

Bagi melaksanakan sesuatu projek penswastan yang bertujuan untuk meningkatkan prestasi dan mengurangkan beban kewangan Kerajaan, satu kajian kemungkinan hendaklah diadakan. Semakan Audit mendapati kajian kemungkinan telah dijalankan oleh Bahagian Perancangan Dan Pembangunan, Jabatan Ketua Menteri, ketiga-tiga PBT dan agensi Kerajaan yang berkaitan seperti Kementerian Alam Sekitar Dan Kesihatan Awam (KASKA), Jabatan Pengairan Dan Saliran, Lembaga Sungai-sungai Sarawak, Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Tanah Dan Survei, Kementerian Pembangunan Perindustrian dan Jabatan Kerja Raya. Kerajaan Negeri telah melantik syarikat perunding *Maierform Consultants* pada tahun 1998 untuk menjalankan kajian kemungkinan mengenai Sistem Pengurusan Buangan Berintegrasi yang melibatkan pungutan dan pelupusan sampah domestik, komersial dan industri serta penyenggaraan tapak pelupusan. Hasil daripada kajian tersebut, satu laporan telah dikemukakan kepada Bahagian Perancangan Dan Pembangunan. Berdasarkan laporan tersebut, Bahagian ini telah mengemukakan cadangan penswastan kepada Kabinet Negeri pada tahun 1999 dan telah diluluskan pada 20 Mac tahun 2000. Bagaimanapun, pihak Audit tidak mendapat sebarang bukti yang cadangan penswastan ini telah dipertimbangkan terlebih dahulu oleh Jawatankuasa Penswastan Negeri seperti mana yang dikehendaki oleh Surat Pekeliling Kerajaan

Negeri Bilangan 23 Tahun 1994. Ini disebabkan dokumen seperti garis panduan untuk pelaksanaan dasar penswastaan dan dokumen lain berkaitan tidak dikemukakan untuk tujuan pengesahan Audit.

Pada pendapat Audit, pelaksanaan dasar penswastaan ini kurang memuaskan oleh kerana penilaian tidak dibuat oleh Jawatankuasa bertanggungjawab terlebih dahulu.

Semakan Audit seterusnya mendapati bahawa MBKS juga telah membuat analisis sendiri terhadap kos dan perkhidmatan pengurusan sampah bagi tempoh tahun 1998 sehingga 1999 untuk menentukan sama ada Majlis akan dapat menjimatkan kos perbelanjaan mengurus. Hasil daripada analisis tersebut mendapati sekiranya penswastaan diteruskan kos pengurusan sampah akan meningkat menjadi RM6.04 juta daripada RM4.80 juta iaitu peningkatan sebanyak 25.6%. Dari segi perbandingan perkhidmatan kekerapan pungutan sampah akan berkurang dari 3 ke 2 kali seminggu seperti di **Jadual 85**.

Jadual 85
Perbandingan Kos Dan Perkhidmatan Yang Ditanggung
Oleh MBKS Dengan Tawaran Kontraktor Bagi Tempoh 1 Tahun

Perkara	Kos MBKS (RM Juta)	Kos Kontraktor (RM Juta)	(Penjimatan) Tambahan Kos (RM Juta)
Kos pungutan sampah	1.63	2.20	0.57
Kos pungutan 1 tan <i>garden wastes</i>	0.32	-	-
Kos caj tapak pelupusan	0.33	1.79	1.47
Gaji Dan Kos Pelbagai	2.52	-	(0.80)
Pungutan dalam seminggu - domestik - komersial	- 3 kali - Setiap hari	- 2 kali - 2 kali	
Jumlah	4.80		1.24

Sumber: Rekod Kertas Kerja MBKS

Pada pendapat Audit, Kerajaan Negeri telah mengambil kira laporan kajian kemungkinan yang dijalankan oleh syarikat perunding swasta untuk meluluskan program penswastaan pengurusan sampah. Bagaimanapun, matlamat untuk mengurangkan beban kewangan dan meningkatkan kecekapan tidak diambil kira walaupun analisis telah dibuat oleh MBKS. Akibatnya, MBKS menanggung beban kewangan yang semakin meningkat dan kekerapan pungutan sampah yang berkurangan.

35.2.3 Undang-undang Dan Peraturan

Bagi pelaksanaan penswastaan pengurusan sampah, pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang berkaitan adalah perlu. Semakan Audit mendapati undang-undang telah dipatuhi dan peraturan yang berkuat kuasa telah diguna pakai sebagai garis panduan untuk mengurus pelaksanaan program ini.

Pada pendapat Audit, peruntukan dan pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang sedia ada adalah mencukupi.

35.2.4 Pencapaian Sasaran

a) Kawasan Dan Pengambilalihan Pengurusan Sampah

Semakan Audit mendapati pada penghujung tahun 2000 perkhidmatan penswastaan telah dijalankan di semua kawasan konsesi MBKS yang melibatkan 37,677 premis. Bagi memudahkan pelaksanaan kerja pungutan dibuat, pihak kontraktor telah membahagikan kawasan konsesi kepada 6 zon yang kemudian dibahagi kepada 37 kawasan.

b) Jadual Pungutan Dijalankan

Semakan Audit seterusnya mendapati Trienekens telah menetapkan jadual kerja pungutan sampah seperti di **Jadual 86**.

Jadual 86
Jadual Pungutan Sampah

Kawasan	Bil.	Kekerapan Seminggu (kali)	Hari	Masa	Pilihan Penghuni/Pemilik Premis
Domestik	26	2	Sama ada dijalankan pada hari : 1. Isnin dan Khamis 2. Selasa dan Jumaat 3. Rabu dan Sabtu	5 pagi	-
Komersial	5	2		6 pagi	- 4 atau 6 kali - jika melebihi 6 kali akan dikira sebagai perkhidmatan tambahan
Industrial	6	2		5 petang	- 4 atau 6 kali
Jumlah	37				

Sumber: Laporan Trienekens

c) Jenis Bahan Buangan Dan Caj Perkhidmatan

Semakan Audit mendapati skop penswastaan pengurusan sampah meliputi pungutan sampah di premis kediaman/perumahan, komersial, industri dan bangunan Kerajaan serta melupus dan merawat sampah di bawah kawasan konsesi MBKS. Bagaimanapun, pungutan hanya dibuat untuk sampah yang diletakkan dalam tong sampah yang disediakan serta sampah yang telah dibungkus dengan sempurna. Manakala sampah lain seperti *garden wastes*, pembuangan sampah di kawasan terbuka yang lain atau pembuangan secara haram tidak dimasukkan dalam skop kerja kontraktor.

Pada pendapat Audit, skop penswastan tidak memuaskan kerana perkhidmatan yang ditetapkan tidak menyeluruh dan MBKS masih perlu melakukan kerja dan menanggung kos untuk pungutan sampah yang tidak disebut dalam skop kerja.

35.2.5 Pelaksanaan Projek Penswastan Dan Perjanjian Kontrak

Perjanjian Konsesi untuk penswastan pengurusan sampah telah ditandatangani antara Dewan Bandaraya Kuching Utara, Majlis Bandaraya Kuching Selatan dan Majlis Perbandaran Padawan dengan Sarawak Wastes Management Sdn. Bhd. pada 24 April 2000 untuk tempoh 25 tahun. Semakan Audit terhadap fail kontrak mendapati bahawa pandangan Peguam Besar Negeri telah diperolehi terhadap dokumen perjanjian ini.

Secara amnya syarat yang telah ditetapkan dalam Perjanjian Konsesi ini masih boleh diperlengkapkan bagi menjaga kepentingan Kerajaan dan kontraktor. Kepentingan Kerajaan akan lebih terjaga jika perkara berikut dinyatakan dalam perjanjian tersebut :

- Bon Pelaksanaan/jaminan insurans disediakan oleh kontraktor sebagai jaminan;
- Klausu mengenai denda yang dikenakan sekiranya perkhidmatan tidak menepati syarat atau spesifikasi kerja;
- Tempoh percubaan untuk penilaian prestasi perkhidmatan dinyatakan supaya Kerajaan berhak menamatkan kontrak sekiranya perkhidmatan tidak memuaskan; dan
- Klausu mengenai penggantian tong sampah yang rosak.

Kaedah pelaksanaan penswastan pengurusan sampah meliputi terma dan syarat yang termaktub dalam perjanjian ini iaitu pelantikan kontraktor, tarikh mula perkhidmatan, tempoh konsesi dan penamatan perkhidmatan, tenaga kerja dan peralatan serta kemudahan yang diperlukan, penyenggaraan tapak pelupusan dan pengurusan pembayaran.

a) Pelantikan Kontraktor

SWM telah dilantik secara rundingan terus sebagai kontraktor untuk mengurus pungutan, melupus dan merawat sisa pepejal. Melalui perjanjian ini, kontraktor dikehendaki melaksanakan sistem pengurusan pungutan dan pelupusan sampah menggunakan teknologi Negara Jerman. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati pelantikan kontraktor tidak mengikut Peraturan Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan 1997 perkara 169 dan 200 yang menghendaki tender dipelawa bagi bekalan/perkhidmatan yang kosnya melebihi RM50,000. Mengikut perkara 221

Peraturan yang sama, pengecualian hendaklah diperolehi daripada Menteri Alam Sekitar Dan Kesihatan Awam Sarawak sekiranya peraturan ini tidak diikuti. Pihak Audit tidak dapat menentukan sama ada pengecualian tersebut telah diperolehi oleh kerana dokumen berkaitan tidak dikemukakan. SWM telah melantik Trienekens sebagai sub kontraktornya.

Pada pendapat Audit, perlantikan kontraktor tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan dan rundingan harga tidak dilakukan.

b) Pegangan Ekuiti

Kerajaan telah menetapkan syarat supaya ketiga-tiga PBT memegang ekuiti sebanyak 10% masing-masing dalam Trienekens untuk menjaga kepentingan Majlis. Nilai pegangan ini bernilai RM1.80 juta dan akan dibayar melalui tukar ganti aset yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri pada bulan Mei 2000. Tukar ganti aset itu adalah melibatkan peralatan dan jentera milik PBT yang akan diambil alih oleh Trienekens. Mengikut perjanjian, dalam tempoh 5 tahun pegangan ekuiti Trienekens hendaklah tidak melebihi 40%. Semakan Audit mendapati pihak Trienekens telah mengambil alih aset MBKS secara tunai dan tidak ditukar ganti sebagai ekuiti. Sehingga bulan Disember 2006, ketiga-tiga PBT belum membayar ekuiti 10% masing-masing kepada Trienekens.


Pada pendapat Audit, perjanjian konsesi terhadap program penswastaan mempunyai kelemahan dalam menjamin kepentingan Kerajaan. Ini adalah disebabkan perjanjian tersebut tidak memperuntukkan beberapa syarat penting seperti bon pelaksanaan, jaminan insurans dan klausa denda serta tidak ada tempoh percubaan ditetapkan. Manakala dari segi pemilikan ekuiti, pihak Audit berpendapat hasrat Kerajaan untuk memiliki kepentingan dalam pentadbiran Trienekens tidak tercapai kerana ketiga-tiga PBT tidak membayar pegangan ekuiti. Akibatnya, Majlis tidak dapat mengawal pentadbiran Trienekens dan tidak mendapat pulangan yang sewajarnya.

c) Kemudahan Infrastruktur Dan Kelengkapan

Lawatan Audit ke tapak pelupusan Mambong mendapati adanya jalan bertar masuk ke tapak ini. Tapak ini dilengkapi 2 titian penimbang lori sampah, sebuah pejabat dengan ruang resepsi untuk pengurusan, tempat letak kenderaan/depot, tempat mencuci trak sampah dan mempunyai tempat rekreasi untuk tujuan riadah kakitangan dan pekerja. Selain itu, tapak ini mempunyai sistem peparitan dan sistem kawalan hakisan. Kontraktor juga ada memasang pagar di sekeliling tapak

pelupusan dan menanam rumput di kawasan sekitar tapak dan secara keseluruhannya menampakkan persekitaran yang teratur dan bersih. Sebagai langkah keselamatan, kontraktor ada menyediakan pondok kawalan di pintu masuk kawasan dan seorang pegawai keselamatan ditugaskan untuk mengawal kemasukan orang yang tidak dibenarkan. Memorandum yang dikemukakan oleh KASKA kepada Kabinet Negeri pada bulan Januari 2003 menyebut tapak pelupusan Mambong sebagai '*first state-of-the-art*' dan setaraf dengan sistem aras 4 di Negara ini. Gambaran tapak pelupusan Mambong adalah seperti di **Foto 84 dan 85**.

Foto 84
Loji Rawatan Air Kumbahan
Di Tapak Pelupusan Mambong



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak
Tarikh :12 Oktober 2006
Lokasi: Tapak Pelupusan Mambong

Foto 85
Pemandangan Tapak Pelupusan
Di Tapak Pelupusan Mambong



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak
Tarikh :12 Oktober 2006
Lokasi: Tapak Pelupusan Mambong

Pada pendapat Audit, kemudahan infrastruktur dan kelengkapan yang disediakan di tapak pelupusan Mambong adalah baik.

35.2.6 Tapak Pelupusan Sampah

Semakan Audit terhadap minit mesyuarat yang diadakan pada bulan Jun 2000 mendapati MBKS telah bersetuju untuk mengenakan sewa tapak pelupusan sampah di Matang yang mula digunakan oleh kontraktor pada bulan Jun 2000. Tapak ini ditutup pada bulan Oktober 2004 apabila pembuangan, pelupusan dan rawatan sampah dilakukan di tapak pelupusan baru di Mambong. Proses pemuliharaan boleh dimulakan pada bulan Ogos 2005. Semakan Audit seterusnya mendapati perkara seperti berikut:

a) Tapak Pelupusan Matang

Pihak Audit tidak dapat menentukan sama ada sebuah alat penimbang yang dipasangkan di titian penimbang telah mendapat Sijil Perakuan Kelayakan daripada

Jabatan Kilang Dan Jentera kerana sijil tersebut tidak dikemukakan untuk tujuan pengesahan. Semakan Audit mendapati alat pengukur pemendapan (*settlement gauge*) ada dipasang untuk memantau pemendapan buangan dan sebuah mesin pemampat telah digunakan untuk kerja pemampatan dan untuk mengurangkan gas. Selain itu, didapati jalan masuk ke tapak dan *dumping platform* juga telah dibaik pulih dan tempat pencuci trak sampah disediakan. Laporan yang dikeluarkan oleh Jabatan Alam Sekitar dan juga Lembaga Sumber Asli Dan Alam Sekitar Sarawak bagi tahun 2000 sehingga 2004 mendapati tiada laporan ketidakpatuhan berlaku semasa operasi di tapak ini.

Tapak Pelupusan Matang adalah di bawah *Temporary Occupation License* (TOL) dan didapati telah luput pada akhir bulan Jun 1991 dan belum mendapat kelulusan pembaharuan sehingga sekarang. Semakan Audit mendapati pihak kontraktor telah menggunakan tapak secara percuma sepanjang tempoh dari bulan Jun 2000 sehingga 2004. Manakala MBKS pula harus membayar purata sejumlah RM2.48 juta setahun bagi tempoh bulan Jun 2000 sehingga 2006 untuk kos caj perkhidmatan pelupusan sampah yang dipungut kepada kontraktor. Lawatan Audit ke tapak pada 22 Ogos 2006 mendapati, walaupun tapak ini telah ditimbus dan telahpun ditumbuhi oleh rumput, kerja pemuliharaan sebenar belum dijalankan lagi. Selain itu, adalah didapati pencerobohan telah berlaku walaupun pihak Trienekens telah memasang kayu rintangan penghalang masuk dan mempamerkan papan tanda larangan orang awam dari memasuki kawasan tersebut. Selain dari menjadi kawasan pembuangan sampah secara haram, tapak ini juga menjadi penempatan secara haram dan didapati aktiviti menggali kembali sampah berlaku secara berleluasa dan sampah yang tidak diperlukan dibuang merata tempat. Aktiviti ini telah menyebabkan peparitan tersumbat dan air kumbahan yang mengalir ke sistem peparitan boleh mencemar persekitaran. Gambaran persekitaran tapak ini adalah seperti di **Foto 86** dan **87**.

Foto 86
Parit Tersumbat Akibat Buangan Sampah
Dari Tapak Pelupusan Matang



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak
 Tarikh: 22 Ogos 2006
 Lokasi: Tapak Pelupusan Matang


Foto 87
Penempatan Secara Haram
Di Tapak Pelupusan Matang



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak
 Tarikh: 22 Ogos 20
 Lokasi: Tapak Pelupusan Matang

Mengikut MBKS, sampah yang terdapat di kawasan ini adalah milik kontraktor dan kontraktor masih lagi bertanggungjawab untuk menyenggara tapak ini. Temu bual Audit dengan pihak kontraktor mendapati kerja pemuliharaan hanya dapat dilakukan pada musim kering dan mengambil tempoh masa 12 sehingga 18 bulan iaitu sehingga pertengahan tahun 2006. Susulan Audit pada bulan Disember 2006 mendapati kerja pemuliharaan belum dimulakan dan tindakan tidak diambil untuk mengawal aktiviti pembuangan sampah secara haram dan pencerobohan yang makin kerap berlaku. Adalah didapati pihak Trienekens sudah menyediakan pelan pemuliharaan tapak tersebut seperti di **Rajah 2** tetapi belum dikemukakan kepada Lembaga untuk kelulusan.

Rajah 2
Pelan Pemuliharaan Tapak Pelupusan Matang



Sumber: Laporan Trienekens - Pelan Pemuliharaan Tapak Pelupusan Matang

b) Tapak Pelupusan Tundong

Pihak Audit mendapati pemilihan tapak pelupusan Tundong telah mendapat bantahan daripada penduduk tempatan kerana kawasan tersebut adalah tempat penanaman pokok buah-buahan, getah dan padi selain menempatkan 3 kawasan perkuburan. Untuk menggantikan tapak Tundong ini, lapan tapak lain iaitu Jambusan, Samarahan, Pendu, Ensengei, Matang/Batu Kawa, Kuari Kakad, Kuari Poh Kwong dan Mambong telah dikenal pasti sebagai tapak yang sesuai untuk dijadikan tapak pelupusan sampah.

c) Tapak Pelupusan Mambong

Semakan Audit mendapati Kerajaan Negeri telah meluluskan tapak pelupusan sampah baru iaitu di kawasan Mambong pada tahun 2003 untuk menggantikan tapak pelupusan di Tundong. Pemilihan Mambong sebagai tapak pelupusan baru adalah berdasarkan kesesuaian dari aspek topografi, hidrologi, *geological* dan lokasi. Tapak pelupusan Mambong ini seluas 112 hektar dan terletak 23 km daripada Bandaraya Kuching. Kelulusan daripada Jabatan Alam Sekitar dan Lembaga Sumber Asli Dan Alam Sekitar untuk menggunakan lokasi ini sebagai tapak pelupusan sampah juga telah diperolehi pada tahun yang sama. Selain itu, Majlis Perbandaran Padawan selaku PBT yang berkuasa terhadap kawasan tersebut telah meluluskan kontraktor menjalankan kerja perparitan dan penyambungan saluran air.

Tapak tanah ini telah diberi hak milik kepada *Sarawak Waste Management* sebuah anak syarikat Kerajaan Negeri dengan bayaran premium sebanyak RM6.72 juta, sewa tanah sebanyak RM32,844 sebulan dan bayaran pampasan dijelaskan. Kerja pembinaan yang diselia oleh Trienekens bermula pada bulan Jun 2003 secara berperingkat iaitu telah bermula dengan tapak di sel pertama sehingga penyediaan sel kelapan dan mempunyai kapasiti melebihi 200,000 tan bahan buangan setahun. Kos pembinaan tapak bernilai RM70 juta ini ditanggung dan disenggara sepenuhnya oleh SWM. Tapak ini telah diluluskan (*fully licensed*) oleh Jabatan Alam Sekitar dan mula beroperasi pada bulan April 2004 dan dijangka boleh beroperasi selama 25 tahun. Pelan dan reka bentuk struktur tapak serta tatacara operasi telah dibuat oleh pihak Trienekens dan diluluskan oleh Kerajaan.

i) Struktur Tapak

Tapak ini mengandungi 3 komponen utama iaitu tapak utama, tempat pembakaran untuk memastikan buangan termasuk yang berbahaya dilupuskan dengan sempurna dan tapak kawalan penyerapan. Semakan Audit

terhadap pelan struktur tapak mendapati ianya dilengkapi dengan lapisan asas dan sistem perparitan yang berfungsi sebagai penghalang semula jadi *geological*. Lapisan *trisoplast* setebal 10 sm serta *non-wooven fabric* dan lapisan penapis setebal 50 sm juga dipasang sebagai sistem pelapisan untuk mencegah pencemaran air di bawah tanah. Adalah didapati lapisan yang digunakan merupakan bahan lapisan *trisoplast* iaitu sejenis lapisan yang mempunyai ciri *durable mineral barrier*. Semakan Audit seterusnya terhadap pelan reka bentuk mendapati saluran paip juga dipasang untuk mengutip dan menyalurkan air resapan ke kolam pengumpulan air kumbahan sehingga ke sistem pengumpulan gas dan seterusnya ke *flaring plant*. Merujuk kepada senarai semak pematuhan yang disediakan oleh pihak Trienekens didapati sistem pelupusan dan rawatan air kumbahan ini telah direka selaras dengan teknologi terkini dan menepati standard persekitaran.

ii) Operasi

Menurut Perjanjian Konsesi, pengurusan operasi di tapak pelupusan hendaklah dikendalikan oleh 30 orang pekerja dari pelbagai bidang kelayakan dan kemahiran. Kawasan yang belum diguna hendaklah ditutup dengan plastik dan pemampatan dibuat dengan menggunakan mesin. Semakan Audit mendapati pihak Trienekens mempunyai tenaga kerja yang mencukupi dan mahir seperti jurutera dan ahli kimia. Selain itu, berdasarkan prosedur kerja dan laporan operasi harian didapati operasi di tapak pelupusan dijalankan mengikut spesifikasi dan menepati yang ditetapkan dan menepati piawaian yang ditetapkan oleh Lembaga.

iii) Kawalan Kualiti Kumbahan

Menurut Ordinan Lembaga Sumber Asli Dan Persekitaran 1994, kumbahan hendaklah diuji setiap 3 bulan dan Majlis dikehendaki menyedia Laporan Pemantauan Alam Sekitar 3 bulan sekali untuk dikemukakan kepada Lembaga. Lawatan Audit mendapati seorang ahli kimia bertanggungjawab untuk menyelia operasi rawatan kumbahan dan pemantauan operasi ini dibuat melalui sistem *Supervisory Control And Data Acquisition* iaitu merupakan sistem di mana programnya berasaskan reka bentuk dari Negara Jerman. Selain itu, adalah didapati pihak Trienekens juga telah mengemukakan laporan ujian kumbahan kepada Jabatan Alam Sekitar setiap suku tahun dan mulai pertengahan tahun 2006 laporan ini juga telah dikemukakan kepada pihak Lembaga.

Lawatan Audit ke tapak pelupusan Mambong mendapati aktiviti pembuangan dan pelupusan sampah dijalankan dengan teratur dan mematuhi prosedur dan peraturan yang telah ditetapkan. Temu bual Audit dengan pekerja Trienekens mendapati pegawai daripada Unit Pembangunan Negeri, KASKA, Jabatan Alam Sekitar, Lembaga dan Bomba juga ada membuat lawatan berkala ke tapak ini. Semakan Audit terhadap laporan yang dikeluarkan oleh Jabatan Alam Sekitar dan Lembaga bagi tahun 2004 sehingga 2005 mendapati tiada ketidakpatuhan berlaku dan tiada aduan dibuat oleh mana-mana pihak terhadap operasi di tapak ini. Selain itu, didapati stok bahan kimia disimpan di stor yang dikhaskan dan semua rekod inventori diselenggarakan secara berkomputer dengan kemas kini.

Pada pendapat Audit, penempatan tapak pelupusan sampah yang digunakan sekarang adalah sangat baik kerana lokasinya yang sesuai dan operasi pelupusan sampah yang dilakukan adalah memenuhi piawaian penjagaan alam sekitar.

35.2.7 Program Kesedaran Awam

Semakan Audit mendapati publisiti kesedaran awam yang telah dijalankan merupakan kempen kitar semula, kempen beli semula, kempen kebersihan, lawatan rumah ke rumah dan mengadakan pameran. Agensi yang terlibat secara langsung dalam program memberi kesedaran awam ialah pihak sub kontraktor iaitu Trienekens, pelbagai agensi Kerajaan dan pelbagai perbadanan, persatuan dan kelab.

Semakan Audit juga mendapati tiada perancangan terperinci terhadap program kempen kebersihan disediakan bagi tempoh tahun 2000 sehingga 2006 dan program ini hanya dijalankan apabila diperlukan. Kempen rumah ke rumah di bawah program yang dijalankan oleh MBKS dilakukan oleh seorang mandur secara rutin iaitu dijalankan pada setiap hujung minggu di setiap zon. Adalah didapati pihak MBKS tidak menyelenggara rekod kempen bagi tahun 2000 sehingga 2003. Semakan Audit seterusnya mendapati rekod lawatan rumah ke rumah tidak diselenggara bagi tahun 2000 dan 2003. Rekod bagi tahun 2004 menunjukkan sebanyak 4,847 kediaman telah dilawati manakala 5,022 kediaman telah dilawati pada tahun 2005 dan 4,100 kunjungan dibuat pada tahun 2006. Sebanyak 104 kali gotong royong telah dijalankan bagi tempoh tahun 2002 sehingga 2006.

Program perintis kitar semula telah dilancarkan pada bulan Disember 2000. MBKS mempunyai 5 pusat kitar semula dan seorang pegawai bertanggungjawab untuk

mengawas setiap pusat kitar semula tersebut. Sehingga tahun 2006, sebanyak 59 lokasi disediakan yang mana 33 ditempatkan di sekolah, empat di stesen minyak dan 12 lagi di kawasan perumahan dan komersial. Kutipan bahan kitar semula dilakukan 2 kali pada setiap hari termasuk hari cuti am.

Semakan Audit seterusnya mendapati MBKS telah membelanjakan sejumlah RM255,973 untuk tujuan publisiti. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat menentukan jumlah sebenar yang telah dibelanjakan untuk setiap program kerana peruntukan yang telah disediakan adalah secara menyeluruh.

Pada pendapat Audit, program kesedaran awam adalah memuaskan kerana MBKS mempunyai peruntukan yang mencukupi untuk menjalankan semua program kesedaran dan amalan kitar semula mendapat sambutan daripada penduduk.

35.2.8 Kedudukan Kewangan

Perbelanjaan pengurusan sampah yang diswastakan ditanggung sepenuhnya oleh MBKS melalui peruntukan tahunan dan pinjaman daripada Kerajaan Negeri. Semenjak penswastaan bermula pada bulan Jun 2000 sehingga 2006, MBKS telah membelanja sejumlah RM63.34 juta untuk mengurus pungutan sampah dan penyenggaraan tapak pelupusan sampah dan sejumlah RM255,973 lagi untuk tujuan program kitar semula dan kempen kebersihan.

a) Peruntukan Dan Perbelanjaan

Semakan Audit mendapati peruntukan tahunan bagi tempoh tahun 2000 hingga 2006 bernilai RM53.97 juta tidak mencukupi berbanding RM63.34 juta yang diperlukan untuk menjelaskan tuntutan oleh kontraktor bagi tempoh yang sama. Jumlah ini terdiri daripada RM47.12 juta yang dibayar kepada kontraktor untuk kos pungutan sampah yang diswastakan dan sejumlah RM16.22 juta lagi adalah caj perkhidmatan pelupusan sampah yang dipungut oleh MBKS sendiri. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 87**.

Jadual 87
Bayaran Kos Pungutan Dan Caj Perkhidmatan Pelupusan Sampah

Tahun	Peruntukan (RM Juta)	Kos Pungutan Sampah (RM Juta)	Caj Perkhidmatan Pelupusan Sampah (RM Juta)	Jumlah (RM Juta)
Jun-Dis 2000	3.25	1.50	1.25	2.76
2001	2.50	6.02	2.36	8.38
2002	3.05	7.73	2.43	10.17
2003	9.50	8.34	2.68	11.02
2004	12.00	7.98	2.54	10.52
2005	11.67	7.61	2.39	9.99
2006	12.00	7.94	2.57	10.50
Jumlah	53.97	47.12	16.22	63.34

Sumber: Laporan Kewangan MBKS Bagi Tempoh Jun 2000 Hingga Disember 2006

b) Kadar Dan Kos Perkhidmatan Pungutan Sampah

Semakan Audit mendapati sejumlah RM47.12 juta yang dibayar terdiri daripada RM20.83 juta untuk kos pungutan sampah domestik dan sejumlah RM26.29 juta untuk kos pungutan sampah komersial seperti di **Jadual 88**.

Jadual 88
Kos Pungutan Sampah Bagi Tempoh Jun 2000 Hingga 2006

Tahun	Kos Pungutan Sampah Berjadual		Jumlah (RM Juta)
	Domestik (RM Juta)	Komersial (RM Juta)	
Jun-Dis 2000	0.99	0.51	1.50
2001	3.15	2.87	6.02
2002	3.11	4.63	7.73
2003	3.47	4.86	8.34
2004	3.35	4.63	7.98
2005	3.24	4.37	7.61
2006	3.52	4.42	7.94
Jumlah	20.83	26.29	47.12

Sumber: Laporan Kewangan MBKS Bagi Tempoh Jun 2000-Dis 2006

c) Pengurusan Pembayaran

Bayaran kepada kontraktor adalah berdasarkan laporan pungutan sampah bulanan mengikut berat setiap tan yang dikemukakan kepada MBKS. Menurut Perjanjian Konsesi, tuntutan oleh kontraktor hendaklah dibuat setiap suku tahun dan MBKS perlu menjelaskan tuntutan tersebut dalam tempoh 14 hari dari tarikh invoice diterima. Bagaimanapun, adalah didapati MBKS tidak menjelaskan tuntutan pada setiap suku tahun seperti mana yang telah ditetapkan kerana peruntukan tidak mencukupi. Semakan Audit seterusnya mendapati tuntutan yang dibuat oleh SWM bagi tempoh bulan Jun 2000 hingga 2002 bernilai RM21.30 juta hanya dapat dijelaskan dalam tahun 2003 dengan menggunakan peruntukan tahunan dan pinjaman Kerajaan Negeri. Manakala baki tunggakan sejumlah RM1.58 juta bagi tahun 2003 telah dijelaskan pada tahun 2004. MBKS telah mula menjelaskan tuntutan bayaran secara bulanan mulai tahun 2004 hingga 2006.

d) Bayaran Lebih Kepada Kontraktor

Menurut Perjanjian Konsesi yang sama, bayaran minimum yang perlu dijelaskan oleh MBKS ialah RM5.54 juta berdasarkan kutipan 42,000 tan sampah yang dipungut. Manakala kontraktor menetapkan kadar RM132 bagi setiap tan sampah yang dikutip secara berjadual. Semakan Audit terhadap penyata tuntutan yang dikemukakan oleh pihak Trienekens dan bayaran yang dilakukan oleh MBKS menunjukkan bayaran lebih sejumlah RM1.05 juta kepada kontraktor seperti di **Jadual 89**.

Jadual 89
Bayaran Lebih Bagi Tempoh 2003 Sehingga 2006

Tahun	Pungutan Sampah (Tan)	Lebih Dari Paras Minimum (Tan)	Bayaran Telah Dibuat (RM Juta)	Bayaran Sepatutnya (RM Juta)	Bayaran Lebih (RM Juta)
2003	46,339	4,333	6.73	6.51	0.21
2004	49,747	7,747	7.22	6.96	0.26
2005	47,070	5,070	6.83	6.61	0.22
2006	69,068	9,568	10.03	9.68	0.36
Jumlah	212,224	28,121	30.81	29.76	1.05

Sumber: Rekod Kewangan MBKS

* tuntutan Disember 2006 belum diterima

Semakan Audit mendapati bayaran terlebih ini berlaku disebabkan pembayaran adalah berdasarkan berat sampah sebenar. Walau bagaimanapun, kaedah pembayaran telah dilakukan melalui surat daripada SWM bertarikh Disember 2000 dan tiada kelulusan daripada Kerajaan diperolehi.

e) Pinjaman Daripada Kerajaan Negeri

MBKS telah menandatangani satu perjanjian pada bulan Mei tahun 2003 dengan Kerajaan Negeri Sarawak untuk pinjaman sejumlah RM21.30 juta bagi membayar hutang tertunggak kepada kontraktor. Pembayaran dibuat kepada SWM bernilai RM14.35 juta bagi tempoh tahun 2000 hingga 2002. Manakala baki pinjaman bernilai RM6.95 juta telah disimpan oleh MBKS di dalam Akaun Deposit Am. Bayaran balik pinjaman daripada Kerajaan Negeri hendaklah dibuat mulai tahun 2006. Bagaimanapun, Kerajaan Negeri telah meluluskan untuk pembayaran balik pinjaman ini ditunda ke tahun 2008.

Pada pendapat Audit, pengurusan pembayaran perkhidmatan pungutan dan pelupusan sampah kurang memuaskan memandangkan Majlis gagal memperuntukkan sejumlah wang yang mencukupi. Pemantauan bayaran kepada kontraktor kurang rapi menyebabkan bayaran lebihan berlaku.

35.2.9 Gunatenaga Dan Latihan

Pentadbiran MBKS masih mengekalkan Unit Pengurusan Sisa-sisa untuk menjalankan kerja pungutan *garden wastes* dan memantau kerja di bawah program penswastaaan. Selain itu, tenaga kerja pihak kontraktor yang mencukupi adalah perlu untuk menjamin pengurusan sampah yang cekap.

a) Unit Pengurusan Sisa-sisa

Unit ini mempunyai 41 kakitangan dan pekerja untuk menjalankan operasi hariannya. Unit ini diketuai oleh seorang Pegawai Tadbir, tiga Penolong Pegawai Penguatkuasaan Kebersihan, seorang Mandur, seorang Pekerja Am Rendah, tiga pemandu dan 6 Pekerja Am. Semakan Audit mendapati MBKS mempunyai kakitangan yang mencukupi untuk menjayakan tanggungjawabnya. Selain itu, sepuluh kakitangan MBKS telah menghadiri kursus/seminar/bengkel seperti *Safety Closure And Rehabilitation Of Landfill Sites*, *Comprehensive Waste Management* dan *Recycling As An Element Of Solid Waste Management* bagi tempoh tahun 2002 sehingga 2006.

b) Sarawak Wastes Management

Struktur organisasi SWM menunjukkan bahawa pentadbirannya dikawal oleh Lembaga Pengarah yang diketuai oleh seorang Pengerusi dan dibantu oleh 5 pekerja tempatan dan 3 pekerja asing. Manakala sub kontraktor yang menjalankan kerja pungutan sampah iaitu Trienekens mempunyai tenaga kerja sebanyak 299 orang termasuk 3 pekerja asing untuk jawatan Pengerusi dan 2 jawatan Pengarah. Selain itu, pekerja Trienekens juga diberi latihan secara *on-site* dan juga ada menghadiri kursus yang diperlukan seperti Kursus Penyelenggaraan Kenderaan Dan Trak Servis dan Kursus Keselamatan Pekerjaan Dan Kesihatan NIOSH Untuk Penyelia. Semakan Audit terhadap rekod Trienekens berkaitan dengan pengambilan tenaga kerja mendapati perkara seperti berikut:

i) Pengambilalihan Kakitangan MBKS

Semakan Audit mendapati 76 pekerja iaitu 39 pekerja bergaji bulanan dan 37 pekerja bergaji harian telah diserapkan ke Trienekens dalam tempoh yang ditetapkan seperti dalam Perjanjian Konsesi. Semakan Audit seterusnya terhadap minit untuk mesyuarat yang diadakan pada bulan Mei 2000 mendapati semua pekerja terlibat telah diberikan surat tawaran. Pihak Audit tidak dapat membuat pengesahan selanjutnya oleh kerana surat tawaran tersebut tidak dapat dikesan. Pada bulan Mac 2001 kesemua 39 orang pekerja bergaji bulanan telah kembali semula ke MBKS memandangkan

perkhidmatan mereka diperlukan untuk kerja pembersihan di luar skop konsesi.

ii) Pengambilan Pekerja Tempatan

Pihak Trienekens telah mengambil seramai 295 pekerja tempatan untuk membantu dalam mengurus kerja pungutan dan pelupusan sampah. Semakan Audit mendapati semua pekerja ini ada menandatangani surat tawaran secara rasmi, mencarum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan dilindungi dengan insurans/SOCSO.

iii) Pengambilan Pekerja Asing

Pihak Trienekens telah melantik 3 pekerja asing ke jawatan pengurusan tertinggi. Semakan Audit mendapati pengurusan pengambilan kerja asing mematuhi undang-undang dan peraturan iaitu pekerja mempunyai pasport dan permit kerja yang sah dan tiada pengambilan pekerja di bawah umur. Selain itu, didapati pekerja asing yang diambil menyandang jawatan pengurusan dan mempunyai kemahiran untuk melaksanakan bidang kerja yang diperlukan.

Pada pendapat Audit, MBKS berupaya melaksanakan kerja pemantauan bagi program penswastan kerana MBKS masih mengekalkan kakitangan yang mahir di bawah Unit Pengurusan Sisa-sisa. Manakala di pihak kontraktor juga telah menyediakan guna tenaga yang mencukupi dan sesuai untuk melaksanakan pengurusan sampah.

35.2.10 Peralatan Dan Jentera

Bagi tujuan melaksanakan program penswastan pengurusan sampah, kontraktor perlu mempunyai kelengkapan peralatan dan jentera yang mencukupi. Semakan Audit terhadap penyediaan keperluan peralatan dan jentera untuk pengurusan pungutan dan pelupusan sampah mendapati perkara seperti berikut:

a) Peralatan Dan Jentera Yang Digunakan

Semakan Audit mendapati pihak Trienekens telah menyediakan 50 kenderaan iaitu 26 trak pemampat yang dilengkapi dengan alat pengangkat, sembilan trak beroda, tiga trak *prime mover*, tiga *trailer*, tiga trak servis, dua *box van*, sebuah van servis, *forklif*, *tipper truck* dan *tipper crane*. Selain itu, pihak Trienekens juga ada menyediakan pelantar untuk membersihkan trak, kontena untuk menyimpan buangan toksik dan peralatan keselamatan yang diperlukan untuk pekerja.

Semakan Audit seterusnya mendapati pada tahun 2006 Trienekens menggunakan perkhidmatan 4 sub kontraktor serta 31 trak untuk membantu melicinkan lagi operasi pengurusan sampah.

b) Pengambilalihan Peralatan Dan Jentera MBKS

Semakan Audit mendapati 19 kenderaan milik MBKS telah dipinjamkan kepada pihak Trienekens untuk tempoh 8 bulan hingga 22 bulan dan dikembalikan sepenuhnya pada tahun 2006. Pihak Trienekens juga telah menyewa 8 buah jentera berat milik MBKS dengan kadar 0.65 juta bagi tempoh bulan Jun 2000 sehingga September 2004. Adalah didapati pihak MBKS ada menyediakan senarai maklumat serta nilai semasa peralatan dan jentera untuk dinilai dan diambil alih oleh kontraktor. Senarai tersebut juga telah diserahkan kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri pada bulan Ogos 2000. Semakan Audit seterusnya mendapati pada akhir tahun 2000, pihak KASKA telah melantik Syarikat C.H. William Sdn. Bhd. untuk menjalankan pemeriksaan dan penilaian terhadap aset yang hendak diambil alih. Laporan hasil pemeriksaan telah dikemukakan kepada pihak KASKA pada tahun yang sama. Sebanyak 21 kenderaan iaitu 18 pelbagai *garbage compactor* serta 3 *skip armroll* dan 34 kontena telah dinilai. Hasil pemeriksaan oleh Syarikat C.H. William Sdn. Bhd. mendapati 13 daripada kenderaan tersebut telah rosak dan layak untuk dilupuskan. Pihak Trienekens telah bersetuju untuk mengambil alih hanya 2 daripada 21 kenderaan dan kesemua 34 pelbagai kontena dengan nilai bernilai RM0.35 juta seperti di **Jadual 90**.

Jadual 90
Pengambilalihan Aset MBKS Oleh SWM

Aset	Unit	Harga Se Unit (RM)	Jumlah (RM)
Pemampat Sampah (QC9004)	1	110,000	110,000
Pemampat Sampah (QC9005)	1	115,000	115,000
Kontena Tanpa Penutup	13	4,780	62,140
Kontena Dengan Penutup	7	5,050	35,350
Kontena Beroda	14	1,770	24,780
Jumlah	36		347,270

Sumber: Laporan Pemindahan Aset MBKS

Pada pendapat Audit, penyediaan peralatan dan jentera yang disediakan oleh Trienekens adalah mencukupi untuk melaksanakan kerja dengan sempurna.

35.2.11 Prestasi Pelaksanaan Pengurusan Sampah


Prestasi pelaksanaan pengurusan sampah dinilai berdasarkan laporan, soal selidik dan lawatan Audit ke premis.

a) Prestasi Perkhidmatan Pungutan Sampah

Trienekens menetapkan pungutan dibuat 2 kali seminggu di 37 kawasan di bawah perjanjian konsesi. Kerja memungut sampah telah dilaksanakan bermula pada jam 5 pagi di 26 kawasan, enam pagi di 5 kawasan dan 5 petang di 6 kawasan yang lain. Lawatan Audit telah dijalankan pada bulan Julai 2006 ke 14 kawasan konsesi MBKS untuk menentukan kerja pungutan berjalan dengan sewajarnya dan mendapati perkara berikut :

- i) Jadual pungutan ini secara keseluruhannya dipatuhi kecuali di 2 kawasan iaitu kawasan Bintawa dan Jalan Daya di mana tiada pungutan dibuat pada waktu yang dijadualkan.
- ii) Pihak kontraktor telah memungut sampah yang diletak di dalam tong. Bagaimanapun, terdapat penghuni premis telah meletakkan sampah mereka ke dalam dan di luar tong tanpa dibungkus terlebih dahulu. Sampah yang diletak di luar tong tanpa dibungkus tidak dipungut kerana kerja ini diluar spesifikasi kerja kontraktor. Sifat tidak bertanggungjawab penghuni premis tersebut menyebabkan keadaan persekitaran yang kotor seperti di **Foto 88** hingga **90**.

Foto 88
Sampah Yang Tidak Dikutip Oleh Kontraktor



*Sumber: Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak
Tarikh: 27 Julai .2006
Lokasi: Jalan Semangat, Bintawa*

Foto 89
Sampah Merata Tempat
Tidak Di Bungkus



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak
Tarikh: 28 Julai 2006
Lokasi: Jalan Ang Cheng Ho, Padungan

Foto 90
Sampah Merata Tempat
Di Premis Penghuni



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak
Tarikh: 28 Julai 2006
Lokasi: Jalan Ang Cheng Ho, Padungan

- iii) Lawatan Audit ke tapak pungutan di Taman Tabuan Laru pada bulan Disember 2006 mendapati setiap kumpulan yang membuat pungutan dianggotai 4 orang pekerja termasuk seorang pemandu. Bagaimanapun, terdapat pekerja tidak menggunakan pakaian seragam khas seperti kasut yang bersesuaian dan ada yang tidak memakai sarung tangan seperti di Foto 91.

Foto 91
Pekerja Tidak Menggunakan Pakaian Seragam Yang Sesuai



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak
Tarikh: 21 Disember 2006
Lokasi: Taman Tabuan Laru

- iv) Dua daripada 9 trak yang digunakan bocor dan didapati air dari sampah mengalir keluar di sepanjang jalan seperti di **Foto 92** dan **Foto 93**.

Foto 92
Trak Yang Bocor Dan
Air Mengalir Keluar



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak
Tarikh :21 Disember 2006
Lokasi : Taman Tabuan Laru

Foto 93
Air Daripada Trak Mencemar
Sekeliling Kawasan Perumahan



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak
Tarikh :21 Disember 2006
Lokasi : Taman Tabuan Laru

- v) Premis telah disediakan dengan tong sampah mengikut spesifikasi seperti yang ditetapkan. Semua tong sampah telah diletakkan di luar premis semasa kutipan dilakukan;

Lawatan Audit juga telah dijalankan pada 16 Ogos 2006 di kawasan Bintawa dan Kenyalang Park untuk menentukan tahap kebersihan persekitaran tong sampah pada waktu sebelum dan selepas kerja pungutan dilakukan. Kutipan sampah secara amnya dilakukan dengan sempurna iaitu tong sampah dikembalikan ke tempat asal. Tinjauan yang dijalankan di beberapa persekitaran kawasan komersial serta perindustrian di Bintawa dan kawasan perumahan di Kenyalang Park adalah didapati bersih seperti di **Foto 94** hingga **Foto 97**.

Foto 94
Bulk Bin Bersih



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak
Tarikh: 22 Ogos 2006
Lokasi: Premis Komersial Di Jalan Pending

Foto 95
Keadaan Bersih Dan Teratur
Selepas Pungutan Sampah Dilakukan



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak
Tarikh : 22 Ogos 2006
Lokasi : Premis Komersial Di Jalan Pending

Foto 96
Kawasan MBKS Yang Bersih



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak
Tarikh : 12 Mac 2007
Lokasi : Kenyalang Park , Kuching

Foto 97
Kawasan MBKS Yang Bersih



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak
Tarikh : 12 Mac 2007
Lokasi : Kenyalang Park, Kuching

b) Maklum Balas Soal Selidik Mengikut Peratusan

Selain itu, pihak Audit juga telah mengedarkan 200 borang soal selidik secara rambang kepada responden di sekitar kawasan konsesi MBKS untuk tujuan mendapatkan maklum balas mengenai tahap perkhidmatan yang diberikan. Daripada jumlah tersebut, pihak Audit telah menerima 133 maklum balas atau 67% daripada

responden. Maklum balas Audit terhadap borang soal selidik yang diterima adalah seperti di **Jadual 91**.

Jadual 91
Peratusan Soal Selidik Terhadap Prestasi Pungutan Sampah

Bil.	Pengurusan Perkhidmatan	Peratusan (%)
1.	Tong sampah ada dibekalkan	100
2.	Sampah dipungut 2 kali seminggu seperti di jadualkan	77
3.	Pungutan 2 kali tidak mencukupi dan perlu ditambah	46
4.	Syor kerja pungutan paling sesuai dijalankan pada masa jam 4 pagi hingga 8 pagi	93
5.	Pungutan Sampah dijalankan dengan teratur	69
6.	Tong sampah diletakkan ke tempat asal	77
7.	Keadaan lori sampah yang sempurna	64
8.	Perkhidmatan yang diberi oleh kontraktor adalah memuaskan	85

Sumber : Borang Soal Selidik

Berdasarkan hasil soal selidik yang dikemukakan kepada penduduk di sekitar kawasan konsesi seperti di **Jadual 91** adalah didapati pihak kontraktor telah menyediakan sepenuhnya kelengkapan seperti tong sampah. Dari segi perkhidmatan pungutan sampah yang diberi mendapati 85% responden berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan. Manakala 46% penduduk berharap supaya kekerapan pungutan ditambah dari 2 kali seminggu kepada 3 kali seminggu.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhan perkhidmatan pungutan sampah adalah baik dan pengguna berpuas hati.

c) Perbandingan Kos Sebelum Dan Selepas Penswastan

Program penswastan adalah untuk mengurangkan beban kewangan Kerajaan dan menjimatkan kos. Semakan Audit mendapati daripada analisis kos yang dijalankan oleh MBKS, perbelanjaan akan meningkat dari RM4.80 juta setahun menjadi RM6.04 juta iaitu peningkatan sebanyak RM1.24 juta atau 25.6% apabila penswastan dijalankan. Semakan Audit seterusnya mendapati perbelanjaan sebenar adalah lebih tinggi iaitu RM8.83 juta setahun atau peningkatan 84% berbanding kos RM6.04 juta yang dianggarkan disebabkan oleh perkara seperti berikut :

- i) Jumlah muatan sampah sebenar adalah lebih banyak daripada anggaran;
- ii) 39 pekerja yang sepatutnya diambil alih oleh kontraktor tetapi kembali semula bertugas dengan MBKS menyebabkan tanggungan emolumen dan kos lain bertambah;

- iii) Caj perkhidmatan pelupusan untuk sampah yang dikutip oleh MBKS perlu dijelaskan kepada kontraktor; dan
- iv) Caj perkhidmatan tambahan seperti pungutan lebih pada musim perayaan, hari kebesaran, pameran dan ekspo yang tidak diambil kira dalam perjanjian perlu dijelaskan kepada kontraktor. Pihak MBKS telah membayar sejumlah RM12.30 juta untuk perkhidmatan ini bagi tempoh bulan April 2001 hingga 2006.

Perbelanjaan Kerajaan dijangka terus meningkat dengan bertambahnya bahan buangan sampah akibat daripada pembangunan kawasan perumahan/komersial baru dan pertambahan penduduk dalam kawasan konsesi. Bagaimanapun, Kerajaan Negeri tidak terlibat dalam menanggung kos pembinaan tapak pelupusan yang bernilai RM70 juta dan kos mengurus dan menyelenggara tapak tersebut yang ditanggung oleh kontraktor. Selain itu, Kerajaan Negeri juga telah dapat memungut hasil premium tanah bernilai RM6.72 juta untuk tapak tanah yang diambil alih bagi tapak pelupusan sampah. Di samping itu Kerajaan juga dapat memungut hasil tetap bernilai RM32,844 sebulan untuk sewa tapak yang sama.

Pada pendapat Audit, hasrat Kerajaan untuk mengurangkan beban kewangan tidak tercapai kerana bayaran perkhidmatan didapati terus meningkat berbanding dengan kos asal perkhidmatan sebelum penswastaan.

35.3 PEMANTAUAN

Pemantauan merupakan elemen pengurusan yang penting untuk membolehkan pihak bertanggungjawab mengenal pasti masalah dan kelemahan yang terdapat dalam program penswastaan pengurusan sampah dan mengambil tindakan penyelesaian dengan segera.

Pekeliling Jabatan Kerajaan Tempatan JKT:AM/T/Bil.5/99 menggariskan panduan bagi pihak PBT memantau dan mengawal prestasi perkhidmatan yang diberi dan penguatkuasaan seperti berikut :

- Menyelaras, memeriksa dan mengawasi aktiviti pihak kontraktor untuk memastikan peruntukan dan tanggungjawab di bawah perjanjian dipatuhi;
- Menjalankan aktiviti penguatkuasaan terhadap pengguna dan orang awam untuk membendung amalan membuang sampah merata-rata dan mengawal pembuangan secara haram;

- Menjalankan penilaian terhadap perkhidmatan yang diberikan oleh pihak kontraktor serta menegur atau memberi amaran jika perlu;
- Mengambil tindakan terhadap aduan yang dikemukakan oleh pengguna dan orang awam; dan
- Menjalankan aktiviti pendidikan awam dengan kerjasama pihak kontraktor untuk tujuan menyedarkan pentingnya menjaga kebersihan kawasan dan persekitaran.

Semakan Audit mendapati tiada jawatankuasa khas ditubuhkan bagi tujuan pemantauan prestasi penswastan perkhidmatan pengurusan sampah yang dilakukan oleh pihak kontraktor. Adalah didapati pihak MBKS akan berhubung terus atau menulis kepada pihak Trienekens untuk menangani masalah yang timbul. Perbincangan atau mesyuarat hanya akan diadakan bersama pihak Trienekens jika ada keperluan. Pada tahun 2006, MBKS telah mengadakan 4 mesyuarat bersama SWM untuk membincangkan perkara berkaitan dengan *National Waste Minimization Master Plan*, draf untuk *Guideline On Source Separation And 3R Action Guide* dan meneliti cadangan berkaitan dengan *Additional Collection Request*. Bagaimanapun, pemantauan terhadap kerja pungutan sampah dijalankan oleh Unit Pengurusan Sisa-sisa dan Seksyen Penguatkuasaan. Manakala pemantauan terhadap aduan yang diterima daripada orang awam dikendalikan oleh Seksyen Perhubungan Awam.

a) Unit Pengurusan Sisa-sisa

Unit ini bertanggungjawab untuk memastikan pihak kontraktor memberi khidmat pungutan sampah yang cekap, mencegah pembuangan sampah secara haram dan meningkat kesedaran orang awam tentang kebersihan. Seorang pegawai ditugaskan untuk mengawasi perkhidmatan pungutan sampah di setiap zon. Pegawai ini bertanggungjawab untuk memantau dan mengambil tindakan terhadap aduan yang diterima, memberi taklimat atau mengadakan kempen mengenai kebersihan, memantau pembuangan sampah secara haram dan bertindak sebagai pengantara dengan pihak kontraktor. Pemantauan dilaksanakan dengan menjalankan bancian dari rumah ke rumah, membuat pemeriksaan ke kawasan pungutan dan ke tapak pelupusan sampah, bermesyuarat dan mengambil tindakan terhadap aduan yang diterima. Semakan Audit seterusnya mendapati kerja pemantauan yang telah dijalankan oleh unit ini adalah seperti berikut :

- Unit ini telah membuat lawatan pemantauan setiap hari kecuali hari Ahad di sekitar kawasan konsesi MBKS. Bagaimanapun, didapati rekod lawatan mula diselenggarakan pada tahun 2004. Adalah didapati sebanyak 687 kes pembuangan haram dicatatkan bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006;

- Sebanyak 80 aduan daripada orang awam telah diterima pada tahun 2004, 168 aduan pada tahun 2005 dan 352 aduan pada tahun 2006 terhadap kegiatan pembuangan sampah secara haram. Manakala bilangan kes bagi tahun 2001 sehingga 2003 tidak dapat ditentukan kerana rekod tidak diselenggarakan;
- Sebanyak 10 aduan mengenai perkhidmatan pungutan sampah yang tidak sempurna diterima pada tahun 2004. Bilangan ini meningkat menjadi 44 kes aduan pada tahun 2005 manakala 34 aduan diterima pada tahun 2006. Bilangan kes bagi tahun 2001 sehingga 2003 tidak dapat ditentukan kerana rekod tidak diselenggarakan;
- Unit ini juga membuat lawatan 2 kali sehari ke 15 tapak pusat pembersihan tong iaitu bertempat di kawasan pasar, pusat penjaja dan pusat komersial; dan
- MBKS tidak menempatkan pegawainya di tapak pelupusan untuk memantau dan mengesahkan muatan telah ditimbang dengan sewajarnya dan pemantauan juga tidak dijalankan di tapak pelupusan untuk memastikan kerja pelupusan dan rawatan sampah dilakukan dengan sewajarnya.

b) Seksyen Penguatkuasaan

Seksyen ini bertanggungjawab untuk memantau, memeriksa dan mengawal semua aspek kebersihan di kawasan konsesi MBKS dan mengambil tindakan dan mengemukakan saman terhadap pesalah. Selain itu, selaras dengan kehendak *Enforcing Local Authorities (Cleanliness) By-Laws 1999 On Illegal Dumpings*, Seksyen Penguatkuasaan juga bertanggungjawab untuk mengambil tindakan terhadap pembuangan sampah secara haram. Semakan Audit seterusnya mendapati sebanyak 474 amaran dan 62 kompaun telah dikeluarkan kepada pesalah bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006. Manakala bilangan untuk tahun 2000 hingga 2003 tidak dapat ditentukan kerana rekod tidak diselenggarakan dengan kemas kini.

c) Seksyen Perhubungan Awam

Pemeriksaan Audit mendapati tindakan susulan berterusan dibuat untuk kes yang mana aduan tidak dapat diselesaikan dengan segera dan memerlukan maklum balas daripada pihak ketiga. Analisis terhadap rekod aduan mendapati perkara yang sama atau berkaitan seperti pembuangan sampah secara haram dan kerja kutipan sampah yang tidak memuaskan oleh kontraktor masih berulang. Bagaimanapun, bilangan aduan yang diterima tidak banyak iaitu purata 1 hingga 2 aduan diterima setiap hari.

Pada pendapat Audit, kerja pemantauan yang dijalankan kurang memuaskan memandangkan tiada pemeriksaan mengejut dijalankan di titian penimbang dan di tapak pelupusan sampah untuk memastikan kerja dilakukan dengan

sewajarnya. Bagaimanapun, didapati tindakan terhadap aduan telah diambil oleh Unit/Seksyen dengan segera.

36. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada keseluruhannya matlamat penswastan pungutan sampah tercapai oleh kerana prestasi kerja pungutan sampah yang diswastakan adalah baik berdasarkan kawasan bersih, sistem pelupusan dan rawatan kumbahan yang sempurna. Keadaan kawasan yang bersih juga menjadi salah satu faktor Bandaraya Kuching diberi pengiktirafan sebagai Bandar Sihat oleh Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO). Bagaimanapun, hasrat Kerajaan Negeri untuk mengurangkan beban kewangan adalah tidak tercapai. Bagi memastikan projek penswastan dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya dan lebih berkesan adalah disyorkan Majlis mengkaji semula strategi perkhidmatan dan mengambil tindakan proaktif seperti berikut:

- a)** Membuat kajian semula terhadap skop perkhidmatan projek
- b)** Meningkatkan pemantauan terhadap pelaksanaan program terutama mengenai kekerapan pungutan dan pelupusan sampah
- c)** Memastikan pihak kontraktor memulakan tindakan untuk memproses (*cultivation*) tapak pelupusan sampah di Matang yang tidak digunakan lagi
- d)** Menjalankan kajian EIA terhadap impak persekitaran
- e)** Membuat penyemakan semula terhadap perjanjian konsesi kerana telah genap tempoh 5 tahun.

MAJLIS DAERAH DALAT DAN MUKAH

PENGURUSAN CUKAI TAKSIRAN

37. LATAR BELAKANG

Majlis Daerah Mukah telah ditubuhkan dan mula beroperasi di bawah *Local Authorities Ordinance* 1948. Majlis ini telah ditukar nama kepada Majlis Daerah Dalat Dan Mukah (Majlis) pada tahun 1991. *Local Authorities Ordinance* 1948 telah diganti dengan *Local Authorities Ordinance* 1996. Kawasan pentadbiran Majlis meliputi Daerah Mukah, Daerah Dalat, Daerah Kecil Oya dan Daerah Kecil Balingian. Bilangan penduduk di kawasan Majlis dianggarkan seramai 73,541 orang pada tahun 2006. Majlis berperanan memberi perkhidmatan perbandaran bagi kawasan perkadaran seluas 3,441.29 kilometer persegi. Perkhidmatan perbandaran ini adalah meliputi penyediaan dan penyenggaraan infrastruktur, penyediaan kemudahan awam, pengeluaran lesen perniagaan dan meluluskan pembinaan serta pengubahsuaian bangunan. Bagi melaksanakan tugas tersebut Majlis boleh mengenakan bayaran tertentu berdasarkan perkadaran yang diwartakan melalui Undang-undang Kecil. Bayaran yang dikutip berdasarkan Undang-undang Kecil akan menjadi hasil Majlis dan antara hasil yang utama adalah cukai taksiran. Cukai taksiran adalah cukai yang dikenakan terhadap nilai tahunan harta pegangan bercukai yang telah diluluskan oleh Kementerian Alam Sekitar Dan Kesihatan Awam (KASKA). Pada tahun 2006, bilangan harta pegangan bercukai dalam kawasan perkadaran Majlis adalah bernilai 8,563 unit. Kutipan daripada cukai taksiran bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006 bernilai RM1.82 juta.

38. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menentukan sama ada pengurusan cukai taksiran dibuat dengan cekap dan berkesan bagi mencapai matlamatnya.

39. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN

39.1 Skop pengauditan adalah merangkumi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan pengenaan dan kutipan cukai taksiran bermula dari proses bancian mengenai pegangan harta di kawasan perkadaran sehingga bayaran cukai dibuat bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006.

39.2 Kaedah pengauditan adalah dengan menyemak fail pegangan individu, Buku Daftar, borang ukur periksa, senarai penilaian tahunan, minit mesyuarat jawatankuasa dan menyemak data atau maklumat pegangan harta. Pengukuran tahap kecekapan pengurusan cukai taksiran Majlis dibuat melalui analisis berdasarkan pegangan yang telah diukur periksa, prestasi kutipan tunggakan cukai taksiran dan perbandingan antara anggaran kutipan cukai taksiran dengan anggaran perbelanjaan, anggaran kutipan cukai taksiran dengan pegangan, kutipan cukai taksiran dengan anggaran, kutipan cukai taksiran dengan perbelanjaan sebenar dan kutipan cukai taksiran dengan pegangan. Kajian juga melibatkan semakan terhadap prosedur penilaian dan pemantauan. Pemilihan sampel Audit meliputi harta pegangan jenis komersial, perindustrian ringan dan kediaman di kawasan Majlis. Temu bual juga diadakan dengan pegawai Majlis untuk mendapatkan maklumat lanjut. Lawatan Audit bersama pegawai Majlis ke kawasan perindustrian, bangunan dan premis perniagaan juga dijalankan untuk mendapatkan gambaran mengenai harta pegangan Majlis.

40. PENEMUAN AUDIT

40.1 PERANCANGAN

Perancangan yang rapi dan teratur adalah penting bagi memastikan prestasi pengurusan cukai taksiran dapat dipertingkatkan dan dilaksanakan dengan cekap. Aspek yang perlu dirancang oleh Majlis bagi memastikan prestasi pengurusan cukai taksiran yang cekap adalah meliputi penetapan dasar, pewujudan Undang-undang dan peraturan, proses kerja, penyelenggaraan rekod, penilaian sasaran, penentuan jenis cukai taksiran, keperluan guna tenaga, latihan dan pemantauan yang dibuat.

40.1.1 Dasar Kerajaan Negeri

Dasar Kerajaan Negeri adalah untuk memberi kuasa kepada pentadbiran setempat dengan status autonomi bagi menjalankan perkhidmatan perbandaran yang cekap, selesa dan selamat. Pentadbiran Majlis akan dilaksanakan oleh komuniti setempat yang dilantik sebagai ahli majlis yang akan mentadbir melalui Mesyuarat Penuh Majlis. Segala urusan pentadbiran Majlis hendaklah diputuskan melalui Mesyuarat Penuh Majlis dan dilaksanakan oleh penjawat awam yang dilantik. Dasar yang diputuskan sama ada oleh Kerajaan Negeri atau Kerajaan Persekutuan akan diterima pakai sebelum dilaksanakan. Antara dasar yang diterima pakai ialah Dasar Ekonomi Baru berkaitan dengan kependudukan yang melibatkan penempatan dan harta pegangan dan Dasar Wawasan Negara yang berkaitan dengan pembasmian kemiskinan, penyusunan semula masyarakat dan pembangunan yang seimbang.

40.1.2 Undang-undang Dan Peraturan

Undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan pentadbiran Majlis ialah *Local Authorities Ordinance 1996 (Laws of Sarawak - Chapter 20)*, *Building Ordinance 1994* dan *The Local Authorities Financial Regulations 1997*. Peraturan khusus yang digunakan oleh Majlis pada masa ini bagi tujuan menguruskan cukai taksiran ialah *The Local Authorities Financial Regulations 1997* dan *The Local Authorities (Rating) Regulations 1997*.

Local Authorities Ordinance 1996 telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Sarawak pada 7 Mei 1996 bagi menggantikan *Local Authorities Ordinance 1948*. Ordinan ini telah dikuatkuasakan dan diwartakan melalui Warta Kerajaan Negeri Sarawak pada 30 Mei 1996. Seksyen dalam Ordinan ini yang berkaitan secara langsung dengan pengurusan cukai taksiran ialah Seksyen 61 hingga Seksyen 90, iaitu meliputi jenis cukai yang dikenakan, pegangan yang dikenakan cukai, penyediaan senarai penilaian, rayuan, pewartaan kadar cukai, kuasa Majlis untuk mengenakan cukai, tindakan yang boleh diambil terhadap pemilik yang gagal menjelaskan cukai dan Jawatankuasa Rayuan.

Buildings Ordinance, 1994 telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Sarawak pada 26 Mei 1994. Ordinan ini telah dikuatkuasakan dan diwartakan melalui warta Kerajaan Negeri Sarawak pada 30 Jun 1994. Tujuan utama Ordinan ini ialah untuk menyelaraskan, mengawal dan merancang pembangunan dan penggunaan tanah serta bangunan di dalam kawasan Majlis. Ordinan ini menetapkan setiap bangunan di dalam kawasan Majlis perlu memperolehi Sijil Layak Menduduki dan membayar cukai taksiran.

The Local Authorities Financial Regulations 1997 pula ialah peraturan yang telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri di bawah Seksyen 172, *Local Authorities Ordinance 1996*. Peraturan ini telah diwartakan melalui Warta Kerajaan Negeri Sarawak pada 27 November 1997 dan berkuat kuasa mulai pada 1 Januari 1998. Antara peraturan yang berkaitan dengan cukai taksiran ialah tatacara perakaunan dan akaun, kawalan terhadap terimaan, borang hasil dan hapus kira.

The Local Authorities (Rating) Regulations 1997 merupakan peraturan yang telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri di bawah Seksyen 172(1)(m), *Local Authorities Ordinance 1996*. Peraturan ini juga telah diwartakan dalam Warta Kerajaan Negeri Sarawak pada 27 November 1997 dan berkuat kuasa mulai pada 1 Januari

1998. Antara peraturan yang berkaitan dengan cukai taksiran ialah cukai dikenakan, tarikh bayaran cukai, rebat dan kuasa Majlis.

Berikut adalah antara kandungan penting dalam Ordinan dan peraturan tersebut bagi menguruskan cukai taksiran Majlis.


- a) Mengikut Seksyen 61(1), *Local Authorities Ordinance 1996*, Majlis boleh mengenakan cukai taksiran terhadap semua jenis harta pegangan dalam kawasan Majlis melainkan bangunan untuk tujuan keagamaan, harta pegangan digunakan untuk tujuan perkuburan, tadika, sekolah, kolej serta universiti yang bukan bertujuan memperolehi keuntungan, bangunan Kerajaan serta Pihak Berkuasa Tempatan dan lain-lain pegangan yang telah diwartakan oleh KASKA seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 62(1) Ordinan tersebut.
- b) Mengikut peraturan 3, *The Local Authorities (Rating) Regulations 1997*, semua pemilik pegangan bercukai melainkan pegangan yang dikecualikan mengikut Seksyen 62(1), *Local Authorities Ordinance 1996*, hendaklah membayar cukai taksiran tahunan pada kadar yang ditetapkan oleh Majlis selepas mendapat kelulusan KASKA dan telah diwartakan.
- c) Mengikut peraturan 305 *The Local Authorities Financial Regulations 1997* pula, Pengerusi Majlis telah diberi kuasa untuk melupuskan hasil dan hutang yang tidak dapat dikutip sehingga RM250. Bagaimanapun, salinan kelulusan tersebut hendaklah dihantar kepada KASKA dan Ketua Audit Negara. Sekiranya amaun hasil dan hutang yang perlu dilupuskan tersebut melebihi RM250 maka kelulusan KASKA hendaklah diperolehi.
- d) Mengikut peraturan 7 *The Local Authorities (Rating) Regulations 1997*, Majlis boleh mengecualikan cukai taksiran terhadap pegangan yang telah dirobohkan. Selain itu, sekiranya pembayar cukai dikategorikan sebagai miskin, maka sebahagian atau keseluruhan cukai yang dikenakan juga boleh dikecualikan. Peraturan ini juga memberi kuasa kepada KASKA untuk mengecualikan cukai terhadap pegangan atau jenis pegangan tertentu.

40.1.3 Proses Kerja Penetapan dan Pengenaan Cukai Taksiran

Majlis telah menggariskan 5 prosedur bagi menguruskan cukai taksiran. Prosedur tersebut ialah prosedur pengukuran pegangan berkadar, prosedur pengeluaran bil cukai taksiran, prosedur rayuan, prosedur mengutip cukai serta tunggakan cukai dan

prosedur penilaian semula perkadaran. Carta Aliran Proses Penetapan Kadar Cukai Taksiran adalah seperti di **Carta 16**.

Carta 16
Carta Aliran Proses Kerja Penetapan Dan Pengenaan Cukai Taksiran



Sumber : Rekod Majlis Daerah Dalat Dan Mukah

a) Prosedur Pengukuran Pegangan Berkadar

Majlis akan mengenal pasti pegangan berkadar melalui maklumat daripada orang awam, laporan daripada tinjauan pegawai Majlis dan Pelan Bangunan yang diperolehi dari Bahagian Kerja Awam Majlis. Sebelum membuat kerja ukur periksa, Pembantu Penilaian hendaklah mengenal pasti dan mengesahkan maklumat harta yang perlu diukur. Maklumat berkenaan dengan setiap pegangan tersebut akan direkodkan oleh Pembantu Penilaian ke dalam Buku Pradaftar Pegangan Baru bagi tujuan rujukan. Kemudiannya, Pembantu Penilaian berkenaan akan memaklumkan kepada Penolong Pegawai Penilaian berkenaan dengan kerja pengukuran yang akan dilakukan.

Selepas membuat persediaan, Pembantu Penilaian dan pasukan petugasnya akan membuat lawatan ke lokasi harta pegangan berkenaan untuk menjalankan kerja ukur periksa. Semasa lawatan ukur periksa tersebut Pasukan Petugas akan membuat lakaran pelan lokasi, pelan tapak/lantai, mengambil gambar dan melengkapkan Borang Ukur Periksa (KAS.1). Perkara yang akan diberi perhatian semasa ukur periksa bagi membuat penilaian nilai tahunan sesuatu pegangan ialah jenis pegangan, bahan binaan, keluasan lantai, kemudahan yang ada seperti jalan raya, lampu jalan dan perkhidmatan mengutip sampah. Pembantu Penilaian kemudiannya menyerahkan Borang Ukur Periksa tersebut kepada Penolong Pegawai Penilaian untuk disemak. Borang Ukur Periksa yang lengkap akan dihantar ke KASKA untuk proses penilaian.

b) Prosedur Pengeluaran Bil Cukai Taksiran

Prosedur pengeluaran bil akan bermula selepas Setiausaha Majlis menerima Senarai Nilai Tahunan yang mengandungi maklumat mengenai nama pemilik, lokasi, alamat dan kegunaan pegangan serta penilaian tahunan pegangan berkadar daripada KASKA. Setiausaha Majlis kemudiannya akan mengarah Penolong Pegawai Penilaian untuk tindakan selanjutnya iaitu menyemak Senarai Nilai Tahunan berkenaan dan akan menyerahkannya kepada Pembantu Penilaian untuk dicatatkan ke Buku Daftar (L.A. 34). Pembantu Penilaian akan menyediakan Notis Senarai Nilai Tahunan untuk dihantar kepada pemilik pegangan bagi memaklumkan penilaian tahunan pegangan berkadar dan nilai cukai taksiran yang akan dikenakan.

Pembantu Penilaian kemudiannya akan mencetak bil cukai taksiran dan menghantarnya kepada pemilik harta pegangan berkenaan. Mengikut peraturan 4 *The Local Authorities (Rating) Regulations 1997*, cukai taksiran yang dikenakan

oleh Majlis hendaklah untuk tempoh tidak melebihi 12 bulan dan perlu dijelaskan oleh pemegang pegangan setiap setengah tahun atau sebelum tarikh yang ditetapkan oleh Majlis seperti yang dinyatakan oleh Seksyen 73(2) *Local Authorities Ordinance 1996*.

c) Prosedur Rayuan

Sekiranya pemilik pegangan tidak bersetuju dengan nilai tahunan yang dikenakan, beliau boleh membuat rayuan dengan melengkapkan Borang A – *Form of notice of objection to the valuation list*. Setiap rayuan akan dikenakan yuran pemprosesan sejumlah RM20 seperti yang dinyatakan oleh Seksyen 70 *The Local Authorities Ordinance 1996*. Pegawai Majlis berkenaan akan menyemak setiap borang rayuan yang diterima bagi memastikan butiran rayuan lengkap.

Bagi tujuan membincang, menimbang dan memutuskan setiap rayuan, Jawatankuasa Rayuan perlu ditubuhkan seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 88 *The Local Authorities Ordinance 1996*. Jawatankuasa tersebut akan dipengerusikan oleh seorang yang bukannya ahli Majlis dan dianggotai oleh 4 orang ahli Majlis.

Bagi rayuan yang diluluskan oleh Jawatankuasa Rayuan, bil akan dikeluarkan berdasarkan nilai tahunan yang diputuskan oleh jawatankuasa tersebut. Bagi rayuan yang tidak diluluskan pula, makluman bertulis akan dihantar kepada pemohon bagi memberitahu bahawa nilai tahunan yang dikenakan masih kekal. Bil cukai tahunan akan dikeluarkan berdasarkan nilai tahunan asal yang diputuskan oleh KASKA.

d) Prosedur Mengutip Cukai dan Tunggakan Cukai

Pembayar cukai boleh membuat pembayaran di kaunter pembayaran Majlis termasuk di cawangannya di Balingian dan Dalat. Majlis akan mengakui setiap terimaan dengan membuat cetakan komputer pada keratan bil cukai taksiran atau mengeluarkan resit L.A. 54 – *Rates Receipt*. Kasyer berkenaan kemudiannya akan menyerahkan keratan bil atau salinan resit tersebut kepada pegawai yang bertanggungjawab untuk direkodkan ke Buku Daftar (L.A. 34). Majlis juga perlu mengemas kini terimaan tersebut ke dalam *Assesment Billing System (ABS)*. Dari semasa ke semasa pegawai yang bertanggungjawab perlu menyemak Buku Daftar dan maklumat dalam *ABS* untuk tujuan memantau tunggakan serta mengeluarkan Surat Peringatan.

Surat Peringatan Pertama terhadap bil yang belum dijelaskan akan dikeluarkan selepas tamat tarikh akhir pembayaran tersebut. Surat Peringatan Kedua pula akan dikeluarkan selepas 30 hari daripada tarikh surat peringatan pertama. Jika bayaran masih juga tidak diterima dalam masa 30 hari dari tarikh Surat Peringatan Kedua, maka Surat Peringatan Ketiga pula akan dikeluarkan. Majlis akan mengenakan denda sejumlah 1% sebulan terhadap amaun yang belum dijelaskan selepas sahaja tarikh akhir pembayaran bil berkenaan.

Apabila tempoh Surat Peringatan Ketiga tamat, maka kes tersebut perlu dirujuk kepada Penasihat Undang-undang Majlis untuk mengenal pasti tindakan yang perlu diambil. Tindakan yang boleh diambil oleh Majlis terhadap pemilik pegangan yang gagal menjelaskan cukai taksiran ialah mengeluarkan *warrant of attachment* dan mengkaveat harta pegangan berkenaan seperti yang dinyatakan oleh seksyen 75(1) *The Local Authorities Ordinance 1996* dan seterusnya melelong pegangan tersebut seperti yang dinyatakan oleh seksyen 76(1) Ordinan tersebut. Hasil lelongan tersebut akan digunakan bagi menebus cukai yang tertunggak.

e) Prosedur Penilaian Semula Perkadaran

Mengikut Seksyen 63(4) *Local Authorities Ordinance 1996*, Majlis perlu membuat penilaian semula terhadap semua harta pegangan bercukai untuk mendapatkan nilai tahunan yang setimpal dengan nilai pasaran semasa setiap 5 tahun sekali atau dalam tempoh lanjutan yang ditetapkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Penilaian cukai hendaklah dibuat oleh Pegawai Penilai yang bertauliah. Bagi melicinkan prosedur penilaian semula, Majlis ada menyediakan prosedur kerja bermula dari pra kerja penilaian sehingga penguatkuasaan nilai tahunan baru sebagai panduan kepada kakitangannya. Menurut prosedur tersebut, penilaian semula dilaksanakan dalam 3 peringkat, iaitu pra kerja penilaian, kerja penilaian dan penguatkuasaan nilai tahunan baru.

Di peringkat pra kerja penilaian, Majlis hendaklah menentukan sasaran kerja penilaian semula. Semua rekod harta pegangan akan disemak untuk menentukan pengubahsuaian bangunan yang dibuat. Sebelum kerja penilaian semula bermula, pemilik pegangan akan diberitahu tentang kerja tersebut melalui notis.

Di peringkat kerja penilaian pula, lawatan ke tapak akan dibuat untuk membuat kerja ukur periksa bangunan. Sehubungan itu, Majlis akan melengkapkan Borang Ukur Periksa (KAS.1) yang mengandungi maklumat seperti nama pemegang, alamat dan jenis pegangan, bahan binaan, keluasan lantai, keadaan fizikal

bangunan, tahun bangunan dibina serta diubahsuai, data penyewaan, kemudahan yang ada seperti jalan raya, lampu jalan serta perkhidmatan pungutan sampah dan sebagainya. Borang tersebut hendaklah disemak oleh Penolong Pegawai Penilaian dan dihantar ke KASKA untuk tindakan selanjutnya. Satu salinan Borang Ukur Periksa tersebut hendaklah disimpan dalam fail pegangan yang mengandungi dokumen lain seperti pelan lokasi, pelan tapak, pelan lantai, Borang Ukur Periksa yang disediakan sebelum penilaian semula dilaksanakan dan sebagainya.

Di peringkat penguatkuasaan, setelah nilai tahunan baru terhadap pegangan harta diterima daripada KASKA, Majlis dikehendaki merekodkan nilai tahunan baru ke Buku Daftar (L.A. 34) dan mengemaskinikan data *ABS*. Notis Senarai Nilai Baru dan Notis Semakan/Pindaan Senarai Nilai Baru hendaklah diwartakan serta diiklankan dalam 2 surat khabar tempatan selaras dengan Seksyen 66 *Local Authorities Ordinance*, 1996. Selain itu, notis untuk menyemak Senarai Nilai Baru perlu dihantar kepada pemilik pegangan yang berkenaan selaras dengan Seksyen 66(3) *Local Authorities Ordinance*, 1996.

Pemilik pegangan diberi peluang untuk menyemak Senarai Nilai Baru tanpa dikenakan bayaran di pejabat Majlis semasa waktu pejabat. Sesiapa yang tidak bersetuju dengan nilai baru boleh membuat bantahan/rayuan secara bertulis dalam masa tidak kurang daripada 14 hari sebelum tarikh pindaan nilai tahunan dikuatkuasakan. Setiap bantahan hendaklah disertakan bersama dengan bayaran sejumlah RM20 untuk setiap pegangan. Pihak Majlis akan menjadualkan tarikh pembicaraan di Jawatankuasa Rayuan setelah menerima bantahan berkenaan. Sekiranya Majlis atau pemilik pegangan tidak bersetuju dengan keputusan Jawatankuasa Rayuan, mereka boleh membuat rayuan kepada Mahkamah Tinggi dalam masa 3 bulan dari tarikh keputusan Jawatankuasa tersebut.

40.1.4 Rekod Harta Pegangan Bercukai Taksiran

Buku Daftar (L.A. 34) digunakan untuk merekodkan maklumat harta pegangan bercukai taksiran. Butiran dalam daftar tersebut ialah nombor wad dan siri harta pegangan, nama dan alamat pemilik, jenis dan alamat harta pegangan, nilai tahunan, kadar cukai, amaun cukai, amaun yang dibayar, nombor resit bayaran serta tarikh dan jumlah tunggakan.

Maklumat harta pegangan juga akan disimpan dalam data *ABS*. Sistem ini telah dibangunkan oleh Kerajaan Negeri Sarawak dan Majlis telah menggunakannya sejak tahun 2003. Selain daripada digunakan untuk menyimpan maklumat pegangan

berkadar, sistem ini juga boleh digunakan untuk tujuan mengeluarkan bil taksiran, surat peringatan dan pelbagai jenis laporan. Antara laporan yang boleh dikeluarkan oleh sistem ini ialah seperti laporan bil yang telah dikeluarkan, dibatalkan dan dijelaskan bagi sesuatu tempoh, laporan berkenaan kutipan yang dibuat, laporan statistik dan laporan mengikut keperluan seperti laporan rebat yang diberi, senarai penilaian, denda atau surcaj dan kutipan yang dibuat mengikut jenis cukai taksiran seperti tujuan am, penyenggaraan jalan, lampu jalan serta pembuangan sampah dan pelbagai jenis laporan yang lain. Majlis perlu menyediakan Buku Pradaftar Pegangan Baru bagi tujuan rujukan dan fail pegangan individu bagi setiap pegangan yang mengandungi pelan lokasi, pelan lantai, pelan bangunan dan Borang Ukur Periksa (KAS.1).

40.1.5 Sasaran

Keseluruhan kawasan perkadaran Majlis adalah seluas 3,441.29 kilometer persegi dan mengandungi 4 daerah iaitu Mukah seluas 1,366 kilometer persegi, Dalat seluas 757.82 kilometer persegi, Balingian seluas 1,170 kilometer persegi dan Oya seluas 147.47 kilometer persegi. Berdasarkan keluasan kawasan perkadaran tersebut Majlis menyediakan sasaran seperti berikut:


a) Anggaran Pegangan Yang Akan Diukur Periksa

Anggaran pegangan yang akan diukur periksa oleh Majlis disediakan berdasarkan bancian, tinjauan, pelan bangunan, Sijil Layak Menduduki dan maklumat orang awam. Bagaimanapun bagi tahun 2004 hingga 2006, anggaran pegangan yang akan diukur periksa tidak disediakan.

b) Anggaran Kutipan Cukai Taksiran

Anggaran kutipan cukai taksiran disediakan berdasarkan jumlah kadar nilai harta tahunan yang telah diluluskan oleh KASKA pada tahun tersebut. Majlis menganggarkan akan mengutip sejumlah RM678,830 hasil dari cukai taksiran pada tahun 2004. Anggaran kutipan cukai taksiran pada tahun 2005 hanya meningkat sejumlah RM5,170 atau 0.8% berbanding tahun 2004 iaitu kepada RM684,000. Pada tahun 2006 pula anggaran kutipan cukai taksiran meningkat sejumlah RM121,060 atau 17.7% berbanding tahun 2005 iaitu kepada RM805,060. Anggaran kutipan cukai taksiran seperti di **Carta 17**.

Carta 17
Anggaran Kutipan Cukai Taksiran Bagi Tahun 2004 Hingga 2006



Sumber: Penyata Kewangan Majlis Daerah Dalat Dan Mukah

Anggaran kutipan cukai taksiran majlis meningkat dari tahun ke tahun ekoran daripada bertambahnya jumlah pegangan dalam kawasan perkadaran Majlis iaitu daripada 7,737 unit pegangan pada tahun 2004 menjadi 8,563 unit pegangan pada tahun 2006.


c) Anggaran Kutipan Tunggakan Cukai Taksiran

Anggaran kutipan tunggakan cukai taksiran dibuat berdasarkan kutipan tunggakan yang telah berjaya dikutip bagi tahun sebelumnya. Majlis tidak menyediakan anggaran tunggakan cukai yang akan dikutip pada tahun 2004. Manakala pada tahun 2005 dan 2006 pula, Majlis menganggarkan akan mengutip sejumlah RM80,000 dan RM120,000 masing-masing.

d) Anggaran Kutipan Cukai Taksiran Berbanding Anggaran Perbelanjaan

Pada tahun 2004 anggaran kutipan cukai taksiran ialah RM678,830 iaitu hanya 10.9% daripada anggaran perbelanjaan yang bernilai RM6.20 juta. Manakala pada tahun 2005 anggaran kutipan cukai taksiran ialah RM764,000 iaitu hanya 13% daripada anggaran perbelanjaan yang bernilai RM5.86 juta. Pada tahun 2006 anggaran kutipan cukai taksiran ialah RM925,060 iaitu hanya 17% daripada anggaran perbelanjaan yang bernilai RM5.25 juta. Perbandingan anggaran kutipan cukai taksiran dengan anggaran perbelanjaan mendapati peratusan anggaran cukai taksiran masih lagi rendah berbanding dengan anggaran perbelanjaan seperti di **Carta 18**.

Carta 18
Anggaran Kutipan Cukai Taksiran (Termasuk Anggaran Kutipan Tunggakan)
Berbanding Anggaran Perbelanjaan



Sumber: Penyata Kewangan Majlis Daerah Dalat Dan Mukah

e) Anggaran Kutipan Cukai Taksiran Berbanding Pegangan

Bilangan pegangan dalam kawasan Majlis yang telah diukur dan dinilai pada tahun 2004 ialah sebanyak 7,737 unit. Pada tahun 2005 bilangan ini telah meningkat sebanyak 53 unit atau 0.7% berbanding tahun 2004 iaitu menjadi 7,790 unit. Pada tahun 2006 pula, bilangan pegangan meningkat sebanyak 773 unit atau 10% berbanding tahun 2005 iaitu menjadi 8,563 unit. Sementara itu, anggaran kutipan cukai taksiran pada tahun 2004 ialah bernilai RM678,830. Pada tahun 2005, anggaran kutipan cukai taksiran ini telah meningkat sejumlah RM5,170 atau 0.8% berbanding tahun 2004 iaitu menjadi RM684,000. Manakala pada tahun 2006 anggaran kutipan cukai meningkat sejumlah RM121,060 atau 17.7% berbanding tahun 2005 iaitu menjadi RM805,060. Majlis adalah didapati membuat anggaran kutipan cukai taksiran yang meningkat pada setiap tahun iaitu sejajar dengan nisbah peningkatan dalam bilangan pegangan yang telah diukur periksa dan dinilai dalam kawasan perkadaran Majlis.

40.1.6 Jenis Cukai Taksiran Dan Jenis Pegangan

Cukai Taksiran yang dikenakan dikira berdasarkan jenis perkhidmatan yang disediakan oleh Majlis di kawasan pegangan tersebut iaitu untuk tujuan am, penyenggaraan jalan raya, pungutan sampah dan lampu jalan. Semua jenis pegangan iaitu komersial,

perindustrian, perumahan, rumah kampung dan rumah panjang akan dikenakan kadar cukai yang sama berdasarkan jenis perkhidmatan yang diberikan oleh Majlis di kawasan tersebut. Pada setiap tahun cadangan peratusan kadar cukai bagi setiap jenis cukai taksiran dibincangkan dan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Dan Perjawatan serta Mesyuarat Penuh Majlis yang kedua-duanya dipengerusikan oleh Pengerusi Majlis (Walikota). Ini bertujuan untuk mendapat sokongan dan pengesahan daripada ahli jawatankuasa sebelum dikemukakan ke KASKA untuk diluluskan. Apabila diluluskan oleh KASKA dan diwartakan di dalam Warta Kerajaan Negeri, Majlis boleh mengutip cukai ke atas pegangan yang telah ditaksirkan. Majlis akan mengemukakan Penyata Pungutan Cukai Bulanan ke KASKA pada setiap bulan. Cukai taksiran yang dikenakan dikira mengikut jenis perkhidmatan yang diberikan oleh Majlis seperti di **Jadual 92**.

Jadual 92
Jenis Dan Kadar Cukai Taksiran

Jenis Cukai	Kadar(%)		Tujuan Pungutan Cukai
	2004	2005 dan 2006	
Tujuan Am	5.5	6	Untuk menyenggara tempat terbuka, menjaga kebersihan jalan dan memelihara kesihatan awam
Penyenggaraan Jalan	4	5	Untuk memperbaiki dan menyenggara jalan raya
Lampu Jalan	8	8	Untuk menyediakan kemudahan lampu jalan
Pungutan Sampah	5.5	6	Untuk menyediakan perkhidmatan memungut sampah

Sumber: Warta Kerajaan Negeri Sarawak

40.1.7 Keperluan Guna Tenaga Dan Latihan

Guna tenaga yang mencukupi boleh meningkatkan keupayaan untuk meningkatkan kutipan cukai taksiran. Struktur perjawatan bahagian dan cawangan yang terlibat dengan pengurusan cukai taksiran seperti di **Jadual 93**.

Jadual 93
Perjawatan Bahagian/Cawangan Yang Terlibat Dengan Pengurusan Cukai Taksiran

Unit/Bahagian	Tahun/Bilangan Perjawatan Yang Dilulus		
	2004	2005	2006
Bahagian Penilaian Dan Percukaian	6	6	6
Bahagian Perbendaharaan (Unit Kutipan Hasil)	2	2	2
Pejabat Cawangan di Daerah Dalat	1	1	1
Pejabat Cawangan di Daerah Balingian	1	1	1
Jumlah	10	10	10

Sumber: Rekod Majlis Daerah Dalat Dan Mukah

Bagi meningkatkan tahap pengetahuan dan kemahiran kakitangan, Majlis perlu merancang kursus dan latihan untuk kakitangannya supaya mereka dapat menjalankan tugas dengan lebih cekap dan berkesan. Untuk tujuan tersebut, Majlis menyediakan peruntukan sejumlah RM93,945 pada tahun 2004 dan masing-masingnya sejumlah RM50,000 pada tahun 2005 dan 2006. Bagaimanapun, Majlis tidak menyediakan perancangan mengenai jenis kursus atau latihan yang perlu diberikan kepada kakitangannya bagi tempoh tersebut.

40.1.8 Kaedah Dan Kawalan Kutipan Cukai Taksiran

Pemilik pegangan boleh membayar cukai taksiran secara tunai atau menggunakan cek, draf bank, wang pos dan kiriman wang. Bayaran boleh dibuat di kaunter bayaran yang telah disediakan oleh Majlis di pejabatnya dan di cawangannya yang terletak di Daerah Balingian dan Daerah Dalat. Selain itu, Majlis juga menerima bayaran melalui pos. Bagi menggalakkan pembayaran cukai khususnya pemilik pegangan jenis rumah panjang, Majlis telah menghantar kakitangannya ke rumah panjang berkenaan bagi mengutip cukai.

Majlis akan mengakui terima bayaran cukai taksiran sama ada dengan membuat cetakan komputer pada keratan bil cukai taksiran atau mengeluarkan resit (L.A.54 - *Rates Receipt*). Kutipan tersebut kemudiannya akan direkodkan dalam buku tunai dan dibankkan dengan segera. Selain itu, bayaran tersebut juga perlu dikemaskinikan dalam *ABS* dan Buku Daftar L.A.34.

40.1.9 Kaedah Pemantauan

Kerja pemantauan dilakukan bagi memastikan pengurusan cukai taksiran dilaksanakan dengan cekap dan berkesan. Pemantauan pengurusan cukai taksiran yang dilaksanakan oleh Bahagian Penilaian Dan Percukaian akan dipantau secara terus oleh Setiausaha Majlis. Selain itu, Majlis akan memantau pengurusan cukai taksiran melalui Jawatankuasa Kewangan Dan Perjawatan serta Mesyuarat Penuh Majlis. Di peringkat Kementerian, KASKA akan menjalankan pemantauan berdasarkan Penyata Pungutan Cukai Bulanan, Laporan Pulangan Bangunan Bercukai dan Borang Ukur Periksa yang dikemukakan oleh Majlis. Mengikut Seksyen 74 hingga 76, *Local Authorities Ordinance 1996*, Majlis boleh mengenakan denda dan seterusnya mengambil tindakan undang-undang iaitu mengkaveat serta melelong pegangan bercukai sekiranya pemilik pegangan gagal menjelaskan cukai taksiran mengikut tempoh yang ditetapkan.

Pada pandangan Audit, perancangan dibuat oleh Majlis terhadap pengurusan cukai taksiran adalah memuaskan. Ini adalah berdasarkan beberapa faktor seperti perundangan yang mencukupi, kadar dan jenis cukai taksiran yang ditetapkan telah diwartakan, proses kerja yang jelas serta rekod yang perlu disediakan. Bagaimanapun, Majlis tidak mensasarkan bilangan pegangan yang perlu diukur bagi tahun 2004 hingga 2006. Akibatnya, prestasi kutipan cukai taksiran sukar diukur.

40.2 PELAKSANAAN

Bagi memastikan pengurusan cukai taksiran dilaksanakan dengan cekap dan berkesan, Majlis wajar menitikberatkan beberapa faktor penting seperti menguatkuasakan Undang-undang yang berkaitan, mematuhi prosedur yang telah ditetapkan, mewujudkan sistem penyimpanan maklumat pegangan yang baik, membuat penilaian semula dan menyediakan kakitangan serta latihan secukupnya. Semakan Audit terhadap pelaksanaan pengurusan cukai taksiran oleh Majlis mendapati perkara berikut:

40.2.1 Dasar Kerajaan Negeri

Selaras dengan Dasar Kerajaan Negeri, Majlis telah diberi kuasa untuk mentadbir kawasan di Daerah Mukah, Daerah Dalat, Daerah Kecil Oya dan Daerah Kecil Balingian melalui *Local Authorities Ordinance 1996*. Kerajaan telah melantik seramai 22 ahli Majlis pada tahun 2006. Seorang Setiausaha Majlis juga telah dilantik dari kalangan penjawat awam untuk melaksanakan keputusan yang telah dibuat oleh Mesyuarat Penuh Majlis. Semakan Audit mendapati Majlis telah mengutip cukai taksiran untuk tujuan menampung perbelanjaan bagi membina kemudahan yang selesa, teratur, bersih dan bermutu serta membina projek pembangunan sejajar dengan matlamat Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan Dasar Wawasan Negara. Majlis juga membina dan menyenggara jalan raya dan parit, perpustakaan, tapak tamu, tandas awam, tempat letak kereta, mengutip sampah dan menyediakan perkhidmatan perpustakaan bergerak.

Pada pendapat Audit, dasar yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri telah dilaksanakan oleh Majlis dengan memuaskan.

40.2.2 Undang-undang Dan Peraturan

Majlis telah menguruskan cukai taksiran berdasarkan Undang-undang dan peraturan yang diguna pakai iaitu *Local Authorities Ordinance 1996*, *The Local Authorities Financial Regulations 1997* dan *The Local Authorities (Rating) Regulations 1997*. Semakan Audit mendapati kehendak seksyen dalam Ordinan serta peraturan berkaitan dengan cukai taksiran seperti berikut telah dipatuhi:

- a) Majlis telah mengenakan cukai taksiran terhadap semua jenis harta pegangan dalam kawasan perkadarannya meliputi rumah kampung, rumah panjang, taman perumahan, kedai dan bangunan industri seperti kilang serta hotel mengikut Seksyen 61(1), *Local Authorities Ordinance 1996*.
- b) Kadar cukai taksiran yang diguna pakai oleh Majlis telah mendapat kelulusan daripada KASKA serta telah diwartakan seperti kehendak peraturan 3 *The Local Authorities (Rating) Regulations 1997*.
- c) Tunggakan cukai taksiran bernilai RM33,097 yang dihapus kira pada tahun 2005 telah mendapat kelulusan daripada KASKA selaras dengan peraturan 305 *The Local Authorities Financial Regulations 1997*.
- d) Pengecualian cukai taksiran bagi 37 harta pegangan bernilai RM7,204 telah diluluskan oleh KASKA selaras dengan peraturan 7 *The Local Authorities (Rating) Regulations 1997*. Pengecualian diberi sebab bangunan telah dirobohkan, terbiar, musnah akibat terbakar atau diambil alih oleh Kerajaan.

Pada pendapat Audit, Majlis telah mematuhi Undang-undang dan peraturan yang ditetapkan dalam pengurusan cukai taksiran dengan memuaskan.

40.2.3 Proses Kerja Penetapan dan Pengenaan Cukai Taksiran

Bagi tujuan menilai kecekapan Majlis melaksanakan proses kerja penetapan dan pengenaan cukai taksiran, Pihak Audit telah membuat penilaian berdasarkan tempoh masa yang diambil bagi sesuatu proses dan membuat lawatan ke lokasi pegangan. Semakan Audit mendapati perkara berikut :

a) Penilaian Prestasi Majlis Berdasarkan Tempoh Masa Yang Diambil Bagi Sesuatu Proses

Bagi menilai sama ada Majlis menguruskan cukai taksiran dengan cekap, sebanyak 430 atau 5% sampel telah disemak daripada 8,563 pegangan yang telah diukur periksa serta dinilai sehingga akhir tahun 2006. Majlis tidak menetapkan tempoh masa tertentu bagi setiap proses kerja penetapan dan pengenaan cukai taksiran. Bagi tujuan mengenal pasti Majlis menjalankan kerja penetapan dan pengenaan cukai taksiran dalam tempoh yang bersesuaian, pihak Audit telah membuat analisis terhadap masa yang diambil oleh Majlis untuk menyiapkan sesuatu proses kerja. Tempoh yang diambil bagi setiap proses adalah seperti di **Jadual 94**.

Jadual 94
Tempoh Masa Yang Diambil Untuk Menjalankan
Kerja Penetapan Dan Pengenaan Cukai Taksiran

Proses Kerja	Masa Diambil / Bilangan Kes (Pegangan)						
	≤ 1 Bulan	>1 - ≤ 3 Bulan	> 3 - ≤ 5 Bulan	> 5 - ≤ 12 Bulan	>1 - ≤ 2 Tahun	> 2 Tahun	Tiada Maklumat
Tempoh siap menjalankan kerja ukur periksa selepas pegangan dikenal pasti	-	-	-	-	-	-	430 *
Tempoh diambil untuk menghantar borang ukur periksa ke KASKA selepas kerja ukur periksa siap	6	12	91	135	50	2	134
Tempoh diambil oleh KASKA membuat penilaian	-	4	150	144	-	-	132
Tempoh diambil untuk menghantar notis kepada pemilik pegangan selepas nilai tahunan diterima dari KASKA	15	2	118	20	-	-	275
Tempoh diambil oleh Majlis menyediakan bil yang pertama selepas notis dikeluarkan kepada pemilik pegangan	81	64	-	-	-	-	285

Sumber: Fail Individu Pegangan

Nota: * Rekod tidak diselenggarakan

Analisis terhadap masa yang diambil bagi setiap proses bagi menilai sistem penyampaian mendapati :

- i) Tempoh siap menjalankan kerja ukur periksa selepas pegangan dikenal pasti tidak dapat ditentukan bagi kesemua 430 pegangan yang disemak. Ini adalah kerana tidak ada rekod iaitu Buku Pradaftar Pegangan Baru disimpan oleh Majlis bagi tujuan merekodkan tarikh memperolehi maklumat pegangan tersebut.
- ii) Hanya sebanyak 296 atau 68.8% pegangan yang dapat dikenal pasti tempoh masa yang diambil oleh Majlis untuk menghantar borang ukur periksa ke KASKA selepas kerja ukur periksa siap. Daripada bilangan tersebut adalah didapati masa yang diambil ialah antara 1 bulan hingga melebihi 2 tahun seperti berikut :
 - Sebanyak 6 atau 1.5% kes dihantar dalam masa sebulan;
 - Sebanyak 12 atau 3% kes dihantar dalam tempoh melebihi 1 hingga 3 bulan;
 - Sebanyak 91 atau 21% kes dihantar dalam tempoh melebihi 3 hingga 5 bulan;
 - Sebanyak 135 atau 31% kes dihantar dalam tempoh melebihi 5 hingga 12 bulan;

- Sebanyak 50 atau 12% kes dihantar dalam tempoh melebihi 1 hingga 2 tahun; dan
 - Sebanyak 2 atau 0.4% kes dihantar selepas melebihi tempoh 2 tahun.
- iii) Hanya sebanyak 298 atau 69.3% pegangan yang dapat dikenal pasti tempoh yang diambil oleh KASKA untuk memproses borang ukur periksa untuk membuat penilaian dan kemudiannya menghantar senarai nilai tahunan kepada Majlis. Daripada bilangan tersebut adalah didapati masa yang diambil oleh KASKA ialah antara 2 hingga 12 bulan seperti berikut:
- Sebanyak 4 atau 1.4% kes disiapkan dalam tempoh melebihi 1 hingga 3 bulan;
 - Sebanyak 150 atau 50.3% kes disiapkan dalam tempoh melebihi 3 hingga 5 bulan; dan
 - Sebanyak 144 atau 48.3% kes disiapkan dalam tempoh melebihi 5 hingga 12 bulan.
- iv) Hanya sebanyak 155 atau 36% pegangan yang dapat dikenal pasti tempoh yang diambil oleh Majlis untuk menghantar notis cukai dan taksiran pegangan kepada pemilik pegangan selepas nilai tahunan diterima dari KASKA. Daripada bilangan tersebut adalah didapati masa yang diambil ialah antara 1 hingga 12 bulan seperti berikut :
- Sebanyak 15 atau 9.7% kes dihantar dalam masa sebulan;
 - Sebanyak 2 atau 1.3% kes dihantar dalam tempoh melebihi 1 hingga 3 bulan;
 - Sebanyak 118 atau 76.1% kes dihantar dalam tempoh melebihi 3 hingga 5 bulan; dan
 - Sebanyak 20 atau 12.9% kes dihantar dalam tempoh melebihi 5 hingga 12 bulan.
- v) Hanya sebanyak 145 atau 33.7% pegangan yang dapat dikenal pasti tempoh yang diambil oleh Majlis untuk menyediakan bil yang pertama selepas notis dihantar kepada pemilik pegangan. Daripada bilangan tersebut adalah didapati masa yang diambil ialah antara 1 hingga 3 bulan seperti berikut :
- Sebanyak 81 atau 55.9% kes dihantar dalam masa sebulan; dan
 - Sebanyak 64 atau 44.1% kes dihantar dalam tempoh melebihi 1 hingga 3 bulan.

Pihak Audit berpendapat tempoh yang diambil oleh Majlis untuk menyiapkan sesuatu proses kerja penetapan dan pengenaan cukai taksiran adalah terlalu lama iaitu ada kes yang mencecah sehingga melebihi 2 tahun untuk disiapkan berbanding dengan terdapat kes di mana Majlis mampu menyelesaikannya dalam 1 bulan. Rekod tidak diselenggarakan melibatkan 1,256 pegangan iaitu 14.7% berbanding dengan 8,563 pegangan.

b) Penilaian Prestasi Berdasarkan Lawatan Ke Tapak Pegangan

Lawatan Audit telah dijalankan ke 160 pegangan di 26 lokasi bagi tujuan mengenal pasti semua pegangan telah dikenakan cukai taksiran. Selain itu, lawatan tersebut juga bertujuan mengenal pasti pegangan yang telah dirobuhkan atau musnah, telah dikecualikan atau dimansuhkan cukai taksirannya. Lawatan Audit mendapati perkara berikut :

- i) Empat pegangan yang telah diukur periksa pada tahun 2003 oleh sebuah syarikat swasta CH Williams Talhar Wong & Teo Sdn. Bhd. untuk tujuan penilaian semula dan telah dinilai oleh KASKA pada bulan Januari 2004 belum dikenakan cukai taksiran. Ini berlaku akibat daripada kekeliruan Majlis. Oleh kerana tiada cukai dikenakan, berdasarkan nilai tahunan KASKA, Majlis telah kehilangan hasil sejumlah RM1,454 daripada 4 pegangan tersebut bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006. Antara pegangan yang dimaksudkan adalah seperti di **Foto 98**.

Foto 98
Harta Pegangan Yang Telah Dinilai Oleh KASKA pada
Tahun 2004 Tetapi Belum Dikenakan Cukai Taksiran



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak
Tarikh : 1 Februari 2007
Lokasi : Kampung Tabo, Mukah

- ii) Satu pegangan yang masih digunakan dan telah wujud sekurang-kurangnya sejak tahun 2004 belum diambil kira dalam rekod Majlis dan belum dikenakan cukai taksiran. Pegangan yang dimaksudkan adalah seperti di **Foto 99**.

Foto 99
Harta Pegangan Yang Telah Wujud
Sejak Tahun 2004 Belum Dikenakan Cukai Taksiran



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak
Tarikh : 20 Julai 2006
Lokasi : Kampung Sau, Mukah

- iii) Lapan Pegangan yang telah siap dibina belum diukur periksa. Mengikut temu bual dengan jurutera syarikat berkenaan bangunan tersebut telah siap dibina pada awal tahun 2006. Pegangan yang dimaksudkan adalah seperti di **Foto 100**.

Foto 100
Harta Pegangan Yang Telah Siap Dibina
Pada Awal Tahun 2006 Belum Diukur Periksa



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak
Tarikh : 1 Februari 2007
Lokasi : Jalan Mukah –Selangau, Mukah

- iv) Tiga pegangan yang telah diroboh masih dikenakan cukai taksiran sehingga tahun 2006. Temu bual dengan pemilik pegangan mendapati 2 daripada 3 pegangan yang terletak di Kampung Sau, Mukah telah dirobohkan semasa beliau mengambil alih pegangan berkenaan pada awal tahun 2005. Manakala menurut penjelasan Majlis, satu lagi pegangan yang terletak di Kampung Teh, Mukah telah dirobohkan pada tahun 2004. Antara pegangan yang dimaksudkan adalah seperti di **Foto 101**.

Foto 101
Tapak Bagi Pegangan Yang Telah Dirobohkan
Pada Tahun 2004 Yang Masih Dikenakan Cukai Taksiran



Sumber: Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak
Tarikh : 1 Februari 2007
Lokasi: Kampung Teh, Mukah

c) Prosedur Rayuan

Mengikut Seksyen 88(1), *The Local Authorities Ordinance 1996* Jawatankuasa Rayuan hendaklah ditubuhkan bagi membincang, menimbang dan memutuskan setiap rayuan berkenaan penetapan kadar cukai taksiran yang berkemungkinan akan diterima. Bagaimanapun, jawatankuasa tersebut tidak ditubuhkan sehingga akhir tahun 2006. Adalah disyorkan jawatankuasa ini ditubuhkan untuk menimbang rayuan berkaitan cukai taksiran sekiranya ada.

d) Prosedur Mengutip Cukai Dan Tunggakan Cukai

Sebanyak 70 pemilik pegangan yang gagal menjelaskan bayaran cukai bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006 yang bernilai RM17,025 telah dipilih untuk semakan lanjut bagi memastikan surat peringatan telah dikeluarkan dalam tempoh yang ditetapkan. Sehingga tahun 2006, sebanyak 49 daripada 70 pemilik pegangan tidak pernah dikeluarkan surat peringatan pertama walaupun tempoh pembayaran telah tamat antara 6 hingga 30 bulan. Manakala bagi 21 pemilik pegangan yang telah dikeluarkan surat Peringatan Pertama tetapi masih gagal menjelaskan tunggakan didapati surat Peringatan Kedua lewat dikeluarkan antara 4 hingga 21 bulan dari tempoh surat Peringatan Pertama tamat.

Sehingga akhir tahun 2006, tiada tindakan undang-undang diambil oleh Majlis terhadap pemilik yang gagal membayar cukai taksiran walaupun terdapat pemilik

yang mempunyai jumlah tunggakan hampir mencecah RM40,000. Antara pegangan yang dimaksudkan adalah seperti di **Foto 102**.

Foto 102
Harta Pegangan Kepunyaan 2 Pemilik Yang
Mempunyai Tunggakan Cukai Taksiran Bernilai RM39,285



Sumber : Foto Jabatan Audit Negara, Cawangan Sarawak
Tarikh : 1 Februari 2007
Lokasi : Bandar Baru, Mukah

Pada pendapat Audit, proses penetapan dan pengenaan cukai taksiran yang dilaksanakan oleh Majlis kurang memuaskan kerana tempoh yang diambil untuk sesuatu proses terlalu lama, terdapat pegangan belum dikenakan cukai taksiran walaupun telah lama wujud, pegangan yang dirobohkan masih dikenakan cukai taksiran, tiada rekod berkenaan dengan pegangan baru dan Notis Senarai Nilai Tahunan, penyelenggaraan fail individu pegangan juga tidak teratur, Jawatankuasa Rayuan tidak ditubuhkan, surat peringatan tidak/lewat dikeluarkan dan tindakan undang-undang tidak diambil. Akibatnya, Majlis kehilangan hasil dan tunggakan semakin meningkat serta Majlis berkemungkinan tidak dapat mengutip tunggakan kerana peruntukan di bawah Akta Had Masa.

40.2.4 Rekod Mengenai Harta Pegangan Bercukai Taksiran

Rekod yang disimpan oleh Majlis berkenaan dengan harta pegangan bercukai taksiran ialah Buku Daftar L.A.34, fail individu pegangan dan data dalam ABS. Semakan Audit terhadap penyelenggaraan rekod tersebut mendapati perkara seperti berikut :

a) Buku Daftar L.A. 34

Majlis telah menyediakan Buku Daftar L.A.34 bagi merekodkan nombor *ward* dan siri harta pegangan, nama dan alamat pemilik, jenis dan alamat harta pegangan, nilai cukai tahunan, kadar cukai, amaun cukai, amaun yang dibayar, nombor resit bayaran, tarikh bayaran dan jumlah tunggakan. Buku Daftar tersebut telah digunakan bagi tujuan rujukan secara manual untuk mengenal pasti nilai cukai tahunan setiap pegangan, alamat pemiliknya, tunggakan cukai dan sebagainya.

Sebanyak 430 sampel harta pegangan telah disemak silang kepada Buku Daftar berkenaan bagi menentukan bahawa maklumat dalam Buku Daftar tersebut diselenggarakan dengan teratur. Semakan Audit terhadap Buku Daftar tersebut mendapati semua 430 pegangan telah didaftarkan ke Buku Daftar, bagaimanapun daftar tersebut tidak lengkap kerana perkara berikut :

- i) Sebanyak 27 atau 6.3% rekod pegangan tidak ada nama pemilik;
- ii) Sebanyak 30 atau 7% rekod pegangan tidak ada alamat pemilik;
- iii) Sebanyak 27 atau 6.3% rekod pegangan tidak mengandungi nilai cukai taksiran tahunan (ARV); dan
- iv) Sebanyak 112 atau 26% rekod pegangan tidak ada kadar cukai yang dikenakan.

b) Fail Individu Pegangan

Daripada 430 sampel pegangan yang dipilih sebanyak 32 fail individu pegangan tidak dapat dikemukakan oleh Majlis. Semakan Audit terhadap 398 fail yang dapat dikemukakan mendapati penyelenggaraan fail tersebut kurang memuaskan kerana:

- i) Sebanyak 18 atau 4.5% fail tidak mengandungi pelan lokasi;
- ii) Sebanyak 3 atau 0.6% fail tidak mengandungi pelan lantai,
- iii) Sebanyak 166 atau 41.7% fail tidak mengandungi Borang Ukur Periksa; dan
- iv) Sebanyak 35 atau 8.8% fail tidak mengandungi Notis Senarai Nilai Tahunan.

Tanpa dokumen tersebut Pihak Audit tidak dapat menentukan sama ada nilai cukai tahunan yang dikenakan adalah tepat dan sama ada Notis Senarai Nilai Tahunan telah dihantar kepada pemilik pegangan kerana tiada rekod lain telah diselenggarakan bagi maksud tersebut.

c) *Assesment Billing System (ABS)*

Analisis Audit terhadap data *ABS* mendapati daripada 430 sampel yang dipilih sebanyak 21 atau 4.9% pegangan yang dipilih belum dikemaskinikan ke data *ABS*. Semakan Audit seterusnya mendapati semua jenis pegangan rumah panjang langsung tidak terdapat dalam sistem berkenaan.

Selain itu, semakan juga mendapati sungguhpun kata laluan individu diberikan bagi tujuan kawalan, tetapi kata laluan umum juga diberikan kepada semua pegawai dan kakitangan Majlis. Kata laluan umum ini boleh digunakan antara lainnya untuk kemasukan data, membuat pindaan, memadamkan rekod dan mencetak bil. Temu bual dengan 2 orang kasyer juga mendapati mereka mengetahui kata laluan umum tersebut. Ini bermakna tidak ada kawalan dalaman dan pengasingan tugas antara kasyer dan pegawai yang dibenarkan memasukkan data ke *ABS*, membuat pindaan dan mengeluarkan bil. Keadaan ini berisiko tinggi dan boleh menyebabkan berlakunya penyelewengan. Adalah dicadangkan Majlis mengambil tindakan segera bagi mengemaskinikan data dan mengawal penggunaan kata laluan.

Pada pendapat Audit, penyelenggaraan rekod berkenaan harta pegangan bercukai kurang memuaskan kerana Buku Daftar L.A. 34, fail individu pegangan, data *ABS* tidak lengkap dan kemas kini serta penggunaan kata laluan yang tidak dikawal. Akibatnya, pindaan ke atas data boleh dibuat oleh mana-mana pegawai dan data yang ada diragui serta terdedah kepada penyelewengan.

40.2.5 Pelaksanaan Penilaian Semula Perkadaran

Mengikut Seksyen 63(4) *Local Authorities Ordinance 1996*, setiap Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah melaksanakan penilaian semula perkadaran di kawasan pentadbiran Majlis masing-masing setiap 5 tahun sekali. Mengikut rekod Majlis, pertama kali penilaian semula dilakukan ialah pada tahun 1996 iaitu selepas 31 tahun penilaian asal dilaksanakan. Kerja penilaian semula telah siap pada akhir tahun 1999 dan disahkan oleh KASKA pada tahun 2002 untuk dikuatkuasakan pada awal tahun 2003. Bagaimanapun ekoran daripada keputusan Kerajaan Negeri, perkadaran baru tersebut belum dilaksanakan sehingga akhir tahun 2006. Ini bermakna sudah 2 kali penilaian yang sepatut berdasarkan tempoh 5 tahun sekali dibuat penilaian dibuat tidak dilaksanakan. Akibatnya, cukai taksiran yang dikenakan tidak setimpal dengan nilai pasaran semasa.

Pada pendapat Audit, Majlis tidak mengenakan cukai taksiran berdasarkan nilai pasaran semasa kerana nilai yang digunakan ialah kadar sejak 41 tahun yang lalu. Kesannya, jika cukai taksiran dinilai pada harga pasaran akan memberi kejutan kepada pemilik pegangan kerana dijangka kenaikannya mendadak.

40.2.6 Pencapaian Sasaran

Majlis telah berusaha untuk mencapai sasaran pengukuran pegangan, pungutan cukai taksiran dan pungutan tunggakan cukai taksiran seperti berikut :


a) Pegangan Yang Telah Diukur Periksa

Oleh kerana Majlis tidak menyediakan buku pradaftar pegangan baru maka bilangan sebenar pegangan yang telah diukur periksa pada sesuatu tahun itu juga tidak dapat dikenal pasti. Bagi tujuan mengukur prestasi Majlis, Pihak Audit telah menggunakan bilangan borang ukur periksa yang diserahkan kepada KASKA pada sesuatu tahun sebagai perbandingan. Semakan Audit mendapati pada tahun 2004 sebanyak 134 borang ukur periksa telah dikemukakan oleh Majlis kepada KASKA. Pada tahun 2005 pula sebanyak 61 borang ukur periksa dikemukakan kepada KASKA manakala pada tahun 2006 sebanyak 485 borang ukur periksa dikemukakan kepada KASKA untuk tujuan penilaian. Mengikut penjelasan Majlis, perbezaan yang ketara dalam bilangan borang ukur periksa yang diserahkan kepada KASKA pada tahun tersebut berlaku disebabkan oleh faktor bilangan pegangan yang disiapkan oleh pemaju atau pemilik pegangan dalam tahun berkenaan.

b) Kutipan Cukai Taksiran Berbanding Anggaran

Pada tahun 2004 Majlis telah mengutip cukai taksiran bernilai RM411,182 atau 60.5% berbanding RM678,830 yang disasarkan. Manakala pada tahun 2005 bernilai RM499,533 atau 73% telah dikutip berbanding RM684,000 yang disasarkan dan pada tahun 2006 sejumlah RM515,973 atau 64.1% telah dikutip berbanding RM805,060 yang disasarkan. Majlis tidak dapat mencapai kutipan cukai taksiran seperti yang disasarkan pada tahun berkenaan kerana tindakan tegas tidak diambil oleh Majlis terhadap pembayar yang gagal menjelaskan cukai taksiran. Prestasi kutipan cukai taksiran adalah seperti di **Carta 19**.

Carta 19
Kutipan Cukai Taksiran (Tidak Termasuk Kutipan Tunggakan Cukai)
Berbanding Anggaran



Sumber: Penyata Kewangan Majlis Daerah Dalat Dan Mukah

c) Prestasi Kutipan Tunggakan Cukai Taksiran

Semakan Audit mendapati pada tahun 2004, Majlis berjaya mengutip sejumlah RM101,458 atau 8.9% berbanding RM1.14 juta yang tertunggak pada akhir tahun 2004. Manakala pada tahun 2005, sejumlah RM160,586 atau 14.7% telah berjaya dikutip berbanding RM1.09 juta yang tertunggak pada akhir tahun 2005. Pada tahun 2006 pula, Majlis telah berjaya mengutip sejumlah RM131,355 atau 11.6% berbanding RM1.13 juta yang tertunggak pada akhir tahun 2006. Mengikut rekod Majlis, usia tunggakan adalah di antara 1 hingga 45 tahun. Butiran lanjut seperti di **Jadual 95**.

Jadual 95
Usia Tunggakan Cukai Taksiran

Tempoh Tertunggak (Tahun)	Amaun Tertunggak (RM)
1 hingga 6	1,452,919
7 hingga 12	309,355
13 hingga 18	35,908
19 hingga 24	22,361
25 hingga 30	11,419
30 tahun ke atas	10,649
Jumlah	1,842,611

Sumber: Laporan Tunggakan Cukai Taksiran ABS Majlis


Berdasarkan maklumat *ABS*, tunggakan sehingga akhir tahun 2006 adalah bernilai RM1.84 juta. Bagaimanapun angka tersebut berbeza sejumlah RM0.71 juta dengan angka yang dinyatakan dalam Penyata Kewangan tahun 2006 (Penyata Tunggakan Hasil) yang hanya bernilai RM1.13 juta. Semakan Audit seterusnya mendapati perbezaan ini berlaku kerana terdapat kes yang mana pemiliknya telah membayar cukai taksiran tetapi tidak dikemas kini oleh Majlis dalam *ABS*. Sebagai contohnya, semakan Audit terhadap 150 sampel terimaan bernilai RM186,204 mendapati sebanyak 32 atau 21.3% daripada terimaan tersebut yang bernilai RM7,667 belum dikemaskinikan dalam *ABS*.

d) Kutipan Cukai Taksiran Berbanding Perbelanjaan Sebenar

Majlis telah mengutip sejumlah RM411,182 iaitu hanya 8% berbanding perbelanjaan sebenar yang bernilai RM4.94 juta pada tahun 2004. Manakala pada tahun 2005 kutipan sebenar cukai taksiran sejumlah RM499,533 iaitu hanya 9.6% berbanding perbelanjaan sebenar yang bernilai RM5.21 juta. Pada tahun 2006 pula kutipan sebenar cukai taksiran sejumlah RM515,973 iaitu hanya 9.9% berbanding perbelanjaan sebenar yang bernilai RM5.17 juta.

Peratusan kutipan sebenar cukai taksiran berbanding dengan perbelanjaan sebenar adalah kecil iaitu antara 8% hingga 9.9%. Ini menunjukkan hasil daripada kutipan cukai taksiran Majlis tidak mampu menanggung kos perbelanjaan Majlis. Oleh itu, Majlis memerlukan bantuan daripada Kerajaan Negeri untuk menampung defisit perbelanjaan operasinya. Majlis telah menerima bantuan dalam bentuk geran yang bernilai RM8.28 juta bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006. Justeru, Majlis perlu meningkatkan lagi usaha untuk mengutip cukai taksiran. Perbandingan kutipan cukai taksiran dengan perbelanjaan adalah seperti di **Carta 20**.

Carta 20
Kutipan Cukai Taksiran Berbanding Perbelanjaan Sebenar




Sumber: Penyata Kewangan Majlis Daerah Dalat Dan Mukah

e) Kutipan Cukai Taksiran Berbanding Pegangan

Pada tahun 2004 bilangan pegangan dalam kawasan perkadaran Majlis yang telah diukur periksa dan dinilai ialah sebanyak 7,737 unit. Angka ini telah meningkat sebanyak 53 unit atau 0.7% pada tahun 2005 iaitu kepada 7,790 unit. Manakala jumlah pegangan pada tahun 2006 meningkat sebanyak 773 unit atau 10% berbanding tahun 2005 iaitu kepada 8,563 unit.

Kutipan sebenar cukai taksiran pada tahun 2004 ialah sejumlah RM411,182. Pada akhir tahun 2005 angka ini telah meningkat sejumlah RM88,351 atau 21% berbanding tahun 2004 iaitu kepada RM499,533. Manakala pada tahun 2006 pula, kutipan sebenar cukai taksiran telah meningkat sejumlah RM16,440 atau 3.3% berbanding tahun 2005 iaitu kepada RM515,973 seperti di **Carta 21**.


Carta 21
Kutipan Cukai Taksiran Berbanding Pegangan



Sumber: Penyata Kewangan Majlis Daerah Dalat Dan Mukah

Perbandingan antara jumlah kutipan sebenar cukai taksiran dengan bilangan pegangan mendapati peningkatan dalam bilangan pegangan ada memberi kesan kepada peningkatan jumlah kutipan cukai taksiran. Bagaimanapun, kadar peratusan peningkatan bilangan pegangan dan peratusan peningkatan jumlah kutipan sebenar cukai taksiran adalah tidak setara untuk tahun 2005 dan 2006 seperti di **Carta 22**.

Carta 22
Perbandingan Peningkatan Peratusan Pegangan Dengan Peratus Kutipan Cukai Taksiran



Sumber: Penyata Kewangan Majlis Daerah Dalat Dan Mukah

Analisis lanjut mendapati perkara berikut :

- i) Bagi tahun 2005, bilangan pegangan hanya meningkat sebanyak 0.7% berbanding tahun 2004 tetapi kutipan sebenar cukai taksiran telah meningkat sejumlah 21%; dan
- ii) Bagi tahun 2006 pula, walaupun bilangan pegangan meningkat dengan lebih banyak lagi iaitu 10% berbanding tahun 2005 tetapi kutipan sebenar cukai taksiran hanya meningkat sejumlah 3.3%.

Peningkatan yang tidak setara dalam kadar peningkatan peratusan bilangan pegangan dan peratusan peningkatan jumlah kutipan sebenar cukai taksiran ini menggambarkan kegagalan Majlis mengutip bayaran cukai taksiran tahun semasa yang seterusnya mengakibatkan tunggakan tinggi pada akhir setiap tahun.

Pada pendapat Audit, prestasi kutipan cukai taksiran adalah memuaskan kerana kutipan sebenar melebihi 60% daripada yang disasarkan. Bagaimanapun prestasi kutipan tunggakan hasil tidak memuaskan kerana pencapaian kutipan hanya antara 8.9% hingga 14.7% dapat dikutip berbanding jumlah tunggakan. Majlis perlu mempertingkatkan kutipan tunggakan cukai taksiran dan mengambil tindakan tegas terhadap pemilik harta yang gagal menjelaskan cukai taksiran supaya hasilnya dapat dipertingkatkan dan tidak terlalu bergantung kepada bantuan daripada Kerajaan Negeri.

40.2.7 Jenis Cukai Taksiran Dan Jenis Pegangan

Bagi tujuan mengenal pasti semua jenis pegangan telah dikenakan kadar cukai taksiran dengan betul dan teratur, lawatan Audit telah dijalankan ke 26 lokasi meliputi 160 pelbagai jenis pegangan. Hasil daripada lawatan tersebut mendapati pegangan telah dikenakan kadar cukai bersesuaian dengan kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan oleh Majlis di kawasan berkenaan. Semua jenis pegangan telah dikenakan kadar bagi jenis cukai Tujuan Am iaitu kadar yang wajib untuk setiap pegangan. Manakala kadar bagi jenis cukai Penyenggaraan Jalan telah dikenakan terhadap kawasan yang mempunyai kemudahan jalan raya yang disenggarakan oleh Majlis. Kadar bagi jenis cukai Lampu Jalan juga telah dikenakan di kawasan yang menerima kemudahan lampu jalan dan kadar bagi jenis cukai Pungutan Sampah telah dikenakan di kawasan yang mendapat perkhidmatan pungutan sampah.

Pada Pendapat Audit, jenis cukai taksiran telah dikenakan dengan betul bersesuaian dengan perkhidmatan yang telah disediakan oleh Majlis.


40.2.8 Guna Tenaga Dan Latihan

Pengisian perjawatan serta latihan yang mencukupi merupakan faktor penting bagi menentukan kecekapan dan keberkesanan dalam menguruskan cukai taksiran. Pengurusan kakitangan dan latihan yang dilaksanakan oleh Majlis adalah seperti berikut:

a) Struktur Organisasi

Bahagian yang bertanggungjawab sepenuhnya dengan pengurusan cukai taksiran ialah Bahagian Penilaian dan Percukaian. Manakala kutipan hasil cukai taksiran dipertanggungjawab kepada Bahagian Perbendaharaan serta cawangannya di Daerah Dalat dan Daerah Balingian. Semakan Audit mendapati kesemua 10 perjawatan yang diluluskan bagi tahun 2004 hingga 2006 telah diisi sepenuhnya. Struktur Pengurusan Majlis yang terlibat dengan pengurusan cukai taksiran adalah seperti di **Carta 23**.

Carta 23
Struktur Pengurusan Bahagian Dan Cawangan Yang Terlibat
Dengan Pengurusan Cukai Taksiran



Sumber: Rekod Majlis Daerah Dalat Dan Mukah

Mengikut senarai tugas kakitangan di Bahagian Penilaian dan Percukaian, kerja mengukur pegangan dibuat oleh 4 orang pegawai iaitu seorang Pembantu Penilaian Gred W22, dua orang Pembantu Penilaian Gred W17 dan seorang Pembantu Rendah Awam Gred R1. Borang ukur periksa yang telah dilengkapkan disemak oleh seorang Penolong Pegawai Penilaian Gred W27. Bilangan borang ukur periksa yang siap dilengkapkan dan dihantar ke KASKA bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006 ialah antara 61 hingga 485 setahun. Sekiranya dibuat perbandingan antara bilangan borang yang telah dihantar ke KASKA dengan bilangan pegawai yang membuat kerja ukur periksa, secara puratanya seorang pegawai melengkapkan antara 15 hingga 121 borang sahaja dalam sesuatu tahun.

Pada pendapat Audit, sekiranya Majlis menguruskan guna tenaga dengan lebih cekap, bilangan pegangan yang siap diukur periksa dan borang ukur periksa yang dihantar ke KASKA boleh dipertingkatkan lagi.

b) Latihan

Bagi tujuan latihan kakitangan, Majlis telah membelanjakan sejumlah RM88,592 atau 94.3% daripada yang diperuntukkan pada tahun 2004. Pada tahun 2005 sejumlah RM46,770 atau 93.5% daripada yang diperuntukkan telah dibelanjakan. Pada tahun 2006 pula sejumlah RM49,849 atau 99.7% daripada yang diperuntukkan telah dibelanjakan. Sebanyak 28 jenis kursus telah dihadiri oleh kakitangan di Bahagian Perbendaharaan (Unit Kutipan Hasil), Bahagian Penilaian Dan Percukaian serta cawangan Majlis di Dalat dan Balingian bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006. Kursus berkenaan adalah berkaitan dengan cukai taksiran, pengurusan, *ICT* dan kewangan yang dianjurkan oleh Majlis, KASKA dan Agensi luar seperti Jabatan Ketua Menteri, *Centre For Modern Management*, *The Institution Of Surveyors*, *Sarawak Information System Sdn. Bhd.*, Institut Penilaian Negara (INSPEN), Majlis Perbandaran Sungai Petani, Kedah, Dewan Bahasa Dan Pustaka, *PANSAR Computer Services Sdn. Bhd.* dan *Neudimenxion Sdn. Bhd.*

Pemeriksaan Audit mendapati bagi tempoh tersebut, kesemua 10 kakitangan yang terlibat telah menghadiri kursus. Semakan Audit seterusnya mendapati 5 daripada 6 kakitangan yang terlibat secara langsung dengan pengurusan cukai taksiran telah menghadiri kursus berkaitan cukai taksiran. Manakala 4 kakitangan yang menjalankan tugas mengutip hasil telah menghadiri kursus berkaitan dengan kewangan dan seorang lagi pegawai yang terlibat dengan pengurusan cukai taksiran didapati telah menghadiri kursus berkaitan juga.

Pada pendapat Audit, pengurusan guna tenaga dan latihan yang dilaksanakan oleh Majlis adalah memuaskan kerana semua kakitangannya telah menghadiri kursus.

40.2.9 Kaedah dan Kawalan Kutipan Cukai Taksiran

Majlis boleh menerima bayaran dalam bentuk tunai, cek, draf bank, wang pos atau kiriman wang sama ada melalui kaunternya atau pos. Majlis juga telah menghantar kakitangannya ke rumah panjang bagi mengutip cukai taksiran. Adalah didapati semua 5 pegawai yang mengutip cukai taksiran telah diberi kuasa untuk menerima wang selaras dengan seksyen 61(1) *The Local Authorities Financial Regulations*. Majlis juga telah menyediakan daftar mel dengan teratur untuk merekodkan terimaan melalui pos dan mengeluarkan resit untuk mengakui terima bayaran tersebut.

Semakan terhadap 150 sampel terimaan bernilai RM186,204 mendapati perkara berikut:

- a) Sebanyak 102 terimaan bernilai RM175,564 telah diakui terima dengan sewajarnya iaitu dengan membuat cetakan komputer pada keratan bil cukai taksiran dengan menggunakan modul Sistem Pungutan Hasil. Daripada bilangan tersebut, sebanyak 3 atau 3% terimaan yang melibatkan 3 resit bernilai RM820 belum dikemaskinikan dalam ABS.
- b) Sebanyak 48 lagi terimaan bernilai RM10,640 telah diakui terima dengan resit (L.A. 54) yang ditulis secara manual. Daripada bilangan tersebut, sebanyak 29 atau 60% terimaan yang melibatkan 29 resit bernilai RM6,847 belum dikemaskinikan dalam ABS. Semakan lanjut mendapati sebanyak 6 daripada 29 terimaan tersebut yang bernilai RM209 tidak dikemaskinikan dalam ABS kerana merupakan cukai taksiran yang diterima daripada pemilik pegangan jenis rumah panjang. Data bagi jenis pegangan jenis rumah panjang belum dimasukkan dalam ABS dan oleh yang demikian bil cukai taksiran tidak dapat dikeluarkan melalui ABS. Butiran pemilik pegangan dan amaun perlu dibayar hanya dicatatkan oleh pegawai Majlis dalam 1 buku daftar untuk tujuan ini.
- c) Semua resit tersebut telah direkod dalam Buku Daftar L.A. 34, buku tunai (*Local Authority Revenue Collectors' Cash Receipts Book* - L.A. 14) dan dibankkan dengan betul dan teratur.

Pada pendapat Audit, kaedah dan kawalan kutipan cukai taksiran yang dilaksanakan oleh Majlis adalah memuaskan kerana semua kakitangan yang

ditugaskan mengutip hasil telah diberikan kuasa untuk menerima wang, terimaan telah diakui dengan resit atau cetakan pada keratan bil, kutipan dibankkan dengan segera dan resit telah direkodkan dalam Buku Daftar L.A.34 serta buku tunai dengan teratur.

Secara keseluruhan pelaksanaan pengurusan cukai taksiran masih kurang memuaskan kerana tunggakan cukai taksiran masih tinggi berbanding kutipan tahunan serta kelemahan menjalankan kutipan dan penguatkuasaan. Sungguhpun Majlis berusaha untuk meningkatkan sistem penyampaian melalui penggunaan perisian komputer bagi pengurusan cukai taksiran tetapi pelaksanaannya mempunyai kelemahan yang ketara terutamanya berkaitan dengan kesahihan data dan tidak ada kawalan penggunaan kata laluan. Selain itu, kutipan yang dibuat masih belum mampu untuk membiayai perbelanjaan operasinya.

40.3 PEMANTAUAN

Pemantauan yang berterusan adalah satu elemen yang penting untuk memastikan perancangan mengenai pengurusan cukai taksiran dan pelaksanaannya dibuat mengikut peraturan, garis panduan dan tatacara yang ditetapkan. Di peringkat Kementerian, pemantauan dibuat berdasarkan laporan yang dikemukakan oleh Majlis seperti Penyata Pungutan Cukai Bulanan dan Laporan Pulangan Bangunan Bercukai. Di peringkat Majlis pula, pengurusan cukai taksiran yang dijalankan oleh Bahagian Penilaian Dan Percukaian dipantau melalui Jawatankuasa Kewangan dan Perjawatan serta melalui Mesyuarat Penuh Majlis.

40.3.1 Kementerian Alam Sekitar Dan Kesihatan Awam (KASKA)

KASKA bertanggungjawab memantau pelaksanaan pengurusan cukai taksiran Majlis melalui Penyata Pungutan Cukai Bulanan dan Laporan Pulangan Bangunan Bercukai. Pada awal tahun 2005, KASKA telah mengeluarkan Surat Pekeliling Bilangan 2 Tahun 2005 kepada setiap Majlis supaya mengemukakan Penyata Pungutan Cukai Bulanan selewat-lewatnya pada setiap 15 hari bulan berikutnya dan Laporan Pulangan Bangunan Bercukai pada bulan Januari setiap tahun. Semakan Audit terhadap fail berkenaan Penyata Pungutan Cukai Bulanan bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006 mendapati Majlis ada mengemukakan penyata tersebut setiap bulan kepada KASKA seperti mana yang dikehendaki. Bagaimanapun, semakan Audit terhadap fail berkenaan Laporan Pulangan Bangunan Bercukai bagi tahun 2005 mendapati Majlis tidak ada mengemukakan laporan tersebut kepada KASKA pada bulan Januari 2006.

40.3.2 Mesyuarat Penuh Majlis

Mesyuarat penuh Majlis akan mengarahkan Jawatankuasa Kewangan Dan Perjawatan sekiranya ada tindakan berkaitan dengan cukai taksiran yang perlu diambil. Mengikut Seksyen 21(2) *Local Authorities Ordinance 1996*, Mesyuarat Penuh Majlis hendaklah diadakan sekurang-kurangnya 4 kali setahun. Pemeriksaan Audit mendapati pada tahun 2004 mesyuarat diadakan hanya 3 kali. Manakala pada tahun 2005 dan 2006, mesyuarat diadakan setiap suku tahun.

40.3.3 Jawatankuasa Kewangan dan Perjawatan

Jawatankuasa Kewangan dan Perjawatan ditubuhkan selaras dengan kehendak Seksyen 26 *Local Authorities Ordinance 1996*. Sebelum bulan September 2005, Jawatankuasa ini dinamakan sebagai Jawatankuasa Kewangan, Tender dan Perjawatan. Keahlian Jawatankuasa ini hendaklah mengandungi seorang Pengerusi serta beberapa orang ahli yang terdiri daripada kaunselor Majlis atau orang perseorangan yang difikirkan sesuai oleh Majlis. Jawatankuasa ini bertanggungjawab memantau kedudukan pungutan dan tunggakan cukai taksiran melalui Penyata Pungutan Cukai Bulanan yang telah disediakan oleh Bahagian Perbendaharaan. Mengikut jadual yang telah ditetapkan, Jawatankuasa akan bermesyuarat 4 kali setahun. Semakan Audit mendapati pada tahun 2005 sehingga 2006, Jawatankuasa Kewangan dan Perjawatan bermesyuarat setiap suku tahun kecuali pada tahun 2004 di mana jawatankuasa hanya bermesyuarat sebanyak 3 kali sahaja. Antara agenda mesyuarat tersebut adalah membincangkan prestasi pungutan dan tunggakan cukai taksiran, permohonan memansuhkan cukai taksiran, permohonan menghapus kira tunggakan cukai taksiran, permohonan rebat cukai taksiran, notis cadangan cukai pegangan serta kadaran dan sebagainya.

40.3.4 Penguatkuasaan Undang-Undang

Majlis ada mewujudkan Bahagian Penguatkuasaan untuk menjalankan pemeriksaan terhadap tahap kebersihan tamu dan pasar serta memastikan penjaja dan pusat hiburan beroperasi memiliki lesen perniagaan. Bagaimanapun, bahagian ini tidak dipertanggungjawabkan untuk menguatkuasakan undang-undang berkenaan dengan kutipan tunggakan cukai taksiran. Semakan Audit seterusnya mendapati penguatkuasaan undang-undang berkenaan dengan tunggakan cukai taksiran dipertanggungjawabkan kepada Bahagian Penilaian dan Percukaian. Bagi tujuan mengutip tunggakan cukai taksiran, tindakan yang diambil oleh Bahagian Penilaian dan Percukaian ialah setakat menghantar Surat Peringatan kepada pemilik pegangan yang gagal menjelaskan cukai taksiran. Adalah didapati sehingga akhir tahun 2006, Majlis belum pernah mengambil tindakan undang-undang terhadap pemilik pegangan yang

gagal menjelaskan tunggakan cukai taksiran. seperti mengkaveat atau melelong pegangan tersebut.

Pada pendapat Audit, pemantauan terhadap pengurusan cukai taksiran adalah mencukupi. Bagaimanapun, penguatkuasaan undang-undang untuk mengutip tunggakan cukai adalah lemah kerana terdapat pembayar cukai yang mempunyai tunggakan yang tinggi tetapi belum diambil tindakan undang-undang oleh Majlis.

41. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Berdasarkan kepada penemuan Audit, adalah didapati pengurusan cukai taksiran Majlis masih kurang memuaskan kerana kesan kepada tunggakan cukai yang tinggi telah mengakibatkan Majlis bergantung kepada pemberian geran Kerajaan Negeri untuk menjalankan fungsinya. Selain itu terdapat beberapa kelemahan dalam pengurusan rekod berkenaan dengan harta pegangan dan penguatkuasaan undang-undang terhadap pemilik pegangan yang gagal menjelaskan tunggakan cukai taksiran. Adalah disyorkan Majlis mengambil tindakan berikut :

- i) Membuat tinjauan secara berkala bagi mengenal pasti pegangan yang baru dibina atau telah dirobuhkan, menyediakan anggaran mengenai pegangan yang akan diukur periksa setiap tahun dan merancang jenis kursus latihan yang perlu dihadiri oleh kakitangannya;
- ii) Menyediakan Buku Pradaftar Pegangan Baru dan Laporan Pulangan Bangunan Bercukai serta mengemaskinikan fail individu pegangan, Buku Daftar(L.A.34) dan data ABS ;
- iii) Menetapkan tempoh masa tertentu bagi setiap proses kerja penetapan dan pengenaan cukai taksiran serta mengawal penggunaan kata laluan ABS;
- iv) Menghantar surat peringatan kepada pembayar yang gagal menjelaskan cukai taksiran mengikut tempoh masa yang ditetapkan dan mengambil tindakan yang lebih tegas untuk mengutip cukai taksiran tahunan serta tunggakannya; dan
- v) Menubuhkan Jawatankuasa Rayuan untuk mempertimbangkan kes rayuan terhadap cukai taksiran.
- vi) Menubuhkan unit penguatkuasaan yang khusus untuk mengutip tunggakan cukai taksiran.

BAHAGIAN II
PERKARA AM

BAHAGIAN II

PERKARA AM

42. PENDAHULUAN

Bagi memastikan tindakan pembetulan diambil oleh Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan terhadap perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara yang lalu, pemeriksaan susulan telah dijalankan di Kementerian/Jabatan/Agensi berkenaan. Di samping itu, susulan perkara berkenaan juga dibincangkan semasa Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri dan dibentang di Dewan Undangan Negeri. Bahagian ini mengandungi perkara berikut:

- a) Kedudukan masa kini perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2005.
- b) Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan.
- c) Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri.

43. KEDUDUKAN MASA KINI PERKARA YANG DIBANGKITKAN DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2005

43.1 KAJIAN AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI

Pada tahun 2005, sebanyak 8 aktiviti yang dilaksanakan oleh Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan telah dipilih untuk diaudit.

43.1.1 Kementerian Pembangunan Sosial Dan Urbanisasi

Pelaksanaan Aktiviti Kebudayaan

- i) Kursus muzik hanya menjurus kepada kelas muzik moden berbanding dengan kelas muzik tradisional.
- ii) Praktikum seni hanya mencapai 61% atau 495 peserta daripada seramai 810 peserta yang disasarkan pada tahun 2003, sebanyak 55% atau 540 peserta daripada seramai 990 peserta yang disasarkan pada tahun 2004. Manakala pada tahun 2005, praktikum seni tidak dijalankan. Rekod kehadiran peserta setiap

bulan bagi tempoh bulan Mac hingga Jun 2005, purata kehadiran peserta Kursus Tarian Tradisional hanya mencapai 25% berbanding dengan 102 peserta yang berdaftar. Kursus Teater pada bulan Mac hingga Jun 2005 dihadiri oleh seramai 5 atau 9.8% daripada 51 peserta yang mendaftar. Sasaran terhadap Bengkel Tarian adalah 30 atau 14.3% berbanding dengan 210 sasaran peserta dan 60 atau 28.6% peserta daripada 210 peserta yang disasarkan.

- iii) Kementerian tidak menetapkan sasaran penilaian terhadap objektif penganjuran yang diadakan di peringkat sekolah, belia lepasan sekolah, orang awam atau bilangan sasaran penonton. Aktiviti *ad hoc* juga dilaksanakan menyebabkan sasaran Kementerian tidak tercapai.
- iv) Struktur bangunan yang tidak sesuai kerana papan lantai telah usang dan atap yang bocor di Rumah Sri Kuching.
- v) Rekod pembelian kostum, alat tarian dan alat muzik juga tidak dikemaskini. Stor kostum, alat tarian dan alat muzik tidak tersusun dan tiada rekod diselenggara untuk menentukan jumlah dan harga pembeliannya. Harta Modal dan Inventori juga belum dicap "Hak Milik Kerajaan".
- vi) Kementerian belum mengambil tindakan untuk melupus peralatan muzik yang rosak dan peralatan tarian seperti kayu/besi yang buruk yang berlanggok di Rumah Sri Sarawak selaras dengan arahan yang terkandung dalam Memorandum Pekeliling Bersama bertarikh 10 Jun 1998 daripada Setiausaha Kewangan Negeri.
- vii) Pembelian terus tidak mengikut pelawaan sebut harga iaitu 10 baucar bernilai RM111,925. Lapan sebut harga yang bernilai RM281,593 tidak dibuat melalui Jawatankuasa Sebut Harga dan kaedah perolehan seperti tidak ada daftar sebut harga disediakan, tidak ada jadual sebut harga diterima, tidak ada laporan penilaian sebut harga dan keputusan pemilihan sebut harga/pembekal dibuat oleh Bahagian Kebudayaan tanpa merujuk kepada Kementerian.
- viii) Pemantauan terhadap pelaksanaan aktiviti tidak memuaskan kerana tidak ada laporan yang dikemukakan pada tahun 2005 dari Pejabat Bahagian dan pada tahun 2004 hanya 2 Pejabat Bahagian yang mengemukakan laporan masing-masing.

Kedudukan Masa Kini

- i) Kementerian telah memberi fokus yang lebih kepada bengkel Muzik Tradisional di Bahagian Bintulu, Sibu dan Kapit dan Bahagian lain melalui penganjuran program mengikut zon.
- ii) Kementerian telah bekerjasama dengan Dewan Bahasa dan Pustaka, Jabatan Kebudayaan, Kesenian Dan Warisan dan Jabatan Penyiaran mengenai aktiviti

kebudayaan, kesenian dan kesusasteraan. Hasilnya Kementerian telah berjaya melaksanakan hampir kesemua aktiviti terancang tahun 2006 dengan penyertaan hampir 100% di seluruh Negeri.

- iii) Sasaran Program Bengkel Tarian Kreatif telah diperluaskan ke peringkat Bahagian khususnya kepada pelajar sekolah dan lepasan sekolah. Sehubungan itu, Kementerian telah berjaya menganjurkan program tersebut dan melatih 40 jurulatih dari Persatuan Kaum, guru sekolah dan koreografer dan orang perseorangan dari Bahagian Limbang, Miri, Bintulu dan Mukah.
- iv) Kementerian ada membuat beberapa pembaikan secara berperingkat selaras dengan peruntukan yang ada pada Jabatan Kerja Raya dan Kementerian sendiri.
- v) Kementerian telah menyediakan garis panduan tentang pengurusan aset dan mengedarkannya kepada semua Bahagian. Daftar Aset alat muzik, kostum, peralatan tarian telah dikemaskinikan dan susun atur bilik penyimpanan telah dibuat dengan kemas dan teratur.
- vi) Kementerian telah melupuskan bahan dan alat kebudayaan dan kostum yang lapuk yang tidak boleh digunakan di Rumah Sarawak dan Rumah Sri Kuching mengikut peraturan yang ditetapkan.
- vii) Prosedur pengurusan kewangan telah dipatuhi selaras dengan garis panduan yang dikeluarkan oleh Kementerian.
- viii) Bagi memantapkan sistem pemantauan, Bahagian Kebudayaan telah mengadakan mesyuarat pagi di peringkat Bahagian Kebudayaan dan mesyuarat di peringkat Unit bagi memantau program operasi Bahagian Kebudayaan selain daripada mesyuarat pagi di peringkat Kementerian.

43.1.2 Jabatan Kerja Raya

Penyenggaraan Jalan Negeri

- i) Sehingga akhir tahun 2005, daripada sejumlah 4,731 kilometer Jalan Negeri, sepanjang 3,851 kilometer telah diserahkan kepada kontraktor untuk disenggara oleh kontraktor. Manakala bagi Bahagian Samarahan, Betong dan Sibu pula, daripada jumlah 1,506 kilometer, sepanjang 1,365 kilometer telah diserahkan kepada kontraktor.
- ii) Seramai 437 daripada 945 kakitangan yang bertugas di Seksyen Penyenggaraan Jalan yang terdiri daripada 119 kakitangan tetap dan 318 kakitangan kontrak telah berkhidmat dengan kontraktor di seluruh Bahagian Sarawak sehingga akhir tahun 2005. Pada tempoh yang sama, bagi Bahagian Samarahan, Betong dan Sibu, daripada sejumlah 222 kakitangan di Seksyen yang sama, seramai 173 orang iaitu 13 kakitangan tetap dan 160 kakitangan kontrak telah berkhidmat dengan pihak kontraktor.

- iii) Bagi Pada tempoh tahun 2003 hingga 2005, sebanyak 107 buah jentera, mesin dan *tipper truck* telah disewa dari Jabatan di seluruh Sarawak. Daripada jumlah tersebut, 40 buah adalah daripada Bahagian Samarahan, Betong dan Sibu.
- iv) Aktiviti penyenggaraan biasa banyak bertumpu kepada kerja membaiki permukaan jalan yang rosak, menampal lubang dan memotong rumput tetapi perhatian kurang diberi terhadap kerja penyenggaraan papan tanda dan perabot jalan serta mengecat semula garisan jalan yang pudar.
- v) Bagi penyenggaraan berkala tumpuan kurang diberi kepada kerja membaharu muka jalan, menyenggara bahu jalan termasuk melebarkannya.
- vi) Pemberian bagi menyenggara Jalan Negeri oleh Kerajaan Persekutuan adalah berdasarkan kepada jumlah panjang Jalan Negeri di dalam Sistem MARRIS yang tidak dikemas kini iaitu bernilai 2,915 kilometer. Kadar pemberian bulanan tersebut adalah RM1,695 bagi jalan berturap dan RM1,270 bagi setiap kilometer. Bagaimanapun jumlah akhir tahun 2004 adalah 4,731 kilometer.
- vii) Kadar bayaran RM1,800 bagi setiap kilometer jalan yang disenggara boleh disemak oleh kontraktor setiap 3 tahun sekali seperti yang dinyatakan dalam perjanjian kontrak.

Kedudukan Masa Kini

- i) Sehingga bulan Disember 2006, panjang Jalan Negeri telah bertambah menjadi 6,482 kilometer. Daripada jumlah tersebut, sepanjang 3,783 kilometer telah diserahkan kepada kontraktor untuk diselenggara. Bagi Bahagian Samarahan, Betong dan Sibu pula, panjang Jalan Negeri juga meningkat menjadi 1,608 kilometer dan sepanjang 1,321 kilometer telah diserahkan kepada kontraktor untuk diselenggara.
- ii) Pada akhir tahun 2006, seramai 351 kakitangan iaitu terdiri daripada 33 kakitangan tetap dan 318 kakitangan kontrak masih berkhidmat dengan kontraktor di seluruh Bahagian Sarawak. Sementara baki 86 orang telah kembali berkhidmat dengan Jabatan, bersara atau berhenti kerja. Bagi Bahagian Samarahan, Betong dan Sibu, kakitangan yang masih berkhidmat dengan kontraktor adalah seramai 173 orang iaitu 13 kakitangan tetap dan 160 kakitangan kontrak .
- iii) Setakat akhir tahun 2006, sebanyak 106 buah jentera, mesin dan *tipper truck* masih disewa dari Jabatan di seluruh Sarawak. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 41 unit adalah daripada Bahagian Samarahan, Betong dan Sibu.
- iv) Aktiviti penyenggaraan biasa terutamanya kepada kerja membaiki permukaan jalan yang rosak, menampal lubang dan memotong rumput di Jalan Negeri. Selain itu, kerja pembaikan papan tanda dan perabot jalan serta mengecat semula garisan jalan sedang dijalankan dari semasa ke semasa.

- v) Bagi penyenggaraan berkala tumpuan telah diberi kepada kerja membaharu muka jalan sepanjang 56 kilometer dan pemulihan jalan sepanjang 8 kilometer pada tahun 2006. Kerja ini sedang dan akan dilaksanakan pada tiap-tiap tahun secara berterusan.
- vi) Sehingga akhir tahun 2006, sepanjang 6,482 kilometer Jalan Negeri telah dikemaskini dalam sistem MARRIS.
- vii) Kadar bayaran RM1,800 bagi setiap kilometer jalan yang disenggara belum dikaji semula memandangkan kadar bayaran akan meningkat dengan mendadak.

43.1.3 JABATAN AGAMA ISLAM SARAWAK

PENGURUSAN KELAS AL-QURAN DAN FARDHU AIN (KAFA)

- i) Penggunaan borang permohonan mewujudkan Kelas KAFA tidak seragam dan tidak menggunakan Borang yang ditetapkan.
- ii) Sehingga akhir tahun 2005, pertambahan sebanyak 250 kuota kelas tidak diluluskan oleh pihak JAKIM dengan alasan Perbendaharaan Malaysia masih belum meluluskan peruntukan.
- iii) Pelaksanaan kurikulum KAFA di Sarawak adalah tidak menyeluruh dan tidak seragam.
- iv) Terdapat penyelia tidak memperbaharui kontrak perkhidmatan seperti mana yang ditetapkan dalam Garis Panduan Pelaksanaan KAFA. Terdapat juga penyelia disambung kontrak perkhidmatannya sehingga berumur 70 tahun.
- v) Tambahan penyelia sebanyak 8 orang bagi tahun 2005 belum diluluskan oleh JAKIM.
- vi) Semakan Audit terhadap rekod bilangan murid dan guru bagi 2 buah sekolah mendapati bilangan guru tidak mencukupi jika dibandingkan dengan bilangan pelajar.

Kedudukan Masa Kini

- i) Penggunaan borang bagi mewujudkan KAFA diselaraskan pada tahun 2006 dan telah dilaksanakan.
- ii) Sehingga kini pertambahan kuota kelas KAFA belum lagi diluluskan oleh JAKIM manakala JAIS akan mengemukakan permohonan dari semasa ke semasa.
- iii) Pelaksanaan kurikulum KAFA diakui tidak menyeluruh kerana program KAFA merupakan Program Pengukuhan. Ramai murid masih belum menguasai Sukatan Kementerian Pelajaran, maka guru dan pihak pengurusan KAFA sekolah menggunakan masa KAFA untuk memperkukuhkan dan mempertingkatkan penguasaan murid dalam Pendidikan Islam terutama sekali Tilawah Al-Quran.

- iv) JAKIM telah memberi kelonggaran untuk meneruskan perkhidmatan penyelia yang berumur melebihi 60 tahun sehingga 31 Disember 2006. Sehingga kini semua penyelia yang berumur 60 tahun ke atas telah ditamatkan perkhidmatan mereka pada 31 Disember 2006.
- v) Pertambahan penyelia yang dimohon belum lagi diluluskan oleh JAKIM.
- vi) Nisbah murid dan guru yang rendah di beberapa sekolah masih belum diselesaikan.

43.1.4 Jabatan Pertanian Sarawak

Program Pembangunan Industri Padi

- i) Sehingga akhir tahun 2005, Jabatan hanya membangunkan 3 daripada 16 kawasan yang diluluskan di bawah program pembangunan estet mini. Keluasan bagi 3 kawasan tersebut adalah 1,096 hektar iaitu hampir 50% daripada keseluruhan kawasan yang dicadang untuk dijadikan estet mini. Dua daripada 3 projek estet mini tersebut telah disiapkan manakala projek estet mini di Sungai Tekap seluas 226 hektar masih di peringkat perancangan dan penyediaan Laporan Kajian Teknikal.
- ii) Sehingga akhir tahun 2005, program penambahbaikan prasarana padi masih belum dilaksanakan di Sungai Kuyat, Sarikei dan Bukong-Marup, Sri Aman. Kesemua kerja penambahbaikan dijadualkan bermula pada bulan Julai 2005 dan siap pada bulan Jun 2006.
- iii) Pembangunan dan pembinaan pusat pengeluaran benih padi di Stumbin masih belum dimulakan.

Kedudukan Masa Kini

- i) Pihak Jabatan menerangkan bahawa 16 kawasan tersebut ialah kawasan yang sesuai untuk penanaman padi. Setakat ini hanya 3 kawasan telah diluluskan selepas menilai berbagai aspek seperti faktor ekonomi dan sosial hasil laporan pihak perunding yang dilantik dan tidak kesemua kawasan yang dikenal pasti dalam perancangan akan dibangunkan kerana kekurangan peruntukan. Projek estet mini di Sungai Tekap adalah pada peringkat kerja akhir untuk siap dibangunkan.
- ii) Pihak Jabatan menjelaskan bahawa kerja penambahbaikan prasarana padi di kawasan tersebut masih belum dimulakan. Setakat ini Jabatan telah mengambil langkah bagi penyediaan memanggil tender dan sebut harga berkaitan supaya projek dapat dilaksanakan pada RMKe-9.
- iii) Setakat ini pembinaan pusat pengeluaran benih padi belum bermula. Bagaimanapun, Jabatan berusaha untuk mempercepat dan mengutamakan projek

ini dalam RMKe-9. Pusat pengeluaran benih padi ini dijangka siap dibina dan boleh digunakan pada pertengahan RMKe-9.

43.1.5 Lembaga Pembangunan Dan Lindungan Tanah

Program Pemulihan Ladang Rumbia Di Bahagian Mukah

- i) Pelaksanaan komponen program tidak memuaskan kerana Lembaga belum mengambil tindakan terhadap kekurangan tenaga kerja ladang dan bekalan benih rumbia.
- ii) Lembaga tidak mengawal pelaksanaan terhadap aktiviti yang dijalankan dan telah mengakibatkan berlakunya kos tambahan perbelanjaan.
- iii) Lembaga belum mengambil tindakan untuk mengatasi masalah kekurangan sumber tenaga kerja. Di samping itu, kursus dan latihan yang secukupnya belum dijalankan bagi memantapkan lagi kemahiran pekerja ladang.

Kedudukan Masa Kini

- i) Masalah kekurangan tenaga kerja sedang diusahakan dengan pengambilan tambahan pekerja tempatan dan asing pada tahun 2006 dan awal tahun 2007. Manakala bagi masalah kekurangan bekalan benih rumbia usaha sedang dijalankan dengan penambahan tapak semeaian iaitu kepada 3 tapak di setiap ladang rumbia dan melantik agen bagi membekal dan melaksanakan pengumpulan dan penghantaran benih rumbia dengan lebih cekap dan berkesan.
- ii) Kos tambahan perbelanjaan adalah disebabkan oleh faktor yang berlaku di luar jangkaan. Antara faktor tersebut adalah pembinaan infrastruktur yang memerlukan kos tambahan disebabkan banjir, kos bahan pembajaan yang meningkat, kos tenaga kerja yang meningkat dan kos kawalan perosak yang tidak dirancang. Secara amnya, tiada pertambahan kos perbelanjaan yang berlaku ke atas aktiviti yang dirancang kerana pihak Lembaga telah melaksanakan kawalan ke atas perbelanjaan bagi setiap ladang rumbia. Pertambahan dalam peruntukan dana yang telah diluluskan adalah menggunakan lebihan dana dari satu projek ke projek yang lain di mana lebihan dana tersebut belum digunakan atas sebab pelaksanaan aktiviti yang belum dapat dijalankan.
- iii) Masalah kekurangan sumber tenaga kerja sedang diusahakan dengan pengambilan tambahan tenaga kerja. Dalam usaha untuk memantapkan lagi kemahiran pekerja ladang, empat jenis kursus dan latihan tambahan telah diadakan pada akhir tahun 2006 dan awal tahun 2007.

43.1.6 Lembaga Air Kuching

Pengurusan Loji Rawatan Air

- i) Kekosongan jawatan Timbalan Pengurus Besar Gred J52 boleh menjejaskan kelicinan pelan beralihan (*succession plan*).
- ii) Lembaga perlu meluaskan skop dokumen prosedur Kualiti MS ISO 9001:1994 yang sedia ada kepada Loji Matang.
- iii) Kelemahan Loji II Batu Kitang di mana 2 buah *Sludge Travelling Bridge* dengan kos RM0.46 juta tidak berfungsi sejak tahun 1999.

Kedudukan Masa kini

- i) Jawatan ini belum diisi kerana masih menunggu pertimbangan dan kelulusan pihak JPA.
- ii) Lembaga belum meluaskan skop dokumen kualiti yang telah dinaiktaraf ke MS ISO 9001:2000 ke Loji Matang.
- iii) Lembaga sedang mengambil langkah untuk menghapuskan 2 unit *sludge travelling bridge* yang telah *beyond economic repair*. Pembersihan tangki pemendapan secara manual akan diteruskan sehingga kajian menaiktarafkan loji II dijalankan.

43.1.7 Majlis Daerah

Pengkomputeran Di Majlis Daerah

- i) Sehingga penghujung tahun 2005, sebanyak 63 Majlis Daerah belum melaksanakan sepenuhnya sistem pengkomputeran berkenaan walaupun pemasangan sistem telah siap dilakukan.
- ii) Tahap penggunaan sistem e-LA amat rendah walaupun kemudahan infrastruktur rangkaian komunikasi seperti satelit di kawasan luar bandar telah disediakan oleh Kerajaan Negeri. Ini adalah kerana pendedahan terhadap penggunaan internet kepada orang awam masih terhad.
- iii) Bayaran penyenggaraan perisian bernilai RM106,250 setahun adalah merupakan khidmat asas sahaja dan tidak termasuk penyenggaraan sistem secara berkala oleh vendor yang sepatutnya ditetapkan dalam spesifikasi kontrak penyenggaraan.
- iv) Pihak Kementerian dan Unit Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (UTMK) kurang membuat pemantauan terhadap penggunaan sistem.

Kedudukan Masa kini

- i) Pelaksanaan sistem pengkomputeran di Majlis Daerah telah meningkat di mana sehingga akhir tahun 2006 hanya 7 Majlis yang belum menggunakan sistem pengkomputeran secara sepenuhnya.
- ii) Penggunaan sistem e-LA masih rendah dan sehingga bulan Februari 2007 hanya 4 Majlis mengaktifkan sistem ini. Bagaimanapun, tiada transaksi dilakukan dengan sepenuhnya melalui sistem ini.
- iii) Majlis masih perlu menanggung perbelanjaan untuk tujuan penyenggaraan dari segi teknikal dan operasi sistem.
- iv) Maklum balas daripada pihak Majlis mendapati pihak Kementerian atau UTMK tidak pernah membuat lawatan khusus untuk memantau pengoperasian sistem.

43.1.8 Majlis Bandaraya Miri

Projek Pembinaan Dan Pengendalian Tapak Pelupusan Sampah

- i) Pelupusan sampah tidak mengikut sistem sanitary *landfill* yang sebenar iaitu memampatkan sampah dan menimbunya dengan tanah setiap hari. Penalti yang sewajarnya tidak dikenakan bagi kerja penimbunan yang tidak dibuat setiap hari mengikut surat perjanjian.
- ii) Tidak ada stor disediakan untuk menyimpan bahan kimia yang digunakan semasa proses rawatan seperti *Hydrated Lime*, *Ferric Sulphate* dan *Polymer*. Bahan kimia hanya disimpan bersebelahan dengan loji dan terdedah kepada cuaca panas dan hujan. Amalan ini boleh menjejaskan kualiti bahan kimia tersebut.
- iii) Kapasiti loji tidak mampu merawat air dari kolam anaerobic sehingga air yang tidak dirawat melimpah ke kolam anaerobic dan seterusnya ke kolam settling. Keupayaan loji merawat air sisa sampah hendaklah ditingkatkan supaya selaras dengan kapasiti air sampah yang ada.

Kedudukan Masa Kini

- i) Pihak Majlis telah memberi kerja-kerja pelupusan sampah kepada kontraktor yang baru pada tahun 2006 hingga 2007 untuk menggantikan kontraktor sebelumnya kerana gagal mematuhi syarat-syarat dalam kontrak.
- ii) Stor untuk menyimpan *Hydrated Lime* telah disediakan. Bagaimanapun, bahan kimia seperti *Ferric Sulphate* dan *Polymer* masih diletakan di kawasan lapang bersebelahan stor menyimpan *Hydrated Lime*.
- iii) Pihak Majlis sedang menambahbaik sistem penapisan yang sedia ada seperti membina *Proposed Filter Bed Container* supaya air sisa sampah yang berlebihan di kolam anaerobic dialirkan meneruskannya ke kolam aerobik bagi memastikan paras air takungan tidak melimpah keluar, *Effluent Filter Tanks* untuk menapis air

yang telah dirawat peringkat akhir sebelum dilepaskan ke sungai dan memasang pam lengkap dengan sistem paip.

44. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI DAN KAJIAN KHAS KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI

Mengikut Perkara 112A(1) Perlembagaan Persekutuan, Laporan Ketua Audit Negara mengenai Akaun Kerajaan Negeri yang telah diaudit hendaklah dibentangkan seberapa segera di Dewan Undangan Negeri. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Akaun Awam Dan Aktiviti Kementerian Dan Jabatan Negeri Sarawak bagi tahun 2005 telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Sarawak pada bulan Mei 2007.

45. MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

Sehingga bulan Disember 2006, Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri telah bermesyuarat sebanyak 2 kali untuk membincang Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Akaun Awam Serta Aktiviti Kementerian/Jabatan dan Agensi Kerajaan Negeri Sarawak bagi laporan Audit tahun 2004. Semasa membincangkan perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara, Pegawai Pengawal bagi Kementerian/Jabatan dan Agensi Kerajaan yang berkenaan telah diminta hadir untuk menjelaskan isu-isu yang dibangkitkan oleh Jawatankuasa seperti di **Jadual 96**.

Jadual 96
Isu-isu Yang Dibangkitkan Oleh Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri

Tarikh	Topik Yang Dibincang Semasa Mesyuarat	Kementerian/Jabatan/Agensi Terlibat
30 Oktober 2006	Projek Pembinaan Jalan Pesisiran Pantai Dari Balingian Ke Bintulu	Jabatan Kerja Raya Sarawak
	Pembangunan Tapak Dan Penjualan Lot Industri Estet Perindustrian Kemena	Lembaga Kemajuan Bintulu
	Pengurusan Pengeluaran Lesen Dan Kutipan Royalti Bahan Bantuan	Jabatan Tanah Dan Survei Sarawak
	Program Pembangunan Pusat Pertumbuhan Desa	Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sarawak
31 Oktober 2006	Program Institut Pertanian Sarawak	Jabatan Pertanian Sarawak
	Pembangunan Dan Pengurusan Taman Negara	Jabatan Perhutanan Sarawak
	Pengurusan Premis Perniagaan Majlis Daerah Sri Aman	Majlis Daerah Sri Aman

Sumber : Fail Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Sarawak

Sehingga Mei 2007, Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam belum bermesyuarat lagi. Selaras dengan peranan Jawatankuasa untuk memastikan wujudnya akauntabiliti awam, Jawatankuasa hendaklah lebih kerap bermesyuarat membincang Laporan Ketua Audit

Negara yang terkini, membuat lawatan ke tapak projek dan anak syarikat Kerajaan Negeri, mengkaji isu-isu lama yang belum selesai, membincang isu semasa yang mempunyai kepentingan umum serta memastikan syor Jawatankuasa diambil tindakan oleh Ketua-ketua Kementerian/Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun, Jawatankuasa Kira-kira Wang Negeri telah menjalankan aktiviti-aktiviti seperti di **Jadual 97**.

Jadual 97
Aktiviti Lain Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri

Tarikh	Aktiviti
08-10 Februari 2007	Lawatan kerja Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Melaka
15 hingga 17 Mac 2007	Lawatan muhibah/sambil belajar Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Sabah
24 April 2007	Seminar Pengurusan Kewangan Untuk Ahli-ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri seluruh negara
26 hingga 29 April 2007	Lawatan kerja Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Kedah

Sumber : Fail Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Sarawak

PENUTUP

PENUTUP

Pada prinsipnya, Kerajaan Negeri telah mewujudkan dasar, undang-undang dan peraturan yang mencukupi untuk memastikan pelaksanaan aktiviti dan program dibuat dengan cekap dan berkesan bagi mencapai matlamat yang ditetapkan. Sungguhpun demikian, secara keseluruhannya pengauditan terhadap aktiviti Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan Negeri masih wujud kelemahan khususnya dari segi pelaksanaan dan pemantauan. Tahap pencapaian aktiviti dan program masih belum tercapai kerana masih terdapat kelemahan yang ketara jika dibandingkan dengan teguran yang terkandung dalam Laporan-laporan Ketua Audit Negara. Laporan ini telah membangkitkan isu mengenai pengurusan perolehan, pelaksanaan projek, peningkatan kos, kerja tidak mengikut spesifikasi dan pencapaian matlamat program/aktiviti. Kelemahan ini wujud adalah disebabkan kelemahan pemantauan yang tidak konsisten, peruntukan kewangan yang tidak mencukupi, kekurangan guna tenaga dan latihan serta tiada budaya penyenggaraan telah menyebabkan berlakunya pembaziran wang awam.

Sungguhpun pihak yang berkenaan telah mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap teguran pihak Audit namun masih ada sebahagian daripadanya yang masih belum ditangani. Pegawai Pengawal adalah disyorkan menjalankan pemeriksaan dan pemantauan menyeluruh bagi menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku di tempat lain atau bahagian lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan sewajarnya.

JABATAN AUDIT NEGARA

Putrajaya

9 Ogos 2007